
APPGM-SDG

PERSATUAN PROMOSI MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020



KOMPILASI LAPORAN PEMETAAN ISU KAWASAN PARLIMEN 2026

JILID 1: ZON UTARA

Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1: Zon Utara)

Disunting Oleh:
Siti Nur Ain Zakinuddin
Hirzawati Atikah Mohd Tahir

Laporan Disediakan Oleh:
Thanaraj Murudi

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia
Berkenaan Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG)

Diterbitkan oleh:

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8, 46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

© 2026 Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa jua cara, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanikal yang lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penerbit, kecuali bagi petikan ringkas yang terkandung dalam ulasan kritikal dan kegunaan bukan komersial tertentu yang lain yang dibenarkan oleh undang-undang hak cipta.

Penafian: Pandangan dan pendapat yang dinyatakan dalam penerbitan ini adalah milik pengarang dan tidak semestinya mencerminkan dasar atau pendirian rasmi pihak penerbit.

ISBN: 978-629-7752-52-5

Sidang Editorial	
Penyunting	Siti Nur Ain Zakinuddin Hirzawati Atikah Mohd Tahir
Penulis	Thanaraj Murudi
Pereka Kulit	Hirzawati Atikah Mohd Tahir
Pereka Letak	Hirzawati Atikah Mohd Tahir

Isi Kandungan













Kata Aluan



YB TUAN RUSHDAN RUSMI
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Padang Besar (P.001)

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, penerbitan *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1: Zon Utara)* dapat direalisasikan. Bagi saya, usaha ini amat penting kerana pembangunan yang baik mesti bermula dengan mendengar suara rakyat. Kita tidak boleh hanya melihat angka dan statistik di atas kertas tanpa memahami apa yang sebenarnya berlaku dalam kehidupan masyarakat.

Pada hemat saya, pemetaan isu bukan sekadar suatu proses mengumpulkan senarai permasalahan di sesuatu kawasan. Sebaliknya, pemetaan isu ini memberi ruang untuk kita turun ke lapangan, mendengar sendiri pandangan masyarakat dan memahami masalah yang mereka hadapi.. Isu yang mungkin kelihatan kecil daripada sudut pentadbiran, kadangkala memberi kesan besar kepada kehidupan seharian rakyat. Ada juga masalah yang telah berlarutan bertahun-tahun dan memerlukan kerjasama pelbagai pihak untuk diselesaikan secara kolektif dan tersusun. Atas sebab itu, saya melihat laporan ini bukan sekadar himpunan permasalahan. Ia adalah gambaran sebenar kehidupan masyarakat di akar umbi dan suara rakyat yang perlu kita ambil serius.

Dapatan lapangan yang diperolehi dan telah dimuatkan dalam *Kompilasi* ini memperlihatkan bahawa Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bukan semata-mata agenda global, tetapi mempunyai kaitan langsung dengan kehidupan masyarakat di peringkat tempatan. Banjir, kemiskinan, pekerjaan, pendidikan, kesihatan, alam sekitar, pengangkutan, keselamatan dan peluang ekonomi merupakan sebahagian daripada realiti cabaran SDG yang perlu kita tangani bersama. Semua ini adalah isu rakyat.

Dan apabila kita bercakap tentang pembangunan, ukuran akhirnya bukan sekadar berapa banyak projek yang dilaksanakan, tetapi sejauh mana pembangunan itu benar-benar menyelesaikan masalah dan meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Saya berharap kompilasi ini dapat menjadi rujukan yang berguna kepada Ahli-ahli Parlimen, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan, penyelidik, pemimpin masyarakat serta semua pihak yang terlibat dalam merancang pembangunan.

Lebih penting, saya berharap dapatan dalam laporan ini tidak berhenti sebagai dokumentasi. Setiap isu yang dikenal pasti perlu dilihat dengan serius, ditentukan keutamaannya dan, sedaya upaya, diterjemahkan kepada tindakan serta penyelesaian yang nyata.

Kita mungkin tidak mampu menyelesaikan semua masalah dalam satu masa. Namun, sekurang-kurangnya kita perlu memastikan bahawa masalah yang telah dikenal pasti tidak terus dibiarkan tanpa tindakan.

Saya percaya pendekatan pembangunan yang baik ialah pembangunan yang bermula daripada realiti di lapangan, melibatkan masyarakat dan dilaksanakan secara bersama. Kerajaan, wakil rakyat, agensi, pihak swasta, pertubuhan masyarakat serta komuniti masing-masing mempunyai peranan.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh pasukan APPGM-SDG, para penyelidik, Sekretariat, Ahli-ahli Parlimen, komuniti akar umbi, agensi kerajaan dan semua pihak yang telah menyumbang masa, tenaga, pandangan dan kepakaran dalam menjayakan gerak kerja ini. Semoga usaha yang bermula dengan mendengar suara rakyat ini dapat diteruskan dengan tindakan yang membawa perubahan yang lebih adil, inklusif dan mampan untuk masyarakat serta negara.

Sekian, terima kasih.

Prakata



PUAN NUR RAHMAH OTHMAN
Pengarah Eksekutif APPGM-SDG

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals, SDG*) bermula dengan memahami bagaimana keutamaan pembangunan nasional dirasai oleh masyarakat dalam kehidupan harian mereka. Walaupun dasar-dasar nasional yang menetapkan hala tuju untuk pembangunan, ia adalah di peringkat-peringkat komuniti, daerah dan kawasan parlimen di mana realiti cabaran-cabaran ketaksamaan, akses kepada perkhidmatan, mata pencarian kehidupan dan alam sekitar dihadapi secara langsung. Di sini dasar-dasar pembangunan bertemu dengan realiti-realiti masyarakat dan komuniti, dan di mana jurang antara niat dasar dan pengalaman hidup kerap kali paling terlihat.

Sejak penubuhannya, Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia untuk Matlamat Pembangunan Mampan (*All-Party Parliamentary Group Malaysia on SDGs, APPGM-SDG)* telah berusaha untuk memahami realiti-realiti ini dengan lebih baik menerusi pemetaan isu di peringkat kawasan parlimen. Dari tahun ke tahun, kita telah mempunyai peluang untuk berjumpa komuniti, mendengar suara akar umbi, menjalankan proses libaturus dengan pelbagai pihak berkepentingan dan mencatatkan isu-isu yang memberi kesan kepada masyarakat dalam kehidupan harian mereka. Pengalaman-pengalaman ini telah mengingatkan kita bahawa pembangunan mampan tidak dapat digerakkan dari atas ke bawah semata. Ia harus bermula dengan pemahaman yang benar tentang masyarakat, tempat dan keadaan yang ingin kita menyokong.

Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1-6) yang meliputi 16 kawasan parlimen adalah sebahagian daripada proses yang berterusan ini. Dengan membawa bersama dapatan daripada kawasan parlimen yang berlainan, ia membolehkan kita untuk melihat menjangkaui kes-kes individu dan mengenalpasti corak-corak pola yang lebih umum dan luas, cabaran-cabaran bersama dan realiti yang unik di kawasan-kawasan yang berlainan. Terdapat isu yang sama merentasi kawasan-kawasan parlimen, manakala ada yang akan dibentuk oleh faktor-faktor geografi,

ekonomi tempatan, akses kepada infrastruktur, keperluan-keperluan komuniti dan kapasiti institusi-institusi tempatan.

Untuk APPGM-SDG, proses pemetaan isu bukan sekadar mendokumentasikan masalah. Ia adalah untuk memahami mengapa terdapat isu-isu yang masih berterusan, mengenali apa yang sudah dilakukan oleh komuniti-komuniti untuk menangani isu-isu ini, dan mengenalpasti di mana penyelarasan atau sokongan yang lebih baik diperlukan. Dapatan-dapatan ini dapat membantu mengukuhkan perbincangan dan kerjasama antara Ahli-ahli Parlimen, agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak berkuasa tempatan, organisasi masyarakat sivil, dan lebih penting lagi, komuniti itu sendiri.

Seiring dengan berlangsungnya perjalanan penyetempatan APPGM-SDG, peranan bukti dan dapatan di peringkat lapangan menjadi kian mustahak. Dapatan-dapatan yang terdapat dalam *Kompilasi* ini dapat memberikan perspektif-perspektif yang berguna untuk perbincangan dasar, pembangunan program dan agihan peruntukan sumber, sambil membantu pembuat keputusan menghargai dengan lebih baik keperluan dan keutamaan merentasi kawasan-kawasan yang berlainan.

Dapatan-dapatan ini seharusnya mendorong kita untuk bertanya apa lagi yang boleh dilakukan di peringkat dasar dan institusi. Kebanyakan isu yang ditemui bukan sesuatu yang baru, dan ada antaranya yang memerlukan tindakan yang menjangkaui kapasiti komuniti-komuniti atau pihak-pihak tempatan secara sendirinya. Kita berharap yang dapatan yang diperolehi menerusi proses ini akan dipertimbangkan oleh kementerian dan agensi yang berkaitan, khususnya dalam menyemak semula program-program sedia ada, menguatkan lagi pelaksanaan dan menggerakkan sumber-sumber ke tempat mana yang paling diperlukan. Pemetaan isu tidak seharusnya berakhir dengan mengenal pasti masalah sahaja; ia harus membantu membentuk suatu hala tuju yang lebih jelas bagi mencapai tindakan dan akauntabiliti.

Saya berharap *Kompilasi* ini akan dilihat sebagai lebih daripada pengumpulan dapatan semata. Di sebalik setiap isu yang dicatat adalah masyarakat, komuniti dan pengalaman hidup yang sebenar. Suara mereka harus terus membimbing kita dalam cara kita berfikir tentang pembangunan dan di mana kita menghalakan usaha-usaha kolektif kita.

Semoga *Kompilasi* ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih baik tentang komuniti-komuniti kita, dan akhirnya, untuk mencapai suatu perjalanan pembangunan yang lebih terangkum di mana tiada kawasan, komuniti atau individu yang ditinggalkan.

Pengenalan



DR. THANARAJ MURUDI
Ketua Zon Utara

Skop Pemetaan Isu APPGM-SDG bagi Tahun 2026

Saya berbesar hati dapat berkongsi penerbitan *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1: Zon Utara)* yang merangkumi tiga kawasan Parlimen, iaitu Batu Gajah di Perak, serta Padang Serai dan Pokok Sena di Kedah. Sebanyak 16 kawasan parlimen baru terlibat dalam gerak kerja tahun 2026. Taburan kawasan merentas enam zon dan wilayah ditunjukkan di Rajah 1.

Rajah 1. Kawasan Parlimen Baru yang Terlibat dengan APPGM-SDG bagi Tahun 2026



Kajian pemetaan isu ini merupakan usaha untuk mendengar dan memahami isu yang dihadapi masyarakat secara langsung di lapangan. Melalui perbincangan bersama komuniti, lawatan lapangan dan libat urus dengan pemimpin serta agensi berkaitan, pelbagai isu sosial, ekonomi, infrastruktur dan alam sekitar dikenal pasti dan didokumentasikan.

Parlimen Batu Gajah, Padang Serai dan Pokok Sena mempunyai latar belakang, struktur komuniti dan cabaran pembangunan yang berbeza. Namun, persamaan yang jelas

adalah keperluan untuk memastikan pembangunan sampai kepada masyarakat dan tidak meninggalkan mana-mana kumpulan. Di Batu Gajah, antara perkara yang perlu diberikan perhatian termasuk isu keselamatan dan keadaan jalan, penyelenggaraan kemudahan awam dan pasar, kemudahan pencahayaan, sistem saliran dan banjir, pencemaran sungai, rumah terbiar serta keperluan meningkatkan akses kepada pengangkutan awam. Di Padang Serai, suara masyarakat mengetengahkan cabaran berkaitan banjir kilat dan hakisan tebing sungai. Perbincangan bersama komuniti menyampaikan isu pencemaran, kemudahan sukan dan rekreasi, konflik manusia dengan hidupan liar, masalah paip dan bekalan air serta kesan aktiviti pembangunan dan pengkuarian terhadap persekitaran. Sementara itu, Pokok Sena memperlihatkan keperluan untuk memperkukuh aspek ekonomi dan kesejahteraan komuniti, termasuk cabaran yang dihadapi oleh peniaga kecil, wanita dan golongan rentan.

Matlamat utama APPGM-SDG bukan untuk menghasilkan sebanyak mungkin laporan, tetapi untuk memastikan setiap kajian membawa kepada tindakan dan setiap tindakan membawa perubahan yang bermakna kepada rakyat. Kajian pemetaan isu menjadi titik permulaan kepada proses pengenalpastian masalah utama, membina penyelesaian tempatan, memperkukuh kerjasama antara agensi dan komuniti serta menghubungkan isu setempat dengan dasar pembangunan yang luas. Ia adalah satu proses membawa suara masyarakat ke perancangan pembangunan dan mencari penyelesaian yang lebih bersasar, inklusif dan berterusan.

Saya berharap penerbitan ini dapat menjadi rujukan kepada Ahli Parlimen, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, organisasi masyarakat sivil dan komuniti dalam memahami keutamaan setempat serta merangka tindakan yang memberi impak kepada rakyat. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua pihak yang telah memberikan kerjasama dan komitmen sepanjang proses kajian pemetaan isu yang dijalankan.

“Daripada pemetaan kepada tindakan,
Daripada suara masyarakat kepada penyelesaian.”

Sekian, terima kasih.

Jadual 1. Senarai 16 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2026

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1.	Utara	Pokok Sena	P.008	YB Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya	PN-PAS	Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena	Dr. Thanaraj Murudi
2.	Utara	Padang Serai	P.017	YB Dato' Azman bin Nasrudin	PN-BERSATU	Pejabat Daerah dan Tanah Kulim	Dr. Thanaraj Murudi
3.	Utara	Batu Gajah	P.066	YB Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu	PH-DAP	Pejabat Daerah dan Tanah Kinta	Dr. Thanaraj Murudi
4.	Pantai Timur	Pengkalan Chepa	P.020	YB Datuk Dr. Ahmad Marzuk bin Shaary	PN-PAS	Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu	Nur Syadhira Mohd Razali
5.	Pantai Timur	Kubang Kerian	P.024	YB Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man	PN-PAS	Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu	Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin
6.	Pantai Timur	Kuala Terengganu	P.036	YB Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim	PN-PAS	Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Terengganu	Nur Syadhira Mohd Razali
7.	Pantai Timur	Jerantut	P.081	YB Ir. Ts. Hj. Khairil Nizam bin Khirudin	PN-PAS	Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut	Nur Syadhira Mohd Razali
8.	Pantai Timur	Rompin	P.091	YB Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah	PN-BERSATU	Pejabat Daerah dan Tanah Rompin	Nur Syadhira Mohd Razali
9.	Tengah	Puchong	P.103	YB Puan Yeo Bee Yin	PH-DAP	Pejabat Daerah dan Tanah Petaling; Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ)	Dr. Teo Lee Ken

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
10.	Tengah	Putrajaya	P.125	YB Dr. Radzi Jidin	PN-BERSATU	Jabatan Wilayah Persekutuan; Perbadanan Putrajaya (PPj)	Nurul Syaza Mazelan
11.	Selatan	Kota Melaka	P.138	YB Tuan Khoo Poay Tiong	PH-DAP	Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah	Siti Noraiysah Rohim
12.	Sabah	Sepanggar	P.171	YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud	PH-PKR	Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
13.	Sabah	Batu Sapi	P.185	YB Tuan Khairul Firdaus bin Akbar Khan	GRS	Majlis Perbandaran Sandakan (MPS)	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
14.	Sarawak	Petra Jaya	P.194	YAB Datuk Amar Haji Fadillah bin Haji Yusof	GPS-PBB	Pejabat Residen Bahagian Kuching; Pejabat Daerah Kuching; Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)	Raine Melissa Riman
15.	Sarawak	Sri Aman	P.202	YB Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi	GPS-PRS	Pejabat Residen Bahagian Sri Aman; Pejabat Daerah Sri Aman; Pejabat Daerah Pantu; Pejabat Daerah Lingga; Majlis Daerah Sri Aman	Raine Melissa Riman
16.	Sarawak	Sibu	P.212	YB Tuan Oscar Ling Chai Yew	PH-DAP	Pejabat Residen Bahagian Sibu; Pejabat Daerah Sibu; Majlis Perbandaran Sibu; Majlis Daerah Luar Bandar Sibu	Raine Melissa Riman

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **1 – 15**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **19– 25**

1.1 Geografi/Topografi 19

1.2 Komposisi Penduduk 20

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 21

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 23

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **26 – 28**

2.1 Pendekatan Kajian 26

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 27

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 27

2.4 Keterbatasan Kajian 28

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **29 – 38**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **39 – 109**

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-Isu 39

4.2 Pengutamaan Isu 102

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **110**

6.0 RUJUKAN **112**

P.008
Pokok Sena

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.008 Pokok Sena

LAWATAN PEMETAAN ISU 2026 - POKOK SENA

24 - 27 APRIL 2026
(JUMAAT - ISNIN)

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN POKOK SENA, YB DATO' HAJI AHMAD SAAD @ YAHAYA



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1 | 24 APRIL 2026

1. FGD 1: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Bukit
2. FGD 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Nawa
3. FGD 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Baru Bukit Pinang

HARI 2 | 25 APRIL 2026

4. FGD 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Taman Puteri
5. FGD 5: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Sungai Durian
6. FGD 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Terong Asam

HARI 3 | 26 APRIL 2026

7. FGD 7: Sesi Dialog bersama Komuniti Jalan Datuk Kumbar
8. FGD 8: Sesi Dialog bersama Persatuan Penduduk Kebajikan Komuniti India Parlimen Pokok Sena
9. FGD 9: Sesi Dialog bersama Komuniti Taman Nuri

HARI 4 | 27 APRIL 2026

10. Pengutamaan Isu
11. Lawatan Tapak & Temu Bual Bersama Pengarah Kilang Beras MIHODA

PASUKAN PENYELIDIK



Dr. Thanaraj Murudi
Ketua Penyelidik




Prof. Datuk Dr.
Denison Jayasooria



James Ryan Raj



Abdullah Nishad Mohamed



Azlina Mansor
Penyelaras Tempatan



Muhammad 'Afifi Imtiyaz
Penyelaras Tempatan



Muhammad Ilman Syahir Ibrahim
Penyelaras Tempatan

GERAK KERJA LAWATAN PEMETAAN ISU POKOK SENA

01



1 April 2026
Mesyuarat Awalan

02



24 April 2026
FGD 1: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Bukit

03



24 April 2026
FGD 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Nawa

04



24 April 2026
FGD 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Baru Bukit Pinang

05



25 April 2026
FGD 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Taman Puteri

06



25 April 2026
FGD 5: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Sungai Durian

07



25 April 2026
FGD 6: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Terong Asam

08



26 April 2026
FGD 7: Sesi Dialog bersama Komuniti Jalan Datuk Kumbar

09



26 April 2026
FGD 8: Sesi Dialog bersama Persatuan Penduduk Kebajikan Komuniti India Parlimen Pokok Sena

10



26 April 2026
FGD 9: Sesi Dialog bersama Komuniti Taman Nuri

11



27 April 2026
Pengutamaan Isu

12



27 April 2026
Lawatan Tapak & Temu Bual Bersama Pengarah Kilang Beras MIHODA

01/04/2026 **MESYUARAT AWALAN**





Mesyuarat awalan bersama YB Dato' Haji Ahmad Saad @ Yahaya, Ahli Parlimen Pokok Sena, telah diadakan bagi membincangkan pengenalan APPGM-SDG serta penelitian profil demografi dan sosioekonomi setempat. Dalam sesi tersebut, YB Dato' yang juga merupakan Pesuruhjaya PAS Kedah dan Ketua Dewan Ulama PAS Malaysia, menyambut baik inisiatif ini serta berkongsi mandat dan pandangan strategik beliau sebagai persediaan untuk pelaksanaan pemetaan isu SDG di Parlimen Pokok Sena.

24/04/2026 FGD 1: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG BUKIT







FGD 1 melibatkan penduduk dari Kampung Bukit (DUN Bukit Lada/Mukim Bukit Lada yang menghimpunkan seramai 9 orang ketua kampung (MKK), termasuk wakil JPKKP. Sesi ini telah mengenal pasti pelbagai isu utama yang merangkumi isu infrastruktur dan keselamatan, seperti jalan rosak di Kampung Bukit, kekurangan lampu jalan khususnya di sepanjang Jalan Batu 18 hingga Batu 20 serta jalan-jalan kampung yang lain, serta ketiadaan lintasan zebra dan bonggol di hadapan Sekolah Kebangsaan Bukit yang membahayakan nyawa. Dari aspek sosioekonomi, penduduk di Kampung Hujung Bendang yang bergantung kepada sektor tradisional (seperti pesawah, penoreh getah dan kerja kampung) berdepan kemiskinan dan pendapatan tidak stabil, manakala agihan bantuan makanan (*food bank*) didapati tidak mencukupi untuk 9 buah kampung selain ketiadaan kemudahan asas seperti bank, mesin ATM atau kedai serbaneka di kawasan sekitar. Isu kesejahteraan sosial turut ditekankan menerusi masalah penagihan dadah belia yang berlarutan walaupun pelbagai inisiatif keagamaan telah diperluaskan, ketiadaan dewan orang ramai untuk aktiviti komuniti, serta kurangnya pendedahan mengenai Program Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan dilihat lebih tertumpu kepada pesara kerajaan. Selain itu, penduduk terdedah kepada pencemaran dan kelemahan pengurusan sisa akibat pembakaran sekam padi kilang serta ketiadaan perkhidmatan kutipan sampah untuk komuniti yang membawa kepada amalan pembakaran terbuka. Akhir sekali, perbincangan turut menyoroti jurang digital, di mana penggunaan sistem kod QR bagi pembelian minyak menyukarkan golongan warga emas yang tidak mempunyai telefon pintar atau kemahiran digital.

24/04/2026 FGD 2: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG NAWA







FGD 2 melibatkan penduduk dari Kampung Nawa (yang diadakan di SRITI, DUN Bukit Lada, Mukim Lesong. Sesi ini telah mengenal pasti pelbagai isu utama yang merangkumi isu pengurusan bencana dan iklim, seperti kelewatan proses bantuan baik pulih rumah mangsa ribut tahun 2025 serta musim kemarau berpanjangan hingga April 2026 yang menyebabkan kerugian hasil padi mencecah RM1,500 serelung. Dari aspek sosioekonomi, kenaikan harga diesel membebankan petani kerana jentera tanpa geran tidak layak menerima subsidi, manakala bekalan beras tempatan didapati sangat terhad berbanding beras import. Malah, penduduk miskin juga masih bergantung sepenuhnya kepada bantuan JKM serta zakat. Isu ketersediaan infrastruktur digital turut dibangkitkan memandangkan capaian telekomunikasi dan internet yang lemah menyukarkan aktiviti dalam talian serta PdPR. Selain itu, aspek kesihatan persekitaran terjejas akibat pencemaran bau daripada kilang bihun dan tapak pelupusan sampah yang terletak kira-kira 4km di Kampung Rotan, Mukim Jabi (Batu 10), selain ketiadaan perkhidmatan kutipan sampah di kawasan kampung. Akhir sekali, perbincangan menyoroti isu keselamatan dan sosial, merangkumi masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia yang memerlukan pemantauan pihak berkuasa serta aktiviti merempit yang sering berlaku di kawasan jalan berbukit di kampung tersebut.

24/04/2026 FGD 3: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG BARU BUKIT PINANG







FGD 3 melibatkan penduduk dari Kampung Baru Bukit Pinang (DUN Bukit Pinang/Mukim Bukit Pinang) yang telah mengenal pasti beberapa isu kritikal berkaitan keselamatan dan persekitaran. Isu utama yang dibangkitkan adalah masalah banjir kilat yang berpunca daripada aliran air hujan dari kawasan perumahan awam yang lebih tinggi dan melimpah sehingga menjejaskan rumah penduduk, premis JPS, dan juga Sekolah Kebangsaan Bukit Pinang walaupun pemantauan telah dilakukan oleh pengarah JPS. Selain itu, komuniti berdepan dengan konflik haiwan liar seperti kera, babi hutan, dan anjing liar yang sering memusnahkan tanaman buah-buahan serta menjejaskan sumber pendapatan sampingan penduduk. Akhir sekali, perbincangan menyentuh isu lokasi Pasar Sehari (Rabu) di jalan utama yang membahayakan keselamatan akibat laluan sempit dan kenderaan berat, namun cadangan pemindahan lokasi masih menemui jalan buntu berikutan bantahan penduduk perumahan awam atas faktor kebimbangan terhadap aspek kebersihan dan keselesaan.

25/04/2026 FGD 4: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI TAMAN PUTERI







FGD 4 melibatkan penduduk dari Taman Puteri (DUN Bukit Lada/Mukim Gajah Mati) yang turut disertai oleh Penghulu Tinggi Mukim Gajah Mati. Sesi ini telah mengenal pasti beberapa isu kritikal, terutamanya isu banjir berulang yang menjejaskan 116 kediaman akibat pembangunan yang tidak selari dengan sistem saliran serta limpahan Sungai Nawa, sekali gus menimbulkan trauma kepada penduduk. Isu ini turut menyebabkan kejatuhan nilai hartanah di kawasan tersebut yang merangkumi pelbagai jenis kediaman seperti rumah teres kos rendah, teres kos sederhana, semi-D, banglo, serta rumah kampung di Puteri Ayu. Malah, kekurangan peruntukan juga menjadi halangan utama dalam pelaksanaan dan penyiapan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) bagi mengatasi isu banjir di kawasan ini. Dari aspek tadbir urus dan perkhidmatan, penduduk menyuarakan bantahan terhadap kenaikan cukai pintu sehingga 40% oleh Majlis Bandaraya Alor Setar yang dianggap tidak setimpal dengan kualiti perkhidmatan penyelenggaraan longkang dan kawasan yang tidak memuaskan. Rebat yang diberikan juga hanya sekitar RM 20 - RM 30. Selain itu, perbincangan turut menyoroti keperluan infrastruktur keselamatan seperti kawasan jalan di titi Sungai Nawa yang gelap dan berisiko, serta kebimbangan komuniti terhadap gejala penagihan dadah yang dilaporkan semakin berleluasa di kawasan Kampung KEDA Batu 13.

25/04/2026 FGD 5: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG SUNGAI DURIAN







FGD 5 melibatkan penduduk dari Kampung Sungai Durian (DUN Bukit Lada/Mukim Gajah Mati) yang turut dihadiri oleh Penghulu Tinggi Mukim Gajah Mati dan Penghulu Mukim Bukit Lada/Jabi. Walaupun diiktiraf sebagai antara kampung contoh di Kedah dengan pengurusan sistematik dan semangat muafakat yang tinggi, sesi ini mengenal pasti beberapa cabaran kritikal terutamanya isu banjir yang berpunca daripada pembangunan sekitar dan projek penaiktarafan jalan oleh JKR yang menjejaskan aliran air asal. Masalah ini diburukkan lagi dengan sistem perparitan yang tidak mencukupi di lorong-lorong kampung dan tidak selari dengan keperluan semasa. Terdapat juga sistem pam air yang tidak diselenggara selain dipenuhi dengan sampah sarap terutamanya di kawasan Taman Harapan. Dari aspek pengurusan persekitaran, penduduk berdepan ketiadaan sistem kutipan sampah yang konsisten dan penarikan semula tong sampah, ancaman haiwan berbisa disebabkan semak samun di tanah persendirian terbiar, risiko pokok besar berhampiran rumah, serta konflik gangguan kera terhadap pendawaian elektrik. Selain itu, keperluan infrastruktur keselamatan seperti penambahan lampu jalan turut dibangkitkan bagi mengurangkan risiko kemalangan di kawasan gelap. Akhir sekali, perbincangan menyoroti isu pencemaran sumber air ke Sungai Lanjut Malau akibat kerosakan mesin penapis sisa kumbahan daripada tapak pelupusan sisa kumbahan, yang memberi kesan langsung terhadap sektor pertanian sehingga menyebabkan tanaman padi mati dan pertumbuhannya terbantut.

25/04/2026 FGD 6: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG TERONG ASAM







FGD 6 melibatkan komuniti pesawah dari Kampung Terong Asam (DUN Bukit Pinang/Mukim Lepai) yang telah mengenal pasti dua cabaran utama yang menjejaskan kelestarian sektor pertanian setempat. Isu pertama yang dibangkitkan adalah ketiadaan penyelenggaraan berkala ke atas Sungai Mati, di mana keadaan sungai yang dipenuhi rumpai meningkatkan risiko banjir berulang menjelang musim hujan sekitar bulan September. Isu kedua pula menyoroti tekanan kos yang meruncing dalam kalangan pesawah padi akibat peningkatan kos operasi, terutamanya kenaikan harga diesel tanpa subsidi bagi jentera pertanian, serta peningkatan harga racun, benih, dan perkhidmatan teknologi seperti sewaan dron yang secara langsung menjejaskan pendapatan mereka.

26/04/2026 FGD 7: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI JALAN DATUK KUMBAR







FGD 7 melibatkan penduduk dari Jalan Datuk Kumbar (DUN Derga/Mukim Derga) yang telah mengenal pasti beberapa isu kritikal yang merangkumi isu infrastruktur dan keselamatan, seperti kesesakan lalu lintas yang teruk pada waktu puncak berikutan lokasi berhampiran Klinik Kesihatan dan Sekolah Kebangsaan Datuk Kumbar serta keperluan mendesak untuk memasang bonggol jalan di hadapan sekolah bagi menjamin keselamatan murid. Dari aspek ekonomi dan kesejahteraan, penduduk terkesan dengan tekanan kos sara hidup yang tidak selari dengan gaji semasa, kenaikan kos sewa rumah akibat lokasi pinggir bandar, serta isu rantaian bekalan beras yang dibelenggu masalah kartel dan kesukaran memperoleh beras tempatan. Isu perkhidmatan kesihatan dan sosial turut dibangkitkan menerusi kekurangan tenaga doktor di Klinik Kesihatan Datuk Kumbar yang memanjangkan tempoh menunggu, serta tahap penglibatan belia yang rendah dalam aktiviti pembangunan komuniti. Akhir sekali, perbincangan menyoroti masalah persekitaran berkaitan kejadian banjir kilat berkala sekitar bulan September dan Oktober yang dipercayai berpunca daripada fenomena air pasang serta sistem perparitan yang tidak lagi mampu menampung keperluan semasa.

26/04/2026 FGD 8: SESI DIALOG BERSAMA PERSATUAN PENDUDUK KEBAJIKAN KOMUNITI INDIA PARLIMEN POKOK SENA







FGD 8 melibatkan penduduk dari Persatuan Penduduk Kebajikan Komuniti India Parlimen Pokok Sena (DUN Bukit Lada/Mukim Jabi) di petempatan Batu 9, Ladang Jabi yang merupakan bekas kawasan ladang getah. Kini, penduduk menetap dengan pemilikan lot masing-masing, sama ada di bawah satu geran bersama atau geran individu. Majoriti penduduk bekerja dalam sektor pertanian dan perladangan, selain ada yang terlibat dalam sektor persendirian, swasta, dan kerajaan. Sesi ini telah mengenal pasti beberapa isu utama yang menjejaskan kesejahteraan komuniti tersebut, terutamanya isu kemiskinan dan ketidakstabilan pendapatan bagi penduduk yang bergantung kepada pendapatan bulanan atau harian yang hanya mencukupi untuk keperluan asas harian. Isu persekitaran dan infrastruktur turut dibangkitkan, merangkumi masalah banjir kilat akibat sistem saliran yang tidak sempurna serta capaian internet yang lemah yang menjejaskan peluang ekonomi dan pendidikan digital. Akhir sekali, perbincangan dan lawatan tapak mendedahkan kebimbangan serius terhadap keselamatan kediaman penduduk, di mana struktur rumah mengalami keretakan struktur yang membimbangkan akibat tekanan daripada akar pokok semambu di kawasan persekitaran.

26/04/2026 FGD 9: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI TAMAN NURI







FGD 9 melibatkan penduduk dari Taman Nuri (DUN Derga/Mukim Derga) yang menempatkan sekitar 4,000 penduduk dengan kemudahan asas yang lengkap seperti sekolah, surau, masjid, taman permainan dan premis perniagaan tempatan. Sesi ini telah mengenal pasti beberapa isu utama, terutamanya isu penutupan laluan utama melalui pembinaan benteng batu oleh pihak JKR yang bertujuan mengurangkan kemalangan, namun sebaliknya memaksa penduduk melakukan pusingan U sejauh 1 km. Tindakan ini bukan sahaja menjejaskan kelancaran aktiviti harian, malah memberi impak ekonomi yang besar kepada peniaga tempatan akibat penurunan jumlah pelanggan serta menjejaskan interaksi sosial komuniti. Dari aspek keselamatan jalan raya, penduduk mencadangkan intervensi alternatif seperti pemasangan lampu isyarat, pembinaan bonggol, dan penandaan garisan kuning di laluan utama bagi mengawal kelajuan kenderaan. Akhir sekali, perbincangan turut menyoroti isu penutupan pasar malam selepas pengambilalihan oleh pihak MBAS atas alasan trafik, yang mengakibatkan kehilangan peluang ekonomi bagi peniaga kecil serta ruang interaksi sosial yang selama ini menjadi identiti aktif komuniti tersebut.

27/04/2026 PENGUTAMAAN ISU



Pengutamaan Isu Parlimen Pokok Sena telah diadakan bersama YB Dato' Haji Ahmad Saad @ Yahaya untuk merumuskan dapatan pemetaan isu yang merangkumi tujuh bidang utama. Isu paling kritikal yang dikenal pasti adalah **(1)** bencana banjir kilat dan sistem saliran lemah akibat pembangunan tidak terancang dan sungai yang cetek, diikuti oleh **(2)** masalah keselamatan jalan raya serta infrastruktur yang menyaksikan keperluan mendesak bagi lampu isyarat, bonggol, dan lampu amaran di lokasi-lokasi maut. Sesi ini turut menekankan **(3)** isu gangguan bekalan dan tekanan air rendah, selain **(4)** tekanan ekonomi penduduk serta masalah kemiskinan terutamanya golongan petani dan peniaga yang banyak terkesan. Terdapat juga **(5)** trend membimbangkan dalam masalah sosial seperti dadah dan aktiviti rempit yang memerlukan perhatian serius, di samping **(6)** kelemahan pengurusan sisa pepejal yang tidak sistematik. Akhir sekali, perbincangan turut menyoroti **(7)** gangguan haiwan liar yang memberi ancaman kepada keselamatan dan sumber pendapatan penduduk.

27/04/2026 LAWATAN TAPAK & TEMU BUAL BERSAMA PENGARAH KILANG BERAS MIHODA





Satu lawatan tapak telah diadakan bersama Pengarah Kilang Beras MIHODA bagi mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai rantaian nilai padi dan beras di kawasan Pokok Sena. Perbincangan memberi tumpuan kepada aspek penjualan, pengeluaran, serta cabaran semasa dalam industri padi dan beras tempatan. Selain itu, sesi ini turut bertujuan menilai status terkini bekalan padi/beras sebagai sebahagian daripada usaha memahami tahap keterjaminan makanan di kawasan ini.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.008 Pokok Sena

Senarai Jadual

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Pokok Sena (P.008).....21
Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Pokok Sena 27
Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG.....29
Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1 39
Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2 53
Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3 63
Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4 69
Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5 76
Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6 80
Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7 85
Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8 96
Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan FGD 9 99
Jadual 13. Ringkasan Isu 1 104
Jadual 14. Ringkasan Isu 2 107
Jadual 15. Ringkasan Isu 3 109

Senarai Singkatan

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
APPGM-SDG	*All Party Parliamentary Group Malaysia – Sustainable Development Goals*
B40	*Bottom 40%* – Merujuk Kepada 40% Isi Rumah Berpendapatan Terendah Di Malaysia
DUN	Dewan Undangan Negeri
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
OKU	Orang Kurang Upaya
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PEMADAM	Persatuan Mencegah Dadah Malaysia
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PN	Perikatan Nasional
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PADPS	Pejabat Agama Daerah Pokok Sena
SDG	*Sustainable Development Goals*
NADI	Inisiatif maklumat dan komunikasi kerajaan
YB	Yang Berhormat

1.0 PENGENALAN



YB Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya

Pokok Sena merupakan parlimen yang terletak di dalam daerah Pokok Sena, Kedah. Parlimen Pokok Sena terdiri daripada tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Bukit Lada, DUN Bukit Pinang dan DUN Derga[1]. Parlimen Pokok Sena juga terdiri daripada enam mukim, iaitu Gajah Mati, Jabi, Tualang, Lesong, Bukit Lada dan Derang[2]. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Pokok Sena ialah Majlis Bandaraya Alor Setar. Manakala, pentadbiran daerah ialah Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena. Keluasan kawasan Parlimen ini adalah 322 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 133,057 orang. Manakala, jumlah populasi yang layak mengundi adalah 114,838 orang. Parlimen Pokok Sena mempunyai kepadatan penduduk 413 orang per satu kilometer persegi[3].

Pada tahun 2022, YB Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di bawah Perikatan Nasional (PN) telah memenangi kerusi bagi Parlimen Pokok Sena. Justeru, program pemetaan isu bagi tahun 2026 di Parlimen Pokok Sena ini diadakan dengan usahasama daripada YB Dato' Haji Ahmad bin Saad @ Yahaya.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Pokok Sena terletak di negeri Kedah dan berhampiran dengan sempadan Thailand di bahagian utara, khususnya kawasan sempadan Kedah–Thailand dan berhampiran kawasan sempadan Kedah–Perlis di sebelah utara, khususnya melalui kawasan sekitar Kubang Pasu dan Jitra. Sejarah pentadbiran Pokok Sena bermula sebagai Daerah Kecil di bawah Daerah Kota Setar pada tahun 1982[4]. Pejabat Tanah Pokok Sena mula beroperasi sepenuhnya sebagai Pejabat Tanah Daerah pada 2 Januari 1993, namun urusan pentadbiran daerah, pembangunan luar bandar, perjawatan dan kewangan masih di bawah Pegawai Daerah Kota Setar, manakala pentadbiran kerajaan tempatan dikendalikan oleh Majlis Bandaraya Alor Setar. Bagi memperkukuh keberkesanan pentadbiran, kerajaan negeri meluluskan cadangan menaik taraf Pokok Sena sebagai daerah penuh pada 26 Disember 2001. Cadangan tersebut kemudiannya dipersetujui

[1] P008 Pokok Sena: Statistik Subnasional PARLIMEN DAN DUN. (JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA), https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=194128
[2] https://www.dosm.gov.my/uploads/release-content/file_20250710163422.pdf
[3] Department of Statistics Malaysia, "P.008 Pokok Sena Kawasanku | OpenDOSM," Dosm.gov.my (OpenDOSM, 2020), https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Kedah/parlimen/P.017%20Padang%20Serai
[4] https://webpdt.kedah.gov.my/profil-3/

Jemaah Menteri pada 26 November 2006, menjadikan Pokok Sena sebagai daerah penuh ke-12 Negeri Kedah. Pejabat Daerah Pokok Sena mula beroperasi sepenuhnya pada 2 Disember 2007.

Daripada aspek topografi, sebahagian besar kawasan Pokok Sena mempunyai bentuk muka bumi yang relatif landai dan rendah, sesuai dengan kegiatan pertanian, khususnya tanaman padi dan tanaman lain. Satu kajian berkaitan Daerah Pokok Sena turut menggambarkan kawasan ini sebagai didominasi oleh topografi tanah mendatar, dengan sebahagian besar guna tanah berkaitan aktiviti pertanian[5]. Kedudukan geografi dan bentuk muka bumi yang rendah serta landai menjadikan pertanian sebagai salah satu aktiviti ekonomi penting di Pokok Sena. Pada masa yang sama, keadaan topografi dan sistem saliran semula jadi perlu diberi perhatian dalam perancangan pembangunan, khususnya berkaitan saliran, pengurusan air, banjir, pembangunan tanah dan pemeliharaan kawasan pertanian. DOSM merekodkan bahawa Pokok Sena masih memainkan peranan penting dalam sektor pertanian walaupun sedang mengalami proses pembangunan[6].

Selain sektor pertanian yang menjadi penyumbang utama ekonomi Pokok Sena, sektor perkhidmatan turut memainkan peranan penting, khususnya dalam aktiviti perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman, pengangkutan serta perkhidmatan perniagaan. Sektor pembuatan dan pembinaan turut menyumbang kepada ekonomi daerah, walaupun pada skala yang lebih kecil. Berdasarkan data DOSM 2020, sektor perkhidmatan menyumbang 29.5 peratus (%) KDNK daerah, diikuti sektor pembuatan sebanyak 6.1 peratus (%) dan pembinaan sebanyak 1.0 peratus (%)[7]. Majoriti komuniti tempatan di kawasan Parlimen Pokok Sena ini terdiri daripada Melayu dan sebahagian kecil komuniti Cina dan India.

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan data daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, komposisi penduduk di Parlimen Pokok Sena (P008) adalah seperti berikut:

[5] https://etd.uum.edu.my/11153/2/s93817_01.pdf?utm
[6] https://www.dosm.gov.my/uploads/release-content/file_20250710163422.pdf
[7] https://www.dosm.gov.my/uploads/release-content/file_20260611095648.pdf?utm

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Pokok Sena (P.008)

BIL.	KAUM	BILANGAN	PERATUSAN (%)
1.	Bumiputera	113,365	85.2
2.	Cina	16,233	12.2
3.	India	2,927	2.2
4.	Lain-lain	532	0.5
Jumlah Keseluruhan		**133,057**	**100**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia[8]

Parlimen Pokok Sena mempunyai jumlah penduduk seramai 133,057 orang dengan kepadatan 413 orang/km². Daripada segi komposisi penduduk mengikut etnik, masyarakat Bumiputera merupakan kumpulan majoriti dengan 85.2 peratus (%), mencerminkan dominasi komuniti ini dalam aspek sosial dan ekonomi tempatan. Kaum Cina merangkumi 12.2 peratus (%), menunjukkan kehadiran signifikan masyarakat Cina. Kaum India membentuk 2.2 peratus (%), menyumbang kepada kepelbagaian budaya di kawasan ini. Lain-lain etnik hanya 0.5 peratus (%), menunjukkan bilangan kecil penduduk dari komuniti lain.

Kesimpulannya, Pokok Sena adalah kawasan yang merangkumi komuniti berbilang kaum yang majoritinya masyarakat Bumiputera, diikuti Cina dan India. Kepelbagaian ini memperkayakan kehidupan sosial, budaya, dan ekonomi kawasan tersebut.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Pokok Sena merupakan kawasan yang menggabungkan penempatan bandar, pekan kecil dan kawasan luar bandar, dengan aktiviti ekonomi yang masih banyak berasaskan pertanian tetapi turut disokong oleh sektor perdagangan, perkhidmatan dan perusahaan kecil. Berdasarkan data sedia ada serta pemerhatian terhadap aktiviti ekonomi tempatan, sektor ekonomi utama di kawasan ini adalah seperti berikut:

Pertanian dan Agrikomoditi

Sektor pertanian merupakan antara tunjang utama ekonomi Pokok Sena. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), daerah Pokok Sena mempunyai 6,579 pegangan pertanian bagi subsektor tanaman. Tanaman getah merupakan yang terbesar dengan 3,741 pegangan, diikuti padi sebanyak 2,835 pegangan dan kelapa sawit sebanyak 204 pegangan. Pada tahun 2023, keluasan tanaman direkodkan sebanyak 14,008.2 hektar, manakala nilai jualan subsektor tanaman mencapai RM92.43 juta. Padi

[8] P008 Pokok Sena: Statistik Subnasional PARLIMEN DAN DUN. (JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA), https://newss.statistics.gov.my/newss-

merupakan penyumbang terbesar dengan nilai jualan RM42.28 juta, diikuti getah RM15.33 juta[9].

Selain pertanian tradisional, Pokok Sena turut mempunyai potensi dalam pertanian moden dan berasaskan teknologi. Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Gajah Mati, misalnya, digunakan untuk tanaman kontan seperti nanas, jagung, sayur-sayuran dan melon secara fertigasi. Perkembangan terkini SME Agropark Pokok Sena turut menunjukkan usaha mengembangkan pertanian moden serta melahirkan usahawan tani baharu[10].

Perdagangan dan Perkhidmatan

Sektor perdagangan dan perkhidmatan menjadi antara aktiviti ekonomi penting di kawasan pekan dan penempatan utama Pokok Sena. Data DOSM menunjukkan sektor perkhidmatan mempunyai 796 pertubuhan pada tahun 2015, melibatkan nilai jualan sekitar RM235.1 juta. Aktiviti ini merangkumi perdagangan, makanan dan minuman, pengangkutan serta pelbagai perkhidmatan kepada penduduk setempat[11]. Aktiviti perniagaan berskala kecil juga memainkan peranan penting dalam ekonomi komuniti. Antaranya termasuk kedai runcit, gerai makanan, pasar malam, perniagaan makanan dan perkhidmatan setempat. Kewujudan vendor makanan bajet serta pelbagai peniaga kecil menunjukkan bahawa aktiviti ekonomi mikro menjadi sebahagian daripada sumber pendapatan masyarakat setempat[12].

Industri Kecil dan Pemprosesan Makanan

Pokok Sena turut mempunyai aktiviti industri kecil dan sederhana (IKS) yang berasaskan produk makanan tempatan. Antaranya ialah perusahaan rempeyek yang dipasarkan bukan sahaja di Kedah tetapi turut ke negeri-negeri lain, selain penghasilan produk makanan oleh pengusaha tempatan. Aktiviti sebegini menunjukkan potensi pembangunan ekonomi melalui pemprosesan hasil pertanian, produk makanan tempatan dan keusahawanan komuniti[13]. Hubungan antara pertanian dengan industri pemprosesan juga penting kerana ia membolehkan hasil pertanian tempatan diberikan nilai tambah melalui pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran, sekali gus membuka peluang pendapatan kepada usahawan kecil dan keluarga di kawasan luar bandar.

Penternakan dan Agro-keusahawanan

Selain tanaman, aktiviti penternakan dan agro-keusahawanan turut menjadi sebahagian daripada ekonomi setempat. Antara contoh ialah penternakan madu kelulut serta

[9] https://www.dosm.gov.my/uploads/release-content/file_20250710163422.pdf
[10] https://en-gb.topographic-map.com/map-ttj4s/Pokok-Sena/?utm
[11] https://www.dosm.gov.my/uploads/publications/20221018112934.pdf?utm
[12] https://pokoksena.nadi.my/sosioekonomi.html?utm
[13] https://pokoksena.nadi.my/sosioekonomi.html?utm

penghasilan produk berasaskan madu dan propolis. Program Rezeki Tani yang dilaksanakan di kawasan Pokok Sena turut melibatkan aktiviti pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan.
Secara keseluruhannya, ekonomi Parlimen Pokok Sena lebih berasaskan ekonomi luar bandar dengan pertanian sebagai sektor penting, khususnya padi, getah dan kelapa sawit. Pada masa yang sama, sektor perdagangan dan perkhidmatan, IKS serta agro-keusahawanan menyediakan sumber pendapatan tambahan kepada penduduk. Potensi pembangunan ekonomi Pokok Sena boleh diperkukuh melalui nilai tambah hasil pertanian, pemodenan sektor agro, pengukuhan IKS, pemasaran produk tempatan dan penglibatan golongan muda dalam keusahawanan[14].

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Pokok Sena merupakan kawasan yang mempunyai aktiviti ekonomi berasaskan pertanian, khususnya tanaman padi, di samping sektor perkhidmatan, perdagangan, perusahaan kecil dan sederhana serta pembinaan. Perkembangan pekan dan aktiviti perniagaan setempat turut menyediakan peluang pekerjaan dan sumber pendapatan kepada masyarakat. Kepelbagaian aktiviti ekonomi ini mempunyai kaitan secara langsung dengan ***Matlamat SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi***, khususnya dalam usaha meningkatkan produktiviti, memperkukuh keusahawanan dan mewujudkan peluang ekonomi yang lebih inklusif. Antara sasaran yang berkaitan adalah:

> **Sasaran 8.2:** Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui pempelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan pada sektor nilai tambah tinggi dan sektor intensif buruh.
>
> **Sasaran 8.3:** Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.

Pada masa yang sama, masyarakat Pokok Sena terdiri daripada komuniti yang pelbagai dengan keperluan sosioekonomi yang berbeza. Golongan petani, pekerja berpendapatan rendah, usahawan kecil, belia dan kelompok rentan memerlukan akses yang lebih baik kepada peluang ekonomi, kemudahan asas dan sokongan sosial. Usaha memastikan manfaat pembangunan dapat dinikmati secara lebih menyeluruh adalah selari dengan ***Matlamat SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan***, khususnya:

[14] https://www.dosm.gov.my/uploads/release-content/file_20250710163422.pdf

> **Sasaran 10.2:** Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.
>
> **Sasaran 10.3:** Memastikan peluang sama rata dan mengurangkan keputusan yang tidak adil, termasuk dengan menghapuskan undang-undang, dasar dan amalan bersifat diskriminasi serta mengetengahkan undang-undang, dasar dan tindakan yang bersesuaian dalam hal ini.

Daripada aspek pembangunan fizikal, Pokok Sena mempunyai kawasan penempatan luar bandar, pekan serta kawasan yang sedang mengalami perkembangan perumahan dan aktiviti ekonomi. Keadaan ini menimbulkan keperluan untuk memastikan kemudahan jalan raya, sistem saliran, pengurusan banjir, perumahan, kemudahan awam, kebersihan persekitaran dan ruang komuniti dapat berkembang seiring dengan pertambahan keperluan penduduk. Isu berkaitan saliran dan pengurusan air khususnya perlu diberi perhatian memandangkan sebahagian kawasan mempunyai bentuk muka bumi yang rendah dan landai. Keadaan ini berkait rapat dengan ***SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan***, khususnya:

> **Sasaran 11.1:** Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak.
>
> **Sasaran 11.3:** Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara.
>
> **Sasaran 11.5:** Mengurangkan jumlah kematian dan jumlah orang terjejas serta mengurangkan kerugian ekonomi secara langsung akibat bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan memberi tumpuan kepada golongan miskin dan rentan.

Selain itu, hubungan antara komuniti, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, institusi pendidikan, sektor swasta dan pertubuhan masyarakat sivil merupakan elemen penting dalam menangani isu pembangunan Pokok Sena. Pendekatan rentas agensi amat diperlukan bagi isu yang bersifat kompleks seperti pengurusan banjir dan saliran, pembangunan infrastruktur, peningkatan pendapatan komuniti, pembangunan belia

serta pengukuhan ekonomi setempat. Kerjasama tersebut selari dengan ***SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat,*** khususnya:

> **Sasaran 17.17:** Menggalakkan dan mempromosikan perkongsian berkesan antara pihak awam, awam-swasta dan masyarakat sivil yang dibina berdasarkan pengalaman dan strategi bersumberkan perkongsian.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Kajian awalan telah dilakukan oleh penyelidik untuk memahami latar belakang kawasan Parlimen serta mengenal pasti isu awalan yang terdapat di Parlimen Pokok Sena. Kajian awalan ini dilakukan dengan merujuk kepada data sekunder seperti statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian sedia ada, carian internet dan keratan akhbar.

Mesyuarat Awalan bersama YB Dato' Haji Ahmad Saad @ Yahaya telah dijalankan pada 1 April 2026 di Pusat Khidmat Parlimen Pokok Sena untuk memberi penjelasan mengenai gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Pihak YB telah bersetuju untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam menjalankan kajian pemetaan isu di Parlimen Pokok Sena. Pada 1 April 2026, ketua penyelidik juga membincangkan profil Parlimen dan draf tentatif lawatan tapak bersama Pegawai Khas Ahli Parlimen En. Ashaari.

Selain itu, bagi tujuan mendapatkan kerjasama untuk mengadakan sesi dialog antara agensi, pihak penyelidik APPGM-SDG telah menghantar surat rasmi ke Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena. Pihak Pejabat Daerah dan Tanah Pokok Sena telah bersetuju untuk mengadakan sesi dialog antara agensi dan program pembangunan kapasiti pada 21 Julai 2026.

Seterusnya, lawatan tapak ke Parlimen Pokok Sena telah diadakan dari 24 hingga 26 April 2026 sebagaimana yang telah dirangkakan bersama pihak YB dan APPGM-SDG. Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Pokok Sena adalah seperti berikut:

1. Dr Thanaraj Murudi: Ketua Penyelidik
2. Prof Datuk Dr Denison Jayasooria : Ketua Sekretariat APPGM-SDG
3. En. James Ryan Raj : Timbalan Pengarah Eksekutif
4. En. Abdullah Nishad Mohamed : Pegawai MySDG CSI
5. Pn Azlina Mansor : Penyelaras Tempatan
6. En. Muhammad Afifi Imtiyaz : Penyelaras Tempatan
7. En. Muhammad Ilman Syahir Ibrahim : Penyelaras Tempatan

Terdapat sembilan FGD, dan dua lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama tiga hari di kawasan lokaliti Parlimen Pokok Sena. Seterusnya, sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Raia Hotel & Convention Centre Alor Setar. Tentatif ringkas lawatan tapak dan sesi dialog bersama komuniti dan agensi kerajaan adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Pokok Sena

TARIKH	SESI DIALOG/FGD
24 April 2026 (Jumaat)	• **Sesi Dialog 1:** Dialog bersama Penduduk Kampung Bukit • **Sesi Dialog 2**: Dialog bersama Penduduk Kampung Nawa • **Sesi Dialog 3**: Dialog bersama Penduduk Kampung Baru Bukit Pinang
25 April 2026 (Sabtu)	• **Sesi Dialog 4**: Dialog bersama Penduduk Taman Puteri • **Sesi Dialog 5**: Dialog bersama Penduduk Kampung Sungai Durian • **Sesi Dialog 6**: Dialog bersama Penduduk Kampung Terong Asam
26 April 2026 (Ahad)	• **Sesi Dialog 7**: Dialog bersama Penduduk Jalan Datuk Kumbar • **Sesi Dialog 8**: Dialog bersama Persatuan Penduduk Kebajikan Komuniti India Pokok Sena • **Sesi Dialog 9**: Dialog bersama Penduduk Taman Nuri

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Pokok Sena, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Terdapat cabaran yang dihadapi oleh penyelidik sepanjang kajian dijalankan di Parlimen Pokok Sena. Kekangan masa untuk lawatan tapak iaitu terdapat beberapa isu yang diutarakan oleh komuniti tempatan di Pokok Sena, khususnya berkaitan banjir, saliran, infrastruktur dan keadaan jalan. Walau bagaimanapun, disebabkan tempoh kajian lapangan yang terhad, tidak semua lokasi yang dibangkitkan dapat dilawati dan diteliti secara langsung oleh pasukan penyelidik. Keadaan ini menyebabkan sebahagian isu hanya dapat direkodkan berdasarkan maklumat dan pandangan yang dikemukakan oleh komuniti semasa sesi perbincangan.

2.4 Keterbatasan Kajian

Keterbatasan kajian ini ialah penyertaan peserta yang agak terhad daripada beberapa komuniti dan pihak berkepentingan di Parlimen Pokok Sena. Walau bagaimanapun, maklumat yang diperoleh daripada peserta dan pihak berkepentingan yang terlibat masih memberikan gambaran yang jelas mengenai isu dan cabaran utama yang dihadapi oleh komuniti setempat.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1	Peminggiran sosial dan penyalahgunaan dadah	Penggunaan dadah seperti syabu, gam, dan ketum yang kritikal dalam kalangan belia. Kurang sokongan agensi, penguatkuasaan tidak berkesan, dan ketiadaan ruang aktiviti sihat.	Sosial	Belia dan penduduk kampung	Kg. Bukit, Kg. Nawa, Kg. Sungai Durian, Taman Puteri, dan Flat Taman Setia Jaya (Jalan Datuk Kumbar)	**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** **Sasaran 3.5:** Memperkukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan penggunaan alkohol yang berbahaya. **SDG 4: Pendidikan Berkualiti** **Sasaran 4.7** Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lain, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan gaya hidup mampan, hak asasi

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						manusia, kesaksamaan gender, menggalakkan budaya selamat dan bebas keganasan, kewarganegaraan global dan menghargai kepelbagaian budaya serta sumbangan budaya kepada pembangunan mampan. **SDG 16: Keamanan, Keadilan, dan Institusi yang Kuat** **Sasaran 16.1**: Secara ketara mengurangkan semua bentuk keganasan dan kadar kematian berkaitan di mana-mana sahaja.
2	Limitasi kemudahan awam dan perkhidmatan asas	Keperluan dewan serbaguna, mesin ATM, pusat komuniti, dan stesen minyak. Tiada kemudahan rekreasi, bekalan air dan elektrik tidak stabil, serta jalan raya yang berisiko kemalangan maut. Selain itu, tiada pendedahan	Tadbir urus	Penduduk setempat, Warga emas	Kg Bukit, Kg. Nawa, Kg. Sungai Durian, Jalan Datuk Kumbar, Batu 9 Ladang Jabi	**SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** **Sasaran 9.1**: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		mengenai Program Aktiviti Warga Emas (PAWE). Program Aktiviti Warga Emas (PAWE) dilihat lebih tertumpu kepada pesara kerajaan.				kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua. **SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan** **Sasaran 10.2**: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.2**: Menjelang 2030, menyediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, mampu milik, boleh diakses dan mampan untuk semua, menambah baik

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						keselamatan jalan raya, terutamanya dengan mengembangkan pengangkutan awam, dengan perhatian khusus kepada keperluan mereka yang berada dalam situasi yang terdedah, wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas.
3	Capaian jaringan telekomunikasi dan internet yang tidak stabil	Rangkaian internet dan liputan telefon yang terhad serta tidak stabil. Menyukarkan pelajar mengikuti pembelajaran dalam talian dan penduduk yang bekerja dari rumah (BDR).	Sosial	Pelajar dan pekerja BDR	Kg. Nawa, Batu 9 Ladang Jabi, Kampung Bukit (Jalan Naka)	**SDG 4**: **Pendidikan Berkualiti** **Sasaran 4.1**: Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki mendapat pendidikan rendah dan menengah yang percuma, saksama dan berkualiti, yang akan membuahkan hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan. **SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** **Sasaran 9.4**: Menjelang 2030, menaik taraf infrastruktur dan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						merekayasa industri untuk menjadikannya mampan, dengan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber dan penggunaan teknologi serta proses perindustrian yang canggih, bersih dan mesra alam, dengan komitmen semua negara berdasarkan keupayaan masingmasing.
4.	Kemiskinan dan pendapatan tidak stabil	Penduduk yang bergantung kepada sektor tradisional seperti pesawah, penoreh getah dan kerja kampung berdepan kemiskinan dan pendapatan tidak stabil dan bergantung sepenuhnya kepada bantuan JKM serta zakat.	Sosial	Penduduk kampung	Kg. Bukit, Kg. Nawa, Batu 9 Ladang Jabi	**SDG 1: Tiada Kemiskinan** **Sasaran 1.2**: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh kadar lelaki, wanita dan kanak-kanak daripada semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensinya, mengikut takrifan nasional.
5.	Kelestarian ekonomi dan peningkatan	Tekanan kos yang meruncing dalam kalangan pesawah padi akibat peningkatan kos operasi,	Ekonomi	Pesawah	Kg. Terong Asam, Kg. Nawa	**SDG 1: Tiada Kemiskinan** **Sasaran 1.4**: Menjelang 2030, memastikan semua kumpulan masyarakat, baik lelaki atau

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
	kos input pertanian	terutamanya kenaikan harga diesel tanpa subsidi bagi jentera pertanian, serta peningkatan harga racun, benih, dan perkhidmatan teknologi seperti dron.				wanita, khususnya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak sama rata terhadap sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk pembiayaan mikro. **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.3**: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						akses kepada perkhidmatan kewangan.
6.	Pencemaran alam sekitar dan pengurusan sisa	Penduduk terdedah kepada pencemaran dan kelemahan pengurusan sisa akibat pembakaran sekam padi kilang serta ketiadaan perkhidmatan kutipan sampah untuk komuniti mendorong kepada amalan pembakaran terbuka.	Alam sekitar	Penduduk setempat parlimen Pokok Sena	Kg. Bukit, Kg. Nawa, Kg. Sungai Durian	**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** **Sasaran 3.9**: Menjelang 2030, mengurangkan sejumlah besar kematian dan penyakit akibat bahan kimia berbahaya serta pencemaran dan kontaminasi udara, air dan tanah. **SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim** **Sasaran 13.1**: Memperkukuh daya tahan dan keupayaan untuk membuat penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara. **SDG 15: Kehidupan di Darat** **Sasaran 15.1:** Menjelang 2020, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						lestari ekosistem air tawar daratan dan pedalaman termasuk perkhidmatannya, khususnya hutan, tanah bencah, gunung-ganang dan tanah kering, sejajar dengan obligasi di bawah perjanjian antarabangsa
7.	Konflik haiwan liar menjejaskan tanaman	Komuniti berdepan dengan konflik haiwan liar seperti kera, babi hutan, dan anjing liar yang sering memusnahkan tanaman buah-buahan serta menjejaskan sumber pendapatan sampingan penduduk.	Alam sekitar	Penduduk setempat parlimen Pokok Sena	Kg. Baru Bukit Pinang, Kg. Bukit, Kg. Nawa, dan Kg. Terong Asam.	**SDG 15: Hidupan Darat** **Sasaran 15.5:** Mengambil tindakan segera dan signifikan untuk mengurangkan kemerosotan habitat semula jadi, menghentikan kehilangan biodiversiti dan, menjelang 2030, melindungi serta mencegah kepupusan spesies terancam. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.7:** Menjelang 2030, menyediakan akses sejagat kepada ruang hijau dan ruang awam yang selamat, inklusif dan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						mudah diakses, khususnya bagi golongan wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya. **SDG 2: Sifar Kebuluran** **Sasaran 2.3:** Menjelang 2030, menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya wanita, masyarakat orang asli, keluarga tani dan nelayan.
8.	Bencana banjir kilat dan infrastruktur saliran lemah	Sistem perparitan lama, sempit, dan tidak diselenggara serta sungai yang cetek. Banjir kilat kerap berlaku, merosakkan harta benda dan risiko penyakit denggi.	Alam sekitar	Penduduk Kampung parlimen Pokok Sena	Kg. Bukit, Kg. Nawa, Kg Baru Bukit Pinang, Taman Puteri, Kg Sungai Durian, Kg. Terong Asam, Jalan Datuk	**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** **Sasaran 3.3:** Menjelang 2030, membasmi wabak AIDS, tuberkulosis, malaria dan penyakit tropika yang diabaikan serta memerangi hepatitis, penyakit bawaan air dan penyakit berjangkit yang lain.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
					Kumbar, Batu 9 Ladang Jabi	**SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.3**: Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara. **SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim** **Sasaran 13.3**: Menambah baik pendidikan, meningkatkan kesedaran, serta keupayaan institusi dan manusia terhadap mitigasi perubahan iklim, penyesuaian, pengurangan impak dan amaran awal.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 1: Dialog Bersama Penduduk Kampung Bukit (Dun Bukit Lada / Mukim Bukit Lada) **Tarikh:** 24 April 2026 **Bilangan peserta:** 9 orang **Kaedah:** Perbincangan dalam 2 kumpulan **Lokasi:** SRITI Raudatu As-Solihin			• JPS • AADK • PDRM
1.	Keselamatan jalan raya berdekatan sekolah di Jalan Naka perlu dipertingkatkan	Terdapat satu kawasan cerun berhampiran Sekolah Kebangsaan Kampung Bukit, Jalan Naka yang sering berlaku kemalangan. Kejadian kemalangan telah berlaku sejak bertahun-tahun dan insiden terbaru dilaporkan berlaku semalam. (Sekolah Kebangsaan Kg. Bukit, Jalan Naka)	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Walaupun cadangan lampu isyarat kecemasan dan garisan jalan putus-putus telah dikemukakan dalam Mesyuarat Tindakan Daerah dua tahun lalu, pihak JKR belum dapat melaksanakannya berikutan kekangan peruntukan. (Sekolah Kebangsaan Kg. Bukit, Jalan Naka)	
		Penduduk turut mencadangkan supaya bonggol kelajuan (speed bump) ditambah di kawasan berkenaan sebagai langkah tambahan untuk memperlahankan kenderaan dan meningkatkan tahap keselamatan jalan raya. (Sekolah Kebangsaan Kg. Bukit, Jalan Naka)	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Jalan sempit meningkatkan risiko kemalangan	Susur keluar di beberapa simpang sepanjang Jalan Naka terutamanya ke stesen minyak, Kampung Lampam, dan pondok lama agak sempit sehingga mengakibatkan dua kemalangan maut. (Sepanjang Jalan Naka)	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Berdasarkan spesifikasi MARIS, terdapat kemungkinan untuk kerja-kerja pelebaran jalan dilaksanakan bagi meningkatkan aspek keselamatan. Walau bagaimanapun, pelaksanaan pelebaran jalan menjadi cabaran sekiranya melibatkan tanah milik persendirian, kerana memerlukan pertimbangan dan penyelesaian berkaitan status serta pemilikan tanah tersebut.	
		Sekiranya jalan tersebut berada di bawah bidang kuasa KKDW, pihak MARIS tidak akan terlibat secara langsung. Oleh itu, tindakan dan tanggungjawab agensi adalah tertakluk kepada punca kuasa serta bidang kuasa jalan yang berkenaan.	
3.	Kelemahan sistem saliran punca risiko banjir kilat	Banjir kilat kerap berlaku di kawasan kampung apabila hujan lebat, dengan kejadian terbaharu berlaku pada tahun lalu. Aliran air semasa banjir adalah deras dan menyebabkan kebimbangan kepada penduduk. Warga kampung telah mengemukakan aduan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) kira-kira dua tahun lalu, namun dimaklumkan terdapat kekangan peruntukan. (Kg. Bukit)	**JPS** Bagi menangani isu banjir yang berpunca daripada sungai yang cetek akibat mendapan dan pertumbuhan tumbuhan air, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan sungai secara berkala tertakluk kepada peruntukan yang diterima
		Antara isu utama yang dikenal pasti ialah keadaan saliran dan longkang yang menghubungkan kawasan kampung ke sungai, termasuk keperluan untuk kerja-kerja pembersihan dan	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		penyelenggaraan secara berkala. Selain itu, saiz atau kapasiti paip sedia ada didapati tidak mencukupi untuk menyalurkan air dengan cepat ke sungai, terutama ketika hujan lebat Sehubungan itu, warga kampung memohon agar JPS mengambil peranan untuk membuat semakan semula terhadap sistem saliran sedia ada, melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan longkang, serta menilai kesesuaian kapasiti paip bagi memastikan aliran air ke sungai lebih lancar dan berkesan.	daripada Kerajaan. Kos pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan adalah bergantung kepada skop kerja dan keadaan di lokasi dengan anggaran sekitar RM 1.8 juta pada tahun 2025 dan RM 1.3 juta pada tahun 2026. Bagi penyelesaian jangka panjang, kawasan ini turut berada dalam perancangan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kedah/Sungai Anak Bukit, yang bertujuan meningkatkan kapasiti sistem saliran dan mengurangkan risiko banjir secara menyeluruh. Selain itu, JPS turut melaksanakan langkah-langkah bukan struktur (non-structural measures) bagi meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi banjir, antaranya melalui pelaksanaan Program Ramalan dan Amaran Banjir

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			(PRAB), pembinaan stesen-stesen hidrologi serta pemantauan paras air sungai dan keadaan banjir secara berterusan bagi membolehkan amaran awal disampaikan kepada agensi berkaitan dan penduduk yang berisiko.
4.	Kerosakan rumah akibat ribut dan kekangan peruntukan untuk baik pulih	Kejadian ribut sejak tiga hingga empat tahun lalu telah merosakkan bumbung kira-kira 15 buah rumah di Kampung Bukit, termasuk insiden terbaharu yang mencabut bumbung anjung dua buah rumah.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Penduduk yang terjejas lazimnya mendapatkan bantuan daripada Pejabat Daerah, Lembaga Zakat dan pihak berkaitan. Walau bagaimanapun, bantuan yang diterima adalah sekitar RM500, yang didapati tidak mencukupi untuk menampung kos pembelian bahan serta kerja-kerja pemasangan dan pembaikan bumbung.	
		Pihak kampung juga telah mengemukakan aduan kepada ICU (Unit Penyelarasan Pelaksanaan) sejak dua hingga tiga tahun yang lalu. Namun begitu, sehingga kini masih belum terdapat tindakan susulan yang menyeluruh terhadap aduan tersebut.	
		Selain kerosakan akibat ribut, terdapat juga rumah penduduk di beberapa kampung seperti Kampung Bukit dan Kampung Bukit Lada yang memerlukan kerja-kerja baik pulih. Di bawah peruntukan ICU,	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		hanya sekitar tiga hingga lima projek telah diluluskan, namun Kampung Bukit Lada masih belum menerima peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan yang diperlukan.	
		Penduduk mencadangkan agar Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) menyalurkan peruntukan baik pulih rumah melalui Pejabat Daerah. Langkah ini membolehkan JKK/MKK mengenal pasti penerima yang layak dan menyelaras kerja-kerja pembaikan di peringkat kampung secara lebih berkesan. Mekanisme ini juga dapat mempercepat tindakan susulan terhadap aduan kerosakan mendesak, khususnya akibat bencana ribut.	
5.	Pesawah berdepan dengan cabaran pendapatan kerana kemarau dan kekurangan bekalan air untuk padi	Pesawah berhadapan dengan masalah kekurangan bekalan air, khususnya ketika musim kemarau. Keadaan ini menyebabkan mereka terlalu bergantung kepada hujan untuk memastikan bekalan air mencukupi bagi sawah padi. Apabila hujan tidak turun dalam tempoh yang panjang, tanaman padi berisiko mengalami kekeringan dan menjejaskan hasil pengeluaran.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Sistem saliran di kawasan sawah juga perlu diberi perhatian. Walaupun kerajaan menyediakan subsidi dan mengharapkan peningkatan hasil padi, sebahagian pesawah tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk membina atau menaik taraf sistem saliran sendiri. Terdapat juga isu berkaitan kelewatan penerimaan baja serta kualiti benih padi yang boleh memberi kesan kepada hasil tanaman.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Agensi berkaitan perlu menilai semula keadaan sebenar di kawasan pertanian dan turun ke lapangan bagi memahami masalah yang dihadapi oleh peladang dan pesawah. Penilaian ini penting supaya bentuk bantuan, kemudahan infrastruktur dan sokongan pertanian yang disediakan benar-benar bersesuaian dengan keperluan di lapangan.	
		Dari aspek pendapatan, purata pulangan bersih pesawah bagi setiap kitaran enam bulan dianggarkan hanya sekitar RM1,000 sebulan. Pendapatan tersebut tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup dan kos pengeluaran, menyebabkan sebahagian pesawah terpaksa membuat pinjaman atau berhutang. Oleh itu, harga lantai padi juga perlu dinilai semula bagi memastikan pendapatan pesawah lebih munasabah dan sepadan dengan kos pengeluaran serta keadaan ekonomi semasa.	
6.	Jaringan internet dan komunikasi lemah	Penduduk menghadapi masalah jaringan internet dan komunikasi yang telah berlarutan sejak sekian lama. Ketiadaan pencawang telekomunikasi berhampiran menjejaskan kualiti panggilan suara yang kerap terputus dan tidak jelas. Kedudukan kampung yang berhampiran dengan sempadan Padang Terap turut menyebabkan liputan rangkaian menjadi terhad dan terdapat kawasan yang tidak mempunyai liputan langsung.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Isu ini telah dimaklumkan kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Pihak MCMC sebelum ini meminta penduduk menjalankan tinjauan kelajuan internet dan mengemukakan permohonan berkaitan. Walau bagaimanapun,	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		selepas permohonan dan maklumat dihantar melalui e-mel, tiada tindakan susulan yang diterima. Sebarang masalah berkaitan jaringan juga terus dilaporkan oleh penduduk melalui sistem aduan MCMC.	
		Masalah liputan ini bukan hanya melibatkan satu kampung, tetapi merangkumi kesemua 10 kampung di sepanjang Jalan Naka, sekali gus menjejaskan komunikasi harian dan akses penduduk kepada perkhidmatan digital.	
7.	Tekanan air rendah	Tekanan air di rumah penduduk sangat rendah, khususnya pada waktu siang. Tekanan air yang lebih baik biasanya hanya diperoleh sekitar pukul 2.00 hingga 3.00 pagi. Pihak kampung telah membuat aduan kepada SADA berhubung masalah ini. Namun, penyelesaian memerlukan peruntukan yang besar kerana melibatkan penggantian paip sedia ada kepada paip yang lebih besar bagi meningkatkan kapasiti dan tekanan bekalan air. Masalah tekanan air ini turut melibatkan penduduk di sepanjang Jalan Naka yang merangkumi kira-kira 10 buah kampung.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
8.	Keperluan kemudahan balai polis di kawasan Bukit Lada	Pada masa ini, hanya terdapat satu balai polis di kawasan pekan, yang terletak kira-kira 15 km dari Kampung Bukit. Jarak ini menyukarkan penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan polis, khususnya semasa keadaan kecemasan seperti banjir. Oleh itu, penduduk mencadangkan supaya diwujudkan sebuah pondok polis atau balai polis kecil bagi memudahkan penduduk membuat laporan dan mendapatkan bantuan dengan lebih cepat.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Isu ini pernah dibawa melalui aduan penduduk dan YB Ahli Parlimen Pokok Sena juga pernah membangkitkannya di Parlimen. Walau bagaimanapun, jawapan bertulis daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) menyatakan bahawa terdapat empat balai polis di kawasan Pokok Sena. Menurut penduduk, jumlah tersebut turut mengambil kira balai polis yang berada di kawasan Kota Setar, sedangkan kawasan Bukit Lada merupakan antara kawasan yang luas dan mempunyai keperluan perkhidmatan polis yang lebih dekat.	
		Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) juga terletak agak jauh daripada kawasan penduduk. KDN sebelum ini telah dijemput untuk menjalankan kajian lapangan atau tinjauan bagi menilai keperluan penambahan kemudahan polis di kawasan tersebut, namun kajian tersebut masih belum dilaksanakan.	
9.	Kekeliruan dalam kalangan penduduk tentang bidang kuasa PBT	Terdapat kekeliruan dan perselisihan faham berkaitan bidang tugas serta kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT), khususnya dalam menangani isu di kawasan kampung. Skop perkhidmatan PBT dilihat lebih tertumpu kepada kawasan pekan dan bandar, menyebabkan beberapa isu yang dihadapi oleh penduduk kampung tidak mendapat tindakan yang jelas.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Sebagai contoh, pihak kampung telah mengemukakan aduan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) kepada PBT sekitar dua hingga tiga bulan yang lalu. Namun, pihak kampung menerima surat rasmi yang memaklumkan bahawa Kampung Bukit tidak termasuk dalam kawasan pentadbiran PBT berkenaan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Keadaan ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan penduduk mengenai pihak yang bertanggungjawab dan saluran yang sepatutnya digunakan untuk menyelesaikan isu-isu setempat.	
10.	Kekurangan kemudahan dewan orang ramai	Penduduk Kampung Bukit (Hujung Bendang) berdepan kekangan kemudahan asas berikutan ketiadaan dewan orang ramai untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Isu ini berpunca daripada status tapak dewan terdahulu yang didirikan di atas tanah persendirian, sebelum diambil alih dan diubah fungsi menjadi sebuah tadika. Ketiadaan fasiliti percuma memaksa penduduk bergantung kepada dewan KEDA berhampiran yang mengenakan kos sewaan, sekali gus menambah beban kewangan bagi penganjuran sebarang program. Ketiadaan ruang komuniti khusus turut menjejaskan kelancaran majlis keramaian seperti kenduri perkahwinan, yang terpaksa dialihkan ke kawasan kediaman atau inap desa (homestay) dengan kekangan ruang parkir yang sempit. Lebih membimbangkan, ketiadaan fasiliti awam ini menjejaskan tahap kesiapsiagaan bencana kampung kerana ketiadaan pusat pemindahan sementara (PPS) atau lokasi berkumpul yang selamat bagi operasi pemindahan serta menyelamat sewaktu kecemasan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
11.	Ketiadaan kemudahan tong sampah di kawasan kampung	Ketiadaan kemudahan tong sampah di kawasan kampung yang tidak dikenakan cukai pintu menyebabkan pengurusan sisa pepejal menjadi kurang teratur dan sukar dikawal. Keadaan ini berlaku kerana penyediaan tong sampah hanya dibuat melalui permohonan tertentu dan lazimnya melibatkan bayaran bagi penganjuran majlis atau program berskala besar. Keadaan tersebut mengehadkan akses penduduk kepada kemudahan pembuangan sampah untuk kegunaan harian.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Penduduk berpendapat ketiadaan kemudahan tong sampah yang mencukupi menyebabkan penduduk tidak mempunyai pilihan yang sesuai untuk mengurus dan membuang sisa pepejal secara sistematik. Akibatnya, pembuangan sampah secara tidak terkawal di kawasan sekitar kampung berlaku. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan kebersihan dan kelestarian persekitaran, malah memberi kesan kepada kesihatan serta kualiti hidup komuniti setempat. Longgokan sampah yang tidak diurus dengan baik juga menarik haiwan perosak dan meningkatkan risiko penularan penyakit.	
12.	Gangguan lalat dari kilang pemprosesan ayam	Pencemaran lalat di kawasan ini dipercayai berpunca daripada kewujudan sebuah kilang pemprosesan ayam yang terletak terlalu hampir dengan kawasan kediaman penduduk. Sisa serta bau yang terhasil daripada aktiviti pemprosesan ayam dipercayai menarik kehadiran lalat dalam jumlah yang banyak, sekali gus menjejaskan kebersihan dan keselesaan persekitaran penduduk.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Penempatan premis pemprosesan seperti ini sewajarnya mengambil kira keperluan jarak pemisah yang sesuai daripada kawasan perumahan bagi mengurangkan risiko pencemaran, gangguan bau dan kehadiran serangga perosak. Dalam kes ini, penduduk memaklumkan bahawa jarak premis yang terlalu hampir dengan rumah menyebabkan gangguan berterusan kepada kehidupan harian mereka.	
		Penduduk turut memaklumkan bahawa mereka perlu mendapatkan ubat atau bahan kawalan lalat daripada pihak kilang. Walau bagaimanapun, bekalan tersebut tidak diberikan secara konsisten atau secara terus kepada penduduk, menyebabkan usaha kawalan lalat menjadi kurang berkesan dan masalah terus berlarutan.	
		Menurut makluman Ketua Kampung, sekurang-kurangnya dua buah rumah terjejas secara langsung akibat masalah ini. Keadaan tersebut bukan sahaja menjejaskan kebersihan dan keselesaan kediaman, malah menimbulkan kebimbangan terhadap risiko kesihatan memandangkan lalat berpotensi membawa dan menyebarkan mikroorganisma penyebab penyakit.	
13.	Pencemaran udara oleh kilang pemprosesan padi	Terdapat sebuah kilang beras Mihoda yang beroperasi berhampiran kawasan penempatan penduduk secara berterusan, termasuk pada waktu siang dan malam. Operasi kilang tersebut dipercayai menyebabkan pencemaran udara, khususnya melalui pelepasan habuk sekam dan asap yang tersebar ke kawasan sekitar. Keadaan ini menjejaskan keselesaan penduduk setempat kerana kualiti udara	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		menjadi kurang baik dan kawasan perumahan sering berdebu, terutama apabila angin bertiup ke arah penempatan penduduk. Selain menjejaskan keselesaan, pencemaran tersebut turut menimbulkan kebimbangan terhadap kesihatan penduduk, khususnya mereka yang terdedah secara berterusan. Antara kesan yang dibimbangkan termasuk masalah pernafasan, batuk dan iritasi mata. Keadaan ini menjadi lebih membimbangkan kerana operasi kilang yang berterusan tanpa had waktu menyebabkan gangguan pencemaran berlaku dalam tempoh yang panjang dan memerlukan pemantauan serta kawalan yang lebih berkesan daripada pihak berkaitan.	
14.	Gangguan haiwan liar	Haiwan liar seperti kera dan anjing liar banyak berkeliaran di sekitar kawasan kampung. Kera sering menyebabkan kerosakan terhadap tanaman penduduk, khususnya pokok pisang, jagung dan padi, sehingga mengakibatkan kerugian kepada penduduk kampung. Aduan telah dikemukakan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), dan pihak agensi turut memberikan maklum balas berhubung isu tersebut.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
15.	Jarak jauh untuk mendapatkan kemudahan asas	Dari segi pembangunan dan kemudahan pentadbiran, kemudahan asas seperti bank, mesin ATM dan kedai terletak agak jauh dari kawasan penempatan penduduk, sekali gus menyukarkan urusan harian. Selain itu, hanya terdapat sebuah stesen minyak yang perlu digunakan oleh penduduk dari beberapa buah kampung di	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		sekitarnya. Keadaan ini menyebabkan bekalan minyak sering habis dan penduduk asal kampung berdepan kesukaran untuk mendapatkan bekalan. Bagi mendapatkan kemudahan stesen minyak dan mesin ATM yang lain, penduduk perlu melakukan perjalanan kira-kira 13 kilometer ke Pokok Sena atau 10 kilometer ke Naka.	
16.	Penghijrahan belia ke negeri lain	Peluang pekerjaan di kawasan ini agak terhad kerana ketiadaan industri yang lebih besar, khususnya kilang elektronik yang berpotensi menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Walaupun terdapat kilang kayu dan kilang beras di kawasan sekitar, kebanyakan pekerja di sektor tersebut terdiri daripada pekerja asing, terutamanya dari Bangladesh dan Nepal. Keadaan ini menyebabkan peluang pekerjaan yang sesuai untuk golongan belia tempatan masih terhad dan mendorong mereka untuk berhijrah ke kawasan lain.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
17.	Penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia	Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada masalah ini ialah pengaruh rakan sebaya, kurangnya pengawasan dan sokongan keluarga, tekanan hidup serta kecenderungan untuk mencuba. Masalah penyalahgunaan dadah turut memberi kesan kepada disiplin dan tingkah laku belia, termasuk peningkatan risiko terlibat dalam jenayah kecil serta kemerosotan prestasi dalam pendidikan dan pekerjaan.	**AADK** Berdasarkan aduan yang diterima, AADK telah menjalankan tindakan pada dua tarikh: • 1 April 2026: 1 lelaki ditahan dan didapati positif methamphetamine. • 13 Julai 2026: 1 lelaki ditahan dan didapati positif methamphetamine.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			PDRM Berdasarkan aduan yang diterima, PDRM telah mengambil tindakan dalam empat kes: • 6 Mei 2026: 1 lelaki ditahan di bawah Seksyen 12(2) ADB 1952; 0.43 gram syabu dirampas. • 8 Jun 2026: 1 lelaki ditahan di bawah Seksyen 39B ADB 1952; 15.30 gram heroin dirampas. • 18 Jun 2026: 1 lelaki dikesan sebagai individu dikehendaki (wanted) di bawah Seksyen 15(1)(a) ADB 1952; tiada rampasan. • 18 Julai 2026: 1 lelaki dan 1 perempuan dirujuk kepada AADK untuk tindakan lanjut; tiada rampasan.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 2: Dialog Bersama Penduduk Kampung Nawa (DUN Bukit Lada / Mukim Lesong) **Tarikh:** 24 April 2026 **Bilangan peserta:** 9 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan **Lokasi:** Dewan Kampung Baru Jalan Padang Tembak			• Jabatan Pertanian • PDRM
1.	Kemarau berpanjangan menjejaskan saliran bekalan air untuk sawah padi	Isu kemarau dan ketiadaan sistem saliran yang mencukupi memberi kesan langsung kepada penduduk yang bergantung kepada aktiviti pertanian, khususnya penanaman padi. Musim kering yang berpanjangan menyebabkan bekalan air tidak mencukupi dan mengakibatkan tanaman padi rosak serta menjejaskan hasil pengeluaran.	**Jabatan Pertanian Pokok Sena:** **Status Kemarau** Tahun 2026: 252 Ha kawasan padi terjejas di Daerah Pokok Sena (padi luar jelapang), 186 petani terjejas. Nilai tuntutan STTP sebanyak RM645366. Keperluan mewujudkan skim pengairan padi bagi kawasan padi luar jelapang.
		Pada masa ini, pesawah dan penduduk kampung banyak bergantung kepada hujan untuk mendapatkan bekalan air bagi mengairi sawah.	
		Ketiadaan sistem saliran dan pengairan yang sesuai menyebabkan pesawah terpaksa menunggu musim hujan sebelum dapat mengusahakan sawah dan memperoleh hasil. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan pendapatan penduduk yang bekerja di sawah, malah menyebabkan tanah sawah sukar disewakan ketika tidak dapat diusahakan.	
2.	Penghijrahan belia ke negeri lain kerana kurang peluang pekerjaan	Peluang ekonomi dan pekerjaan di kawasan kampung masih terhad. Keadaan ini menyebabkan ramai golongan muda berhijrah ke kawasan lain untuk mendapatkan pekerjaan, khususnya dalam sektor perkilangan. Akibatnya, kebanyakan penduduk yang tinggal di	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kampung terdiri daripada golongan warga emas. Situasi ini berpunca daripada kekurangan peluang pekerjaan yang mampu memberikan pendapatan yang mencukupi kepada golongan muda untuk menyara diri dan keluarga.	
3.	Ketiadaan kemudahan pelupusan sampah	Tiada kemudahan atau tempat pembuangan sampah yang disediakan di kawasan kampung. Oleh itu, penduduk terpaksa mengambil inisiatif sendiri dengan menggali lubang untuk menanam sampah atau membakar sampah di kawasan sekitar rumah.	
4.	Kemudahan lampu jalan tidak mencukupi	Sebahagian jalan utama dan jalan kampung di Kampung Nawa tidak mempunyai kemudahan lampu jalan yang mencukupi. Isu ini turut berkait dengan perselisihan faham antara pihak berkuasa tempatan yang melibatkan kawasan pentadbiran Kota Setar, Alor Setar dan Pokok Sena.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Kekurangan lampu jalan, khususnya di jalan utama Kampung Nawa, meningkatkan risiko kemalangan dan menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya. Di kawasan kampung pula, terdapat jalan yang langsung tidak mempunyai lampu jalan sehingga keadaan menjadi gelap pada waktu malam dan menyukarkan pergerakan penduduk.	
		Menurut komuniti, keadaan ini berlaku kerana kawasan Kampung Nawa kurang mendapat perhatian dari aspek penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur, walaupun kawasan tersebut berada dalam lingkungan pentadbiran pihak berkuasa tempatan. Tumpuan pembangunan yang lebih tertumpu di kawasan bandar Alor Setar	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		dilihat menyebabkan keperluan infrastruktur asas di kawasan kampung masih belum mencukupi.	
5.	Masalah tekanan dan bekalan air	Penduduk Kampung Nawa menghadapi masalah tekanan air yang rendah dan bekalan air yang tidak mencukupi, yang dipercayai berkait dengan faktor geografi kampung yang terletak di kawasan berbukit. Kedudukan rumah yang lebih tinggi menyebabkan tekanan air dari kawasan rendah tidak mencukupi untuk menyalurkan air ke rumah penduduk secara konsisten. Keadaan ini menyebabkan aliran air tidak stabil, khususnya pada waktu tertentu.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Penduduk terpaksa menadah dan menyimpan air untuk kegunaan harian, kerana air hanya mengalir dengan lebih baik pada waktu tertentu, seperti pada waktu malam. Bagi mendapatkan tekanan air yang mencukupi, sebahagian penduduk memasang pam tekanan tinggi, manakala terdapat juga rumah yang tidak mempunyai kemudahan tersebut. Sekiranya pam mengalami kerosakan atau berlaku gangguan bekalan air, penduduk yang bergantung kepada pam akan menghadapi kesukaran mendapatkan bekalan air.	
		Masalah yang sama turut dilaporkan berlaku di Kampung Bukit, yang mungkin berkaitan dengan saiz paip yang tidak mencukupi untuk menampung keperluan penduduk. Keadaan ini menjadi lebih ketara pada musim perayaan seperti Hari Raya, apabila jumlah penduduk yang berada di rumah meningkat dan penggunaan air bertambah. Bekalan air di sekolah juga dilaporkan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan harian.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Penduduk turut menyatakan bahawa belum terdapat bantuan atau penyelesaian khusus daripada pihak kerajaan bagi menyediakan pam tekanan tinggi untuk mengatasi masalah tekanan air di kawasan berbukit tersebut. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menilai semula kapasiti paip, tekanan air serta keperluan sistem pam bagi memastikan bekalan air yang mencukupi dan stabil kepada penduduk, termasuk sekolah dan kemudahan awam.	
6.	Haiwan liar menyebabkan ganguan dan menjejaskan tanaman penduduk	Kehadiran haiwan liar seperti babi hutan, anjing liar dan monyet di kawasan kampung telah menjejaskan kehidupan penduduk, khususnya pekebun. Haiwan-haiwan ini sering merosakkan dan memakan tanaman seperti buah-buahan serta hasil tanaman lain di kebun. Terdapat juga kejadian monyet memasuki rumah penduduk, sekali gus menimbulkan kebimbangan dan gangguan kepada keselamatan serta kehidupan harian komuniti. Kerosakan tanaman akibat haiwan liar turut memberi kesan ekonomi kepada pekebun kerana menyebabkan kehilangan hasil dan mengurangkan pendapatan mereka.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
7.	Penyalahgunaan dadah	Terdapat kebimbangan terhadap kehadiran individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah yang sering berkumpul di lokasi tertentu seperti kawasan sungai, hutan dan ladang getah. Masalah ketagihan ini dilihat melibatkan golongan muda dan warga lebih berusia serta memberi kesan kepada kesejahteraan dan keselamatan komuniti setempat. Penduduk turut mendakwa bahawa bekalan dadah berkemungkinan dibawa masuk dari luar kawasan kampung.	**AADK** Tindakan AADK berdasarkan aduan diterima: ● 7/1/2026 (1 L/M/ +ve meth) ● 3/3/2026 (1 L/M/ +ve meth) ● 13/7/2026 (1 L/M/ +ve meth)

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			PDRM Tindakan polis berdasarkan aduan diterima: • 14/05/2026 Seksyen : Rujuk AADK Tkp : (2/L/M) Rampasan :Tiada • 21/05/2026 Seksyen : Rujuk AADK Tkp : (1/L/M) Rampasan :Tiada • 29/06/2026 Seksyen : 39A(2) ADB 1952 Tkp : (1/L/M) Rampasan : Heroin 7.48 grm
8.	Lumba motor dan aktiviti rempit	Terdapat golongan muda yang menggunakan jalan raya utama di kawasan Nawa sebagai lokasi untuk berlumba motosikal dan menjalankan aktiviti merempit. Aktiviti ini turut melibatkan golongan rempit dari kampung-kampung lain di sekitar Pokok Sena yang datang ke kawasan Nawa. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan pengguna jalan raya serta penduduk setempat.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
9.	Kekurangan kemudahan dan keanggotaan polis	Penduduk memaklumkan bahawa hanya terdapat satu balai polis, iaitu Balai Polis Pokok Sena, yang perlu meliputi kawasan Pokok Sena yang luas. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan kerana jumlah anggota polis yang bertugas adalah terhad dan dilihat tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan kawasan, khususnya kampung-kampung yang berada jauh dari balai polis.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Walaupun rondaan polis dilaksanakan dengan kerap, iaitu sekitar 1 hingga 2 kali dalam tempoh sejam, keberkesanan tindak balas terhadap sesuatu kejadian masih menjadi kebimbangan penduduk. Sekiranya berlaku kecemasan atau masalah keselamatan, jarak dan keluasan kawasan liputan boleh menyebabkan anggota polis mengambil masa untuk tiba di lokasi dan menjalankan tindakan yang sewajarnya.	
		Tiada pondok polis atau pos kawalan polis di kampung-kampung bagi memudahkan penduduk membuat laporan atau mendapatkan bantuan segera sekiranya berlaku kecemasan. Penduduk memaklumkan bahawa isu kekurangan kemudahan dan keanggotaan polis ini telah beberapa kali dibangkitkan kepada pihak berkuasa, namun sehingga kini masih belum terdapat penyelesaian yang memadai.	
10.	Tiada dewan orang ramai untuk menjalankan aktiviti	Penduduk kampung tidak mempunyai dewan orang ramai atau pusat aktiviti yang khusus untuk menjalankan program dan aktiviti kemasyarakatan. Pada masa ini, penduduk hanya boleh menggunakan kemudahan PAWE dengan menyewa ruang tersebut bagi menjalankan aktiviti yang berkaitan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
11.	Banjir kilat dan air bertakung	Kawasan ini sering mengalami masalah banjir kilat dan air bertakung, khususnya selepas hujan lebat. Air boleh mengambil masa kira-kira tiga hari untuk surut, dan dalam keadaan tertentu boleh berlarutan sehingga tujuh hari. Keadaan ini dipengaruhi oleh faktor geografi kawasan yang menyebabkan sesetengah lokasi menjadi kawasan takungan air.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Selain faktor geografi, sistem saliran dan parit yang kurang berkesan turut menyumbang kepada masalah ini. Apabila banjir berlaku, tempoh air bertakung yang panjang boleh menyebabkan kerosakan kepada harta benda penduduk. Oleh itu, isu banjir di kawasan ini perlu dilihat daripada aspek bentuk muka bumi serta keupayaan sistem saliran dalam mengalirkan air dengan berkesan.	
12.	Kekurangan bekalan dan kesukaran mendapatkan diesel bersubsidi bagi aktiviti pertanian	Penduduk yang menjalankan aktiviti pertanian memaklumkan bahawa bekalan minyak diesel sering berkurangan dan mengambil masa sekitar dua hingga tiga hari untuk sampai semula. Dalam tempoh tersebut, penduduk terpaksa mendapatkan minyak petrol tanpa subsidi yang dijual oleh kedai runcit bagi memenuhi keperluan tertentu.	**Jabatan Pertanian Pokok Sena** Isu subsidi diesel: Kebanyakan jentera yang digunakan di kawasan pertanian adalah jentera lama, tiada geran. Jadi, ada keperluan untuk syarat disemak semula.
		Bagi mendapatkan diesel bersubsidi melalui BUDI-Agro untuk kegunaan pertanian, penduduk turut menghadapi kesukaran disebabkan oleh syarat permohonan yang dianggap kurang bersesuaian dengan keadaan sebenar di lapangan. Antaranya ialah keperluan mengemukakan geran atau dokumen pemilikan traktor dan jentera pertanian, sedangkan sebahagian besar jentera yang	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		digunakan oleh petani tidak mempunyai geran atau dokumen pemilikan tersebut.	
		Keadaan ini menimbulkan kekeliruan dan menyukarkan petani untuk memenuhi syarat permohonan yang ditetapkan. Akibatnya, mereka berdepan halangan untuk mendapatkan bekalan diesel yang diperlukan bagi menjalankan aktiviti pertanian seperti membajak tanah, mengangkut hasil dan mengendalikan jentera pertanian. Situasi ini bukan sahaja melambatkan kerja-kerja pertanian, malah berpotensi menjejaskan produktiviti dan pendapatan petani serta kelangsungan ekonomi komuniti setempat.	
13.	Kekurangan bekalan beras tempatan	Komuniti berdepan dengan kekurangan bekalan beras tempatan di kedai-kedai runcit. Beras tempatan sukar diperoleh dan kebanyakannya hanya boleh dibeli melalui Jualan Rahmah pada harga sekitar RM16 bagi satu kampit. Sebaliknya, kedai-kedai runcit lebih banyak menawarkan beras import yang dijual pada harga lebih tinggi, iaitu sekitar RM30 hingga RM50 bergantung kepada jenis dan saiz kampit.	**Jabatan Pertanian Pokok Sena** Kekurangan Beras Tempatan: Perubahan iklim global memang memberi kesan kepada hasil padi, terutamanya melibatkan isu pengairan dan kemarau. Kawalselia Padi Dan Beras (Agensi di bawah KPKM) berperanan untuk menguruskan isu ini.
		Keadaan ini menyebabkan masyarakat, khususnya golongan berpendapatan rendah, menghadapi kesukaran untuk mendapatkan beras tempatan pada harga yang berpatutan. Pada masa yang sama, terdapat kebimbangan bahawa kilang atau pusat pemprosesan padi lebih banyak memproses dan memasarkan beras import, sedangkan bekalan beras tempatan di pasaran runcit masih terhad. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk memastikan	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		bekalan beras tempatan dapat disalurkan secara konsisten ke kedai-kedai runcit dan bukan hanya melalui program Jualan Rahmah.	
14.	Kerosakan rumah akibat ribut dan kelewatan penyaluran peruntukan	Kejadian ribut pada tahun 2025 di Kampung Nawa telah menjejaskan 16 buah rumah di Kampung Kuang Buang. Isu kritikal yang timbul ialah kelewatan penyaluran peruntukan baik pulih yang mengambil masa antara lima hingga enam bulan. Tempoh menunggu ini jauh lebih lama berbanding tahun 2018, apabila bantuan kecemasan berjaya disalurkan dalam tempoh 24 jam melalui wakil rakyat sekiranya dana tersedia.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
15.	Jaringan internet dan telekomunikasi yang lemah	Penduduk di Kampung Nawa berhadapan dengan masalah capaian internet dan telekomunikasi yang perlahan serta tidak stabil. Keadaan ini dipercayai berpunca daripada kedudukan pencawang telekomunikasi yang jauh dari kawasan kampung. Capaian yang diterima kebiasaannya hanya sekitar 1 hingga 2 bar, dan pada waktu tertentu perkhidmatan internet terputus sepenuhnya.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Masalah ini turut memberi kesan kepada proses pembelajaran di SRITI Kampung Nawa. Walaupun pihak SRITI telah menyediakan kemudahan Wi-Fi, capaian internet yang tidak stabil menyebabkan sesi pembelajaran dan penggunaan kemudahan digital terganggu. Penduduk turut memaklumkan bahawa pihak MCMC belum menjalankan pemeriksaan atau penilaian teknikal secara menyeluruh di kawasan tersebut bagi mengenal pasti punca sebenar masalah capaian.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Dicadangkan supaya pihak berkaitan, khususnya MCMC dan penyedia perkhidmatan telekomunikasi, menjalankan penilaian liputan dan kualiti jaringan di Kampung Nawa serta mempertimbangkan penambahan pencawang telekomunikasi di kawasan SRITI.	
16.	Pencemaran bau dan pengurusan pelupusan sampah	Pencemaran bau di kawasan Pokok Sena berlaku terutamanya akibat aktiviti kilang pemprosesan bihun serta lokasi pengumpulan dan pelupusan sampah yang kurang strategik. Pencemaran ini turut dipengaruhi oleh arah tiupan angin, menyebabkan bau tersebar ke kawasan penempatan dan premis berdekatan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Proses pemeraman beras bagi penghasilan bihun menghasilkan sisa buangan yang boleh menimbulkan bau kurang menyenangkan sekiranya tidak diuruskan dengan baik. Lokasi tempat pengumpulan sampah yang tidak sesuai turut memburukkan keadaan. Kawasan sekitar Bank Islam Pokok Sena dan Kampung Nawa antara kawasan yang dilaporkan turut terkesan oleh pencemaran bau tersebut.	
		Cadangan lokasi baharu bagi tempat pengumpulan dan pelupusan sampah wajar dikenal pasti di kawasan yang lebih sesuai dan jauh daripada kawasan perumahan serta tumpuan awam. Antara cadangan ialah menempatkannya di kawasan pedalaman seperti Padang Terap dan Naka, tertakluk kepada kesesuaian tapak, aspek alam sekitar dan kelulusan pihak berkuasa.	

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 3: Dialog Bersama Penduduk Komuniti Kampung Baru Bukit Pinang (DUN Bukit Pinang / Mukim Bukit Pinang) **Tarikh:** 24 April 2026 **Bilangan peserta:** 7 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan **Lokasi:** Pusat Khidmat Wakil Rakyat			• PPD • VETERINAR • PERHILITAN
1.	Banjir kilat menyebabkan hakisan tanah	Penduduk kampung berhadapan dengan masalah banjir kilat apabila hujan lebat apabila aliran air yang deras dari kawasan bukit memasuki kawasan perumahan dan menyebabkan air bertakung di sekitar rumah. Air dari kawasan bukit mengalir melalui sistem longkang yang dibina bersebelahan projek perumahan baharu untuk penjawat awam. Apabila jumlah air yang disalurkan melalui longkang tersebut terlalu banyak, air akan melimpah ke kawasan kampung dan seterusnya menyebabkan hakisan tanah.	**Pejabat Pendidikan Daerah Kota Setar** Kejadian banjir di SK Bukit Pinang bukan berpunca dari pembinaan perumahan kerana kawasan tersebut adalah terdedah kepada banjir (kawasan rendah) setiap tahun
		Menurut penduduk, masalah ini mula ketara sejak tahun 2025 selepas pemaju membina tembok di sekitar taman perumahan baharu. Limpahan air bukan sahaja menjejaskan rumah-rumah penduduk, malah mengalir sehingga ke Sekolah Kebangsaan Bukit Pinang, yang turut mengalami kejadian banjir.	Banjir di SK Bukit Pinang- sekolah tidak ditutup kerana berlaku banjir kilat dan air surut semula selepas hujan berhenti Cuma melibatkan kerosakan peralatan sekolah (kerusi, meja, perabot) di dalam kelas/ bilik khas

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Penduduk kampung telah mengemukakan aduan kepada pihak pemaju, iaitu Permodalan Kedah Berhad. Sebagai tindakan awal, pihak pemaju telah menambak dan memadatkan tanah di kawasan yang mengalami hakisan. Walau bagaimanapun, langkah tersebut belum menyelesaikan masalah sepenuhnya kerana kejadian limpahan air dan hakisan masih berulang. Salah satu kejadian banjir yang agak teruk dilaporkan berlaku pada November 2025.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), termasuk pengarahnya, juga telah turun ke lokasi bagi meninjau keadaan dan mendapatkan gambaran mengenai masalah yang berlaku. Namun, sehingga kini, penduduk masih belum menerima maklumat lanjut mengenai tindakan susulan atau penyelesaian yang akan dilaksanakan selepas perbincangan tersebut.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
2.	Konflik manusia dan haiwan liar serta haiwan terbiar	Penduduk kampung berdepan dengan masalah haiwan liar seperti ular tedung selar, kera, lutung dan babi hutan yang sering memasuki kawasan rumah dan persekitaran kampung. Kera, misalnya, memasuki rumah penduduk dan merosakkan serta menghabiskan buah-buahan yang ditanam. Selain itu, anjing terbiar turut menimbulkan masalah apabila menyerang dan memakan ayam peliharaan penduduk. Penduduk telah membuat aduan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), dan tindakan menangkap haiwan berkenaan telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, selepas kira-kira seminggu, haiwan tersebut kembali semula ke kawasan perumahan. Keadaan ini menunjukkan bahawa tindakan menangkap	**VETERINAR** Kacau ganggu anjing boleh kemukakan aduan kepada MBAS. Pihak Vet & MBAS akan menjalankan operasi tangkapan anjing liar bersama mengikut jadual yang ditetapkan. **PERHILITAN** Sebarang aduan berkaitan hidupan liar seperti spesies kera, babi hutan, ular dll boleh dibuat

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		haiwan secara berasingan masih belum menyelesaikan masalah secara menyeluruh dan memerlukan pendekatan pengurusan serta pencegahan yang lebih berkesan.	melalui Talian Hotline Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia, 1-800-88-5151 (Isnin-Ahad, 8.00 pagi - 6.00 petang). Pihak Jabatan PERHILITAN akan mengambil tindakan atas aduan yang dilaporkan. Terdapat pelaksanaan Inisiatif Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman Akibat Serangan Hidupan Liar (BKHT) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) dan Jabatan PERHILITAN adalah agensi pelaksana yang akan memproses sebarang permohonan bagi inisiatif ini. Borang permohonan bantuan BKHT ini boleh diperolehi daripada mana-mana pejabat PERHILITAN daerah/negeri berdekatan sekiranya berlaku sebarang serangan atau kemusnahan tanaman/ harta benda melibatkan hidupan liar.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
3.	Kurang pendapatan dan peluang pekerjaan menyebabkan penghijrahan belia	Sebahagian besar penduduk di Kampung Baru Bukit Pinang bergantung kepada aktiviti perniagaan sebagai sumber pendapatan utama. Namun, sejak berlaku peningkatan harga barangan dan kos sara hidup, para peniaga menyatakan bahawa pendapatan dan hasil perniagaan yang diperoleh kini hanya mencukupi untuk menampung keperluan asas keluarga, khususnya perbelanjaan anak-anak yang masih dalam pengajian.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Keadaan ini dipengaruhi oleh peningkatan kos barangan dan sara hidup yang didorong oleh perubahan pasaran semasa, di samping peluang pekerjaan yang terhad di kawasan setempat. Kekangan tersebut menyebabkan penduduk, khususnya golongan muda, menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil dengan pendapatan yang mencukupi.	
4.	Lampu jalan tidak mencukupi	Penduduk Kampung Baru Bukit Pinang memaklumkan bahawa kemudahan lampu jalan di kawasan kampung masih tidak mencukupi. Keadaan ini menyebabkan beberapa kawasan menjadi gelap, khususnya pada waktu malam, dan menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan penduduk yang pulang ke rumah.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Keadaan jalan yang gelap turut menyukarkan pemandu untuk melihat dengan jelas keadaan jalan, kenderaan lain dan pejalan kaki, sekali gus meningkatkan risiko berlakunya kemalangan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
5.	Risiko pengguna jalan raya, para peniaga dan pembeli	Laluan lori dan treler melalui kawasan Pasar Sari menimbulkan gangguan kepada para peniaga serta risiko keselamatan kepada pejalan kaki, khususnya ketika waktu operasi pasar. Laluan ini melibatkan kawasan Pekan Nat Bukit Pinang hingga Pasar Sari, yang biasanya sibuk antara 7.00 pagi hingga 12.00/1.00 petang.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Isu ini telah dibawa oleh Ahli Majlis ke dalam mesyuarat pihak berkuasa tempatan untuk mendapatkan penyelesaian. Walau bagaimanapun, sehingga kini masih belum terdapat keputusan muktamad. Selain itu, terdapat juga bantahan daripada penduduk Taman Perumahan Penjawat Awam berhubung isu laluan tersebut.	
6.	Sistem perparitan yang tidak cekap	Masalah ini berpunca daripada sistem perparitan yang kurang efisien, menyebabkan aliran air hujan tidak dapat disalurkan dengan lancar ke saluran yang sepatutnya. Keadaan menjadi lebih kritikal kerana kawasan penempatan yang mempunyai struktur muka bumi yang rendah menyukarkan pengaliran air keluar secara semula jadi.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Situasi ini memberi kesan langsung kepada penduduk setempat, khususnya mereka yang tinggal di kawasan rendah. Ketika hujan lebat, air mudah bertakung dan boleh menyebabkan kejadian banjir berulang. Air yang bertakung juga mengambil masa yang lama untuk surut, sekali gus meningkatkan risiko kerosakan terhadap harta benda seperti perabot, kenderaan dan peralatan rumah serta menjejaskan keselesaan dan keselamatan penduduk.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
7.	Tiada lampu isyarat di simpang empat Bukit Pinang	Masalah ini melibatkan persimpangan empat di Bukit Pinang yang tidak dilengkapi dengan lampu isyarat serta mempunyai pencahayaan jalan yang tidak mencukupi. Keadaan ini menimbulkan risiko keselamatan kepada pengguna jalan raya, khususnya pada waktu malam, ketika keadaan gelap dan semasa hujan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Antara kesan utama yang dikenal pasti ialah peningkatan kemalangan, kesukaran pemandu untuk melihat keadaan jalan serta kenderaan lain, dan risiko terhadap pejalan kaki yang menggunakan kawasan persimpangan tersebut. Keadaan ini menjadi lebih membimbangkan apabila jumlah kenderaan yang melalui persimpangan adalah tinggi.	
		Pencahayaan yang tidak mencukupi juga menyebabkan jarak penglihatan pemandu menjadi terhad, sekali gus menyukarkan mereka untuk mengenal pasti kenderaan, pejalan kaki dan keadaan jalan dengan jelas.	
		Penduduk Kampung Baru Bukit Pinang mencadangkan agar pihak berkuasa berkaitan mempertimbangkan pemasangan lampu isyarat dan penambahbaikan pencahayaan jalan di persimpangan tersebut bagi meningkatkan keselamatan serta kelancaran lalu lintas.	

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 4: Dialog Bersama Penduduk Taman Puteri (DUN Bukit Lada / Mukim Gajah Mati) **Tarikh:** 25 April 2026 **Bilangan peserta:** 7 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan **Lokasi:** Pusat Khidmat Wakil Rakyat			
1.	Kapasiti sistem saliran, sungai dan kolam takungan yang tidak sepadan	Kapasiti sistem saliran, sungai dan kolam takungan yang tidak sepadan dengan peningkatan pembangunan serta perubahan guna tanah di sekitar Taman Puteri. Penduduk memaklumkan bahawa sepanjang kira-kira 13 tahun menetap di kawasan ini, tiada kejadian banjir yang serius pernah berlaku. Namun, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kawasan tersebut telah mengalami dua kejadian banjir, termasuk banjir kilat yang semakin kerap berlaku.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Antara faktor yang dikenal pasti ialah kapasiti longkang yang tidak mencukupi serta saiz dan kedalaman sungai yang tidak lagi mampu menampung aliran air, khususnya ketika hujan lebat. Pihak JPS, pihak berkuasa tempatan dan MADA pernah turun ke kawasan Taman Puteri, namun terdapat kekeliruan atau perselisihan faham berkaitan bidang kuasa dan peranan setiap agensi dalam menangani isu tersebut.	
		Menurut penduduk, sungai perlu diperbesarkan dan didalamkan bagi meningkatkan kapasiti aliran air. Kerja-kerja mengorek sungai juga pernah dilaksanakan baru-baru ini, tetapi hanya selepas berlaku kejadian banjir.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Pembangunan perumahan yang semakin pesat di kawasan bendang yang dulunya sebagai kawasan takungan sementara air hujan turut dipercayai menyumbang kepada masalah banjir. Pembinaan taman-taman perumahan baharu menyebabkan laluan dan aliran air menjadi semakin perlahan, Kolam takungan sedia ada yang berukuran kira-kira 20 kaki juga didapati tidak mencukupi untuk menampung jumlah air ketika hujan lebat.	
		Apabila hujan lebat berlaku, air akan memasuki kawasan Taman Puteri dengan deras kerana aliran air datang dari beberapa arah, termasuk Sungai Nawa dan Sungai Durian. Keadaan ini menyebabkan kawasan perumahan mudah dinaiki air dan mengakibatkan kerosakan kepada harta benda penduduk. Setakat ini, anggaran kerugian akibat kerosakan banjir adalah sekitar RM5,000 hingga RM10,000 bagi kes-kes yang terjejas.	
		Kejadian banjir di Taman Puteri tidak semestinya melibatkan semua rumah pada setiap kali kejadian. Namun, terdapat kejadian tertentu, khususnya pada tahun 2021 dan 2025, apabila banjir melanda hampir keseluruhan kawasan perumahan.	
2.	Penyalahgunaan dadah dalam kalangan anak muda	Penyalahgunaan dadah berlaku di beberapa kawasan sekitar Parlimen Pokok Sena, khususnya dalam kalangan golongan anak muda. Walaupun pihak polis menjalankan rondaan secara berkala setiap jam, kekangan dari segi jumlah anggota menyebabkan pemantauan tidak dapat dilakukan secara menyeluruh di semua kawasan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan komuniti serta risiko peningkatan masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia.	
3.	Kekurangan kawasan yang sesuai untuk pembuangan dan pengumpulan sampah pukal	Penduduk Taman Puteri menghadapi isu kekurangan kawasan yang sesuai untuk pembuangan dan pengumpulan sampah bersaiz besar. Pada masa ini, kawasan pengumpulan sampah terletak berhampiran Klinik Kesihatan Pokok Sena. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dari segi kebersihan, keselesaan dan pengurusan alam sekitar, khususnya bagi penduduk Taman Puteri.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
4.	Tiada kawasan riadah yang mencukupi	Tiada kawasan riadah yang mencukupi di kawasan Pokok Sena. Penduduk, khususnya komuniti di Taman Puteri dan kawasan sekitarnya, perlu ke Kuala Nerang untuk mendapatkan kemudahan riadah yang terdekat. Keadaan ini mengehadkan akses penduduk kepada ruang rekreasi yang mudah, selamat dan sesuai untuk aktiviti bersama keluarga serta komuniti.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
5.	Tiada tindakan susulan oleh agensi untuk mengatasi banjir	Pengurusan banjir di kawasan Taman Puteri melibatkan pelbagai jabatan dan agensi, khususnya di peringkat Persekutuan. Namun, penduduk memaklumkan bahawa beberapa janji dan tindakan susulan yang pernah diberikan oleh agensi berkaitan, termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), masih belum menunjukkan perkembangan yang ketara.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Antara isu utama ialah sistem saliran air yang perlu ditambah baik supaya aliran air dapat dialihkan ke laluan yang sesuai dan tidak mengalir semula ke kawasan Taman Puteri. Keadaan ini menjadi	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		lebih ketara apabila pembangunan taman perumahan baharu menyebabkan laluan air semakin terhad dan alirannya menjadi perlahan, sekali gus meningkatkan risiko berlakunya banjir kilat.	
		Selain itu, terdapat isu berkaitan penyelenggaraan kolam takungan air di kawasan tersebut Kolam di bawah Indah Water Konsortium (IWK) tidak diselenggara dengan baik. Terdapat pokok dan tumbuhan yang tumbuh di kawasan kolam sehingga mengganggu aliran air dan menyebabkan air tidak dapat mengalir dengan lancar ke sungai. Penduduk juga memaklumkan bahawa aduan melalui e-mel pernah dikemukakan kepada pihak berkaitan, namun tidak menerima maklum balas.	
6.	Kekurangan anggota polis di Balai Polis Pokok Sena	Balai polis di kawasan Pokok Sena berdepan dengan kekurangan anggota polis, dengan jumlah anggota yang ada hanya sekitar belasan orang. Keadaan ini menimbulkan kekangan dari segi keupayaan untuk menjalankan pemantauan, rondaan dan memberikan perkhidmatan keselamatan kepada penduduk di kawasan yang luas. Menurut pandangan komuniti, isu ini turut dikaitkan dengan kedudukan kawasan Pokok Sena dalam pentadbiran Bandaraya Alor Setar.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
7.	Kekurangan lampu jalan di Taman Puteri	Penduduk memohon penambahan lampu jalan di laluan menuju ke titi di Taman Puteri kerana kawasan tersebut terlalu gelap, khususnya pada waktu malam. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap aspek keselamatan dan keselesaan penduduk yang menggunakan laluan tersebut.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
8.	Ketiadaan bonggol kelajuan	Penduduk Taman Puteri memohon supaya bonggol kelajuan dibina di Jalan Puteri 2 bagi mengurangkan kelajuan kenderaan dan meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya. Keperluan ini dilihat penting kerana pernah berlaku situasi yang hampir menyebabkan kemalangan di kawasan tersebut.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
9.	Kenaikan cukai pintu	Penduduk Taman Puteri membangkitkan isu kenaikan cukai pintu sehingga 40% yang dikenakan oleh Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS). Kadar cukai yang sebelum ini sekitar RM100+ telah meningkat kepada RM200+, bergantung kepada penilaian hartanah.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Menurut penduduk, kenaikan tersebut dirasakan membebankan kerana perkhidmatan yang disediakan melalui kutipan cukai pintu, seperti kutipan sampah berjadual dan pemotongan rumput, masih tidak merangkumi semua keperluan penyelenggaraan kawasan. Sebagai contoh, kerja-kerja pembersihan perparitan masih perlu dilakukan sendiri oleh penduduk.	
		Penduduk turut memaklumkan bahawa kenaikan cukai pintu lebih ketara bagi kawasan yang berada di bawah pentadbiran MBAS. Aduan telah dikemukakan kepada pihak majlis, namun tindakan yang diterima setakat ini hanya melibatkan pengurangan sekitar RM20 hingga RM30 daripada jumlah cukai yang dikenakan. Penduduk berharap agar kadar cukai pintu dapat dinilai semula dengan mengambil kira kemampuan penduduk serta tahap dan skop perkhidmatan penyelenggaraan yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
10.	Kolam tadahan air tidak berfungsi	Terdapat sebuah kolam tadahan air di kawasan Taman Puteri yang sepatutnya berfungsi sebagai tempat menampung lebihan air hujan. Namun, kolam tersebut tidak dapat berfungsi dengan baik kerana tiada saluran yang menghubungkan sistem perparitan kawasan perumahan ke kolam tadahan berkenaan. Keadaan ini menyebabkan air hujan terus mengalir ke kawasan perumahan dan memasuki kawasan rumah penduduk.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Situasi ini menimbulkan kerugian kepada penduduk kerana kemudahan kolam tadahan yang sedia ada tidak dapat dimanfaatkan untuk mengurangkan jumlah air yang mengalir masuk ke kawasan taman perumahan, khususnya ketika hujan lebat.	
		Penduduk telah mengemukakan aduan kepada pihak berkuasa perbandaran Alor Setar. Walau bagaimanapun, sehingga kini, tiada maklum balas atau tindakan susulan yang sewajarnya diterima daripada pihak berkenaan.	
11.	Longkang tidak diselenggara	Longkang di Taman Puteri dilaporkan dipenuhi tumbuhan, bunga dan sampah serta tidak diselenggara secara berkala oleh pihak berkuasa tempatan. Keadaan ini menyebabkan longkang tersumbat dan menghalang aliran air, sekali gus meningkatkan risiko berlakunya banjir di kawasan perumahan tersebut.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Penduduk memaklumkan bahawa sistem perparitan yang tidak dibersihkan apabila dipenuhi sampah boleh menyebabkan aliran air terhalang dan meningkatkan risiko pembiakan haiwan perosak serta haiwan berbisa. Penduduk turut menyatakan bahawa mereka telah	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		membayar cukai taksiran, namun kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan sistem perparitan tidak dilaksanakan secara berkala.	
		Menurut penduduk, sebelum ini pihak MBAS menjalankan kerja-kerja pembersihan sistem perparitan di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, selepas berlaku pertukaran kontraktor, kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan longkang didapati tidak lagi dilaksanakan seperti sebelumnya.	

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Kampung Sungai Durian (DUN Bukit Lada / Mukim Gajah Mati) **Tarikh:** 25 April 2026 **Bilangan peserta:** 11 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 3 kumpulan **Lokasi:** Pusat Khidmat Wakil Rakyat			
1.	Sistem perparitan dan laluan air yang kurang berkesan	Penduduk Kampung Sungai Durian menghadapi masalah sistem perparitan dan laluan air yang kurang berkesan, khususnya apabila berlaku hujan lebat dan banjir. Isu saliran ini semakin meruncing berikutan projek pembangunan komersial baharu di belakang kampung. Pembangunan tersebut telah mengganggu laluan air semula jadi, menyebabkan air banjir tersekat dan mengambil masa yang lama untuk surut.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Menurut penduduk, antara punca utama masalah adalah kapasiti dan reka bentuk sistem perparitan sedia ada yang tidak lagi sesuai dengan keadaan pembangunan semasa. Sebelum kawasan tersebut dibangunkan sebagai kawasan perumahan, sebahagian besar tanah merupakan kawasan bendang yang berfungsi sebagai kawasan takungan dan laluan semula jadi air. Namun, perubahan guna tanah dan pembangunan perumahan telah mengurangkan laluan air semula jadi tersebut. Masalah ini turut dikenal pasti dengan lebih ketara di Taman Teja, apabila air mudah bertakung dan aliran air menjadi tersekat ketika hujan lebat.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Penduduk mencadangkan supaya sistem perparitan dan laluan air di Kampung Sungai Durian, khususnya kawasan Taman Teja, ditambah baik dan diperbesarkan mengikut keperluan semasa. Penilaian teknikal juga dicadangkan bagi mengenal pasti kesan pembangunan baharu terhadap aliran air serta memastikan sistem saliran yang dibina mampu menampung aliran air dari kawasan pembangunan dan perumahan sedia ada.	
2.	Ketiadaan lokasi atau pusat pengumpulan sampah yang khusus	Penduduk Kampung Sungai Durian menghadapi masalah pembuangan sampah berikutan ketiadaan lokasi atau pusat pengumpulan sampah yang khusus. Pada musim hujan, penduduk biasanya membawa dan meletakkan sampah di kawasan Taman Damai. Manakala pada musim kering, sebahagian penduduk memilih untuk membakar sampah di kawasan rumah masing-masing. Keadaan ini berpotensi menjejaskan kebersihan persekitaran serta menimbulkan risiko pencemaran udara.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Sebelum ini, terdapat lokasi pengumpulan sampah di sebelah balai polis, namun lokasi tersebut menimbulkan masalah kepada penduduk berhampiran kerana bau yang kuat dan tidak menyenangkan. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menyediakan lokasi pengumpulan sampah yang lebih sesuai, terancang dan tidak menjejaskan penduduk setempat.	
3.	Kemiskinan dan kebergantungan kepada bantuan	Di Kampung Sungai Durian, kira-kira 70% penduduk bergantung kepada bantuan daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) atau Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi menampung keperluan kehidupan harian. Keadaan ini menunjukkan tahap pendapatan sebahagian penduduk yang masih rendah dan tidak stabil.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Sebagai contoh, pesawah padi di Kampung Sungai Durian tidak menikmati keadaan pengairan seperti pesawah di bawah kawasan MADA. Aktiviti penanaman padi mereka sangat bergantung kepada bekalan air hujan, menyebabkan hasil dan pendapatan mereka tidak menentu. Kekurangan sumber air yang mencukupi boleh menjejaskan pengeluaran padi dan seterusnya pendapatan isi rumah.	
4.	Penyalahgunaan dadah	Penyalahgunaan dadah berlaku di beberapa kawasan dan dipercayai melibatkan individu dari luar kampung yang datang ke kawasan tersebut. Namun, pada masa ini, pemantauan dan langkah pencegahan terhadap aktiviti penyalahgunaan dadah dilihat masih kurang dilaksanakan secara berterusan. Sebelum ini, pihak masjid turut memainkan peranan dalam memantau keadaan dan membantu mencegah gejala tersebut dalam kalangan masyarakat setempat.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
5.	Ketiadaan penyelenggaraan pokok secara berkala di kawasan kampung	Kampung Sungai Durian tidak termasuk dalam kawasan penyelenggaraan Environment Idaman. Oleh itu, penyelenggaraan pokok-pokok di kawasan kampung seperti pemangkasan, penjagaan dan pemeriksaan berkala tidak dilaksanakan secara berjadual. Penglibatan agensi biasanya hanya berlaku apabila pokok tumbang dan menimbulkan risiko atau kerosakan kepada rumah penduduk. Keadaan ini menyebabkan aspek keselamatan dan penyelenggaraan pokok kurang diberi perhatian secara pencegahan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
6.	Ketiadaan dewan orang ramai	Kampung ini tidak mempunyai dewan orang ramai yang sesuai untuk menjalankan program dan aktiviti kemasyarakatan. Bagi melaksanakan sesuatu program, penduduk terpaksa meminjam atau menyewa dewan di kampung berdekatan. Selain itu, masjid turut	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		digunakan sebagai tempat alternatif untuk menjalankan aktiviti komuniti.	
7.	Tiada kawasan rekreasi	Kampung Sungai Durian tidak mempunyai padang atau kawasan rekreasi yang khusus untuk kegunaan penduduk. Kekurangan kemudahan ini mengehadkan peluang warga kampung, khususnya kanak-kanak dan golongan belia, untuk menjalankan aktiviti sukan, riadah dan rekreasi secara selamat serta teratur.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
8.	Pam air tidak mencukupi	Sistem pam air yang digunakan untuk menyalirkan air keluar dari kawasan perumahan di Kampung Sungai Durian dan Taman Harapan didapati tidak mencukupi. Pada masa ini, hanya dua buah pam digunakan bagi mengurangkan masalah air bertakung di kawasan perumahan. Air yang dipam kemudiannya disalirkan ke Sungai Aman Timur.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Penduduk memaklumkan bahawa kolam tadahan yang terletak di kawasan Taman Harapan tidak mempunyai jaring atau penapis yang sesuai. Keadaan ini menyebabkan sampah mudah terkumpul di dalam kolam dan seterusnya menyumbat pam sehingga pam tidak dapat berfungsi dengan baik.	
		Penduduk mencadangkan agar kapasiti dan bilangan pam ditambah, di samping penyediaan jaring atau sistem penapis di kolam tadahan bagi mengelakkan sampah menyumbat pam. Penyelenggaraan kolam tadahan dan pam secara berkala juga diperlukan bagi memastikan sistem saliran dapat berfungsi dengan berkesan.	

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Kampung Terong Asam (DUN Bukit Pinang / Mukim Lepai) **Tarikh:** 25 April 2026 **Bilangan peserta:** 16 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan **Lokasi:** Dewan Kampung Terong Asam			• PERHILITAN
1.	Peningkatan kos input pertanian	Majoriti penduduk di Kampung Terong Asam merupakan pesawah, dengan dianggarkan sekitar 90% penduduk terlibat dalam aktiviti penanaman padi. Peningkatan kos sara hidup dan harga bahan input pertanian, termasuk minyak, racun perosak, baja dan biji benih padi, telah meningkatkan kos pengeluaran yang perlu ditanggung oleh pesawah. Walau bagaimanapun, harga belian padi/beras tidak mengalami peningkatan yang setara, menyebabkan margin keuntungan pesawah semakin kecil dan sebahagian daripada mereka berdepan risiko kerugian.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Terdapat dakwaan dalam kalangan komuniti bahawa pemilik kilang menyimpan beras dalam beg jumbo untuk tempoh yang lama, yang dipercayai menyebabkan beras menyerap kelembapan dan menjadi lebih berat. Keadaan ini didakwa memberikan kelebihan kepada pihak kilang dari segi keuntungan, sedangkan pesawah masih berdepan dengan peningkatan kos pengeluaran dan pulangan yang terhad.	
		Kenaikan harga diesel memberi tekanan kepada petani kerana meningkatkan kos operasi dan mengurangkan keuntungan daripada	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		aktiviti pertanian. Penduduk memaklumkan bahawa walaupun terdapat subsidi diesel khas bagi sektor pertanian, kemudahan tersebut hanya diberikan kepada jentera pertanian yang berdaftar.	
		Menurut penduduk, proses pendaftaran jentera memerlukan pematuhan kepada pelbagai syarat dan dokumen yang dianggap sukar untuk dipenuhi oleh petani kecil. Keadaan ini menyebabkan sebahagian petani tidak dapat menikmati subsidi dan terpaksa membeli diesel pada harga pasaran yang lebih tinggi.	
		Peningkatan kos diesel, selain kenaikan harga input dan barangan pertanian, telah menyebabkan pendapatan bersih petani semakin berkurangan. Penduduk memaklumkan bahawa keuntungan yang diperoleh daripada aktiviti pertanian adalah sekitar RM200 sahaja, sekali gus menjejaskan daya maju dan kelangsungan aktiviti pertanian mereka.	
		Kenaikan harga racun perosak dan baja turut meningkatkan kos pengeluaran. Keadaan ini menyebabkan pendapatan dan pulangan yang diperoleh petani tidak lagi setimpal dengan kos yang perlu ditanggung, sekali gus menjejaskan kelangsungan aktiviti penanaman padi.	
2.	Saliran sungai tersumbat dan risiko banjir kilat	Sungai utama yang terletak di Kampung Terong Asam dan berada di bawah penyeliaan MADA didapati tidak diselenggara sejak kira-kira tiga tahun yang lalu. Sungai yang mempunyai panjang lebih kurang 2 kilometer ini kini dipenuhi tumbuhan air dan tumbuhan liar yang menyebabkan saliran sungai tersumbat serta menghalang aliran air.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Keadaan ini menjadi lebih serius ketika hujan lebat apabila air sungai tidak dapat mengalir dengan lancar, menyebabkan air melimpah dan berisiko memasuki rumah penduduk. Penduduk memaklumkan bahawa penyelenggaraan dan kerja-kerja pembersihan sungai sebelum ini dilakukan secara berkala, namun aktiviti tersebut tidak lagi dilaksanakan sejak tiga tahun kebelakangan ini.	
		Masalah ini melibatkan kawasan sungai dari Kampung Padang Watt hingga ke kawasan masjid, termasuk bahagian sungai yang melalui Kampung Terong Asam. Penduduk berharap pihak MADA dapat mengambil tindakan dengan menjalankan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan sungai secara berkala seperti yang dilaksanakan sebelum ini bagi memastikan aliran air tidak terhalang serta mengurangkan risiko banjir kilat yang menjejaskan kediaman penduduk.	
3.	Gangguan haiwan liar	Penduduk di Kampung Terong Asam berdepan dengan masalah gangguan haiwan liar seperti ular berbisa, lutung dan biawak yang sering memasuki kawasan rumah dan mengganggu keselamatan penduduk. Keadaan ini dipercayai berpunca daripada sungai yang tidak diselenggara dengan baik serta kedudukannya yang berhampiran dengan rumah penduduk. Keadaan sungai dan kawasan sekitarnya menyediakan laluan dan habitat yang memudahkan haiwan liar bergerak ke kawasan penempatan. Kehadiran haiwan berbisa, khususnya ular, menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk kerana boleh mengancam	**PERHILITAN** Sebarang aduan berkaitan hidupan liar seperti spesies kera, babi hutan, ular dll boleh dibuat melalui Talian Hotline Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia, 1-800-88-5151 (Isnin-Ahad, 8.00 pagi - 6.00 petang). Pihak Jabatan PERHILITAN akan mengambil tindakan atas aduan yang dilaporkan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		keselamatan penghuni rumah, terutamanya kanak-kanak dan warga emas.	
4.	Tekanan air rendah	Penduduk di Kampung Terong Asam menghadapi masalah tekanan air yang terlalu rendah. Menurut penduduk, keadaan tekanan air sebelum ini tidak seteruk sekarang. Namun, peningkatan pembangunan taman perumahan di kawasan sekitar telah menyebabkan pertambahan permintaan terhadap bekalan air. Keadaan ini dipercayai berpunca daripada kapasiti dan sistem paip air sedia ada yang tidak lagi mampu menampung keperluan penduduk yang semakin meningkat, sekali gus menyebabkan tekanan air menjadi perlahan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
5.	Ketiadaan pusat pengumpulan sampah setempat	Kebanyakan penduduk di Kampung Terong Asam/Jalan Langgar menguruskan sampah isi rumah dengan membakarnya sendiri. Bagi sampah dalam kuantiti yang banyak, penduduk biasanya membuangnya di tong sampah besar yang terletak di Jalan Langgar. Keadaan ini berlaku disebabkan ketiadaan pusat pengumpulan sampah setempat yang teratur dan mudah diakses oleh penduduk.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
6.	Kekurangan bekalan beras tempatan	Pasaran beras di Negeri Kedah kini didominasi oleh beras import, manakala bekalan beras tempatan didapati semakin berkurangan. Keadaan ini dilihat agak ketara memandangkan Kedah merupakan antara negeri utama pengeluar padi negara. Menurut komuniti, kadar pemprosesan dan pengedaran beras tempatan tidak seimbang berbanding kebergantungan terhadap beras import.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Antara faktor yang dikenal pasti ialah kelemahan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap operasi kilang pemprosesan beras. Terdapat dakwaan bahawa sesetengah kilang menyimpan beras yang telah diproses untuk tempoh tertentu sebelum dipasarkan bagi meningkatkan berat dan keuntungan. Keadaan ini boleh menjejaskan kelancaran bekalan serta menyebabkan beras tempatan sukar diperoleh oleh pengguna pada harga yang berpatutan.	
7.	Kekurangan bekalan air pengairan menyebabkan aktiviti penanaman padi tidak dapat dijalankan pada musim kemarau	Aktiviti penanaman padi tidak dapat dijalankan pada musim kemarau disebabkan oleh kekurangan bekalan air untuk pengairan. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh paras bekalan air di Empangan Pedu yang mengalami kekurangan air.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Petani telah mendapatkan maklum balas daripada pihak MADA, yang mencadangkan kaedah taburan kering sebagai alternatif. Walau bagaimanapun, kaedah ini dikhuatiri menimbulkan masalah lain, khususnya pertumbuhan padi angin dan rumpai, yang boleh menjejaskan hasil tanaman serta meningkatkan kos pengurusan ladang.	

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Jalan Datuk Kumbar (DUN Derga / Mukim Derga) **Tarikh:** 26 April 2026 **Bilangan peserta:** 9 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 3 kumpulan **Lokasi:** Pusat Khidmat Ahli Rakyat			• PADPS • AADK • PDRM
1.	Kesesakan lalu lintas di Jalan Datuk Kumbar	Kesesakan lalu lintas di sepanjang Jalan Datuk Kumbar merupakan antara isu yang meresahkan penduduk, khususnya pada waktu puncak seperti waktu pagi, tengah hari dan petang, termasuk ketika waktu persekolahan dan musim perayaan. Kesesakan dilaporkan lebih ketara di kawasan kampung, khususnya di laluan antara sekolah ABIM sehingga ke kawasan klinik.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Jalan Datuk Kumbar merupakan laluan utama yang menghubungkan kawasan Langgar dengan kawasan penempatan sekitarnya. Walaupun pernah dinaik taraf dan dilengkapi lampu isyarat, kesesakan teruk tetap berlaku akibat pertambahan pesat taman perumahan serta jumlah penduduk.	
		Antara faktor yang dikenal pasti ialah terdapat bahagian jalan yang mengecil daripada dua lorong kepada satu lorong, sekali gus menyebabkan pergerakan kenderaan menjadi perlahan. Selain itu, terdapat banyak simpang dan laluan keluar masuk ke kampung serta taman perumahan yang turut menyumbang kepada gangguan aliran trafik. Keadaan ini juga dilaporkan pernah menyebabkan kemalangan di kawasan berkenaan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Penduduk memaklumkan bahawa isu kesesakan ini pernah dibangkitkan melalui aduan awam dan dibawa ke Mesyuarat Tindakan Daerah. Walau bagaimanapun, usaha penyelesaian masih berdepan kekangan peruntukan. Penduduk turut berpandangan bahawa pembangunan dan peruntukan infrastruktur lebih tertumpu di kawasan Alor Setar, sedangkan keperluan peningkatan kapasiti jalan di kawasan ini semakin mendesak.	
		Kesesakan juga amat ketara ketika ibu bapa mengambil dan menghantar anak-anak ke sekolah. Antara institusi pendidikan yang terletak berhampiran ialah Sekolah Kebangsaan Jalan Datuk Kumbar. Pihak polis turut dilaporkan hadir pada waktu puncak bagi membantu mengawal aliran lalu lintas.	
		Sehubungan itu, penduduk mencadangkan supaya kapasiti jalan ditingkatkan, khususnya di bahagian yang kini mengecil daripada dua lorong kepada satu lorong. Cadangan pelebaran jalan dan penambahbaikan pengurusan lalu lintas dilihat penting bagi memastikan pergerakan kenderaan lebih lancar serta meningkatkan aspek keselamatan pengguna jalan raya.	
		Jalan Datuk Kumbar merupakan jalan persekutuan di bawah penyeliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan mempunyai panjang kira-kira 10 km. Walau bagaimanapun, masalah kesesakan paling ketara dilaporkan berlaku di kawasan kampung dan kawasan penempatan yang mengalami pertumbuhan penduduk serta pembangunan perumahan yang pesat.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Jalan Datuk Kumbar merupakan antara lokasi yang sering berlaku kemalangan jalan raya dan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk setempat. Kemalangan dilaporkan berlaku sekitar dua hingga tiga kali sebulan, termasuk beberapa kejadian yang mengakibatkan kematian.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Antara faktor yang dikenal pasti ialah keadaan jalan yang mempunyai banyak lorong dan simpang, selain sikap sebahagian pemandu yang kurang berhati-hati dan cuai ketika memandu. Selain itu, lokasi tempat pengumpulan sampah yang kurang strategik turut dikatakan menyumbang kepada risiko kemalangan. Pemandu yang ingin membuang sampah sering berhenti di bahu atau tepi jalan kerana tiada ruang yang lebih selamat, sekali gus mengganggu aliran lalu lintas dan meningkatkan risiko pelanggaran.	
		Sehubungan itu, penduduk mencadangkan agar Jalan Datuk Kumbar diperbesarkan dan ditambah baik bagi meningkatkan keselamatan serta kelancaran lalu lintas. Penduduk turut mencadangkan supaya tempat pengumpulan sampah dipindahkan ke lokasi yang lebih sesuai dan selamat, jauh daripada laluan utama kenderaan.	
2.	Halangan saliran dan risiko banjir	Penduduk di Jalan Dato' Kumbar memaklumkan bahawa kejadian banjir berlaku akibat pembangunan pesat di kawasan sekitar yang telah menjejaskan laluan saliran air. Keadaan menjadi lebih serius apabila paras air sungai meningkat dan melimpah ke kawasan perumahan, menyebabkan air memasuki rumah penduduk.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Antara faktor utama yang dikenal pasti ialah penutupan sebahagian laluan sungai dengan tanah bagi tujuan pembangunan kedai. Keadaan ini menyebabkan aliran air daripada kawasan tersebut tidak lagi dapat disalurkan dengan baik ke sungai utama di seberang jalan. Penduduk turut memaklumkan bahawa kerja penambakan tanah tersebut dipercayai tidak mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa berkaitan, termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Aduan telah dikemukakan kepada pihak berkaitan, namun sehingga kini penduduk masih belum menerima maklum balas atau tindakan penyelesaian yang sewajarnya.	
		Selain itu, saiz longkang sedia ada didapati tidak mencukupi untuk menampung aliran air, khususnya ketika hujan lebat. Sebelum ini, air dari kawasan longkang dapat mengalir terus ke sungai. Namun, laluan tersebut dipercayai telah ditutup oleh pemilik tanah bagi tujuan meluaskan kawasan tanah, sekali gus menghalang aliran air ke sungai. Keadaan ini menyebabkan sistem saliran di kawasan berkenaan tidak berfungsi dengan baik dan meningkatkan risiko banjir berulang kepada penduduk Jalan Dato' Kumbar, khususnya ketika hujan lebat dan paras sungai meningkat.	
3.	Pengumpulan dan pelupusan sampah tidak teratur	Penduduk di sesetengah kawasan perumahan, khususnya di sekitar Jalan Dato' Kumbar, berdepan dengan isu pengumpulan sampah yang tidak teratur. Walaupun terdapat kemudahan tong sampah dan perkhidmatan kutipan oleh Environment Idaman, jumlah tong sampah yang disediakan mungkin tidak mencukupi berikutan kepadatan kawasan perumahan dan kampung di sekitar lokasi	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		tersebut. Selain itu, masih terdapat segelintir individu yang membuang sampah di luar tong yang disediakan, menyebabkan berlakunya longgokan sampah dan persekitaran yang kurang bersih.	
		Bagi kawasan yang mempunyai perkhidmatan kutipan berjadual, kutipan sampah lazimnya dilakukan sebanyak tiga kali seminggu. Namun begitu, terdapat aduan bahawa kutipan pada sesetengah masa tidak dilakukan mengikut jadual yang ditetapkan. Keadaan ini menyebabkan sampah terkumpul dan menimbulkan bau yang kurang menyenangkan, khususnya di sepanjang jalan serta kawasan perniagaan berhampiran.	
		Di kawasan yang tidak mempunyai perkhidmatan kutipan sampah secara berjadual, sebahagian penduduk mengambil inisiatif untuk membakar sampah sendiri. Amalan ini boleh menimbulkan masalah pencemaran udara dan memberi kesan kepada keselesaan penduduk sekitar.	
4.	Gangguan aktiviti merempit menjejaskan ketenteraman awam	Aktiviti merempit sering berlaku pada waktu malam di sekitar Jalan Datuk Kumbar hingga ke Taman Derga. Golongan belia didapati menggunakan laluan tersebut untuk melakukan aktiviti menunggang motosikal secara berbahaya dan menghasilkan bunyi bising, khususnya daripada ekzos motosikal yang diubah suai.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan risiko kepada keselamatan pengguna jalan raya, malah mengganggu ketenteraman penduduk setempat. Beberapa kemalangan pernah dilaporkan berlaku di kawasan tersebut sehingga kini.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Isu ini dikaitkan dengan tingkah laku sebahagian golongan belia yang kurang bertanggungjawab serta tidak menghormati keselamatan dan ketenteraman penduduk. Penduduk Jalan Datuk Kumbar berharap tindakan pemantauan dan penguatkuasaan dapat dipertingkatkan, khususnya pada waktu malam, bagi mengurangkan aktiviti merempit dan risiko kemalangan di kawasan tersebut.	
5.	Tekanan dan gangguan bekalan air	Penduduk di sekitar Jalan Datuk Kumbar menghadapi masalah tekanan air yang rendah dan gangguan bekalan air secara berkala. Tekanan air yang perlahan menyebabkan penduduk terpaksa menggunakan pam air bagi memastikan bekalan air dapat disalurkan ke rumah, khususnya ke kawasan yang lebih tinggi atau jauh dari sumber utama. Dalam keadaan tertentu, bekalan air hanya diperoleh pada waktu malam selepas tekanan air meningkat.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Masalah ini menjadi lebih serius pada musim perayaan, apabila jumlah penduduk dan penghuni di kawasan perumahan serta kampung meningkat. Penduduk memaklumkan bahawa gangguan bekalan air pada musim perayaan boleh berlarutan sehingga beberapa hari, malah dalam keadaan tertentu sehingga seminggu.	
		Antara faktor yang dipercayai menyumbang kepada masalah ini ialah pertambahan pembangunan perumahan yang pesat tanpa peningkatan kapasiti sistem paip air yang sepadan. Paip sedia ada dipercayai tidak lagi mencukupi untuk menampung keperluan penduduk yang semakin bertambah. Penduduk turut memaklumkan bahawa terdapat kerja-kerja menaik taraf dan membesarkan paip yang sedang dijalankan, namun kerja tersebut masih belum siap	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		sepenuhnya. Selain itu, keadaan paip atau sistem saliran air yang lama dan mungkin telah mengalami kerosakan atau kemerosotan juga dipercayai boleh menjejaskan tekanan air.	
		Sebagai langkah sementara, penduduk boleh mendapatkan bantuan daripada SADA, termasuk bekalan air menggunakan lori tangki dan penyediaan tong air. Walau bagaimanapun, bantuan tersebut lazimnya memerlukan aduan rasmi dibuat terlebih dahulu. Keadaan ini menyebabkan penduduk perlu membuat aduan apabila gangguan bekalan berlaku bagi mendapatkan bantuan segera.	
6.	Jalan perumahan rosak dan berlubang	Jalan-jalan di kawasan taman perumahan sekitar Jalan Datuk Kumbar didapati mengalami kerosakan dan berlubang. Dianggarkan kira-kira 95% jalan di beberapa kawasan taman perumahan berdekatan mengalami kerosakan, termasuk jalan yang telah lama tidak diturap semula. Keadaan ini boleh menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya dan berpotensi menyebabkan kemalangan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Antara taman perumahan yang terlibat ialah Taman Arif Jaya, Taman Derga Jaya, Taman Nuri, Taman Intan, Taman Kiara dan Taman Badlishah, serta beberapa taman perumahan lain di sekitar kawasan Datuk Kumbar.	
		Menurut penduduk, kerosakan berlaku kerana jalan-jalan tersebut telah lama tidak menjalani kerja penurapan semula. Sebahagian penduduk terpaksa mengambil inisiatif sendiri dengan menampal lubang menggunakan simen bagi mengurangkan risiko kepada	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		pengguna jalan raya. Walau bagaimanapun, kaedah ini hanya bersifat sementara dan jalan kembali rosak selepas beberapa tempoh.	
		Penduduk berharap agar pihak berkuasa tempatan dapat melaksanakan kerja penurapan semula secara menyeluruh dan berkala, bukan sekadar menampal kerosakan menggunakan simen. Pada masa yang sama, terdapat perancangan untuk membina jalan utama yang baharu di bawah seliaan JKR di kawasan berkenaan.	
7.	Kerosakan taman permainan	Taman permainan di kawasan perumahan Taman Kiara dan Jalan Datuk Kumbar didapati mengalami kerosakan dan tidak diselenggara dengan baik. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan penduduk kerana kemudahan permainan yang rosak boleh membahayakan keselamatan kanak-kanak yang menggunakannya.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Penduduk telah mengemukakan aduan kepada Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS). Pihak MBAS telah mengambil maklum mengenai aduan tersebut, namun sehingga kini status tindakan pembaikan atau kerja-kerja naik taraf masih belum diketahui. Penduduk berharap agar pemeriksaan dan tindakan pembaikan dapat dilaksanakan dengan segera bagi memastikan taman permainan berada dalam keadaan selamat dan sesuai digunakan oleh kanak-kanak.	
8.	Kolam tadahan air di Taman Kiara tidak dikunci	Kolam tadahan air di Taman Kiara telah dipagar, namun pintu pagar tidak dikunci. Keadaan ini membolehkan kanak-kanak memasuki kawasan kolam dengan mudah tanpa pengawasan, sekali gus meningkatkan risiko kemalangan, termasuk risiko lemas. Menurut penduduk, pernah berlaku kes kanak-kanak berstatus OKU lemas di	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kawasan kolam. Oleh itu, aspek keselamatan kanak-kanak di kawasan perumahan ini perlu diberi perhatian segera, khususnya melalui kawalan akses yang lebih berkesan dan memastikan pintu pagar sentiasa dikunci.	
9.	Peningkatan kos penggunaan jentera	Kenaikan harga minyak telah menyebabkan kos penggunaan jentera pertanian semakin meningkat. Keadaan ini memberi kesan kepada pesawah kerana kos operasi seperti membajak, menuai dan kerja-kerja penyelenggaraan sawah menjadi lebih tinggi, sekali gus mengurangkan pendapatan dan keuntungan mereka. Isu ini turut dikenal pasti di kawasan Jalan Dato Kumbar.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
10.	Lampu jalan tidak berfungsi	Kemudahan lampu jalan di Jalan Dato Kumbar adalah mencukupi, namun terdapat beberapa lampu yang tidak berfungsi. Apabila lampu rosak atau terbakar, proses penggantian mengambil masa yang agak lama, menyebabkan kawasan jalan menjadi kurang terang dan boleh menjejaskan aspek keselamatan pengguna jalan raya serta penduduk setempat.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Mempertimbangkan penggunaan lampu jalan berkuasa solar sebagai alternatif, khususnya di lokasi yang kerap mengalami masalah lampu rosak. Penggunaan lampu solar berpotensi mengurangkan kebergantungan kepada bekalan elektrik serta memudahkan penyelenggaraan di kawasan tertentu.	
11.	Kesukaran peniaga kecil menjana pendapatan	Penduduk di Jalan Datuk Kumbar memaklumkan bahawa hampir separuh daripada penduduk setempat bergantung kepada aktiviti perniagaan kecil sebagai sumber pendapatan harian. Namun, peniaga	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kecil berhadapan dengan kesukaran untuk mengekalkan perniagaan disebabkan oleh kekurangan pelanggan dan penurunan hasil jualan.	*memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Menurut penduduk, keadaan ini turut dipengaruhi oleh pelaksanaan bantuan MyKasih, di mana penebusan barangan hanya boleh dilakukan di kedai-kedai atau premis tertentu yang mempunyai sistem yang diluluskan. Keadaan tersebut menyebabkan penerima bantuan cenderung berbelanja di pasar raya atau kedai yang menerima MyKasih, manakala peniaga kecil di kawasan setempat tidak mendapat manfaat secara langsung daripada perbelanjaan tersebut. Dalam jangka panjang, kekurangan pelanggan menyebabkan sesetengah peniaga terpaksa mengurangkan operasi atau menutup perniagaan.	
		Kewujudan rangkaian kedai serbaneka yang semakin banyak, termasuk kedai berkonsepkan Speedmart, turut dilihat memberi saingan kepada peniaga kecil setempat. Penduduk berpandangan bahawa mekanisme bantuan yang lebih inklusif, termasuk membolehkan lebih banyak kedai kecil yang memenuhi syarat menerima pembayaran MyKasih.	
12.	Gejala sosial dalam komuniti	Flat Taman Setia Jaya yang terdiri daripada 10 blok dengan empat tingkat berhadapan dengan beberapa isu sosial yang membimbangkan, antaranya penyalahgunaan dadah dan ketum, pergaulan bebas, kehamilan luar nikah serta masalah dokumentasi kelahiran. Terdapat beberapa unit rumah yang kosong dan didapati disalahgunakan oleh golongan belia serta sebahagian penduduk	**PADPS** Flat Taman Setia Jaya bukan dibawah bidang kuasa Pejabat Agama Daerah Pokok Sena. Kawasan tersebut termasuk dalam Daerah Kota Setar.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		sebagai lokasi tumpuan (“hotspot”) bagi aktiviti sosial yang tidak sihat dan berisiko.	**AADK** Tindakan AADK berdasarkan aduan diterima : • 5/5/2026 (1 L/M/ +ve meth) • 1/7/2026 (1 L/M/ +ve meth) **PDRM** Tindakan polis berdasarkan aduan diterima: • 27/04/2026 Seksyen: Wanted 15(1)(a) ADB 1952 Tkp: (1/L/C) Rampasan:Tiada • 15/06/2026 Seksyen: Rujuk AADK Tkp: (2/L/M) Rampasan:Tiada • 01/07/2026 Seksyen: Rujuk AADK Tkp: (1/L/M) (1/P/M) Rampasan:Tiada
		Walaupun isu-isu tersebut telah mendapat perhatian daripada beberapa agensi berkaitan, tindakan susulan dan penyelesaian yang berkesan masih menjadi cabaran. Keadaan ini berpotensi menjejaskan keselamatan, kesihatan, kesejahteraan dan masa depan komuniti setempat. Golongan remaja turut terdedah kepada persekitaran berisiko, termasuk terdapat laporan penglibatan kanak-kanak seawal 11 tahun dalam aktiviti yang tidak bermoral.	
		Terdapat kanak-kanak yang berdepan masalah dokumentasi kelahiran sehingga mengehadkan akses mereka kepada peluang pendidikan dan perkhidmatan tertentu. Sebahagian daripada mereka hanya membantu ibu menjual keropok di kawasan berhampiran sebagai sumber pendapatan keluarga.	

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 8: Dialog Bersama Persatuan Penduduk Kebajikan Komuniti India Pokok Sena (DUN Bukit Lada / Mukim Jabi) **Tarikh:** 26 April 2026 **Bilangan peserta:** 3 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan **Lokasi:** Taman Bukit Lada			• PPD
1.	Ibu bapa terbeban dengan bayaran yuran PIBG	Ibu bapa di kawasan Ladang Jabi – Taman Akasia menyuarakan kebimbangan terhadap bayaran yuran PIBG sebanyak RM200, yang dianggap membebankan bagi keluarga berpendapatan rendah. Sebahagian ibu bapa tidak berkemampuan untuk menyediakan bayaran tersebut, khususnya apabila perlu menanggung keperluan persekolahan dan perbelanjaan harian yang lain.	**PPD Kota Setar** Yuran PIBG di SJKT Ladang Jabi dikenakan sebanyak RM150 untuk setiap keluarga Boleh dibayar secara ansuran Mendapat kelulusan bertulis dari Pengarah JPN Kedah Waris tidak mampu boleh berhubung dengan pihak sekolah
2.	Keterbatasan akses kepada wakil dan perkhidmatan kerajaan	Penduduk turut menyatakan bahawa sebelum ini mereka lebih mudah mendapatkan bantuan dan sokongan melalui pemimpin serta wakil kerajaan di peringkat tempatan. Namun, pada masa kini, penduduk mendakwa mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan akses kepada Penghulu, ketua kampung, ahli majlis dan wakil Parlimen bagi menyampaikan permasalahan atau mendapatkan bantuan. Menurut penduduk, wakil Parlimen dilihat lebih kerap hadir	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		ketika musim pilihan raya berbanding melalui kunjungan atau pertemuan secara berkala dengan komuniti.	
3.	Tiada padang untuk rekreasi	Penduduk di kawasan Ladang Jabi – Taman Akasia kini tidak mempunyai padang atau kawasan lapang yang sesuai untuk menjalankan aktiviti komuniti. Buat masa ini, penduduk perlu menggunakan atau meminjam padang di Kampung Aman, khususnya bagi penganjuran aktiviti dan acara yang melibatkan golongan belia. Keadaan ini mengehadkan ruang aktiviti setempat dan menyukarkan penganjuran program komuniti secara berkala.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
4.	Kurang peluang kerja untuk belia	Golongan belia, khususnya belia India, berdepan dengan keterbatasan peluang ekonomi dan pekerjaan di kawasan setempat. Keadaan ini menyebabkan ramai belia terpaksa mencari peluang pekerjaan dan sumber pendapatan di negeri lain.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
5.	Kekangan tempat letak kenderaan di hospital	Cabaran utama yang dikenal pasti ialah kekangan tempat letak kenderaan di Hospital Sultanah Bahiyah, yang terletak kira-kira 7 km dari kawasan komuniti. Klinik kesihatan yang paling hampir ialah Klinik Kesihatan Pokok Sena, yang terletak kira-kira 1.5 km.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
6.	Kelemahan infastruktur saliran dan risiko banjir kilat	Banjir kilat kerap berlaku di kawasan Ladang Jabi hingga Taman Akasia, khususnya ketika hujan lebat. Kejadian terkini dilaporkan berlaku pada September tahun lalu. Keadaan ini dipercayai berpunca daripada saiz longkang sedia ada yang terlalu kecil dan tidak mampu menampung aliran air ketika hujan lebat.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Kebiasaannya, air banjir akan surut dalam tempoh 1 hingga 2 jam selepas hujan berhenti. Namun, kejadian tersebut telah menyebabkan	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kerosakan kepada penduduk dengan anggaran kerugian sekitar RM5,000.	
		Selain itu, terdapat beberapa pemilik rumah yang mengambil inisiatif menggali longkang sendiri bagi membantu melancarkan sistem saliran dan pengairan di kawasan kediaman masing-masing. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk menilai semula sistem perparitan sedia ada supaya lebih teratur dan mampu menampung aliran air, terutama semasa hujan lebat.	
7.	Gangguan jaringan internet dan telekomunikasi	Penduduk di kawasan Ladang Jabi hingga Taman Akasia menghadapi gangguan jaringan internet dan talian telefon, khususnya ketika hujan lebat. Keadaan ini menyebabkan capaian internet menjadi tidak stabil dan menyukarkan penduduk untuk membuat panggilan telefon serta mendapatkan akses kepada perkhidmatan dalam talian.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan FGD 9

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 9: Dialog Bersama Komuniti Taman Nuri (DUN Derga / Mukim Derga) **Tarikh:** 26 April 2026 **Bilangan peserta:** 9 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan **Lokasi:** Taman Nuri			
1.	Tiada lampu isyarat dan akses menyeberangi jalan	Jalan di hadapan Taman Nuri telah ditutup sejak tahun 2023. Sebelum penutupan, jalan tersebut boleh digunakan oleh penduduk untuk menyeberangi jalan dan mengakses kawasan di seberang dengan lebih mudah.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Penutupan jalan di persimpangan Taman Nuri menyebabkan penduduk terpaksa membuat pusingan yang lebih jauh untuk ke kawasan yang sebenarnya hanya berada dalam jarak kira-kira 500 meter. Selepas jalan tersebut ditutup, penduduk perlu membuat pusingan melebihi 2 kilometer, sekali gus meningkatkan masa perjalanan dan menyukarkan akses harian penduduk.	
		Aduan berkaitan perkara ini telah dikemukakan kepada pihak berkenaan. Walau bagaimanapun, penduduk dimaklumkan bahawa pemasangan lampu isyarat di persimpangan tersebut tidak diperlukan. Penduduk mempersoalkan keadaan ini kerana Taman Rajawali yang terletak berdekatan masih mempunyai akses untuk menyeberangi jalan, manakala penduduk Taman Nuri tidak mempunyai kemudahan akses yang sama.	
		penduduk mencadangkan agar lampu isyarat dipasang di persimpangan berhadapan Taman Nuri bagi membolehkan penduduk menyeberangi	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		jalan dengan lebih selamat dan mudah. Pemasangan lampu isyarat juga dilihat dapat membantu mengawal kelajuan kenderaan yang melalui kawasan hadapan taman perumahan serta meningkatkan keselamatan penduduk dan pengguna jalan raya.	
		Penduduk Taman Nuri membangkitkan kebimbangan terhadap risiko kemalangan jalan raya akibat kenderaan yang dipandu pada kelajuan tinggi. Keadaan ini lebih membimbangkan memandangkan Taman Nuri mempunyai jumlah penduduk yang ramai.	
		Isu ini berlaku kerana terdapat kekurangan kemudahan keselamatan jalan raya seperti lintasan pejalan kaki (zebra crossing) dan bonggol. Ketiadaan kemudahan tersebut menyebabkan sesetengah pemandu cenderung memandu laju tanpa mematuhi had kelajuan yang ditetapkan.	
		Penduduk telah mengemukakan aduan dan mencadangkan agar bonggol jalan dibina serta lintasan pejalan kaki ditambah di lokasi yang bersesuaian. Langkah ini diharapkan dapat memperlahankan kenderaan, meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya dan mengurangkan risiko kemalangan di kawasan Taman Nuri.	
2.	Penutupan laluan dan kemerosotan hasil peniaga	Penutupan jalan di persimpangan Taman Nuri telah menyukarkan pembeli untuk mengakses gerai dan premis perniagaan di kawasan tersebut. Keadaan ini turut memberi kesan langsung kepada pendapatan peniaga apabila pelanggan terpaksa membuat pusingan dengan jarak yang lebih jauh untuk memasuki kawasan Taman Nuri bagi mendapatkan makanan dan barangan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Menurut peniaga setempat, selepas penutupan jalan tersebut, jumlah pelanggan dan hasil jualan mereka telah menurun dengan ketara, iaitu dianggarkan berkurang sehingga separuh berbanding sebelum penutupan jalan.	
		Penduduk Taman Nuri turut terkesan dengan penutupan jalan tersebut kerana ia menyukarkan akses keluar masuk ke kawasan perumahan, khususnya bagi penduduk yang ingin mendapatkan perkhidmatan dan keperluan harian di kawasan sekitar.	
3.	Keperluan naik taraf infrastruktur bekalan air	Penduduk Taman Nuri menghadapi masalah bekalan air yang perlahan dan tidak lancar, khususnya pada waktu puncak apabila penggunaan air meningkat. Keadaan ini dipercayai berpunca daripada sistem paip yang tidak diselenggara dengan baik serta paip yang telah usang, menyebabkan aliran air menjadi perlahan dan berkemungkinan berlaku sumbatan. Masalah ini menjejaskan aktiviti harian penduduk, terutamanya keperluan asas seperti memasak, membersihkan rumah dan urusan harian lain.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
4.	Longkang tersumbat dan kurang penyelenggaraan	Longkang di kawasan Taman Nuri didapati kecil, tersumbat dan kurang diselenggara. Keadaan ini turut berpunca daripada pembuangan sampah yang menyebabkan aliran air tidak lancar. Masalah tersebut boleh mengakibatkan banjir, bau yang kurang menyenangkan serta gangguan kepada penduduk dan peniaga setempat. Keadaan hanya dapat dipulihkan selepas kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan dilaksanakan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Banjir dan Banjir Kilat

Banjir merupakan antara isu utama yang dikenal pasti di beberapa kawasan dalam Parlimen Pokok Sena. Apabila hujan lebat berlaku, air banjir mengambil masa kira-kira tiga hari untuk surut dan dalam keadaan tertentu boleh berlanjutan sehingga tujuh hari. Keadaan ini dikaitkan dengan faktor geografi kawasan yang berfungsi sebagai kawasan takungan air. Tempoh surut yang panjang menyebabkan penduduk terpaksa berdepan dengan gangguan terhadap aktiviti harian serta kerosakan harta benda. Kapasiti sistem saliran dan parit dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang menyumbang kepada kejadian banjir dan banjir kilat. Apabila hujan lebat berlaku, jumlah air yang mengalir melebihi kapasiti longkang dan parit sedia ada. Keadaan ini menyebabkan air melimpah ke kawasan perumahan dan kampung, selain meningkatkan risiko hakisan tanah. Di Kampung Baru Bukit Pinang, misalnya, air dari kawasan bukit mengalir melalui longkang yang dibina berhampiran projek perumahan baharu, termasuk perumahan penjawat awam. Apabila kapasiti longkang tidak mampu menampung jumlah air yang banyak, air melimpah ke kawasan rumah penduduk dan menyebabkan air bertakung. Aliran air yang deras turut menyebabkan hakisan tanah.

Kesan Pembangunan Baharu terhadap Aliran Air

Penduduk Kampung Baru Bukit Pinang memaklumkan bahawa masalah tersebut mula menjadi lebih ketara selepas pemaju membina tembok di kawasan taman perumahan baharu pada tahun 2025. Air yang melimpah kemudiannya mengalir melalui kawasan rumah penduduk sehingga ke Sekolah Kebangsaan Bukit Pinang, yang turut terjejas akibat banjir. Penduduk telah mengemukakan aduan kepada pemaju, Permodalan Kedah Berhad. Pihak pemaju kemudiannya mengambil tindakan menambak dan memadatkan tanah di kawasan yang mengalami hakisan. Walau bagaimanapun, masalah limpahan air dan hakisan masih berterusan. Antara kejadian banjir yang dilaporkan paling teruk berlaku pada November 2025.

Kapasiti Sungai dan Kolam Takungan

Di Taman Puteri**,** penduduk memaklumkan bahawa sepanjang kira-kira 13 tahun mereka menetap di kawasan tersebut, kejadian banjir yang serius tidak pernah berlaku sebelum ini. Namun, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kawasan tersebut telah mengalami sekurang-kurangnya dua kejadian banjir**.** Antara faktor yang dikenal pasti ialah saiz longkang yang tidak mencukupi serta kedalaman dan kapasiti sungai yang tidak mampu menampung aliran air**.** Penduduk berpandangan bahawa sungai perlu diperbesarkan dan didalamkan bagi meningkatkan kapasiti aliran air. Aktiviti mengorek sungai hanya dilaksanakan selepas kejadian banjir berlaku, sedangkan langkah penyelenggaraan dan pencegahan secara berkala dilihat lebih diperlukan. Kolam takungan sedia ada, yang

dianggarkan mempunyai kedalaman sekitar 20 kaki, turut dilihat tidak lagi mencukupi untuk menampung jumlah air yang meningkat, khususnya ketika hujan lebat. Pembangunan perumahan yang semakin pesat di kawasan bekas bendang turut dilihat sebagai antara faktor yang mempengaruhi kejadian banjir. Pada masa dahulu, kawasan bendang berfungsi sebagai kawasan takungan sementara yang dapat menampung lebihan air hujan. Namun, apabila kawasan tersebut dibangunkan untuk projek perumahan, fungsi semula jadi sebagai kawasan takungan semakin berkurangan. Selain itu, pembangunan taman perumahan baharu turut mengubah laluan air sedia ada. Laluan air menjadi lebih sempit atau perlahan, menyebabkan air terkumpul dan meningkatkan risiko banjir kilat di kawasan perumahan dan kampung berhampiran.

Penyelarasan antara Agensi dan Tindakan Susulan

Beberapa agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), pihak berkuasa tempatan dan MADA pernah turun ke kawasan yang terjejas untuk melihat keadaan banjir dan sistem saliran. Di Kampung Baru Bukit Pinang, pihak JPS termasuk pengarah turut hadir meninjau keadaan selepas aduan dibuat. Walau bagaimanapun, penduduk memaklumkan bahawa maklumat dan tindakan susulan selepas mesyuarat tersebut masih belum jelas. Di Taman Puteri pula, terdapat isu berkaitan pembahagian peranan dan penyelarasan antara agensi yang terlibat. Keadaan ini menunjukkan keperluan kepada satu mekanisme penyelarasan yang lebih jelas bagi memastikan isu saliran, sungai, pembangunan dan kolam takungan dapat ditangani secara bersepadu. Selain isu pencegahan, pengurusan selepas banjir turut menjadi keperluan penduduk. Kejadian banjir menyebabkan kerosakan harta benda dan memerlukan kerja pembersihan, khususnya untuk mengeluarkan selut dan lumpur dari rumah serta kawasan sekitar. Dalam keadaan bencana, terdapat penglibatan organisasi kemasyarakatan seperti Jabatan Amal Malaysia dan Khidmat Malaysia yang membantu dalam kerja-kerja pengurusan dan pemulihan bencana, termasuk di kawasan seperti sempadan Kampung Tok Kun, Lorong 3 belakang surau dan Kampung Bukit. Secara keseluruhannya, isu banjir di Parlimen Pokok Sena bukan sahaja berkaitan dengan jumlah hujan yang tinggi, tetapi turut dipengaruhi oleh kapasiti saliran dan sungai yang terhad, kehilangan kawasan takungan akibat pembangunan, perubahan laluan air, hakisan tanah serta penyelenggaraan infrastruktur yang belum mencukupi. Oleh itu, penyelesaian memerlukan pendekatan bersepadu yang melibatkan perancangan pembangunan, pengurusan saliran, peningkatan kapasiti sungai dan kolam takungan, serta penyelarasan tindakan antara agensi dan pemaju.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Tempoh surut air banjir yang panjang 2. Sistem saliran dan parit tidak mencukupi 3. Limpahan air dari kawasan pembangunan baharu 4. Hakisan tanah akibat aliran air deras 5. Kapasiti sungai tidak mencukupi 6. Kapasiti kolam takungan tidak mencukupi 7. Kehilangan kawasan bendang sebagai kawasan takungan air 8. Perubahan laluan aliran air akibat pembangunan perumahan 9. Peningkatan risiko banjir kilat akibat pembangunan 10. Kelemahan penyelarasan dan tindakan susulan antara agensi 11. Kerosakan harta benda akibat banjir 12. Keperluan sokongan dan pengurusan pasca banjir
Cadangan Penyelesaian	1. Melaksanakan kajian menyeluruh terhadap sistem saliran dan aliran air bagi mengenal pasti kawasan kritikal yang menjadi titik takungan serta menaik taraf laluan keluar air. 2. Membesarkan, mendalamkan dan menaik taraf longkang/parit di kawasan yang dikenal pasti tidak mampu menampung aliran air ketika hujan lebat. Penyelenggaraan berkala juga perlu dilaksanakan. 3. Pemaju perlu memastikan sistem perparitan projek baharu mempunyai kapasiti yang mencukupi dan tidak meningkatkan aliran air ke kawasan kampung sedia ada. Penilaian sistem saliran perlu dibuat sebelum dan selepas pembangunan. 4. Mengambil kira fungsi kawasan bendang dan kawasan rendah sebagai kawasan takungan air dalam perancangan pembangunan. Kawasan yang kritikal sebagai laluan atau takungan air perlu dilindungi daripada pembangunan yang tidak sesuai. 5. Menetapkan satu agensi peneraju bagi setiap lokasi bermasalah serta menyediakan mekanisme tindakan susulan bersama JPS, PBT, MADA, pemaju dan agensi berkaitan. Setiap mesyuarat perlu mempunyai

	keputusan, agensi bertanggungjawab dan tempoh pelaksanaan yang jelas.
Kumpulan Sasaran	Penduduk kampung dan taman berdekatan tebing sungai dan penduduk Pokok Sena secara amnya.
Kawasan	Parlimen Pokok Sena Kampung Bukit, Kampung Nawa, Kampung Baru Bukit Pinang, Taman Puteri, Kampung Sungai Durian, Kampung Terong Asam.

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi	Sasaran 6.6: Melindungi dan memulihkan ekosistem berasaskan air seperti sungai, tasik, dan tanah lembap.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.5: Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan bilangan orang yang terjejas secara signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding dengan keluaran dalam negara kasar global disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan untuk melindungi golongan miskin dan golongan berisiko.
SDG 13: Tindakan Memerangan Perubahan Iklim	Sasaran 13.3: Meningkatkan pendidikan, kesedaran dan kapasiti manusia terhadap mitigasi perubahan iklim, adaptasi dan amalan lestari.
SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat	Sasaran 17.14: Meningkatkan kesepaduan dasar untuk pembangunan mampan. Sasaran 17.15: Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Pengurusan Sisa Pepejal dan Kebersihan Persekitaran

Di beberapa kawasan kampung dalam Parlimen Pokok Sena, khususnya sekitar Kampung Nawa, Kampung Sungai Durian, Kampung Terong Asam dan Jalan Langgar, masih terdapat masalah ketiadaan pusat pengumpulan sampah yang sesuai dan mudah diakses oleh penduduk. Keadaan ini menyebabkan penduduk mengambil inisiatif sendiri dengan menanam atau membakar sampah di kawasan rumah, terutamanya apabila tiada kemudahan pengumpulan yang disediakan. Bagi sampah dalam kuantiti yang banyak, penduduk biasanya membuangnya di tong sampah besar yang terdapat di lokasi tertentu seperti Kampung Baru dan Jalan Langgar.

Ketidakcukupan dan Ketidakselarasan Kemudahan Pengumpulan Sampah

Pada masa ini, terdapat kawasan pengumpulan sampah berhampiran Klinik Kesihatan Pokok Sena, sekitar Taman Puteri. Sebelum ini, kawasan pengumpulan sampah juga pernah disediakan berhampiran balai polis, namun lokasi tersebut menimbulkan aduan penduduk berdekatan disebabkan bau yang kuat dan gangguan terhadap persekitaran. Bagi kawasan Jalan Datuk Kumbar, perkhidmatan pengurusan sampah disediakan oleh Environment Idaman, dengan kutipan dijalankan sebanyak tiga kali seminggu. Walaupun terdapat beberapa tong sampah di kawasan tersebut, kemudahan yang disediakan dilihat masih belum mencukupi berikutan jumlah taman perumahan dan kampung yang banyak. Selain itu, terdapat juga masalah pembuangan sampah di luar tong oleh sebahagian penduduk.

Ketidakaturan Kutipan dan Kesan terhadap Kebersihan Persekitaran

Selain isu kemudahan, terdapat aduan berkaitan ketidakselarasan jadual kutipan sampah di sesetengah kawasan. Kelewatan kutipan oleh pihak pengurusan menyebabkan sampah terkumpul dan menimbulkan bau kurang menyenangkan, khususnya di sepanjang Jalan Datuk Kumbar yang turut mempunyai kawasan perniagaan. Secara keseluruhannya, isu pengurusan sampah di Pokok Sena bukan sahaja berpunca daripada sikap segelintir penduduk, tetapi turut berkait dengan ketiadaan pusat pengumpulan sampah yang sesuai, kapasiti tong yang tidak mencukupi, lokasi pengumpulan yang kurang sesuai serta ketidakselarasan jadual kutipan. Keadaan ini boleh menyebabkan penduduk mengambil kaedah alternatif seperti pembakaran terbuka dan pembuangan sampah di lokasi tidak ditetapkan, sekali gus memberi kesan kepada kebersihan, kesihatan dan kualiti persekitaran komuniti.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Ketiadaan pusat pengumpulan sampah setempat 2. Ketidakcukupan dan ketidakselarasan kemudahan pengumpulan sampah 3. Ketidakaturan kutipan dan kesan terhadap kebersihan persekitaran
Cadangan	1. Mewujudkan pusat pengumpulan sampah setempat 2. Menambah bilangan dan kapasiti tong sampah 3. Mewujudkan sistem kutipan khusus bagi kawasan kampung 4. Mewujudkan saluran aduan dan pemantauan kutipan
Kumpulan Terjejas	Penduduk Kampung Bukit, Kampung Nawa, Taman Nuri, Kampung Sungai Durian, Kampung Terong Asam dan Jalan Datuk Kumbar
Kawasan	Parlimen Pokok Sena
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.6: Menjelang 2030, mengurangkan kesan alam sekitar per kapita di bandar, termasuk dengan memberi perhatian khusus kepada kualiti udara dan pengurusan sisa perbandaran dan sisa lain.
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	Sasaran 12.5: Menjelang 2030, mengurangkan penjanaan sisa melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula dan guna semula.
SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera	Sasaran 3.9: Menjelang 2030, mengurangkan dengan ketara jumlah kematian dan penyakit akibat bahan kimia berbahaya serta pencemaran dan kontaminasi udara, air dan tanah.
SDG 13: Tindakan Iklim	Sasaran 13.3: Meningkatkan pendidikan, kesedaran dan kapasiti manusia serta institusi berkaitan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim.
SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi	Sasaran 6.3: Menjelang 2030, meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan pembuangan dan meminimumkan pelepasan bahan berbahaya serta meningkatkan kitar semula dan penggunaan semula air dengan selamat.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Kemudahan Dewan Orang Ramai dan Pusat Aktiviti

Kekurangan dewan orang ramai dan ruang aktiviti komuniti. Di Kampung Bukit dahulunya terdapat sebuah Dewan Orang Ramai yang digunakan oleh penduduk untuk menjalankan pelbagai program dan aktiviti komuniti. Walau bagaimanapun, dewan tersebut kini telah ditukar menjadi tadika. Dewan KEDA merupakan kemudahan terdekat, namun penggunaannya memerlukan bayaran sewa. Keadaan ini berlaku kerana dewan yang dibina sebelum ini berada di atas tanah persendirian. Selepas beberapa tahun, berlaku pengambilalihan terhadap dewan tersebut sehingga penduduk kampung kehilangan kemudahan awam untuk menjalankan aktiviti secara percuma. Manakala, di kawasan sekitar Kampung Nawa, penduduk tidak mempunyai Dewan Orang Ramai atau pusat aktiviti khusus. Pada masa ini, penduduk boleh menggunakan ruang PAWE melalui kaedah sewaan. Di Taman Puteri penduduk tidak mempunyai dewan yang sesuai untuk menjalankan program. Mereka terpaksa meminjam atau menyewa dewan di kampung berhampiran. Selain itu, masjid turut digunakan sebagai lokasi menjalankan aktiviti komuniti. Penduduk Ladang Jabi turut berdepan keperluan terhadap ruang komuniti dan kemudahan aktiviti yang bersesuaian.

Kemudahan Rekreasi dan Padang

Kekurangan kawasan riadah, padang dan ruang rekreasi untuk komuniti. Sekitar Kampung Nawa penduduk menyatakan bahawa kawasan riadah yang sesuai adalah terhad. Kemudahan yang paling hampir adalah di Kuala Nerang, menyebabkan penduduk perlu bergerak ke luar kawasan untuk mendapatkan kemudahan rekreasi. Di kampung Sungai Durian tidak terdapat padang atau kawasan rekreasi yang sesuai untuk kegunaan warga kampung. Penduduk juga tidak lagi mempunyai padang yang boleh digunakan untuk aktiviti komuniti. Buat masa ini, mereka meminjam padang di Kampung Aman, khususnya bagi penganjuran aktiviti dan program melibatkan golongan belia.

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kekurangan dewan orang ramai dan ruang aktiviti komuniti. 2. Kekurangan kawasan riadah, padang dan ruang rekreasi untuk komuniti.
Cadangan	1. Mengenal pasti tanah kerajaan atau tanah milik agensi yang sesuai untuk pembinaan Dewan Orang Ramai yang kekal dan tidak bergantung kepada tanah persendirian. 2. Mengenal pasti tanah kerajaan yang boleh dibangunkan sebagai padang komuniti atau kawasan rekreasi di kawasan Pokok Sena.
Kumpulan Terjejas	Penduduk Kampung Sungai Durian, Kampung Nawa, Kampung Bukit, Batu 9 Ladang Jabi
Kawasan	Parlimen Pokok Sena
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.7: Menjelang 2030, menyediakan akses sejagat kepada ruang hijau dan ruang awam yang selamat, inklusif dan mudah diakses, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, warga emas serta orang kurang upaya.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Terdapat tiga projek utama telah dikenalpasti bagi Parlimen Pokok Sena bagi menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Program Pemerkasaan Literasi dan Kemahiran Kecerdasan Buatan (AI) untuk Komuniti "Komuniti Celik AI"	Projek Pembinaan Pusat Operasi Komuniti Pintar (Smart Community Hub) Taman Puteri	Naik Taraf Infra Pasar Kampung Bukit
SDG Berkaitan	SDG 4, 8, 10, 17	SDG 4, 9, 11, 17	SDG 8, 11, 17
Objektif	Memperkasa peserta dengan pengetahuan asas AI, kemahiran menggunakan alat AI untuk pembelajaran dan pekerjaan, serta kesedaran tentang etika dan keselamatan digital, sekali gus merapatkan jurang digital dan menyediakan komuniti untuk ekonomi berasaskan teknologi.	1. Mengurangkan risiko kerosakan dan kehilangan peralatan komuniti. 2. Menyediakan pusat operasi, stor peralatan dan akses pembelajaran digital. 3. Meningkatkan kesiapsiagaan komuniti menghadapi banjir dan kecemasan.	Matlamat projek adalah mewujudkan sebuah pasar desa yang moden, kondusif dan berdaya saing bagi merancakkan ekonomi komuniti. Projek ini akan melindungi pengguna daripada cuaca, meningkatkan keselamatan dan kebersihan, menarik lebih ramai pengunjung, memelihara kualiti produk jualan serta meningkatkan pendapatan peniaga dan kesejahteraan masyarakat Kampung Bukit secara berterusan.
Hasil Jangkaan	Projek ini memberi impak langsung dengan meningkatkan keyakinan dan kemahiran AI dalam kalangan peserta, membuka peluang pendidikan dan pekerjaan yang lebih baik, serta merapatkan jurang digital	Impak Sosial Pusat bersama untuk mesyuarat, aktiviti dan penyelarasan komuniti; menggalakkan penyertaan dan perpaduan. Outcome: pengurusan komuniti lebih tersusun dan	Output utama projek ialah sebuah pasar berbumbung yang selesa, selamat dan berfungsi sepanjang tahun tanpa gangguan cuaca. Projek ini dijangka meningkatkan keselesaan lebih ramai peniaga dan pengunjung,

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	di peringkat komuniti. Guru yang dilatih dapat mengaplikasikan alat AI dalam pengajaran, memberi kesan berganda kepada pelajar mereka.	sekurang-kurangnya 30-50 sukarelawan terlibat sepanjang projek. Impak Pendidikan Akses internet dan ICT disediakan untuk menyokong pembelajaran digital. Outcome: sekurang-kurangnya 4 sesi pembelajaran digital dan penggunaan kemudahan oleh 70% daripada jumlah pelajar/penduduk di komuniti ini. Impak Keselamatan & Bencana Pusat operasi dan stor kecemasan membantu penyimpanan aset serta koordinasi ketika banjir. Outcome: peralatan utama direkod, disimpan secara khusus dan mudah dicapai.	mengurangkan kerosakan barangan akibat panas dan hujan, meningkatkan kebersihan serta keselamatan kawasan pasar, menarik lebih ramai pelanggan, dan seterusnya meningkatkan pendapatan peniaga tempatan. Secara keseluruhannya, projek ini akan memperkukuhkan peranan Pasar Kampung Bukit sebagai pusat ekonomi dan sosial komuniti setempat.
Organisasi	MKK Kampung Baru Sungai Durian Mukim Gajah Mati	Persatuan Penduduk Taman Puteri, Pokok Sena	Koperasi Serbaguna Mukim Bukit Lada Kedah Berhad
Aktiviti	11 aktiviti	12 aktiviti	12 aktiviti
Jumlah (RM)	RM40,000	RM40,000	RM40,000
Lokasi	Kampung Baru Sungai Durian	Taman Puteri	Kampung Bukit
Tempoh	4 bulan	4 bulan	4 bulan

6.0 RUJUKAN

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Aktiviti Utama Mengikut Daerah: Daerah Pokok Sena.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Maklumat Asas Daerah Pentadbiran – Kedah, Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.

OpenDOSM. Kawasanku: P.008 Pokok Sena. Data MyCensus 2020.

Kerajaan Negeri Kedah. Daerah di Negeri Kedah Darul Aman – Pokok Sena.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). *Aktiviti Utama Mengikut Daerah – Daerah Pokok Sena.* Data pertanian dan subsektor tanaman.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). *Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 – Daerah Pentadbiran.* Statistik sektor perkhidmatan Pokok Sena.

Pusat Ekonomi Digital Pokok Sena (NADI). *Sosioekonomi dan Keusahawanan.*

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Maklumat aktiviti Pertubuhan Peladang Kawasan Pokok Sena.

FAMA. Program Rezeki Tani dan aktiviti pemprosesan makanan di kawasan Pokok Sena.

MalaysiaAktif. *SME Agropark Pokok Sena Pacu Revolusi Pertanian Moden di Kedah*, 27 April 2026.

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **114 – 122**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **126 – 131**

1.1 Geografi/Topografi 126

1.2 Komposisi Penduduk 127

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 128

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 129

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **132 – 134**

2.1 Pendekatan Kajian 132

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 133

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 133

2.4 Keterbatasan Kajian 134

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **135 – 145**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **146 – 192**

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-Isu 146

4.2 Pengutamaan Isu 188

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **193**

6.0 RUJUKAN **199**

P.017
Padang Serai

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.017 Padang Serai

LAWATAN PEMETAAN ISU 2026 - PADANG SERAI

10 - 12 APRIL 2026
(JUMAAT - AHAD)

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN PADANG SERAI, YB DATO' AZMAN NASRUDIN



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1 | 10 APRIL 2026

1. FGD 1: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Keladi
2. FGD 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Sungai Ular
3. FGD 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Desa Lembah Sungai Kulim Kelang Lama

HARI 2 | 11 APRIL 2026

4. FGD 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Pokok Sena
5. FGD 5: Sesi Dialog bersama Komuniti Sungai Karangan

HARI 3 | 12 APRIL 2026

6. FGD 6: Sesi Dialog bersama Ahli Persatuan Nelayan Darat
7. FGD 7: Sesi Dialog bersama Komuniti Mukim Padang Cina
8. FGD 8: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Jangkang dan Kampung Sungai Kob

PASUKAN PENYELIDIK



Dr. Thanaraj Murudi
Ketua Penyelidik



Prof. Datuk Dr.
Denison Jayasooria



James Ryan Raj




Dr. Teo Lee Ken



Rose Helen Ambrose



Siti Nurashikin Ismail
Pelatih Latihan Industri (UKM)



Nazatul Aina Nasuha Nazarudin
Pelatih Latihan Industri (UTHM)

GERAK KERJA LAWATAN PEMETAAN ISU PADANG SERAI



15/01/2026 MESYUARAT AWALAN





Mesyuarat awalan bersama YB Dato' Azman Nasrudin, Ahli Parlimen Padang Serai, telah diadakan di Pusat Khidmat Parlimen bagi membincangkan pengenalan APPGM-SDG serta kerjasama dua hala antara pihak APPGM-SDG dan pejabat ahli parlimen. dalam penelitian isu-isu setempat yang mendesak sebagai persediaan untuk pemetaan isu di Parlimen Padang Serai yang dijadualkan berlangsung pada April 2026.

27/03/2026 SESI PEMPROFILAN





Sesi pemprofilan Palrimen Padang Serai telah dijalankan bersama En. Hisham, Pegawai Khas kepada Ahli Parlimen Padang Serai, bertempat di Pusat Khidmat Parlimen Padang Serai. Pertemuan ini bertujuan untuk memperincikan profil demografi dan landskap sosioekonomi kawasan parlimen tersebut sebagai asas rujukan utama sebelum aktiviti pemetaan isu lapangan dilaksanakan secara menyeluruh.

10/04/2026 FGD 1: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG KELADI





FGD 1 melibatkan penduduk dari Kampung Keladi, Kampung Haji Arshad, dan Kampung Kilang Sagu. Isu kritikal yang dibangkitkan termasuklah hakisan tebing Sungai Kulim yang mengancam kediaman penduduk serta sistem perparitan yang tidak sempurna sehingga mencetuskan banjir kilat. Masalah infrastruktur pendidikan turut menjadi perhatian apabila SK Kg. Keladi tidak mempunyai padang sekolah selama lebih 20 tahun, manakala Kampung Haji Arshad pula ketiadaan Sekolah KAFA dan dewan komuniti. Selain itu, penduduk mengadu tentang ketiadaan sistem kutipan sampah yang sistematik, masalah penagihan dadah yang meningkatkan kes jenayah, serta gangguan lembu yang dibiarkan berkeliaran. Isu kos sara hidup juga ditekankan kerana harga barangan asas seperti minyak paket dan gula dijual melebihi harga kawalan.

10/04/2026 FGD 2: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI SUNGAI ULAR





FGD 2 melibatkan penduduk di kawasan Sungai Ular dan Kampung Sungai Sera melaporkan masalah pencemaran air sungai yang berbau dan bertukar warna akibat aktiviti penternakan ikan keli secara besar-besaran. Dari aspek ekonomi, golongan muda dan pekerja berpendapatan rendah menghadapi kesukaran memiliki rumah sendiri ekoran kenaikan harga tanah dan kadar sewa yang meningkat mendadak di kawasan Parlimen Padang Serai. Keselamatan penduduk turut terganggu oleh kehadiran haiwan liar seperti kera dan babi hutan, serta anjing liar yang berisiko menggigit orang awam. Selain itu, terdapat keperluan mendesak untuk membina fasiliti sukan bagi belia di tanah wakaf masjid Kapur Batu 4 serta mewujudkan pusat perniagaan berpusat untuk merangsang ekonomi setempat.

10/04/2026 FGD 3: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI DESA LEMBAH SUNGAI KULIM KELANG LAMA



FGD 3 membincangkan isu paling utama yang dihadapi penduduk di Kampung Dusun, Kampung Belakang Maybank, dan Kampung Desa Lembah Kulim adalah ketiadaan paip utama bekalan air bersih sejak tahun 1986, yang memaksa mereka menyelenggara sistem paip sementara sendiri. Masalah sistem perparitan yang tidak terancang juga sering mengakibatkan banjir di beberapa kampung seperti Kampung Sungai Badak dan Kampung Tok Rasul. Peniaga kecil-kecilan di kawasan ini terbeban dengan kenaikan harga bahan mentah, manakala ketiadaan sistem kutipan sampah berkala menyebabkan pencemaran alam sekitar. Selain itu, ketiadaan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) menyukarkan keluarga yang mempunyai anak OKU untuk mendapatkan sokongan penjagaan yang sewajarnya.

11/04/2026 FGD 4: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG POKOK SENA





Perbincangan FGD 4 merangkumi kawasan Kampung Bagan Sena, Labu Besar, dan Merbau Pulas. Isu kesihatan menjadi kebimbangan utama berikutan pemindahan Klinik Desa Kg. Bagan Sena ke Labu Besar yang dijangka menyebabkan kesesakan, selain masa menunggu yang lama di Klinik Kesihatan Merbau Pulas dan Hospital Kulim. Sektor telekomunikasi juga bermasalah dengan gangguan internet yang kerap di Kampung Bagan Sena sejak tahun 2025. Isu lain termasuklah gangguan kera dan babi hutan yang merosakkan tanaman, risiko hakisan tanah akibat aktiviti kuari pasir di Kampung Payah Jemerli, penagihan dadah dalam kalangan remaja, serta harga getah yang rendah. Penduduk juga terpaksa ke Labu Besar untuk mendapatkan barangan runcit kerana ketiadaan kedai runcit di kampung mereka sejak 2011.

11/04/2026 FGD 5: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI SUNGAI KARANGAN





FGD 5 melibatkan komuniti India di Taman Kenangan dan Desa Aman, Sungai Karangan yang membangkitkan isu kekangan ekonomi yang menyebabkan mereka tidak mampu memiliki rumah sendiri dan terpaksa menyewa. Akses jalan keluar dari Desa Aman sering terputus ketika hujan lebat, menyebabkan penduduk terperangkap sehingga beberapa hari. Selain itu, ketiadaan lampu jalan dan lampu isyarat di Lorong 3 Taman Kenangan telah mengakibatkan kemalangan maut di simpang tiga berhampiran. Dari segi kebajikan, terdapat segelintir penduduk yang mempunyai masalah kesihatan namun hanya bergantung kepada bantuan STR tanpa menerima bantuan tambahan daripada agensi kebajikan yang lain.

12/04/2026 FGD 6: SESI DIALOG BERSAMA AHLI PERSATUAN NELAYAN DARAT



FGD 6 melibatkan nelayan darat di Sungai Karangan yang mengadu tentang ketidaksamarataan bantuan di mana nelayan sambilan dan mereka yang berumur 40 tahun ke atas sering dipinggirkan daripada menerima elaun sara hidup. Aktiviti penangkapan ikan terjejas teruk oleh pencemaran sungai daripada sisa industri dan aktiviti kuari yang merosakkan pukat serta membahayakan nyawa. Kos operasi bot juga meningkat akibat ketiadaan subsidi petrol untuk nelayan darat. Selain itu, permohonan untuk mewujudkan Pusat Pengumpulan Ikan yang dikemukakan sejak Julai 2025 masih belum mendapat kelulusan rasmi, menyebabkan hasil tangkapan sukar dijual apabila kuantiti terlalu banyak.

12/04/2026 FGD 7: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI MUKIM PADANG CINA



FGD 7 melibatkan komuniti Mukim Padang Cina yang membincangkan isu infrastruktur seperti perparitan yang tidak sempurna dan titi jalan usang di Kampung Batu Puteh menjadi masalah utama yang membahayakan penduduk. Pencemaran air dan bau daripada loji kumbahan Indah Water Konsortium (IWK) berhampiran Taman Mutiara turut menjejaskan kesejahteraan awam. Isu pendidikan timbul apabila ada pelajar terpaksa berhenti sekolah untuk bekerja ekoran masalah kewangan keluarga. Masalah lain termasuklah gangguan kera liar di Kampung Pagar Museh, pencemaran udara daripada kilang kitar semula, ketiadaan tong sampah, serta pengambilan tanah perniagaan oleh JKR di Simpang Kampung Batu Puteh yang menjejaskan punca pendapatan peniaga kecil.

12/04/2026 FGD 8: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG JANGKANG DAN KAMPUNG SUNGAI KOB





FGD 8 melibatkan penduduk di Kampung Kemunting, Kampung Kemunting Baru, dan Kampung Ulu Paip yang menghadapi masalah banjir akibat limpahan air dari lombong lama yang terbiar. Walaupun capaian internet di Kg. Kemunting telah bertambah baik, isu ini masih belum selesai di kawasan sekitarnya. Sistem perparitan di Kampung Selarung yang kecil dan rosak turut menyebabkan banjir kilat yang menjejaskan harta benda penduduk. Keperluan infrastruktur lain yang mendesak adalah pemasangan lampu jalan di sepanjang jalan utama dari Taman Sepilai ke Taman Mutiara yang gelap pada waktu malam, ketiadaan tempat permainan kanak-kanak, serta gangguan bekalan elektrik dan air yang kerap berlaku.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.017 Padang Serai

Senarai Jadual

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Padang Serai (P.017) 127
Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Padang Serai.....133
Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG.....135
Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1 146
Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2 154
Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3 158
Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4 165
Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5 173
Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6 175
Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7 178
Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8 185
Jadual 12. Ringkasan Isu 1 189
Jadual 13. Ringkasan Isu 2 190
Jadual 14. Ringkasan Isu 3 192

Senarai Singkatan

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
APPGM-SDG	*All Parties Parliamentary Malaysia – Sustainable Development Goals*
B40	*Bottom 40%* – Merujuk Kepada 40% Isi Rumah Berpendapatan Terendah Di Malaysia
DUN	Dewan Undangan Negeri
YB	Yang Berhormat
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PEMADAM	Persatuan Mencegah Dadah Malaysia
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PN	Perikatan Nasional
SDG	*Sustainable Development Goals*
OKU	Orang Kurang Upaya
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
KEDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah
NADI	Inisiatif Maklumat Dan Komunikasi Kerajaan

1.0 PENGENALAN



YB Dato' Azman bin Nasrudin

Padang Serai merupakan parlimen yang terletak di dalam daerah Kulim, Kedah. Parlimen Padang Serai terdiri daripada dua Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Merbau Pulas dan DUN Lunas[15]. Terdapat dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Padang Serai iaitu Majlis Perbandaran Kulim dan Pihak Berkuasa Tempatan Taman Perindustrian Hi-Tech Kulim[16]. Manakala, pentadbiran daerah ialah Pejabat Daerah dan Tanah Kulim. Keluasan kawasan Parlimen ini adalah 343 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 261,937 orang. Manakala, jumlah populasi yang layak mengundi adalah 135,535 orang. Parlimen Padang Serai mempunyai kepadatan penduduk 764 orang per satu kilometer persegi[17].

Pada tahun 2022, YB Dato' Azman bin Nasrudin daripada parti Bersatu di bawah Perikatan Nasional (PN) telah memenangi kerusi bagi Parlimen Padang Serai. Justeru, program pemetaan isu bagi tahun 2026 di Parlimen Padang Serai ini diadakan dengan usahasama daripada beliau.

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Padang Serai terletak di negeri Kedah dan berhampiran dengan sempadan Seberang Perai, Pulau Pinang, Malaysia. Kulim *Hi-Tech Park* yang terletak di parlimen Padang Serai dan DUN Merbau Pulas adalah sebahagian daripada taman perindustrian yang terbesar dan paling maju di Malaysia. Kulim *Hi-Tech Park* mempunyai industri moden yang berteknologi tinggi dengan kelengkapan 5G, pembekal elektrik khusus *NUR power* yang dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga[18].

Ekosistem industri di Kulim *Hi-Tech Park* merangkumi 12 industri utama yang dipromosikan, iaitu fabrikasi wafer dan aktiviti berkaitan, semikonduktor serta aktiviti berkaitan, industri elektrikal dan elektronik termaju, teknologi jentera dan logam, peralatan kawalan proses dan automasi, bahan termaju, teknologi tenaga alternatif, teknologi pengangkutan, teknologi perubatan dan sains hayat, bioteknologi, industri

[15] P017 Padang Serai: Statistik Subnasional PARLIMEN DAN DUN. (JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA), https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=194128
[16] Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Kedah Darul Aman. https://pbt.kedah.gov.my/
[17] Department of Statistics Malaysia, "P.017 Padang Serai Kawasanku | OpenDOSM," Dosm.gov.my (OpenDOSM, 2020), https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Kedah/parlimen/P.017%20Padang%20Serai
[18] https://www.khtp.com.my/

perkhidmatan dan sokongan, serta teknologi baharu dan yang sedang muncul[19] yang membantu meningkatkan pelaburan ke negeri Kedah dan Malaysia.

Selain itu kawasan perikanan juga menjadi salah satu hub sosio-ekonomi utama penduduk Padang Serai di DUN Merbau Pulas. Manakala, di DUN Lunas pula dipenuhi dengan kawasan perumahan, dan beberapa zon perindustrian ringan.

Komuniti tempatan di kawasan Parlimen Padang Serai ini terdiri daripada kepelbagaian budaya dan etnik. Parlimen Padang Serai mempunyai populasi yang tinggi, terdiri daripada pelbagai kaum termasuk Melayu, India dan Cina.

Secara umumnya, Parlimen Padang Serai mempunyai kawasan bandar dan luar bandar yang dipenuhi pusat ekonomi dengan kawasan zon perindustrian teknologi tinggi, zon perikanan, zon pertanian, perumahan, dan beberapa zon perindustrian ringan.

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan data daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, komposisi penduduk di Parlimen Padang Serai (P017) adalah seperti berikut:

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Padang Serai (P.017)

BIL.	KAUM	BILANGAN	PERATUSAN (%)
1.	Bumiputera	183,618	70.1
2.	India	39,815	15.2
3.	Cina	37,196	14.2
4.	Lain-lain	1,308	0.5
Jumlah Keseluruhan		**261,937**	**100**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia[20]

Parlimen Padang Serai mempunyai jumlah penduduk seramai 261,937 orang dengan kepadatan 764 orang/km². Daripada segi komposisi penduduk mengikut etnik, masyarakat Bumiputera merupakan kumpulan majoriti dengan 70.1 peratus (%), mencerminkan dominasi komuniti ini dalam aspek sosial dan ekonomi tempatan. Kaum India merangkumi 15.2 peratus (%), menunjukkan kehadiran signifikan masyarakat India. Kaum Cina membentuk 14.2 peratus (%), menyumbang kepada kepelbagaian budaya di kawasan ini. Lain-lain etnik hanya 0.5 peratus (%), menunjukkan bilangan kecil penduduk daripada komuniti lain.

[19] Overview Kulim Hi-Tech Park, https://www.khtp.com.my/business/master-plan/#overall

[20] P017 Padang Serai: Statistik Subnasional PARLIMEN DAN DUN. (JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA), https://newss.statistics.gov.my/newss-

Kesimpulannya, Padang Serai adalah kawasan yang merangkumi komuniti berbilang kaum yang didominasi oleh masyarakat Bumiputera, diikuti India dan Cina. Kepelbagaian ini memperkayakan kehidupan sosial, budaya, dan ekonomi kawasan tersebut.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Padang Serai, merupakan kawasan yang merangkumi bandar dan luar bandar yang pesat membangun dengan pelbagai aktiviti ekonomi. Berdasarkan pemerhatian di tapak dan data sedia ada, sektor ekonomi utama di kawasan ini adalah:

Perindustrian Berteknologi Tinggi dan Pembuatan, Perindustrian Ringan dan Pertanian dan Sosioekonomi Luar Bandar Sektor

Perindustrian merupakan nadi utama ekonomi Padang Serai, yang didorong oleh kedudukannya di dalam daerah Kulim yang menempatkan Kulim Hi-Tech Park. Kulim Hi-Tech Park ialah taman perindustrian berteknologi tinggi pertama di Malaysia yang menarik pelaburan multinasional dalam kluster elektronik, elektrikal, dan automotive. Antara kilang besar yang beroperasi di kawasan ini ialah Infineon Technologies, Fuji Electric, Porsche, dan Mazda[21]. Pembangunan industri ini bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan yang luas tetapi juga meletakkan Padang Serai sebagai sebahagian daripada hab perindustrian termaju di wilayah utara[22].

Sektor perkhidmatan dan perdagangan menyokong pertumbuhan bandar di parlimen Padang Serai. Aktiviti perdagangan borong dan runcit adalah yang paling dominan dengan entiti perniagaan, termasuk kedai runcit. Selain itu, aktiviti makanan dan minuman (F&B) amat rancak yang merangkumi restoran dan gerai penjaja. Padang Serai juga terkenal dengan aktiviti ekonomi mikro melalui "Pekan Sehari Ahad"[23] atau Pasar Ahad yang menjadi tumpuan penduduk setempat untuk aktiviti jual beli.

Walaupun sektor industri berkembang pesat, aktiviti pertanian tradisional masih dikekalkan di kawasan luar bandar seperti mukim Mahang dan Nagalilit[24]. Penduduk di kawasan ini bergantung kepada penanaman kelapa sawit dan getah sebagai punca rezeki utama. Selain itu, terdapat aktiviti industri desa seperti pembuatan tapai[25] di Kampung Terat Batu yang menyumbang kepada ekonomi komuniti setempat.

---

[21] "Faktor Kemerosotan Kualiti Hidup Penduduk di Sekitar Kawasan Perindustrian Kulim Hi-Tech: Kajian Kes di Padang Serai."

[22] Socioeconomic Profiling and Dynamics: Insights from a Rural Community Study in Kedah. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/132564/

[23] https://softskill.utar.edu.my/documents/nvreports/Kedah/149.%20Padang%20Serai%20-%20Kedah%20(E).pdf

[24] Socioeconomic Profiling and Dynamics: Insights from a Rural Community Study in Kedah. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/132564/

[25] https://www.penang-traveltips.com/malaysia/kedah/padang-serai/kampung-terat-batu.htm

Secara keseluruhan, ekonomi Parlimen Padang Serai didominasi oleh gabungan sektor perindustrian teknologi tinggi dan perkhidmatan moden, disokong oleh kedudukan strategiknya yang menerima kesan limpahan pembangunan daripada Pulau Pinang serta akses melalui Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE)[26]. Pembangunan yang pesat ini bukan sahaja memperkukuhkan ekonomi khususnya daerah Kulim dan Padang Serai tetapi juga menyumbang kepada pendapatan negara melalui sektor pembuatan yang berorientasikan eksport.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Padang Serai merupakan kawasan yang kian pesat dibangunkan dalam sektor perindustrian teknologi tinggi, perdagangan, dan perkhidmatan. Aktiviti ekonomi yang bertumpu di hab perindustrian utama seperti Kulim Hi-Tech Park, serta aktiviti komersial tempatan melalui "Pekan Sehari Ahad" (Pasar Ahad) dan pelbagai perniagaan kecil, menyediakan peluang pekerjaan yang luas kepada penduduk setempat. Hal ini secara langsung memberi impak kepada pencapaian ***SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi.*** Manakala sasaran yang berkait adalah seperti:

> **Sasaran 8.2:** Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui pempelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan pada sektor nilai tambah tinggi dan sektor intensif buruh.
>
> **Sasaran 8.3:** Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, perwujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.

Komposisi penduduk Parlimen Padang Serai yang berbilang kaum, merangkumi etnik Bumiputera (70.1%), India (15.2%), dan Cina (14.2%), menuntut usaha berterusan bagi memupuk keharmonian sosial yang mampan. Program komuniti yang inklusif amat kritikal untuk memperkukuh hubungan antara kejiranan yang sedia ada, terutamanya di kawasan luar bandar. Selain itu, perhatian khusus dan bantuan perlu disalurkan kepada golongan petani dan nelayan yang merupakan kelompok yang signifikan di kawasan ini, serta penduduk berpendapatan rendah. Pengurusan isu lambakan warga asing juga penting melalui pendekatan yang seimbang bagi mengurangkan kegusaran penduduk setempat terhadap aspek keselamatan, kebersihan, dan persaingan peluang pekerjaan adalah mustahak bagi memastikan kualiti hidup yang inklusif dapat dinikmati oleh semua

[26] Socioeconomic Profiling and Dynamics: Insights from a Rural Community Study in Kedah. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/132564/

lapisan masyarakat tanpa ada golongan yang terpinggir. Hal ini berkait dengan ***SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan*** dengan sasaran seperti berikut:

> **Sasaran 10.2:** Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.
>
> **Sasaran 10.3:** Memastikan peluang sama rata dan mengurangkan keputusan yang tidak adil, termasuk dengan menghapuskan undang-undang, dasar dan amalan bersifat diskriminasi serta mengetengahkan undang-undang, dasar dan tindakan yang bersesuaian dalam hal ini.

Sebagai kawasan yang kian pesat membangun, Parlimen Padang Serai menghadapi cabaran besar dalam menguruskan pertumbuhan penduduk dan transformasi perindustrian yang semakin aktif. Oleh itu, masalah kritikal seperti kesesakan lalu lintas yang teruk pada waktu puncak, pencemaran bunyi dan udara akibat pembinaan kilang serta pergerakan kenderaan berat, dan isu keselamatan perlu ditangani melalui perancangan bandar yang mampan. Inisiatif seperti cadangan pembangunan sistem kawalan trafik pintar, projek pembesaran jalan utama, serta penambahbaikan kemudahan awam seperti balai bomba dan pengurusan sisa pepejal yang lebih sistematik adalah contoh langkah yang sejajar dengan matlamat untuk meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat ***SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan*** terutamanya bagi sasaran tersebut:

> **Sasaran 11.1:** Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak.
>
> **Sasaran 11.3:** Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara.
>
> **Sasaran 11.7:** Menjelang 2030, menyediakan akses sejagat yang selamat, menyeluruh dan mudah dicapai kepada kawasan hijau dan tempat awam, khususnya untuk wanita dan kanak kanak, warga emas dan orang kurang upaya.

Parlimen Padang Serai juga mempunyai aktiviti ekonomi yang meluas, merangkumi sektor pertanian tradisional sehingga penglibatan syarikat-syarikat multinasional gergasi

di Kulim Hi-Tech Park. Kehadiran badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif yang terlibat dalam pembiayaan penyelidikan sosioekonomi komuniti di sini, memperkukuhkan lagi ekosistem pembangunan tempatan. Hal ini sewajarnya menjadi potensi besar dalam mencapai ***SDG 17: Perkongsian Untuk Matlamat*****,** yang menekankan kepentingan perkongsian antara pelbagai pihak untuk pembangunan mampan. Kerjasama antara pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti Majlis Perbandaran Kulim dan PBT Kulim Hi-Tech, sektor swasta, NGO, serta komuniti penduduk Padang Serai amat penting dalam merealisasikan matlamat tersebut, terutamanya dalam usaha menangani isu-isu kritikal seperti kesesakan lalu lintas dan pencemaran akibat perindustrian. Program tanggungjawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat-syarikat di kawasan ini, seperti Infineon Technologies, Fuji Electric, dan kilang automotif lainnya, juga memainkan peranan penting dalam menyokong inisiatif pembangunan mampan serta membantu meningkatkan kualiti hidup penduduk setempat secara keseluruhan. Antara sasaran SDG yang berkaitan adalah seperti:

> **Sasaran 17.17:** Menggalakkan pembangunan, pemindahan, penyebaran dan pengembangan teknologi mesra alam kepada negara membangun dengan syarat yang menguntungkan, termasuk syarat berkonsesi dan berkeutamaan seperti yang dipersetujui bersama.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Kajian awalan telah dilakukan oleh penyelidik untuk memahami latar belakang kawasan Parlimen serta mengenal pasti isu awalan yang terdapat di Parlimen Padang Serai. Kajian awalan ini dilakukan dengan merujuk kepada data sekunder seperti statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian sedia ada, carian internet dan keratan akhbar.

Mesyuarat awalan bersama YB Dato' Azman bin Nasrudin telah dijalankan pada 15 Januari 2026 di Pusat Khidmat Parlimen Padang Serai untuk memberi penjelasan mengenai gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Pihak YB telah bersetuju untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam menjalankan kajian pemetaan isu di Parlimen Padang Serai. Pada 27 Mac 2026, ketua penyelidik telah hadir kali kedua ke Pusat Khidmat Parlimen Padang Serai untuk membincangkan profil parlimen dan draf tentatif lawatan tapak bersama Pegawai Khas Ahli Parlimen En. Hisham.

Selain itu, bagi tujuan mendapatkan kerjasama untuk mengadakan sesi dialog antara agensi, pihak penyelidik APPGM-SDG telah menghantar surat rasmi ke Pejabat Daerah dan Tanah Kulim. Pihak Pejabat Daerah dan Tanah Kulim telah bersetuju untuk mengadakan sesi dialog antara agensi dan program pembangunan kapasiti pada 22 Julai 2026.

Seterusnya, lawatan tapak ke Parlimen Padang Serai telah diadakan sebagaimana yang telah dirangka bersama pihak YB dan APPGM-SDG iaitu pada 10 hingga 12 April 2026. Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Padang Serai adalah seperti berikut:

1. Dr Thanaraj Murudi : Ketua Penyelidik
2. Prof Datuk Dr Denison Jayasooria : Ketua Sekretariat APPGM-SDG
3. En. James Ryan Raj : Timbalan Pengarah Eksekutif
4. Dr. Teo Lee Ken : Pengarah Jabatan Penyelarasan Parlimen
5. Cik Rose Helen Ambrose : Pegawai Projek
6. Cik Siti Nurashikin Ismail : Pelatih Latihan Industri (UKM)
7. Cik Nazatul Aina Nasuha Nazarudin : Pelatih Latihan Industri (UTHM)

Terdapat lapan FGD dan tiga lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama tiga hari di kawasan lokaliti Parlimen Padang Serai. Seterusnya, sesi dialog akan dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Daerah

dan Tanah Kulim. Tentatif ringkas lawatan tapak dan sesi dialog bersama komuniti dan agensi kerajaan adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Padang Serai

TARIKH	SESI DIALOG/FGD
10 April 2026 (Jumaat)	• **Sesi Dialog 1**: Penduduk Kampung Keladi • **Lawatan Tapak 1:** Hakisan Tebing Sungai Kampung Keladi • **Sesi Dialog 2:** Penduduk Sungai Ular • **Sesi Dialog 3**: Penduduk Komuniti Desa Lembah Sungai Kulim, Kelang Lama
11 April 2026 (Sabtu)	• **Sesi Dialog 4**: Penduduk Kampung Bagan Sena • **Sesi Dialog 5**: Penduduk Sungai Karangan • **Lawatan Tapak 2**: Kampung Keladi (isu kebanjiran warga Rohingya)
12 April 2026 (Ahad)	• **Sesi Dialog 6**: Ahli Persatuan Nelayan Darat • **Lawatan Tapak 3**: Kolam ikan nelayan darat • **Sesi Dialog 7**: Penduduk Mukim Padang Cina • **Sesi Dialog 8**: Penduduk Kampung Jangkang & Kampung Sungai Kob

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara, video dan gambar. Sekiranya peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Padang Serai, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Terdapat beberapa cabaran dan halangan yang dihadapi oleh penyelidik sepanjang kajian dijalankan di Parlimen Padang Serai. Antara cabaran yang dihadapi oleh penyelidik adalah seperti pembatalan sesi dialog bersama penduduk Kampung Bikan di saat akhir

dan kekangan masa untuk lawatan tapak. Hal ini berikutan anak kepada *person-in-charge* (PIC) untuk sesi dialog Kampung Bikan telah meninggal dunia sehari sebelum sesi dialog akibat kemalangan. Sehubungan itu, sesi dialog tersebut tidak diteruskan sebagai tanda penghormatan terhadap situasi yang berlaku.

Terdapat beberapa isu yang diutarakan oleh komuniti tempatan di Mukim Padang Cina seperti isu pencemaran udara oleh kilang plastik yang berdekatan dan loji kumbahan yang tidak mematuhi SOP dan berlaku pencemaran sungai. Namun begitu, isu tersebut tidak dapat disahkan melalui lawatan tapak kerana tempoh masa yang terhad.

2.4 Keterbatasan Kajian

Limitasi kajian ini adalah penyertaan daripada komuniti penduduk Sungai Karangan yang kurang menumpukan kepada isu komuniti atau isu setempat, sebaliknya lebih tertumpu kepada isu kebajikan peribadi. Namun demikian, elemen kemiskinan masih jelas dapat diperhatikan dalam kalangan komuniti tersebut.

Limitasi kajian ini ialah berdasarkan makluman yang diperoleh semasa sesi dialog bersama warga Kampung Keladi, yang menyatakan berlaku kebanjiran warga Rohingya di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, dapatan awal menunjukkan maklumat ini tidak tepat. Justeru, pengesahan lanjut (*double confirmation*) diperlukan, dan lokasi yang dikatakan mengalami kebanjiran warga Rohingya perlu diteliti serta disahkan semula melalui pemerhatian lapangan dan sumber yang lebih sahih.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1	Peminggiran sosial dan tingkah laku anti-sosial	Penggunaan dadah seperti syabu, gam, dan ketum yang kritikal dalam kalangan belia. Kurang sokongan agensi, penguatkuasaan tidak berkesan, dan ketiadaan ruang aktiviti sihat.	Sosial	Belia dan penduduk kampung	Kg. Keladi, Kg. Bagan Sena	**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** **Sasaran 3.5:** Mengukuhkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan pengambilan alkohol yang memudaratkan. **SDG 4: Pendidikan Berkualiti** **Sasaran 4.7:** Menjelang 2030, memastikan semua pelajar memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menggalakkan pembangunan mampan, termasuk antara lain, melalui pendidikan untuk pembangunan mampan dan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						gaya hidup mampan, hak asasi manusia, kesaksamaan gender, menggalakkan budaya selamat dan bebas keganasan, kewarganegaraan global dan menghargai kepelbagaian budaya serta sumbangan budaya kepada pembangunan mampan. **SDG 16: Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kuat** **Sasaran 16.1:** Secara ketara mengurangkan semua bentuk keganasan dan kadar kematian berkaitan di mana-mana sahaja.
2	Limitasi kemudahan awam dan perkhidmatan asas	Keperluan dewan serbaguna, pusat komuniti, dan stesen minyak. Tiada kemudahan rekreasi, bekalan air dan elektrik tidak stabil, serta jalan raya	Tadbir urus	Penduduk setempat	Kg. Bagan Sena, Desa KEDA, Kg. Kuala Tahan	**SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** **Sasaran 9.1:** Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		yang berisiko kemalangan maut.				sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.2:** Menjelang 2030, menyediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, mampu milik, boleh diakses dan mampan untuk semua, menambah baik keselamatan jalan raya, terutamanya dengan mengembangkan pengangkutan awam, dengan perhatian khusus kepada keperluan mereka yang berada dalam situasi yang terdedah, wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
3	Capaian jaringan telekomunikasi dan internet yang tidak stabil	Rangkaian internet dan liputan telefon yang terhad serta tidak stabil. Menyukarkan pelajar mengikuti pembelajaran dalam talian dan penduduk yang bekerja dari rumah (BDR).	Sosial	Pelajar dan pekerja BDR	Kg. Bagan Sena, Kg. Kemunting, Kg. Ulu Paip, Kg. Bikan	**SDG 4**: **Pendidikan Berkualiti** **Sasaran 4.1:** Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak perempuan dan lelaki mendapat pendidikan rendah dan menengah yang percuma, saksama dan berkualiti, yang akan membuahkan hasil pembelajaran yang relevan dan berkesan. **SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** **Sasaran 9.4:** Menjelang 2030, menaik taraf infrastruktur dan merekayasa industri untuk menjadikannya mampan, dengan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber dan penggunaan teknologi serta proses perindustrian yang canggih, bersih dan mesra alam, dengan komitmen semua negara

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						berdasarkan keupayaan masing-masing.
4.	Kekangan infrastruktur sumber air terawat	Ketiadaan paip utama yang memaksa penduduk membina sistem paip sementara sendiri sejak 1986. Paip sementara kerap rosak akibat banjir, menyebabkan ketiadaan air selama 1-2 minggu.	Sosial	Penduduk kampung	Kg. Dusun, Desa Lembah Kulim, Kg. Tok Rasul	**SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi Sasaran 6.1:** Menjelang 2030, mencapai akses sejagat dan saksama kepada air minuman yang selamat dan berpatutan untuk semua.
5.	Tiada kemudahan setempat Orang Kurang Upaya (OKU)	Ketiadaan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang berhampiran. Ibu bapa sukar menghantar anak OKU untuk intervensi dan latihan kemahiran.	Sosial	Anak-anak OKU dan ibu bapa	Desa Lembah Sungai Kulim, Kelang Lama	**SDG 10**: **Mengurangkan Ketidaksamarataan** **Sasaran 10.2:** Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.
6.	Kelemahan pemasaran dan	Ketiadaan pusat ekonomi tersusun dan ketidakselarasan harga	Ekonomi	Penoreh getah dan nelayan darat	Kg. Sungai Ular, Kg. Bagan Sena	**SDG 1: Tiada Kemiskinan** **Sasaran 1.4:** Menjelang 2030, memastikan semua kumpulan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
	pengumpulan hasil	getah. Harga getah peraih lebih rendah (RM3.20) berbanding harga RISDA (RM4.00) dan tiada pusat pengumpulan ikan untuk nelayan darat.				masyarakat, baik lelaki atau wanita, khususnya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak sama rata terhadap sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk pembiayaan mikro. **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.3:** Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.
7.	Impak hakisan tebing sungai dan aktiviti kuari	Hakisan tanah akibat aktiviti kuari pasir yang berlesen dan haram. Kehilangan tanah milik penduduk, kerosakan ekosistem sungai, dan ancaman keselamatan nelayan.	Alam sekitar / Tadbir Urus	Pemilik tanah dan nelayan darat	Kg. Keladi, Kg. Dusun, Sg. Muda, Sg. Karangan	**SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim** **Sasaran 13.1:** Memperkukuh daya tahan dan keupayaan untuk membuat penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara **SDG 15: Kehidupan Darat** **Sasaran 15.1:** Menjelang 2020, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan lestari ekosistem air tawar daratan dan pedalaman termasuk perkhidmatannya, khususnya hutan, tanah bencah, gunung-ganang dan tanah kering, sejajar dengan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						obligasi di bawah perjanjian antarabangsa.
8.	Krisis pencemaran dari industri	Pencemaran air disebabkan oleh sisa kimia, kumbahan Indah Water Konsortium, kolam keli dan pencemaran udara oleh asap kilang, sungai berbau busuk, ikan berkurangan, dan gangguan pernafasan (asma) pada waktu pagi/petang.	Alam sekitar / Tadbir Urus	Penduduk (warga emas/pesakit asma) dan nelayan	Kg. Sera, Taman Mutiara, Kg. Batu Puteh	**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** **Sasaran 3.3:** Menjelang 2030, membasmi wabak AIDS, tuberkulosis, malaria dan penyakit tropika yang diabaikan serta memerangi hepatitis, penyakit bawaan air dan penyakit berjangkit yang lain. **SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** **Sasaran 6.3:** Menjelang 2030, meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan pembuangan dan meminimumkan pelepasan bahan kimia dan bahan berbahaya, mengurangkan separuh kadar air kumbahan tidak terawat serta meningkatkan dengan ketara

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						kadar kitar semula dan penggunaan semula yang selamat di seluruh dunia **SDG 14: Kehidupan di Bawah Air** **Sasaran 14.2:** Menjelang 2020, menguruskan dan melindungi ekosistem laut dan pantai secara lestari untuk mengelakkan kesan buruk yang signifikan, termasuk dengan memperkukuh daya tahan ekosistem, dan bertindak ke arah pemulihannya demi lautan yang sihat dan produktif.
9.	Penyelengaraan infrastuktur perparitan	Sistem perparitan lama, sempit, dan tidak diselenggara serta sungai yang cetek. Banjir kilat kerap berlaku, merosakkan harta benda dan risiko penyakit denggi.	Alam sekitar	Penduduk Kampung Padang Serai	Kg. Jangkang, Kg. Kob, Kg. Seberang Jaya, Mukim Padang Cina	**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** Sasaran 3.3: Menjelang 2030, membasmi wabak AIDS, tuberkulosis, malaria dan penyakit tropika yang diabaikan serta memerangi hepatitis,

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						penyakit bawaan air dan penyakit berjangkit yang lain. **SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan** **Sasaran 11.3:** Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara. **SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim** **Sasaran 13.3:** Menambah baik pendidikan, meningkatkan kesedaran, serta keupayaan institusi dan manusia terhadap mitigasi perubahan iklim, penyesuaian, pengurangan impak dan amaran awal.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
10.	Pertindihan kuasa tadbir urus dan koordinasi	Pertindihan fungsi antara Majlis Ketua Kampung (MKK) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP). Tiada penyelarasan inisiatif atau perbincangan awalan antara MKK dan JPKK (Contoh: kerja jalan berulang), tiada sesi dialog kerajaan-komuniti, dan kekangan peruntukan.	Tadbir Urus	Kepimpinan tempatan dan penduduk	P017 Padang Serai (secara am), Kg. Keladi, Kg. Sg. Ular	**SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat** Sasaran 17.14: Meningkatkan kesepaduan dasar untuk pembangunan mampan. **Sasaran 17.15:** Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 1: Dialog Bersama Penduduk Kampung Keladi (DUN Lunas / Mukim Keladi) **Tarikh:** 10 April 2026 **Bilangan peserta:** 16 orang **Kaedah:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• KBS • AADK • PEMADAM • PTK
1.	Hakisan tebing sungai	Hakisan yang berlaku telah mengurangkan keluasan tanah milik penduduk. Fenomena ini dilaporkan berlaku di Sungai Kulim dan Sungai Keladi sejak lebih 10 tahun yang lalu, namun menjadi semakin ketara dalam tempoh tiga hingga empat tahun kebelakangan ini. Isu ini telah dilaporkan kepada pihak YB serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Namun, pelaksanaan tindakan lanjut dikatakan berdepan dengan kekangan peruntukan. Usaha penambahbaikan tebing kali terakhir dilaksanakan pada tahun lepas. Penduduk mencadangkan bahawa sekiranya penambahbaikan tidak dapat dilaksanakan di semua lokasi, keutamaan wajar diberikan kepada kawasan yang paling kritikal.	**PTK** **Sungai Muda / Sungai Karangan / Merbau Pulas** 1. GOH BROTHER ENTERPRISE (aktif) o Permit Pasir Darat 2. Pejabat Daerah dan Tanah Kulim telah mengemukakan Maklum balas kepada Sahabat Alam Malaysia (SAM) berkaitan Aduan Masalah Berkaitan Aktiviti Perlombongan Pasir Di Sungai Sedim Dan Sg Muda Kampung Kuala Sedim, Padang Serai, Kedah Darul Aman. 3. Lawatan Tapak bersama PTG Negeri Kedah turut dilaksanakan dan maklum balas berhubung aduan oleh SAM telah disampaikan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			Penduduk Kampung Keladi / Komuniti Desa Lembah Sungai Kulim 1. SMAGCON SDN BHD (tidak aktif) o Permit Pasir Sungai 2. Lawatan Tapak bersama YB Parlimen dan YB Dun telah dilaksanakan ke tapak-tapak terkesan dan hasil tinjauan mendapati walaupun arahan henti operasi dikeluarkan kepada Pemegang Permit SMAGCON SDN BHD, kejadian hasikan tebing sungai masih berlaku selepas itu. 3. Kaedah yang dibenarkan untuk aktiviti pengambilan pasir sungai ini adalah secara korekan menggunakan jengkaut, aktiviti sedutan pasir sungai melalui pam adalah tidak dibenarkan. 4. Pejabat Daerah dan Tanah Kulim akan terus bekerjasama dengan jabatan serta agensi berkaitan bagi memastikan isu yang dibangkitkan diberi perhatian dan tindakan sewajarnya demi menjaga kepentingan awam serta keselamatan penduduk.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Sistem perparitan yang usang dan tidak lagi efisien.	Kawasan Kampung Keladi sering dilanda banjir apabila hujan lebat, menyebabkan air melimpah masuk ke kawasan kampung. Keadaan ini berpunca daripada sistem perparitan sedia ada yang sudah uzur dan tidak lagi mampu menampung aliran air semasa hujan lebat. Difahamkan, kampung ini telah wujud sejak sebelum kemerdekaan, sekali gus menjelaskan faktor usia infrastruktur yang semakin tidak relevan dengan keperluan semasa.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Apabila berlaku takungan air, ia berpotensi menyebabkan peningkatan kes demam denggi. Walau bagaimanapun, terdapat pandangan dalam kalangan penduduk bahawa kes denggi tersebut mungkin berpunca daripada jangkitan yang diperoleh di kawasan atau negeri lain sebelum dibawa pulang ke kampung ini, dan bukan semata-mata berpunca daripada persekitaran setempat.	
		Terdapat juga penduduk yang menyatakan bahawa jentik-jentik yang terkumpul bukan berada di dalam takungan utama, sebaliknya di bahagian takuk atau lekukan di sekeliling ruang yang menadah air.	
3.	Pertindihan pembangunan serta penyampaian	Terdapat situasi berulang di mana bantuan atau kerja penambahbaikan dilaksanakan lebih daripada sekali bagi perkara yang sama. Sebagai contoh, penambahbaikan jalan dilakukan berulang kali di	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
	inisiatif di kawasan kampung.	lokasi yang sama walaupun kerja tersebut telah pun disiapkan sebelum ini.	
		Selain itu, terdapat juga keadaan di mana pelaksanaan sesuatu inisiatif tidak disertai dengan penglibatan atau makluman awal kepada ketua kampung dan penghulu, sekali gus menjejaskan penyelarasan di peringkat tempatan.	
		Keadaan ini berpunca daripada kewujudan dua saluran pentadbiran yang berbeza, namun berfungsi secara selari. Di kampung ini, misalnya, terdapat Majlis Ketua Kampung (MKK) dan juga Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP). MKK berada di bawah pentadbiran kerajaan negeri, manakala JPKKP pula di bawah kerajaan persekutuan.	
		Selain itu, kewujudan dua sistem pentadbiran dan kepimpinan yang selari juga memastikan peruntukan serta bantuan dapat disalurkan secara lebih telus dan saksama. Sebagai contoh, Majlis Ketua Kampung (MKK) tidak dapat atau kurang berupaya untuk mendapatkan peruntukan persekutuan.	
		Kesan daripada semua ini ialah pembangunan infrastruktur di kampung tersebut tidak dapat	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		dilaksanakan, sekali gus menyebabkan keperluan dan kebajikan penduduk kampung terabai.	
4.	Peminggiran sosial dan tingkah laku anti-sosial.	Penggunaan dadah di kawasan ini merupakan isu kritikal yang sedang membelenggu kampung tersebut. Golongan yang paling terkesan secara khusus ialah para belia.	**AADK** • AADK Daerah Kulim mengambil maklum terhadap perkara berkaitan dan pemantauan di kawasan yang dimaksudkan akan dilakukan dari masa ke semasa.
		Penduduk menyatakan bahawa pihak seperti PDRM dan AADK kurang memberikan sokongan yang mencukupi kepada komuniti kampung. Di kawasan ini juga, tiada aktiviti bersepadu yang dilaksanakan bersama AADK. Selain itu, organisasi PEMADAM dilihat tidak aktif di kawasan tersebut.	**KBS** • Pejabat Belia dan Sukan Daerah Kulim (PBSD) mengambil maklum berkenaan program pembangunan belia di kawasan tersebut. • Program berbentuk pembangunan sahsiah, kepimpinan, kesukarelawanan, keusahawanan, kemahiran dan aktiviti sukan seperti Rakan Masjid x Rakan Muda Ramadhan, Mobilisasi Sukarelawan Rakan Muda, Semarak Hari Belia, Liga Sukan Komuniti dan sebagainya telah dilaksanakan di peringkat daerah. Penglibatan aktif belia dalam program-program ini dapat mengisi masa lapang secara positif, membina jati diri serta mengurangkan kecenderungan mereka terlibat dengan gejala sosial.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			• PBSD mencadangkan supaya Kelab Belia di peringkat mukim ditubuhkan atau diperkasakan di setiap mukim sebagai platform rasmi untuk menghimpunkan golongan belia, menggalakkan penyertaan aktif dalam pembangunan komuniti serta melahirkan pemimpin pelapis di peringkat akar umbi. Penubuhan kelab ini dapat menyediakan ruang kepada belia untuk merancang dan melaksanakan aktiviti yang berteraskan pembangunan kepimpinan, kesukarelawanan, kesihatan, sukan, keusahawanan, kreativiti dan inovasi. Penglibatan aktif dalam persatuan juga mampu membentuk sahsiah, meningkatkan kemahiran insaniah dan mengurangkan kecenderungan belia terlibat dalam gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah dan jenayah. • PBSD turut mencadangkan agar pembangunan kemudahan ini dilaksanakan secara strategik berdasarkan keperluan setiap mukim, dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Pejabat Daerah,

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			wakil rakyat, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), agensi kerajaan berkaitan serta komuniti setempat. Pendekatan ini dapat memastikan kemudahan yang dibangunkan dimanfaatkan secara optimum dan diselenggara dengan baik demi kesejahteraan komuniti.
		Penduduk tempatan berpandangan bahawa lebih banyak taman rekreasi, padang awam, ruang aktiviti, dan gelanggang sukan perlu disediakan bagi membolehkan pelbagai aktiviti seperti sukan dan riadah dijalankan dengan lebih teratur. Usaha ini diyakini dapat memberi sokongan positif kepada golongan remaja, sekali gus mengurangkan risiko mereka terlibat dalam aktiviti anti-sosial yang boleh membawa kepada kesan sosial yang negatif.	**PEMADAM** PEMADAM Daerah Kulim akan mengadakan tiga program utama seperti: 1. Program Jom Cakna Kesihatan Dan Keselamatan bersama Komuniti Zon 09 Taman Rhu Kulim Kedah Pada 2 Ogos 2026 (Ahad) sasaran 200 orang. Anjuran bersama ahli majlis Zon 9 MPKK, KKM, PDRM, PEMADAM Daerah Kulim, Pusat Pemulihan Dalam Kulim Nestle. (DUN LUNAS) 2. Program Komuniti Sihat Bebas Dadah Perpaduan Diutamakan pada Bulan September 2026 bertempat di Surau Taman Kulim Utama Fasa 2 Anjuran PEMADAM Daerah Kulim, Jabatan Perpaduan,KRT Kulim Utama Fasa 2 ,Jabatan Kesihatan, Puspanita Cawangan kecil Daerah Kulim,

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			KKM, AADK dan PDRM serta Pusat Khidmat Wakil Rakyat Dun Merbau Pulas. Program Komuniti Sejahtera Katakan Tidak Pada Dadah Kampung Sedim bulan Oktober 2026 bertempat Masjid Haji Yassin Kampung Sedim anjuran Pejabat Daerah Kulim, Pejabat Penghulu dan MKK , KKM, PDRM,Belia Kampung Sedim,PUSPANITA Daerah Kulim AADK Daerah Kulim.

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 2: Dialog Bersama Penduduk Sungai Ular (DUN Lunas / Mukim Sungai Ular) **Tarikh:** 10 April 2026 **Bilangan peserta:** 7 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			• KBS
1.	Krisis pencemaran bau dan kualiti air sungai	Kolam ikan keli yang sedia ada telah mencemarkan Sungai Sera dan Sungai Ular. Kedua-dua sungai ini menjadi berwarna kehijauan serta berbau busuk akibat pencemaran tersebut. Jabatan Alam Sekitar (JAS) pernah melakukan lawatan pemantauan, namun tiada tindakan susulan yang diambil. Difahamkan, air sisa dilepaskan pada waktu malam, menyebabkan keadaan kelihatan normal pada waktu siang.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Dua kampung yang dikenal pasti ialah Kampung Sera dan Kampung Paya Tok Betok.	
2.	Kelemahan infrastruktur awam dan perkhidmatan domestik setempat	Kawasan sekitar tidak mempunyai taman permainan atau kemudahan riadah, dan tiada juga fasiliti sukan di kawasan ini. Penduduk mencadangkan agar diwujudkan kemudahan sukan di kawasan tersebut. Tanah yang sesuai memang telah tersedia, namun pelaksanaannya memerlukan sokongan dan peruntukan daripada pihak kerajaan. (Kampung Sungai Ular)	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Sistem pungutan sampah yang terancang tidak wujud di kawasan ini. Penduduk memaklumkan bahawa sisa domestik terpaksa dibawa ke kawasan taman perumahan berdekatan untuk dibuang, kerana hanya kawasan tersebut mempunyai perkhidmatan pungutan sampah yang disediakan.	
		Perkhidmatan perubatan seperti hospital telah tersedia di kawasan ini. Namun, kapasiti katil masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan penduduk setempat. Selain itu, perkhidmatan ambulans juga didapati kurang efisien dan mengambil masa yang agak lama untuk memberikan tindak balas terhadap kes-kes kecemasan. Ketiadaan pusat kegiatan ekonomi di kawasan ini telah menyebabkan aktiviti perniagaan kecil dan aktiviti ekonomi tempatan tidak dapat dihimpunkan secara tersusun. Keadaan ini menghadkan peluang perkembangan ekonomi setempat serta mengurangkan potensi kawasan sebagai pusat penjanaan ekonomi komuniti. (Penduduk Kampung Sungai Ular)	
3.	Ketiadaan hubungan dua hala yang berkesan	Penduduk menyatakan bahawa setakat ini belum ada pihak berkuasa atau agensi kerajaan yang hadir untuk berdialog bersama mereka mengenai keperluan setempat.	*Tiada ulasan diberikan oleh agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
	antara komuniti dan pihak kerajaan.	Sebahagian besar aktiviti dan program di kawasan tersebut dilaksanakan secara kendiri oleh penduduk, termasuk inisiatif yang digerakkan melalui institusi seperti masjid.	
4.	Konflik antara masyarakat dengan habitat sekeliling.	Pertembungan antara manusia dengan monyet, babi hutan, dan anjing merupakan isu kritikal yang semakin ketara di kawasan ini.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Keadaan ini berpunca daripada pembangunan pesat yang telah menjejaskan habitat asal haiwan-haiwan di kawasan tersebut. Banyak kawasan hutan telah hilang akibat aktiviti penerokaan tanah. Selain itu, kawasan ladang yang dahulunya wujud juga semakin lenyap pada masa kini kerana telah digantikan dengan pembangunan kawasan perindustrian.	
		Selain itu, sokongan dan perkhidmatan agensi kerajaan juga terhad. Contohnya, PERHILITAN tidak ada cawangan di sini. Pejabat yang terdekat adalah di Baling.	
5.	Pembangunan pusat kegiatan ekonomi dan pemerkasaan perniagaan kecil	Penduduk mencadangkan agar dibangunkan sebuah pusat kegiatan ekonomi di kawasan ini, memandangkan setakat ini masih belum wujud kemudahan seumpamanya. Sekiranya direalisasikan, pelbagai aktiviti ekonomi serta perniagaan kecil dapat dihimpunkan di bawah satu lokasi yang sama. Inisiatif	*Tiada ulasan agensi diberikan untuk isu ini*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		ini berpotensi menjadi pemangkin kepada pengumpulan aktiviti ekonomi setempat, sekali gus berfungsi sebagai pusat penjanaan ekonomi tempatan yang lebih tersusun dan mampan.	
6.	Kekurangan perkhidmatan kesihatan	Walaupun terdapat kemudahan hospital di kawasan ini, kapasiti katil dilaporkan tidak mencukupi untuk menampung keperluan penduduk setempat. Selain itu, perkhidmatan ambulans juga dilihat kurang cekap, dengan tempoh respon yang agak lama dalam keadaan kecemasan. Ia menjejaskan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kesihatan. (Kampung Sungai Ular)	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 3: Dialog Bersama Penduduk Komuniti Desa Lembah Sungai Kulim, Kelang Lama, Kampung Dusun, Kampung Sungai Badak (DUN Lunas / Mukim Lunas) **Tarikh:** 10 April 2026 **Bilangan peserta:** 19 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• PTK • SADA • JKM
1.	Runtuhan dan hakisan tebing sungai	Hakisan tebing akibat aktiviti kuari pasir di Kampung Sungai Badak.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Berlaku runtuhan dan hakisan tebing sungai di Lot tanah No. 471, 435, 377. Keadaan semakin kritikal dengan jarak kurang daripada 3 meter dari jalan utama penduduk yang berisiko runtuh. Kejadian ini turut mengancam infrastruktur penting seperti paip air SADA serta laluan dan tiang bekalan elektrik TNB.	
		Pemilik tanah telah membuat laporan polis. Selain itu, surat rasmi telah dihantar kepada Jurutera Daerah JPS pada 23 Julai 2024. Namun, sehingga kini tiada sebarang maklum balas atau tindakan lanjut berkaitan peruntukan atau langkah mitigasi diterima.	
		Runtuhan tebing telah menyebabkan sebahagian rumah penduduk roboh, namun sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil oleh mana-mana agensi walaupun isu ini telah berlarutan hampir 15 tahun. Rumah-rumah penduduk tersebut terletak di atas tanah milikan individu dan bukan	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		dalam rezab sungai, sebelum kejadian hakisan berlaku dalam tempoh tersebut.	
		Kesan hakisan berlaku sehingga kira-kira 3 meter dari jalan mini tar kampung, turut menjejaskan laluan paip bekalan air SADA dan talian elektrik TNB. Selain itu, struktur gabion yang dibina sebagai kawalan hakisan di bawah Jambatan Utama oleh Pejabat Daerah Kulim pada tahun 2021 telah rosak dan terbalik, sekali gus mengurangkan keberkesanannya dalam menahan hakisan.	
2.	Hakisan dan pembesaran alur sungai akibat limpahan pembangunan	Wujudnya Sungai Kelang Lama yang bersambung dengan Sungai Kulim melalui tanah penduduk yang termasuk dalam geran hak milik individu.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Pada suatu ketika dahulu, hanya terdapat alur kecil yang merentasi tanah milik penduduk. Namun kini, alur tersebut telah berkembang menjadi sebuah sungai yang lebih besar. Perubahan ini telah menyebabkan sebahagian tanah penduduk setempat terhakis dan “ditelan” oleh arus sungai. Dianggarkan kira-kira 40 lot rumah telah terkesan, apabila aliran sungai kini melalui kawasan kampung tersebut.	
		Fenomena sungai yang terbentuk ini didakwa berpunca daripada pembangunan pesat kawasan perindustrian di Kulim. Pembinaan kilang serta universiti baharu yang dilengkapi dengan sistem saliran moden seperti longkang monsun didapati tidak seiring dengan kemudahan saliran di	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kawasan kampung berhampiran serta di bahagian hilir sungai. Secara asasnya, isu ini berpunca daripada perancangan pembangunan bandar yang tidak seimbang serta kurang terancang.	
3.	Ancaman keselamatan daripada operasi kuari pasir	Terdapat tiga (3) operasi kuari pasir di kawasan Sungai Kulim. Daripada jumlah tersebut, dua (2) operasi mempunyai permit dan kebenaran yang sah, manakala satu (1) lagi beroperasi tanpa lesen atau secara haram. Operasi kuari pasir yang tidak berlesen ini didapati menjalankan aktiviti pada waktu malam dan lokasinya adalah berhampiran dengan Kampung Dusun. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk setempat daripada segi keselamatan dan kesan alam sekitar. Sementara itu, dua operasi kuari pasir yang sah telah diberikan kelulusan oleh Pejabat Tanah dan Galian serta mendapat sokongan daripada pihak berkuasa teknikal yang berkaitan.	**PTK** 1. THB CORPORATION - Sungai Kulim (aktif) o Permit Pasir Sungai 2. SMAGCON SDN BHD - Sungai Kulim (tidak aktif) o Permit Pasir Sungai 3. Diatas Lot 70988 telah dijalankan aktiviti penimbunan tanah merah dan 'site clearance' oleh pemilik tanah dengan melantik Keong Huat sebagai konsultan untuk kerja-kerja ini. Tiada aktiviti kecurian pasir sungai dikesan sebaliknya hanya aktiviti perataan tanah dan proses pembaikan tebing sungai dilaksanakan oleh pihak konsultan. 4. Lawatan Tapak bersama YB Parlimen dan YB Dun telah dilaksanakan ke atas Tapak Kuari THB dan SMAGCON.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Penduduk pernah menghantar surat bantahan sekitar tahun 2022 atau 2023. Bantahan terkini pula telah dibuat pada 30 April 2025. Kampung-kampung yang terkesan akibat operasi ini ialah Kampung Sungai Badak, Kampung Tok Rasul dan Kampung Dusun.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
5.	Keperluan membangunkan tanah terbiar.	Wakil penduduk memaklumkan bahawa terdapat banyak tanah terbiar di sekitar kawasan kampung dan mukim yang berpotensi untuk dimanfaatkan. Tanah-tanah ini boleh diusahakan dan dimajukan sebagai projek pertanian secara berkelompok. Inisiatif ini khususnya sesuai digerakkan oleh golongan belia, di samping memberikan peluang ekonomi, meningkatkan penglibatan komuniti, serta mengoptimumkan penggunaan tanah yang tidak dimanfaatkan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
6.	Bekalan air bersih di kampung terjejas	Penduduk kampung berdepan dengan ketiadaan paip utama bagi membekalkan air bersih sejak sekian lama. Sejak tahun 1986, mereka terpaksa membina sistem paip sementara secara sendiri dengan menarik bekalan air dari Kampung Tok Rasul ke kawasan yang terjejas. Ketiadaan paip utama ini menyebabkan gangguan bekalan air yang serius, terutamanya ketika musim hujan berpanjangan. Keadaan banjir sering berlaku dan mengakibatkan paip sementara rosak atau terputus lalu menjejaskan bekalan air. Dalam keadaan tertentu,	**SADA** Hasil semakan bersama wakil JKPP (En. Shahrul) terdapat tiga lokasi yang dilawati. Keperluan untuk pemasangan paip utama di kampung Desa Lembah Kulim disebabkan kewujudan penempatan baru di kampung tersebut. Pihak SADA akan mengangkat permohonan kepada pihak KKDW untuk memohon peruntukan bagi kerja-kerja pemasangan paip baru.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		penduduk terpaksa berdepan dengan ketiadaan air selama hampir satu hingga dua minggu. Selain itu, penyelenggaraan paip juga dilakukan sendiri oleh penduduk tanpa sokongan teknikal atau kewangan yang mencukupi. Walaupun terdapat meter air dan bayaran bil tetap dikenakan, kemudahan paip utama masih belum disediakan. Difahamkan, antara punca utama isu ini adalah ketiadaan kelulusan dari Syarikat Air Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) untuk pembinaan paip utama. Tambahan pula, tiada peruntukan khusus disalurkan bagi tujuan penyediaan infrastruktur bekalan air bersih di kawasan ini. Keadaan paip utama yang lama dan uzur dipercayai memberi kesan kepada kelancaran sistem bekalan air bersih ke rumah-rumah di kampung-kampung berkenaan. Hal ini menyebabkan gangguan tekanan air serta ketidakstabilan bekalan kepada penduduk setempat. (Kampung Dusun – 20 unit rumah / Kampung Belakang Maybank – 5 unit rumah / Desa Lembah Sungai Kulim – 10 unit rumah).	Berkaitan pemeriksaan di Kampung Dusun kawasan ini mendapat sumber bekalan melalui paip bersaiz 100mm yang melintasi sungai bagi menghubungkan dua kampung. Setelah berlaku keruntuhan pada struktur jambatan utama yang menghubungkan kedua kampung, pihak SADA telah mengambil inisiatif untuk menyambungkan bekalan dengan pemasangan paip bersaiz 32mm untuk kegunaan penduduk yang terjejas. Cadangan penyelesaian permasalahan ini pihak SADA akan mengangkat permohonan kepada pihak KKDW untuk pemasangan paip baru di jajaran baru yang meliputi kawasan yang tiada jajaran paip utama. Untuk lokasi kampung Belakang Maybank yang mempunyai empat buah unit rumah, pihak SADA akan meneliti semula keadaan paip yang melintasi sungai kepada sumber yang terdekat.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
7.	Ketiadaan pusat pemulihan untuk orang kurang upaya (OKU)	Tiada Pusat Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) yang berdekatan dengan kampung bagi membolehkan ibu bapa menghantar anak-anak OKU mendapatkan sokongan dan intervensi yang sewajarnya. Sebagai contoh, seorang penduduk kampung, Puan Sofiah Ahmad, mempunyai anak OKU berumur 40 tahun, namun menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan pemulihan kerana ketiadaan kemudahan berhampiran. Ketiadaan PDK ini memberi kesan langsung kepada penduduk kampung yang mempunyai anak-anak OKU. Mereka tidak mempunyai akses kepada pusat sokongan, latihan kemahiran, serta perkhidmatan pemulihan yang diperlukan untuk meningkatkan kualiti hidup golongan tersebut.	**JKM** Terdapat lima buah PDK dalam Daerah Kulim dan kesemuanya di Parlimen Padang Serai. PDK Lunas merupakan PDK sedia ada dalam lokaliti terhampir terletak radius 7.7 km dari lokasi Kampung Desa Lembah Sungai Kulim, Kelang Lama. Cadangan penubuhan PDK baharu akan mengambil kira perkara berikut: 1. Bilangan OKU – mempunyai sekurang-kurangnya 20 OKU 2. Kriteria peserta PDK – warganegara Malaysia, OKU berdaftar dengan JKM, had umur daripada 4 tahun hingga 39 tahun 3. Lokasi PDK – mestilah dalam kawasan strategik dan mudah diakses oleh OKU dan keluarga. Kewajaran penubuhan PDK baharu hendaklah mengambil kira kewujudan PDK sedia ada di kawasan berhampiran. 4. Pemilihan premis mesra OKU dan hendaklah berdaftar di bawah Akta Pusat Jagaan 1993

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			5. Komuniti Penggerak – individu atau kumpulan dalam komuniti yang mempunyai minat dan komitmen serta boleh menyumbang dalam pelaksanaan PDK Lain-lain perkhidmatan JKM kepada golongan OKU ialah bantuan kewangan mengikut kelayakan kepada OKU yang memerlukan dan perkhidmatan sokongan pekerjaan '*Job Coach*' kepada OKU yang berkemampuan untuk bekerja dalam pasaran terbuka.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 4: Dialog Bersama Penduduk Kampung Pokok Sena/Bagan Sena (DUN Merbau Pulas / Mukim Bagan Sena) **Tarikh:** 11 April 2026 **Bilangan peserta:** 20 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• RISDA • LGM • AADK • KBS • KEDA • SADA
1.	Ketiadaan kemudahan khidmat telekomunikasi	Penduduk telah menyuarakan keperluan mendesak bagi pembinaan sebuah pencawang telekomunikasi di kawasan kampung ini. Isu ini telah berlarutan sejak sekian lama. Sebelum ini, permohonan telah dikemukakan kepada Pejabat Daerah. Sehingga kini tiada maklum balas atau tindakan susulan yang diterima.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Pada masa ini, pencawang sedia ada terletak di kawasan Kampung Jubai Bawah. Walau bagaimanapun, liputan rangkaian yang disediakan adalah terhad dan tidak stabil. Keadaan ini memberi kesan langsung kepada kehidupan harian penduduk, khususnya pelajar yang menghadapi kesukaran untuk mengikuti sesi pembelajaran dalam talian.	
		Selain itu, Pusat NADI hanya terdapat di kawasan PPRT, dan tiada kepastian sama ada	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		pusat tersebut diselenggara dengan baik serta dioptimumkan penggunaannya untuk manfaat komuniti setempat. Perkhidmatan wifi seperti TM atau Unifi juga tidak tersedia di kawasan ini.	
2.	Ketidakselarasan harga jualan getah dan kebergantungan kepada peraih luar	Keperluan penyelarasan harga getah. Terdapat pandangan dalam kalangan penduduk bahawa agensi RISDA kurang turun ke kawasan kampung ini untuk memberikan sokongan secara langsung.	**RISDA** RISDA telah melaksanakan program *ANCHOR Buyer* dengan tagline harga getah bermaruah. Jumlah belian skrap RPSB setakat ini berjumlah 23,580 kg.
		Mereka menekankan bahawa penglibatan RISDA boleh membantu dalam usaha penyelarasan harga getah. Terdapat juga maklum balas bahawa di beberapa kawasan lain, penoreh getah dapat menjual hasil pada harga sekitar RM4 sekilogram, berikutan adanya pembelian terus oleh pihak RISDA. Namun di kawasan ini, penoreh hanya memperoleh sekitar RM3.30 atau RM3.20 sekilogram melalui peraih bukan RISDA. Sokongan agensi amat penting memandangkan kira-kira 50 hingga 60 peratus penduduk di kawasan ini terlibat dalam aktiviti menoreh getah sebagai sumber pendapatan utama.	**LGM** i) LGM mengambil maklum isu perbezaan harga belian getah yang dibangkitkan oleh penduduk Kampung Bagan Sena. Untuk makluman, harga getah adalah dipengaruhi oleh harga pasaran getah dunia, kualiti getah, kandungan getah kering (dry rubber content - DRC), kos pengangkutan serta mekanisme pembelian oleh setiap pembeli. ii) LGM berperanan menyediakan harga rujukan rasmi seperti Harga Getah SMR20 FOB yang boleh dilihat di website LGM, serta memantau pelaksanaan standard penggredan dan penentuan kualiti getah. Walau bagaimanapun, harga belian oleh pembeli atau pelesen adalah tertakluk kepada faktor pasaran dan kos operasi masing-masing.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
3.	Hakisan tebing sungai akibat aktiviti kuari pasir	Hakisan tanah yang berpunca daripada aktiviti kuari pasir bukan sahaja mencemarkan sungai, malah menyebabkan sebahagian kawasan pertanian penduduk kampung di tebing sungai dihanyutkan arus. Kejadian ini turut mengakibatkan pokok-pokok tumbang dan dihanyutkan ke dalam sungai, sekali gus membahayakan nelayan yang menjalankan aktiviti harian di kawasan tersebut.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Selain itu, serpihan pokok yang hanyut telah memusnahkan kawasan pembiakan benih ikan yang diusahakan oleh nelayan. Peralatan menangkap ikan juga sering rosak akibat pelanggaran dengan kayu-kayu besar yang dibawa arus. Terdapat juga insiden di mana pokok hanyut melanggar bot nelayan sehingga menyebabkan bot hampir hilang kawalan dan berisiko mengakibatkan kejadian lemas.	
		Aktiviti kuari pasir ini turut dipercayai melepaskan sisa air kotor daripada mesin ke dalam sungai. lanya mencemarkan kualiti air dan memusnahkan ekosistem hidupan akuatik. Apa yang lebih membimbangkan adalah terdapat dakwaan peralatan-peralatan yang ditinggalkan pihak syarikat kuari setelah tamat	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		operasi telah hanyut di sungai sehingga mengancam keselamatan.	
		Isu ini pernah mendapat perhatian apabila kajian dijalankan bersama Sahabat Alam Sekitar (SAM) berkaitan aktiviti kuari pasir di Kulim. Terdapat juga persepsi dalam kalangan komuniti bahawa pasir dari Malaysia diseludup ke luar negara seperti Jepun. Secara keseluruhannya, aktiviti kuari pasir yang tidak dipantau dengan rapi dan tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dikenal pasti sebagai punca utama kepada masalah hakisan tanah ini.	
4.	Sistem perparitan yang lama dan tidak berkesan	Sistem perparitan di kawasan ini merupakan sistem lama dan tidak lagi mampu menampung aliran air semasa hujan lebat. Apabila hujan berintensiti tinggi berlaku, air mudah melimpah dan memasuki kawasan kampung. Keadaan ini dipercayai berpunca daripada infrastruktur perparitan yang telah uzur, selaras dengan status kampung yang telah wujud sejak sebelum era kemerdekaan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
5.	Peminggiran sosial dan tingkah laku anti-sosial	Penyalahgunaan bahan seperti dadah dan gam merupakan isu yang amat kritikal di kawasan ini. Terbaharu, penggunaan ketum juga turut menjadi perhatian dan semakin membimbangkan.	**AADK** AADK Daerah Kulim mengambil maklum terhadap perkara berkaitan dan pemantauan di kawasan yang dimaksudkan akan dilakukan dari masa ke semasa.
		Tindakan penguatkuasaan kerap diambil oleh pihak berkuasa seperti PDRM dan AADK. Namun begitu, kes-kes ini masih berterusan dan kelihatan seperti “cendawan tumbuh selepas hujan.” Keadaan ini dipercayai berterusan kerana adanya bekalan yang konsisten serta rangkaian pembekal yang luas.	
		Terdapat juga dakwaan kewujudan pihak tertentu atau ‘tokan’ yang memainkan peranan dalam menggalakkan proses pembekalan dan penggunaan dadah dalam kalangan komuniti. Dalam kalangan penduduk, terdapat persepsi bahawa setiap kali laporan dibuat, tangkapan akan dilakukan. Namun, dalam tempoh tiga hingga empat hari selepas itu, individu yang ditahan didakwa kembali dibebaskan. Ia menimbulkan rasa kurang yakin terhadap keberkesanan tindakan penguatkuasaan. Secara keseluruhannya, penduduk melihat bahawa pelaksanaan penguatkuasaan yang	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		lebih tegas dan berkesan masih diperlukan bagi menangani isu ini secara menyeluruh.	
6.	Keperluan kemudahan awam dan perkhidmatan asas yang moden, terancang dan selamat	Penduduk menyuarakan bahawa tiada kemudahan awam yang mencukupi di kawasan ini bagi memenuhi keperluan dan penjagaan kebajikan komuniti setempat. Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk menyediakan kemudahan seperti pusat komuniti atau dewan serbaguna yang boleh digunakan secara fleksibel bagi pelbagai tujuan seperti aktiviti riadah, sukan, dan penganjuran majlis. Antara aktiviti sukan yang boleh dilaksanakan sekiranya kemudahan ini disediakan termasuklah sepak takraw dan badminton. Sekiranya tapak diperlukan, kawasan sekitar masjid boleh dipertimbangkan sebagai lokasi pembinaan kemudahan tersebut.	**KBS** KBS mengambil maklum berkenaan perkara ini dan permohonan serta tindakan tertakluk kepada kelulusan daripada bahagian pembangunan KBS.
		Di Desa KEDA, terdapat sebuah gelanggang futsal, namun kemudahan tersebut tidak dibuka kepada orang awam. Selain itu, keadaan gelanggang berkenaan juga dilaporkan kurang diselenggara dan tidak lagi berfungsi dengan baik. Daripada sudut pembangunan belia, dianggarkan sekitar 40 peratus daripada jumlah penduduk setempat terdiri daripada golongan	**KEDA** Mengambil maklum berkenaan keadaan gelanggang futsal di Desa KEDA Bagan Sena namun belum mempunyai peruntukan untuk membaikpulih. Walaubagaimanapun, aktiviti pembangunan dan pemerkasaan aktif berjalan di desa yang dianjurkan KEDA bersama penduduk Desa KEDA dan golongan belia.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		belia. Namun begitu, program pembangunan belia yang dilaksanakan oleh KBS adalah terhad dengan kebanyakan aktiviti dianjurkan oleh pihak masjid.	
		Daripada segi perkhidmatan asas, bekalan air dan elektrik di kawasan ini dilaporkan tidak stabil. Gangguan bekalan air sering berlaku kerana Kampung Bagan Sena merupakan kawasan hujung sistem agihan. Keadaan paip sedia ada yang sudah lama dan uzur turut menyumbang kepada ketidakstabilan tekanan air, sehingga tidak mampu menampung penggunaan tinggi dan berisiko pecah. Kesannya, gangguan bekalan air menjadi lebih kerap, khususnya ketika permintaan meningkat seperti pada musim perayaan.	**SADA** Berkaitan isu bekalan air, kawasan yang dinyatakan telah mendapat perhatian daripada pihak SADA bagi isu gangguan yang berlaku. Pihak SADA telah mengangkatkan satu permohonan untuk menaiktaraf LRA Bikan kepada 12 mLd. Projek menaiktaraf LRA tersebut dalam proses perolehan bagi lantikan perunding dan JPS Malaysia merupakan agensi pelaksana yang telah dilantik oleh pihak KKDW. Dengan perlaksanaan projek ini kawasan yang dinyatakan akan menerima manfaaat berikutan kawasan ini termasuk dalam sistem agihan untuk projek menaiktaraf LRA tersebut.
		Selain itu, penduduk turut mencadangkan keperluan pembinaan stesen minyak di kawasan Kampung Bagan Sena. Pada masa ini, stesen minyak terdekat terletak di Desa Aman dan Kuala Ketil yang agak jauh serta menyukarkan akses sewaktu berlaku kecemasan atau memenuhi keperluan harian.	*Tiada ulasan diberikan oleh agensi*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
7.	Keperluan naiktaraf infrastruktur jalan raya	Daripada aspek infrastruktur jalan raya pula, penduduk menekankan keperluan menaik taraf laluan masuk ke kampung bagi meningkatkan tahap keselamatan. Laluan utama ke kawasan ini adalah melalui Jalan Baling – Kampung Sadiq, yang dilihat berisiko dan teh mencatatkan insiden kemalangan serius termasuk kes maut. Sehubungan itu, terdapat cadangan penambahbaikan seperti pemasangan garisan kuning, bonggol jalan, atau papan tanda amaran bagi mengurangkan risiko kemalangan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Sungai Karangan (DUN Merbau Pulas / Mukim Padang Meha) **Tarikh:** 11 April 2026 **Bilangan peserta:** 13 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 3 kumpulan			
1.	Ketidakmampuan memiliki rumah sendiri	Isi rumah berpendapatan rendah dan tidak stabil menyebabkan keluarga tidak mampu membeli rumah sendiri dan terpaksa bergantung kepada rumah sewa, sekali gus meningkatkan tekanan kewangan dan kos sara hidup.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
2.	Gangguan akses jalan akibat banjir	Jalan utama Desa Aman–Sungai Karangan tidak dapat dilalui ketika hujan lebat, menyebabkan penduduk sukar keluar masuk kawasan. Dalam keadaan tertentu, penduduk boleh terperangkap sehingga 5–6 hari dan terpaksa menggunakan laluan alternatif melalui Batu Putih yang lebih jauh serta mengambil masa perjalanan lebih lama.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
3.	Kekurangan infrastruktur keselamatan jalan raya	Ketiadaan lampu jalan dan lampu isyarat di Lorong 3, Taman Kenangan, Sungai Karangan menyebabkan kawasan tersebut, khususnya di bahagian hujung lorong dan simpang tiga berhampiran, gelap pada waktu malam dan berisiko tinggi terhadap keselamatan pengguna jalan raya. Keadaan ini turut dikaitkan dengan kemalangan maut yang berlaku sekitar dua tahun lalu serta kejadian lori tersasar masuk ke kawasan perumahan. Aduan telah dikemukakan kepada Pejabat Parlimen YB, namun sebelum ini	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		dimaklumkan bahawa tiada peruntukan. Pemasangan lampu jalan dan lampu isyarat di simpang tiga dicadangkan sebagai langkah segera untuk mengurangkan risiko kemalangan dan meningkatkan keselamatan penduduk.	

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 6: Dialog Bersama Ahli Persatuan Nelayan Darat (DUN Merbau Pulas / Mukim Sidam Kanan) **Tarikh:** 12 April 2026 **Bilangan peserta:** 11 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 3 kumpulan			• JAS • PERIKANAN • PLSM
1.	Pencemaran sungai dan kepupusan hidupan akuatik	Sungai didapati tercemar akibat pelepasan bahan kimia yang dipercayai berpunca daripada aktiviti pembangunan perindustrian. Keadaan ini amat membimbangkan kerana sungai tersebut juga berpotensi digunakan sebagai sumber bekalan air bersih kepada komuniti setempat. Pencemaran yang berlaku telah memberi kesan ketara terhadap ekosistem sungai, khususnya apabila hidupan akuatik dilaporkan semakin berkurangan. Penurunan populasi ikan ini secara langsung menjejaskan hasil tangkapan nelayan lalu menyebabkan pendapatan mereka turut merosot. Akibatnya, jumlah jualan ikan semakin berkurangan dan menjejaskan	**JAS** JAS mengambil maklum terhadap perkara ini. Pemantauan secara rutin ke atas industri diadakan secara berkala setiap bulan termasuklah pemeriksaan terhadap pematuhan efluen perindustrian. Sekiranya siasatan mendapati berlaku pelepasan efluen atau bahan pencemar yang melanggar peruntukan undang-undang, tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya akan diambil terhadap pihak yang bertanggungjawab mengikut peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pemantauan pelepasan efluen oleh industri turut dijalankan secara kendiri dimana industri yang melepaskan efluen perlu menjalankan analisa efluen setiap minggu dimana keputusan analisa ini dilaporkan secara atas talian. Penyumbang kepada status kualiti air sungai bukan sahaja dari sektor industri tetapi juga daripada sisa kumbahan, pengorekan pasir dan air buangan daripada sektor komersial. Bagi melihat

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kelangsungan ekonomi komuniti nelayan.	status kualiti air sungai berkaitan, orang awam boleh mengakses kepada laman web berikut rqims.doe.gov.my. Berkenaan aduan air hitam di Sg. Karangan, JAS telah mengeluarkan notis arahan kepada kilang yang disyaki iaitu XSD International Paper Sdn. untuk mengambil tindakan pembaikan. Pihak XSD dalam proses tindakan dan satu lawatan telah diadakan bersama wakil penduduk pada 18/7/2026 ke premis. JAS turut menerima aduan berkenaan aktiviti pengorekan pasir di Sg Sedim dan Sg Muda yang disyaki menyumbang kepada masalah kualiti air. Isu aduan ini telah dipanjangkan kepada agensi berkaitan. Aduan pencemaran air dari kolam ternakan ikan keli adalah diluar bidang kuasa. Hasil siasatan telah dipanjangkan kepada agensi terlibat untuk tindakan. **PERIKANAN** Perikanan turut menerima aduan berkaitan pencemaran air di Sg. Karangan serta aktiviti pengorekan pasir di Sg. Sedim dan Sg. Muda yang menyebabkan hasil tangkapan nelayan berkurang dan menjejaskan pendapatan nelayan. Isu aduan ini telah dipanjangkan kepada agensi berkaitan.
		Secara keseluruhannya, isu ini dipercayai berpunca daripada pelepasan sisa kimia oleh pihak industri ke dalam sungai, yang akhirnya memberi impak negatif kepada alam sekitar dan kesejahteraan sosial komuniti setempat.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Permohonan pembinaan jeti dan pusat pengumpulan ikan	Ahli Persatuan Nelayan Darat Kulim memohon kelulusan bagi pembinaan sebuah pusat pengumpulan ikan bagi menyokong aktiviti ekonomi nelayan tempatan. Walau bagaimanapun, permohonan tersebut masih belum diluluskan kerana memerlukan kebenaran daripada Pengurusan Lembangan Sungai Muda (PLSM), memandangkan tapak yang dicadangkan melibatkan penggunaan tanah di bawah seliaan pihak tersebut. Permohonan rasmi untuk menggunakan lot tanah berkenaan telah dikemukakan pada 3 Julai 2025 dan kini masih dalam pertimbangan. Selain itu, pihak persatuan turut memohon pembinaan sebuah jeti bagi memudahkan urusan pendaratan hasil tangkapan serta meningkatkan kecekapan operasi harian nelayan. Kemudahan ini dilihat penting dalam menyokong kelangsungan ekonomi komuniti nelayan setempat.	**PERIKANAN** Perikanan mengambil maklum berkaitan permohonan kebenaran guna tanah oleh *my*KP Nelayan Darat Daerah Kulim kepada Pengurusan Lembangan Sungai Muda (PLSM). Oleh kerana permohonan tidak disokong, *my*KP Nelayan Darat berhasrat menubuhkan jeti nelayan serta pusat pengumpulan dan pemasaran ikan di lokasi lain yang terletak di Kampung Kuala Sedim dan masih menunggu kelulusan Lesen Tumpangan Sementara (LPS) dari Pejabat Tanah Kulim. **PLSM** Surat maklum balas bertarikh 30hb Julai 2025 menyatakan bahawa pihak PLSM Tidak Menyokong permohonan tersebut dengan ulasan seperti berikut: a) Kawasan permohonan berada di dalam kawasan tapak penempatan K13 Sidam Kanan yang telah diserahkan di bawah pentadbiran Pejabat Daerah dan Tanah Kulim. b) Tapak yang dipohon adalah tapak cadangan loji kumbahan di mana tapak tersebut tidak boleh dilaksanakan sebarang aktiviti kerana melibatkan pembangunan masa hadapan.

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 7: Dialog Bersama Penduduk Mukim Padang Cina (DUN Merbau Pulas / Mukim Padang Cina) **Tarikh:** 12 April 2026 **Bilangan peserta:** 9 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan			• IWK • JAS
1.	Ketiadaan kemudahan khidmat telekomunikasi	Masalah capaian internet di kawasan tersebut berterusan walaupun telah dilaporkan kepada pihak telco. Realitinya, pengguna di lapangan masih tidak mempunyai akses internet yang memuaskan. Namun begitu, hasil semakan oleh pihak rangkaian (telco) mendapati bahawa liputan internet dikatakan tersedia di kawasan berkenaan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
2.	Sistem perparitan asas yang tidak lengkap	Di beberapa kawasan di Mukim Padang Cina, didapati tiada sistem asas perparitan yang lengkap. Keadaan ini dipercayai berpunca daripada pembangunan baharu yang tidak disertai dengan penyediaan infrastruktur saliran yang mencukupi. Selain faktor ini adalah hujan lebat yang turut memburukkan lagi keadaan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Isu ini memberi kesan langsung kepada penduduk kampung apabila air tidak dapat mengalir dengan baik dan seterusnya menyebabkan kejadian takungan air yang berulang terutamanya ketika hujan lebat.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keselesaan hidup, malah memberi impak negatif terhadap persekitaran kawasan.	
3.	Pencemaran akibat kelemahan pengurusan sistem kumbahan	Isu pencemaran air di kawasan berhampiran Taman Mutiara dan Kg. Batu Puteh bertambah buruk kesan daripada percampuran air banjir bersama air loji takungan kumbahan yang dikendalikan oleh Indah Water Konsortium (IWK). Bukan sahaja pencemaran air bahkan pencemaran bau yang tidak menyenangkan kerana loji tersebut dilaporkan kerap mengalami kerosakan (pam terendam) walaupun kerja-kerja pembaikan telah dijalankan dari masa ke semasa. Pengurusan sistem kumbahan yang lemah, menjejaskan kesejahteraan dan kualiti hidup penduduk setempat.	**IWK** Pihak Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) mengambil maklum berhubung isu pencemaran air dan bau yang dilaporkan di kawasan berhampiran Taman Mutiara dan Kampung Batu Puteh. Untuk makluman, Loji Rawatan Kumbahan (LRK) tersebut telah diserahkan oleh pihak pemaju kepada IWK pada tahun 2000. Kedudukan loji yang lebih rendah daripada paras sungai menyebabkan kawasan loji berisiko ditenggelami air semasa hujan lebat dan kejadian banjir. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh aliran air permukaan (*surface runoff*) serta jajaran paip retikulasi pembetungan yang melalui kawasan ladang kelapa sawit. Bagi menangani isu yang dibangkitkan, kerjasama antara Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan IWK telah melaksanakan beberapa tindakan seperti berikut:

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			1) Melaksanakan projek penaiktarafan LRK daripada Standard A Para (iii) kepada Standard A Para (i) bagi meningkatkan kecekapan sistem rawatan kumbahan dan memastikan pematuhan terhadap piawaian yang ditetapkan. 2) Melaksanakan kerja-kerja operasi dan penyelenggaraan secara berkala oleh Unit Operasi IWK bagi memastikan loji sentiasa beroperasi dengan baik serta sebarang gangguan operasi dapat ditangani dengan segera. 3) Menyediakan laluan akses sementara oleh pihak pemaju di kawasan ladang kelapa sawit bagi memudahkan pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan paip pembetungan dan akses ke tapak loji. 4) Melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan longkang luaran secara bersepadu oleh pihak pemaju dan IWK bagi membantu melancarkan aliran air serta mengurangkan risiko banjir di kawasan loji. 5) IWK akan terus memantau operasi loji secara berterusan dan bekerjasama

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			dengan pihak-pihak berkaitan bagi memastikan sistem pembetungan beroperasi dengan baik demi menjaga kesejahteraan dan kualiti hidup penduduk setempat.
		Masalah ini turut diburukkan dengan kejadian banjir teruk pada bulan Oktober 2025, yang telah mengakibatkan kira-kira 200 penduduk dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Kejadian tersebut menimbulkan kebimbangan terhadap keupayaan sistem kumbahan sedia ada, termasuk kemungkinan kelemahan dalam aspek penyelenggaraan dan pengurusan loji.	*Tiada ulasan diberikan oleh agensi*
		Golongan yang paling terjejas adalah penduduk di Kg. Batu Puteh yang berhadapan dengan kesan langsung daripada segi persekitaran, kesihatan, dan kesejahteraan harian mereka. Isu ini berlaku secara berterusan dan memerlukan perhatian serius.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
4.	Risiko keselamatan daripada pokok besar yang tidak diselenggara	Terdapat pokok-pokok besar di sepanjang jalan-jalan kampung yang berbahaya. Penduduk memohon pihak Majlis untuk membuat seliaan terhadap pokok-pokok besar, terutama yang berada berhampiran jalan atau rumah penduduk. Pokok-pokok besar berpotensi tumbang ketika angin kencang dan hujan lebat.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
5.	Pencemaran udara dan bau toksik daripada kilang	Terdapat pelepasan asap berbahaya oleh sebuah kilang kitar semula yang terletak berhampiran kawasan kediaman. Kilang tersebut juga didapati telah beberapa kali menukar nama kilang.	**JAS** 1. Tiada maklumat terperinci premis diterima oleh JAS berkaitan isu ini. Walau bagaimanapun, semakan rekod aduan terkini, aduan bau yang diterima jabatan ini adalah dari CSH Prime Packaging Sdn. Bhd. Tindakan telah diambil pada 16/3/2026 dimana premis telah dikenakan tindakan penahanan operasi kelengkapan (POK) dan diberikan notis arahan. Lawatan susulan mendapati premis dalam pemasangan alat kawalan pencemaran udara. 2. Maklumat diterima dari MPKK pada 20/7/2026 adalah premis Frangrace Rubber Tech Sdn. Bhd. Semakan rekod aduan JAS, tiada aduan diterima sejak 2025, terakhir aduan adalah pada Januari 2024. JAS pernah mengenakan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) dan notis ke atas premis pada 2024. Siasatan susulan pada 20/7/2026 bersama anggota PDRM, premis dikenakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) dan notis pembaikan terhadap alat kawalan udara akan dikeluarkan.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Pelepasan asap ini berlaku pada waktu tertentu, iaitu sekitar jam 4.00 pagi dan 6.00 petang. Asap yang dilepaskan berbau busuk, menjejaskan kualiti persekitaran dan keselesaan penduduk setempat.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Golongan yang terjejas termasuk penduduk setempat, khususnya pesakit asma dan warga emas. Kesan yang dialami merangkumi gangguan kesihatan, ketidakselesaan pernafasan, serta pencemaran bau di kawasan perumahan. Masalah ini berlaku secara berulang pada waktu yang sama setiap hari, iaitu sekitar jam 4.00 pagi dan 6.00 petang. Kesan ketara pelepasan asap adalah berbau busuk yang menjejaskan kesejahteraan komuniti berhampiran.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
6.	Konflik masyarakat dengan habitat sekeliling	Pertembungan antara manusia dan hidupan liar seperti monyet, khinzir, serta anjing liar merupakan isu yang semakin kritikal di kawasan ini. Konflik terjadi khususnya dalam kalangan komuniti yang tinggal berhampiran kawasan pembangunan baharu.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
7.	Infrastruktur titi jalan yang usang	Sebuah titi kecil yang telah lama dibina kini berada dalam keadaan usang dan memerlukan penaiktarafan segera. Keadaan struktur titi yang tidak lagi kukuh ini menimbulkan risiko keselamatan yang serius kepada penduduk setempat serta pengguna jalan raya.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Beberapa kemalangan telah dilaporkan berlaku di lokasi tersebut, dipercayai berpunca daripada keadaan titi yang telah uzur dan tidak diselenggara atau dinaik taraf.	
		Golongan yang terjejas termasuk penduduk kampung dan pengguna harian laluan berkenaan, dengan kesan ketara terhadap keselamatan serta kelancaran pergerakan harian mereka. Isu ini berlarutan dalam tempoh yang lama berikutan masih menunggu kelulusan bagi kerja-kerja penaiktarafan. Sebagai contoh, beberapa insiden kemalangan yang berlaku di titi tersebut jelas menunjukkan keperluan mendesak untuk tindakan segera diambil. (FT KM 169, Jalan Kampung Batu Puteh)	

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Kampung Jangkang dan Kampung Sungai Kob (DUN Merbau Pulas / Mukim Karangan) **Tarikh:** 12 April 2026 **Bilangan peserta:** 13 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			
1.	Kelemahan rangkaian internet	Rangkaian internet di Kg. Kemunting, Kg. Kemunting Baru dan Kg. Ulu Paip berada pada tahap yang tidak memuaskan. Perkhidmatan internet, khususnya rangkaian Maxis, tidak dapat dicapai dengan baik di kawasan-kawasan terlibat.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Permohonan kepada pihak Telekom Malaysia (TM) telah dikemukakan pada bulan Oktober 2025. Susulan itu, pemasangan kabel fiber optik sepanjang 200 meter telah dilaksanakan pada bulan Disember 2025. Keadaan di Kg. Kemunting kini boleh dianggap telah bertambah baik.	
		Namun begitu, isu akses internet masih belum diselesaikan di Kg. Kemunting Baru dan Kg. Ulu Paip. Permohonan kedua telah dikemukakan kepada TM pada bulan November 2025, tetapi sehingga kini masih belum menerima sebarang maklum balas.	
		Masalah ini telah berlarutan selama kira-kira tiga tahun dan memberi kesan besar kepada penduduk setempat, khususnya mereka yang bekerja dari rumah (BDR) serta pelajar. Keterbatasan capaian internet memaksa sebahagian penduduk keluar dari kawasan kampung untuk mendapatkan akses di pusat internet atau kafe siber.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Sistem perparitan asas yang tidak lengkap	Isu perparitan telah dibangkitkan oleh penduduk setempat berikutan ketiadaan penyelenggaraan oleh pihak berwajib dalam tempoh yang agak lama. Longkang dan parit di kawasan terlibat dianggarkan sepanjang kira-kira 700 meter, perlu dibersihkan serta diselenggara bagi memastikan aliran keluar air berjalan lancar.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Terdapat kekeliruan bidang tanggungjawab sama ada ia di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) atau projek di bawah Pejabat Daerah, yang menyebabkan tindakan penyelenggaraan tertangguh.	
		Masalah perparitan turut berlaku di Kampung Banggul, Kg Seberang Jaya, Kg Banggul Penyengat dan Kg Bikan. Di kawasan ini, parit sepanjang kira-kira 400 meter yang menghubungkan aliran ke sungai didapati semakin sempit dan tidak diselenggara dengan baik lalu menyebabkan air hujan melimpah ke kawasan kampung. Selain itu, di Kg Bikan juga terdapat parit yang telah tertimbus, khususnya di kawasan sekitar Klinik Desa Bikan hingga SK Labu Besar. Ia memerlukan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan segera bagi mengelakkan risiko banjir dan gangguan kepada penduduk.	
3.	Sungai yang cetek akibat pemendapan pasir	Sungai yang cetek merupakan salah satu faktor utama yang menyebabkan limpahan air sungai ke kawasan kampung-kampung berhampiran. Keadaan sungai yang cetek ini berpunca daripada pemendapan pasir yang berlebihan di dasar sungai, tanpa penyelenggaraan berkala bagi mengeluarkan mendapan tersebut. Akibatnya, kapasiti aliran sungai menjadi terhad dan tidak mampu menampung jumlah air hujan yang	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		banyak, sehingga hujan selama satu jam sahaja sudah boleh menyebabkan limpahan air. Penduduk telah memohon pembinaan sangkar batu sebagai struktur penahan tebing sungai, memandangkan hakisan dan aliran air semakin menghampiri kawasan kediaman. Namun, sehingga kini permohonan tersebut masih belum mendapat kelulusan.	
4.	Risiko bencana banjir kilat dan limpahan air	Kejadian banjir kilat (< 2 jam) dan banjir biasa (> 2 hari) sering berlaku dan melibatkan beberapa kampung dalam mukim yang sama.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Isu banjir ini bukan lagi perkara asing bagi penduduk di kampung-kampung yang terletak berhampiran sungai utama. Kejadian ini berpunca daripada limpahan air Sungai Karangan yang mengalir hingga ke Sungai Kob. Bencana ini telah memberi kesan kepada 144 keluarga yang terlibat. Selain itu, ban penahan air sungai telah mengalami hakisan dan masih belum dibaiki sepenuhnya yang melibatkan sebanyak lapan lubang. Namun, hanya satu daripadanya telah dibaiki setakat hari temu bual dijalankan.	
		Banjir anak sungai berlaku apabila air dari kawasan lombong melimpah ke kawasan perumahan sebelum mengalir ke sungai utama. Kejadian ini telah menyebabkan sekitar 10 buah rumah batu terjejas pada November 2025, dengan paras air mencecah sehingga paras pinggang.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Kejadian banjir ini berlaku kira-kira dua kali setahun dan dipercayai berpunca daripada kewujudan lombong-lombong lama yang telah terbiar tanpa penyelenggaraan.	

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Hakisan tebing sungai

Isu hakisan tebing sungai di Padang Serai merupakan masalah kritikal yang melibatkan Sungai Kulim, Sungai Keladi, Sungai Muda, Sungai Karangan, dan Sungai Merbau Pulas. Fenomena ini telah berlarutan selama lebih 10 tahun, namun menjadi semakin membimbangkan sejak 3 hingga 4 tahun kebelakangan ini akibat aktiviti kuari pasir yang tidak mematuhi SOP serta perancangan pembangunan bandar yang tidak seimbang di kawasan hulu. Antara kampung yang dikenal pasti terkesan secara langsung oleh isu hakisan ini termasuklah Kampung Keladi, Kampung Dusun, Kampung Tok Rasul, dan Kampung Sungai Badak (Komuniti Desa Lembah Sungai Kulim), Kampung Badak, Kampung Jangkang, Kampung Kob, Kampung Padang Limau, Kampung Baru Sg Kob, Kampung Tangkak, dan Kampung Seberang Jaya.

Kehilangan tanah milik penduduk

Hakisan telah mengurangkan keluasan tanah lot penduduk, malah pembangunan pesat *Hi-Tech* di hulu menyebabkan alur sungai membesar sehingga "memakan" lot-lot rumah di kawasan hiliran. Dianggarkan sebanyak 40 lot rumah telah terkesan akibat sungai yang mengalir merentasi kawasan kampung.

Kemusnahan kawasan pertanian dan risiko banjir

Sebahagian kawasan pertanian penduduk di tebing sungai telah dihanyutkan arus bersama pokok-pokok yang tumbang. Hakisan menyebabkan sungai menjadi cetek dan ban penahan air pecah (terdapat lapan lubang dikesan), menyebabkan aliran air kini semakin menghampiri kawasan kediaman penduduk dan meningkatkan risiko banjir kilat.

Untuk menangani isu ini, kerjasama antara kerajaan negeri dan persekutuan perlu diperkukuh, disokong oleh penguatkuasaan undang-undang yang ketat dalam mengeluarkan lesen aktiviti kuari pasir.

Ancaman keselamatan nelayan darat dan kerosakan ekosistem

Pokok-pokok yang hanyut membahayakan nelayan, merosakkan bot, serta memusnahkan peralatan menangkap ikan. Serpihan pokok juga memusnahkan kawasan pembiakan benih ikan yang diusahakan oleh nelayan. Aktiviti kuari pasir yang menjadi punca hakisan turut melepaskan sisa air kotor yang mencemarkan kualiti air dan memusnahkan hidupan akuatik

Jadual 12. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kehilangan tanah milik penduduk 2. Kemusnahan kawasan pertanian dan risiko banjir 3. Ancaman keselamatan nelayan darat dan kerosakan ekosistem
Cadangan Penyelesaian	1. Penguatkuasaan undang-undang yang ketat dalam mengeluarkan lesen aktiviti kuari pasir 2. Kerja-kerja penambakan dilakukan secara menyeluruh sepanjang kira-kira 5km dari Taman Tiong hingga ke BKE serta pembinaan struktur penahan tebing seperti sangkar batu di kawasan yang paling kritikal.
Kumpulan Terjejas	Penduduk kampung berdekatan tebing sungai dan penduduk Padang Serai secara amnya.
Kawasan	Kampung Keladi, Kampung Dusun, Kampung Tok Rasul, dan Kampung Sungai Badak (Komuniti Desa Lembah Sungai Kulim), Kampung Badak, Kampung Jangkang, Kampung Kob, Kampung Padang Limau, Kampung Baru Sg Kob, Kampung Tangkak, dan Kampung Seberang Jaya.
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi	Sasaran 6.6: Melindungi dan memulihkan ekosistem berasaskan air seperti sungai, tasik, dan tanah lembap.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.6: Mengurangkan kesan negatif alam sekitar bandar, termasuk memberi tumpuan kepada kualiti udara dan pengurusan sisa.
SDG 13: Tindakan Memerangi Perubahan Iklim	Sasaran 13.3: Meningkatkan pendidikan, kesedaran dan kapasiti manusia terhadap mitigasi perubahan iklim, adaptasi dan amalan lestari.
SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat	Sasaran 17.14: Meningkatkan kesepaduan dasar untuk pembangunan mampan. Sasaran 17.15: Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Penagihan dadah dan ancaman keselamatan

Kawasan Kampung Keladi dan Kampung Bagan Sena di Padang Serai kini berdepan dengan ancaman serius melibatkan isu penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang yang semakin kritikal serta membimbangkan dalam kalangan belia. Penduduk menyatakan bahawa kekurangan sokongan komuniti dan ruang aktiviti sihat menyebabkan belia terdedah kepada pengaruh negatif yang membawa kepada tingkah laku anti-sosial serta implikasi sosial yang negatif secara umum. Pembangunan ruang aktiviti komuniti dan penyediaan kemudahan awam seperti taman rekreasi, padang permainan, dan gelanggang sukan (seperti sepak takraw dan badminton) dilihat berpotensi besar untuk menjadi intervensi utama bagi mengalihkan penglibatan belia ke arah aktiviti yang lebih sihat dan berstruktur. Melalui penganjuran aktiviti komuniti yang konsisten, elemen pembangunan modal insan dapat diperkukuh, sekali gus mengurangkan kecenderungan golongan muda untuk terjebak dalam tingkah laku anti-sosial yang membawa implikasi negatif.

Kurang penglibatan secara inklusif dalam usaha pembasmian dadah

Terdapat cabaran besar dalam menangani isu ini secara tuntas, terutamanya melibatkan keberkesanan penguatkuasaan dan sokongan agensi berkaitan. Penduduk menyuarakan kebimbangan terhadap kekurangan kehadiran aktif pihak PDRM, AADK, dan organisasi seperti PEMADAM di peringkat akar umbi, di samping wujudnya persepsi negatif terhadap proses tangkapan 'tokan' dadah yang didakwa kembali dibebaskan dalam tempoh singkat selepas laporan dibuat. Kehadiran rangkaian pembekal yang luas serta peningkatan penggunaan bahan seperti gam dan ketum memerlukan tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan bersepadu bagi menjamin keselamatan serta kesejahteraan penduduk setempat secara menyeluruh.

Jadual 13. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Ancaman keselamatan dan kesejahteraan penduduk 2. Kurang penglibatan secara inklusif dalam usaha pembasmian dadah
Cadangan	1. Mengadakan program kesedaran di peringkat kampung dan sekolah 2. Mengadakan sesi dialog bersama agensi penguatkuasa untuk rondaan dan tangkapan
Kumpulan Terjejas	Penduduk Kampung Keladi, belia, penduduk Kampung Bagan Sena

Kawasan	Parlimen Padang Serai
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 3: Kesihatan dan Kesejahteraan Baik	Sasaran 3.5: Memperkukuhkan pencegahan penyalahgunaan dadah.
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.7: Mempromosikan pendidikan untuk pembangunan lestari dan budaya keamanan.
SDG 16: Keamanan, Keadilan, dan Institusi yang Kukuh	Sasaran 16.1: Mengurangkan keganasan dan jenayah.
SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat	Sasaran 17.17: Mempromosikan perkongsian awam dan masyarakat sivil.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Isu konflik antara manusia dan hidupan liar

Komuniti di kawasan luar bandar, khususnya di kampung-kampung di Padang Serai, berdepan cabaran besar dengan isu konflik antara manusia dan hidupan liar. Sebagai contoh, Kampung Sg. Ular, Kg. Bagan Sena, Kg. Pagar Museh, dan Taman Mutiara adalah antara kawasan- kawasan yang berdepan dengan konflik monyet, khinzir, dan anjing liar akibat pembangunan pesat serta berdepan dengan kekangan tadbir urus.

Pembangunan pesat dan kehilangan habitat

Pembangunan yang pesat telah mengubah landskap asal kawasan tersebut secara drastik. Pembukaan hutan secara berleluasa telah memusnahkan kawasan perlindungan semula jadi dan sumber makanan bagi hidupan liar. Pengurangan zon peralihan iaitu kawasan ladang yang dahulunya berfungsi sebagai zon peralihan antara hutan dan penempatan manusia kini semakin berkurangan atau hilang sepenuhnya akibat pembangunan perindustrian.

Kekangan sokongan agensi

Terdapat kekurangan sokongan dan perkhidmatan daripada agensi berkaitan dari sudut tadbir urus. Ketiadaan pejabat Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) di kawasan setempat menyukarkan sebarang tindakan segera diambil. Pejabat PERHILITAN yang terdekat terletak hanya di Baling. Jarak yang relatifnya jauh ini menjejaskan kecekapan dan kepantasan respons terhadap aduan yang dikemukakan oleh komuniti.

Jadual 14. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Pembangunan pesat dan kehilangan habitat 2. Kekangan sokongan agensi
Cadangan Penyelesaian	1. Pembangunan bersepadu dengan pemuliharaan habitat 2. Sokongan dan perkhidmatan agensi yang lebih aktif
Kumpulan Terjejas	Penduduk kampung Sg. Ular, Kg. Bagan Sena, Kg. Pagar Museh, dan Taman Mutiara
Kawasan	Parlimen Padang Serai
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 15: Kehidupan di Darat	Sasaran 15.1: Menjelang 2020, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan lestari ekosistem air tawar daratan dan pedalaman termasuk perkhidmatannya, khususnya hutan, tanah bencah, gunung-ganang dan tanah kering, sejajar dengan obligasi di bawah perjanjian antarabangsa. Sasaran 15.2 Menjelang 2020, menggalakkan pelaksanaan pengurusan lestari bagi semua jenis hutan, menghentikan pembersihan hutan, memulihkan kemerosotan hutan dan meningkatkan dengan ketara penghutanan dan penghutanan secara global.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Terdapat lima projek utama telah dikenalpasti bagi Parlimen Padang Serai bagi menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4	PROJEK 5
Tajuk Projek	Pembangunan Ekonomi Nelayan Darat dan Komuniti Asnaf	Pembangunan Ekonomi Komuniti Asnaf – Pembuatan Popcorn Caramel	Pemprosesan Silaj Dibuat Secara Organik (Rumput, Molases Dan Garam Kasar + EM)	Projek Mitigasi Banjir dan Pemulihan Sistem Perparitan Sungai Karangan	Projek Gelanggang Serbaguna Masjid As-Solihin Kariah Kampung Bagan Sena
SDG Berkaitan	SDG 1, 4, 8, 17	SDG 1, 4, 8, 17	SDG 1, 8, 12	SDG 6, 11, 13	SDG 3, 4, 11
Hasil Jangkaan	1. Menyediakan jeti pendaratan dan pusat pengumpulan hasil tangkapan yang lebih selamat dan teratur. 2. Meningkatkan kemahiran teknikal dan pemasaran nelayan. 3. Menambah pendapatan serta memperkukuh ekonomi komuniti nelayan dan asnaf.	1. Melatih 20 peserta dalam penghasilan popcorn caramel dan pengurusan perniagaan. 2. Membolehkan peserta memulakan atau mengembangkan perusahaan mikro. 3. Meningkatkan pendapatan isi rumah dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kebajikan.	1. Meningkatkan kemahiran 10 peserta dalam penanaman napier dan pemprosesan silaj. 2. Menghasilkan bekalan makanan ternakan secara berterusan serta mengurangkan kos makanan ternakan. 3. Menyasarkan pengeluaran silaj sebanyak 20 tan metrik sebulan. 4. Menjana pendapatan melalui jualan silaj dan	1. Memulihkan tujuh lokasi tebing sungai yang kritikal. 2. Membersihkan perparitan di Kg. Seberang Jaya, Kg. Banggol Penyengat dan Kg. Batu Puteh. 3. Melancarkan aliran air serta mengurangkan risiko banjir dan kerosakan harta benda. 4. Meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan komuniti menghadapi bencana.	1. Menyediakan gelanggang takraw yang selamat dan selesa untuk komuniti. 2. Menggalakkan gaya hidup sihat dan penyertaan belia dalam sukan. 3. Mengeratkan hubungan masyarakat melalui aktiviti riadah dan program komuniti. 4. Mengenal pasti serta membangunkan bakat sepak takraw tempatan.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4	PROJEK 5
			membuka peluang keusahawanan.		
Organisasi	MYKP Kuala Sedim, Negeri Kedah (No. 36)	MYKP Kuala Sedim, Negeri Kedah (No. 36)	Persatuan Penduduk Desa Lembah Sungai Kulim, Kelang Lama	Persatuan Kebajikan Prihatin Ummah	Masjid As-Solihin Kariah Kampung Bagan Sena
Aktiviti	1. Pendaftaran peserta dan taklimat projek. 2. Pengenalan kepada APPGM-SDG dan SDG. 3. Gotong-royong membersihkan tapak jeti. 4. Pengukuran dan pengorekan tapak. 5. Pembinaan platform, struktur dan bumbung jeti. 6. Kerja kemasan serta pembinaan pondok agihan dan timbangan. 7. Kursus pemasaran hasil tangkapan dalam tiga sesi. 8. Majlis penutup dan penyampaian sijil.	1. Pendaftaran peserta, taklimat projek dan penyerahan mesin popcorn. 2. Pengenalan kepada APPGM-SDG dan SDG. 3. Kursus penyediaan popcorn caramel. 4. Kursus pemasaran popcorn caramel. 5. Pemantauan peserta dan hasil jualan.	1. Pengenalan kepada APPGM-SDG, SDG dan projek. 2. Pembersihan kawasan dan penyediaan tanah. 3. Pembinaan stor pemprosesan dan penyimpanan silaj serta pagar. 4. Latihan pertanian mampan dan keterjaminan makanan. 5. Penanaman rumput napier. 6. Latihan penternakan haiwan. 7. Pembajaan dan penuaian rumput.	1. Taklimat SDG dan peranan APPGM-SDG kepada komuniti. 2. Lawatan tapak dan penilaian keadaan perparitan di Kg. Seberang Jaya. 3. Lawatan tapak dan penilaian keadaan perparitan di Kg. Banggol Penyengat. 4. Lawatan tapak di tujuh lokasi tebing sungai yang kritikal di Kg. Padang Limau. 5. Lawatan tapak di perparitan utama	1. Pengenalan SDG. 2. Perancangan, pembersihan dan penyediaan tapak. 3. Pembinaan struktur gelanggang. 4. Pemasangan kemudahan sukan. 5. Perasmian Projek Gelanggang Serbaguna 6. Penganjuran Pertandingan Badminton Peringkat Masjid As-Solihin 7. Penganjuran Program Motivasi Hindari Dadah 8. Latihan Badminton Belia dan Remaja

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4	PROJEK 5
	9. Pemantauan peserta dan jualan hasil tangkapan.		8. Pemotongan Rumput 9. Proses Merincit Rumput (chopper) 10. Proses Pembuatan Silaj, Pembungkusan dan Pemeraman 11. 11. Pengenalan kepada Pengurusan Pemasaran 12. Aktiviti penjualan	di Kg. Batu Puteh yang perlu diselenggara. 6. Pelaksanaan kerja mencuci perparitan utama di Kg. Seberang Jaya dengan melibatkan komuniti melalui gotong-royong. 7. Pelaksanaan kerja mencuci perparitan utama di Kg. Banggol Penyengat dengan melibatkan komuniti melalui gotong-royong. 8. Pelaksanaan kerja baik pulih dan penambakan tebing Sungai Karangan di Kg. Padang Limau dan aktiviti mencuci sampah dan	9. Majlis Sambutan Perayaan dan Komuniti 10. Ceramah dan Program Keagamaan 11. Mesyuarat dan Perjumpaan Penduduk 12. rogram Kesihatan Komuniti - Derma Darah 13. Program Hari Keluarga Komuniti dan Sukaneka 14. Kelas dan Bengkel Kemahiran - Kem Anak Soleh

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4	PROJEK 5
				pokok tumbang di sungai dengan melibatkan komuniti melalui gotong-royong. 9. Pelaksanaan kerja baik pulih dan penambakan tebing Sungai Karangan di Kg. Batu Puteh. 10. Kempen kesedaran penjagaan alam sekitar dan pengurusan sisa pepejal serta bencana. 11. Sesi perjumpaan bersama masyarakat dan penilaian akhir projek 12. Pemantauan kebersihan perparitan dan Sungai Karangan	

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4	PROJEK 5
				secara berkala.	
Jumlah (RM)	25,000.00	5,000.00	40,000.00	40,000.00	25,000.00
Tempoh	4 bulan fasa aktif + 6 bulan pemantauan	1 bulan fasa aktif + 6 bulan pemantauan	4 bulan fasa aktif + 6 bulan pemantauan	4 bulan fasa aktif + 6 bulan pemantauan	2 bulan

6.0 RUJUKAN

Department of Statistics Malaysia. *P.017 Padang Serai: Statistik Subnasional Parlimen dan DUN*. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia. Accessed September 9, 2026.

Department of Statistics Malaysia. "P.017 Padang Serai Kawasanku." *OpenDOSM*. 2020.

Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah Darul Aman. "Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah Darul Aman." Accessed September 9, 2026.

Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd. "Kulim Hi-Tech Park." *Kulim Hi-Tech Park*. Accessed September 9, 2026.

Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd. "Overview Kulim Hi-Tech Park." *Kulim Hi-Tech Park*. Accessed September 9, 2026.

Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd. "Master Plan." *Kulim Hi-Tech Park*. Accessed September 9, 2026.

Kulim Hi-Tech Park. "Master Plan." *Kulim Hi-Tech Park*. Accessed September 9, 2026. https://www.khtp.com.my/business/master-plan/#overall

Jabatan Perangkaan Malaysia. "P017 Padang Serai: Statistik Subnasional Parlimen dan DUN."

Jabatan Perangkaan Malaysia. Accessed September 9, 2026. https://newss.statistics.gov.my/newss-

Socioeconomic Profiling and Dynamics: Insights from a Rural Community Study in Kedah." *UiTM Institutional Repository*. Accessed September 9, 2026. https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/132564/

Universiti Tunku Abdul Rahman. *Padang Serai – Kedah (E).* National Vulnerability Report. Accessed September 9, 2026.

"Socioeconomic Profiling and Dynamics: Insights from a Rural Community Study in Kedah." n.d. Universiti Teknologi MARA Institutional Repository. Accessed September 9, 2026.

Penang Travel Tips. "Kampung Terat Batu, Padang Serai, Kedah." Accessed September 9, 2026

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU **201 – 215**

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN **219 – 226**

1.1 Geografi/Topografi 219

1.2 Komposisi Penduduk 221

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 222

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 224

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN **227 – 229**

2.1 Pendekatan Kajian 227

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 228

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 228

2.4 Keterbatasan Kajian 229

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG **230 – 244**

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU **246 – 326**

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-Isu 246

4.2 Pengutamaan Isu 318

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN **327**

6.0 RUJUKAN **332**

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.066 Batu Gajah

LAWATAN PEMETAAN ISU 2026 - BATU GAJAH

9 - 11, 17 MEI 2026
(SABTU - ISNIN, AHAD)

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN BATU GAJAH, YB DR. SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1 | 9 MEI 2026

1. FGD 1: Sesi Dialog bersama Komuniti Kawasan Rukun Tetangga Jelapang
2. FGD 2: Sesi Dialog bersama Komuniti Desa Changkat (Indian Settlement) Batu Gajah
3. Lawatan Tapak 1 di Desa Changkat
4. FGD 3: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Gunung Hijau
5. Lawatan Tapak 2 di Kellie's Castle

HARI 2 | 10 MEI 2026

6. FGD 4: Sesi Dialog bersama Komuniti Baru Papan Lama & Baru
7. Lawatan Tapak 3 Sekitar Pekan Papan
8. FGD 5: Sesi Dialog bersama Komuniti Kampung Baru Bali
9. Temu Bual bersama JPKK Kampung Baru Nalla

HARI 3 | 11 MEI 2026

10. FGD 6: Sesi Dialog bersama Pertubuhan Warisan India Malaysia
11. Lawatan Tapak 4 ke Kuil Sree Maha Mariamman
12. FGD 7: Sesi Dialog bersama Persatuan Tarian & Rekreasi Menglembu

HARI 4 | 17 MEI 2026

13. FGD 8: Sesi Dialog bersama Komuniti KRT Taman Rasi Jaya

PASUKAN PENYELIDIK



Dr. Thanaraj Murudi
Ketua Penyelidik




James Ryan Raj



Rose Helen Ambrose



Pathma Devi Pakrisamy
Penyelaras Tempatan



Farahanim Faizul Zamri
Penyelaras Tempatan



Sakirah Idris
Penyelaras Tempatan



Ann Thomas
Pelajar Latihan Industri (Intern)

GERAK KERJA LAWATAN PEMETAAN ISU BATU GAJAH



05/04/2026 MESYUARAT AWALAN





Mesyuarat awalan bersama YB Tuan Sivakumar a/l Varatharaju Naidu, Ahli Parlimen Batu Gajah, telah diadakan bagi membincangkan pengenalan inisiatif serta pemetaan isu di kawasan Batu Gajah. Dalam sesi tersebut, perbincangan tertumpu kepada potensi kawasan berkenaan yang amat dikenali dengan nilai-nilai sejarahnya yang tinggi, di mana beliau turut berkongsi pandangan strategik sebagai persediaan untuk pelaksanaan pemetaan di parlimen tersebut.

09/05/2026

FGD 1: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAWASAN RUKUN TETANGGA JELAPANG







FGD 1 melibatkan komuniti Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Jelapang yang telah mengenal pasti pelbagai isu kritikal merangkumi aspek infrastruktur, keselamatan, alam sekitar, dan kebajikan sosial. Dari segi infrastruktur dan keselamatan jalan raya, penduduk menekankan risiko tinggi di persimpangan T Jalan Simpang Jelapang serta masalah jalan berlubang di sekitar Taman Rishah dan Ipoh yang memerlukan pemasangan lampu isyarat dan penyelenggaraan berkualiti. Isu persekitaran turut dibangkitkan melibatkan keadaan usang dan sistem saliran tersumbat di Pasar Awam Jelapang, kutipan sampah yang tidak konsisten, serta masalah banjir kilat di bulatan Silibin akibat sistem perparitan yang tidak efisien. Selain itu, terdapat kebimbangan mengenai keselamatan kawasan perumahan susulan peningkatan kes pecah rumah pada tahun 2026, yang memohon penambahan lampu jalan dan rondaan polis yang lebih kerap. Aspek kelestarian alam sekitar juga terancam oleh isu hakisan tanah dan pencemaran sungai di Jelapang Tambahan Baru (Lorong Jelapang 6) yang memerlukan pembinaan benteng serta penguatkuasaan terhadap pembuangan sampah haram. Akhir sekali, perbincangan menyoroti isu kesejahteraan sosial yang mendesak, khususnya kehadiran gelandangan warga emas dengan masalah kesihatan mental di kawasan awam, di mana penduduk mencadangkan penyediaan tempat perlindungan serta bantuan rawatan segera daripada pihak berkuasa.

09/05/2026 FGD 2: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI DESA CHANGKAT (*INDIAN SETTLEMENT*) BATU GAJAH







FGD 2 melibatkan Komuniti Desa Changkat (*Indian Settlement*) Batu Gajah. Penduduk berdepan pelbagai isu berkaitan kemudahan asas, infrastruktur dan kesejahteraan komuniti yang memberi kesan langsung terhadap kehidupan harian masyarakat setempat, khususnya warga emas, golongan B40 dan keluarga berpendapatan rendah. Antara isu utama yang diketengahkan ialah ketiadaan perkhidmatan pengangkutan awam ke kawasan penempatan sejak perkhidmatan bas dihentikan sekitar tahun 1980-an. Keadaan ini menyukarkan penduduk untuk bergerak mendapatkan rawatan kesihatan, bekerja dan mengurus keperluan harian. Selain itu, penduduk turut menghadapi kesukaran mendapatkan barangan keperluan asas kerana tiada kedai runcit berhampiran kawasan perumahan. Dari aspek pembangunan komuniti dan belia, terdapat keperluan terhadap kemudahan sukan seperti padang bola yang lebih lengkap. Walaupun terdapat usaha melatih lebih 140 pemain muda melalui kelab bola sepak tempatan, kekangan fasiliti dan kos sewaan padang masih menjadi cabaran utama. Penduduk juga memohon pembinaan dewan serbaguna bagi kegunaan program komuniti. Masalah sistem perparitan turut menjadi kebimbangan apabila banjir kilat masih berlaku. Sistem saliran yang tidak mencukupi menyebabkan air bertakung dan limpahan air ketika hujan lebat. Komuniti turut menyuarakan kebimbangan mengenai status tanah sebuah kuil berhampiran Hospital Batu Gajah yang telah wujud lebih 100 tahun. Walaupun pihak hospital membenarkan kuil tersebut terus beroperasi, penduduk berharap permohonan geran atau hak milik rasmi dapat dipertimbangkan bagi menjamin kedudukan kuil tersebut pada masa hadapan.

09/05/2026 LAWATAN TAPAK 1 DI DESA CHANGKAT





Lawatan Tapak 1 di Desa Changkat. Padang yang bakal berubah wajah dengan kelengkapan permainan bola sepak dan Rekreasi dalam tahun ini. Telah mendapat kelulusan daripada KPKT.

09/05/2026 FGD 3: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG GUNUNG HIJAU



FGD 3 telah diadakan bersama Komuniti Kampung Gunung Hijau yang membangkitkan beberapa isu utama yang memberi kesan terhadap kesejahteraan dan keselamatan penduduk setempat. Antara isu utama ialah pencemaran bau daripada kawasan pelupusan sampah berhampiran Lumut Expressway yang telah beroperasi lebih 15 tahun. Bau busuk yang merebak terutama ketika hujan dan angin kuat menimbulkan ketidakselesaan kepada penduduk sekitar termasuk kawasan yang terletak beberapa kilometer dari tapak pelupusan. Selain itu, penduduk turut menghadapi masalah haiwan berkeliaran seperti lembu, anjing liar dan babi hutan. Lembu yang dibiarkan bebas telah merosakkan tanaman penduduk serta menimbulkan risiko keselamatan, manakala anjing liar dan babi hutan pula menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan awam dan kebersihan kawasan. Walaupun tindakan penguatkuasaan pernah dijalankan, masalah ini masih berlaku secara berulang. Penduduk juga memaklumkan isu kerosakan kabel dan tiang utiliti akibat lori berat yang memasuki kawasan kampung. Kejadian tersebut menyebabkan gangguan bekalan elektrik dan menimbulkan risiko terhadap keselamatan infrastruktur utiliti serta penduduk sekitar.

09/05/2026 LAWATAN TAPAK 2 DI KELLIE'S CASTLE





Lawatan Tapak 2 diadakan di Kellie's Castle yang terletak di Batu Gajah, Daerah Kinta, Perak, Malaysia. Bangunan istana yang tidak siap dan kini menjadi tinggalan bersejarah ini dibina oleh seorang peladang Scotland, William Kellie-Smith. Menurut beberapa catatan sejarah, istana ini dibina sama ada sebagai hadiah untuk isterinya atau sebagai kediaman untuk anak lelakinya.

10/05/2026 FGD 4: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI BARU PAPAN LAMA & BARU



FGD 4 bersama Komuniti Papan Lama dan Baru mengetengahkan beberapa isu utama seperti masalah pengurusan sampah ekoran penarikan semula tong RORO oleh Majlis Daerah Batu Gajah akibat vandalisme pembakaran terbuka dalam tong sampah tersebut, di mana penduduk mencadangkan pemasangan CCTV sebagai langkah penyelesaian. Selain itu, komuniti turut terganggu dengan aktiviti rempit oleh belia luar di Simpang Jalan Orkid pada waktu petang dan malam, serta berdepan masalah gangguan bekalan akibat tekanan air rendah pada waktu puncak yang berpunca daripada sistem perpaipan lama dan usang. Dari aspek sosioekonomi pula, kawasan ini didominasi oleh sekitar 90% warga emas berpendapatan tetap yang rendah susulan penghijrahan golongan muda ke luar daerah akibat peluang pekerjaan tempatan yang terhad; secara keseluruhannya, komuniti mengharapkan tindakan bersepadu melibatkan penambahbaikan infrastruktur dan penguatkuasaan bagi meningkatkan kualiti hidup mereka.

10/05/2026 LAWATAN TAPAK 3 SEKITAR PEKAN PAPAN





Lawatan Tapak 3 telah diadakan di tempat-tempat bersejarah seperti Papan Heritage Town (Bandar Lama Papan), Masjid Lama Papan, dan Kediaman Sybil Kathigasu, seorang jururawat dan tokoh kemanusiaan terkenal di Tanah Melayu semasa zaman pendudukan Jepun (Perang Dunia Kedua).

10/05/2026 FGD 5: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KAMPUNG BARU BALI



FGD 5 melibatkan penduduk Kampung Baru Bali membincangkan beberapa isu utama yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan penduduk setempat. Antaranya ialah ketiadaan perkhidmatan Klinik Kesihatan di Kampung Bali yang telah tidak beroperasi sejak kira-kira dua tahun lalu tanpa penjelasan jelas kepada penduduk. Keadaan ini memaksa penduduk mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Tronoh yang terletak sekitar 5 kilometer dari kampung, manakala kes yang lebih serius perlu dirujuk ke Hospital Batu Gajah. Selain itu, turut dibangkitkan isu gangguan haiwan liar dan ternakan berkeliaran seperti anjing liar, kerbau dan babi hutan di kawasan kampung yang bukan sahaja mengganggu keselamatan pengguna jalan raya termasuk penunggang motosikal, malah menyebabkan pencemaran kebersihan apabila kerbau merosakkan kawasan sawah dan meninggalkan najis di kawasan persekitaran. Di samping itu, masalah rumah terbiar yang tidak diselenggara turut menjadi kebimbangan dengan anggaran 50 hingga 100 unit rumah terbiar di kawasan tersebut, yang menyebabkan persekitaran menjadi kotor dan berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Situasi ini telah meningkatkan risiko penularan penyakit denggi dalam kalangan penduduk setempat.

10/05/2026 TEMU BUAL BERSAMA JPKK KAMPUNG BARU NALLA







Satu temu bual telah diadakan bersama wakil Kampung Baru Nalla yang membangkitkan beberapa isu utama yang menjejaskan kesejahteraan dan keselamatan penduduk setempat, khususnya berkaitan banjir kilat dan keadaan rumah terbiar yang tidak diselenggara. Penduduk memaklumkan bahawa kawasan berhampiran Sungai Selising sering mengalami banjir apabila hujan lebat berterusan selama tiga hingga empat hari sehingga menyebabkan paras air sungai melimpah ke kawasan perumahan berhampiran. Keadaan ini menjejaskan sekitar 10 hingga 15 buah rumah yang terletak di kawasan rendah dan berlaku secara berulang setiap kali hujan berpanjangan, sekali gus mengganggu aktiviti harian serta menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan penduduk. Selain itu, terdapat juga masalah rumah terbiar yang dibiarkan kosong, semak dan tidak terurus apabila pemilik gagal menjalankan penyelenggaraan dengan baik. Rumput dan kawasan sekitar rumah tidak dipotong sehingga menjadi tinggi dan tidak terkawal, manakala beberapa rumah kosong turut menjadi sasaran kecurian kabel dan wayar. Penduduk memaklumkan bahawa walaupun kawasan tersebut mempunyai sistem bayaran penyelenggaraan komuniti sekitar RM15 sebulan bagi tujuan kebersihan dan penyelenggaraan kawasan, masih terdapat pemilik rumah yang tidak memberikan kerjasama sewajarnya. Keadaan ini bukan sahaja mencacatkan imej kawasan perumahan, malah turut menimbulkan risiko keselamatan dan kebimbangan dalam kalangan penduduk Kampung Baru Nalla.

11/05/2026 FGD 6: SESI DIALOG BERSAMA PERTUBUHAN WARISAN INDIA MALAYSIA







FGD 6 telah diadakan bersama komuniti di Taman Bemban Permai dan kawasan sekitar Bemban membangkitkan beberapa isu utama melibatkan pengangkutan awam, banjir kilat, kemudahan asas serta status penempatan penduduk. Perkhidmatan bas awam seperti Bus My didapati tidak mempunyai jadual perjalanan yang jelas dan konsisten sehingga menyukarkan penduduk, khususnya warga emas serta mereka yang bergantung kepada pengangkutan awam untuk mendapatkan rawatan di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh. Selain itu, banjir kilat turut berlaku di jalan utama berhampiran Sekolah Sultan Yusuf Batu Gajah dan Taman Mewah apabila hujan berterusan selama beberapa jam. Paras air boleh meningkat sehingga paras lutut akibat sistem perparitan yang tidak mampu menampung aliran air. Penduduk juga memaklumkan bahawa bangunan pasar di Taman Bemban Permai yang telah siap dibina sejak kira-kira 20 tahun lalu masih tidak beroperasi sehingga menyebabkan penduduk sukar mendapatkan barangan basah seperti ikan, ayam dan sayur-sayuran dan terpaksa keluar ke kawasan lain. Dalam masa yang sama, isu penempatan setinggan di Ladang Kinta Kelas berhampiran Kuil Mariamman, Kellie's Castle turut dibangkitkan apabila kira-kira 20 keluarga yang telah menetap di kawasan tersebut sejak lebih 70 tahun lalu masih tinggal di atas tanah milik syarikat perladangan SD Guthrie Berhad tanpa hak milik rasmi. Turut diketengahkan ialah cabaran kehidupan seorang peniaga kecil warga emas, Cik Letchumy Perumal, yang bergantung kepada bantuan STR dan pendapatan harian kecil hasil jualan ais serta kacang putih di kawasan kuil untuk meneruskan kehidupan.

11/05/2026 LAWATAN TAPAK 4 KE KUIL SREE MAHA MARIAMMAN





Lawatan Tapak 4 telah dijalankan ke Kuil Sri Maha Mariamman yang terletak berhampiran Kellie's Castle di Batu Gajah, Perak. Kuil ini mempunyai nilai sejarah yang signifikan kerana berkait rapat dengan pembinaan Kellie's Castle dan kewujudan komuniti pekerja ladang berbangsa Tamil di kawasan Ladang Kinta Kellas. Difahamkan, kuil tersebut dibina kira-kira 500 meter dari Kellie's Castle khusus untuk kegunaan pekerja India yang dibawa oleh William Kellie Smith bagi pembinaan rumah agam berkenaan. Semasa proses pembinaan istana, wabak Spanish Flu dipercayai telah meragut nyawa ramai pekerja dari India. Sebagai tanda penghargaan terhadap pekerja serta memenuhi permintaan mereka untuk mendapatkan perlindungan dan tempat ibadat, William Kellie Smith telah membiayai pembinaan kuil tersebut. Keunikan kuil ini turut terserlah melalui kewujudan patung William Kellie Smith yang diukir dan ditempatkan bersama patung-patung dewa di bahagian bumbung kuil sebagai simbol penghormatan terhadap jasanya. Selain itu, terdapat kepercayaan dalam kalangan masyarakat tempatan bahawa wujud terowong bawah tanah yang menghubungkan kuil tersebut secara terus dengan Kellie's Castle. Pada masa kini, Kuil Sri Maha Mariamman masih aktif digunakan sebagai tempat ibadat oleh komuniti Hindu setempat dan pada masa yang sama menjadi salah satu tarikan pelancongan yang sering dikunjungi oleh pengunjung yang melawat Kellie's Castle.

11/05/2026 FGD 7: SESI DIALOG BERSAMA PERSATUAN TARIAN & REKREASI MENGLEMBU







FGD 7 melibatkan Komuniti Menglembu yang membangkitkan beberapa isu utama yang memberi kesan kepada kesejahteraan penduduk setempat. Antaranya ialah keadaan jalan raya berlubang di kawasan Bandar Baru Menglembu, Taman Menglembu Impiana Adril, jalan utama Menglembu dan Jalan Lahat yang masih berulang walaupun kerja tampalan telah dilakukan beberapa kali. Penduduk memaklumkan bahawa kerja pembaikan hanya bersifat sementara tanpa penyelesaian menyeluruh. Selain itu, masalah banjir kilat turut menjadi kebimbangan serius apabila hujan lebat atau hujan berterusan menyebabkan air melimpah di kawasan jalan utama berhampiran Roundabout Menglembu, Eco Shop dan Petron serta di Jalan Menglembu Impiana 14 dan 16, Taman Menglembu Impiana Adril. Sistem saliran dan aliran sungai didapati masih tidak mampu menampung jumlah air hujan yang tinggi walaupun kerja pembesaran longkang pernah dilakukan sebelum ini. Penduduk turut membangkitkan gangguan burung merpati di Taman Bukit Merah yang berpunca daripada aktiviti memberi makanan secara berterusan di kawasan perumahan berhampiran Lorong 7. Dalam masa sama, isu pembuangan sampah haram turut berlaku di Taman Menglembu Impiana Adril khususnya di jalan utama masuk taman dan kawasan belakang berhampiran kawasan perindustrian. Walaupun papan tanda larangan serta amaran denda telah dipasang, masih terdapat individu membuang sampah rumah, perabot rosak dan sisa pukal di kawasan tersebut. Penduduk turut memaklumkan bahawa kejadian ragut pernah berlaku di kawasan Pasar Menglembu beberapa bulan lalu melibatkan individu menaiki motosikal yang menyasarkan pengunjung pasar. Selain itu, masalah pencahayaan jalan turut dibangkitkan apabila lampu jalan di sepanjang Jalan Lahat kerap rosak dan mengambil masa yang lama untuk dibaiki.

17/05/2026 FGD 8: SESI DIALOG BERSAMA KOMUNITI KRT TAMAN RASI JAYA







FGD 8 bersama Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Rasi Jaya menyoroti keunikan kawasan tersebut yang menempatkan Pertubuhan Kebudayaan dan Orkestra Cina Ipoh yang menawarkan kelas muzik tradisional Cina secara percuma kepada kanak-kanak, di samping beberapa cabaran keselamatan dan persekitaran yang mendesak. Antara isu utama yang dihadapi penduduk termasuklah ancaman anjing liar yang pernah mencederakan penduduk serta gangguan monyet di sekitar SJK(C) Wan Hwa 2, insiden jenayah seperti kecurian kabel, pecah rumah, dan samun, serta ketiadaan papan tanda keselamatan, had laju, dan garisan jalan di hadapan sekolah tersebut. Selain itu, masalah pembuangan sampah pukal seperti perabot secara haram di kawasan larangan turut menjejaskan kebersihan persekitaran.

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.066 Batu Gajah

Senarai Jadual

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Batu Gajah (P.066).....220
Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Batu Gajah 228
Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG.....230
Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1 246
Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2 262
Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3 272
Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4 281
Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5 289
Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Temubual Mendalam 296
Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 6 298
Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 7 304
Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan FGD 8 309
Jadual 13. Ringkasan Isu 1 319
Jadual 14. Ringkasan Isu 2 322
Jadual 15. Ringkasan Isu 3 325

Senarai Singkatan

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
APPGM-SDG	*All Party Parliamentary Group Malaysia – Sustainable Development Goals*
B40	*Bottom 40%* – Merujuk Kepada 40% Isi Rumah Berpendapatan Terendah Di Malaysia
DAP	*Democratic Action Party*
DUN	Dewan Undangan Negeri
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
FGD	*Focus Group Discussion*
HRPB	Hospital Raja Permaisuri Bainun
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JPKK	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KRT	Kawasan Rukun Tetangga
MDBG	Majlis Daerah Batu Gajah
OKU	Orang Kurang Upaya
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PEMADAM	Persatuan Mencegah Dadah Malaysia
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
SDG	*Sustainable Development Goals*
MBI	Majlis Bandaraya Ipoh
NADI	Inisiatif maklumat dan komunikasi kerajaan
YB	Yang Berhormat

1.0 PENGENALAN



YB Dr. Sivakumar a/l Varatharaju Naidu

Batu Gajah merupakan parlimen yang terletak di daerah Kinta, Perak. Parlimen Batu Gajah terdiri daripada tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Jelapang, DUN Menglembu dan DUN Tronoh[27]. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi kawasan Batu Gajah ialah Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG), yang bertanggungjawab terhadap urusan pentadbiran dan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan di kawasan pentadbirannya. Manakala, pentadbiran daerah ialah Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah. Keluasan kawasan Parlimen ini adalah 216 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 137,227 orang. Manakala, jumlah populasi yang layak mengundi adalah 111,896 orang. Parlimen Batu Gajah mempunyai kepadatan penduduk 635 orang per satu kilometer persegi[28].

Pada tahun 2022, YB Dr. Sivakumar a/l Varatharaju Naidu daripada parti *Democratic Action Party* (DAP) di bawah Pakatan Harapan (PH) telah memenangi kerusi bagi Parlimen Batu Gajah. Justeru, program pemetaan isu bagi tahun 2026 di Parlimen Batu Gajah ini diadakan dengan usahasama daripada YB Dr. Sivakumar a/l Varatharaju Naidu.

1.1 Geografi/Topografi

Batu Gajah mempunyai sejarah yang rapat dengan perkembangan pentadbiran Daerah Kinta. Kawasan Batu Gajah terletak di Mukim Sungai Terap dan pernah menjadi pusat pentadbiran Jajahan Kinta. Menurut rekod Pejabat Tanah dan Galian Perak, Batu Gajah berkembang sebagai pusat pentadbiran British di Kinta selepas pembinaan pejabat-pejabat kerajaan pada sekitar tahun 1880-an. Pentadbiran tempatan di Batu Gajah bermula pada tahun 1897 melalui penubuhan *Sanitary Board South* Kinta[29]. Selepas pelaksanaan Akta Kerajaan Tempatan 1976, pentadbiran tempatan kawasan ini dikenali sebagai Majlis Daerah Kinta Barat, sebelum ditukar nama kepada Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) pada tahun 2009. Daripada aspek pentadbiran tanah, kawasan Batu Gajah yang di bawah Pejabat Daerah dan Tanah Batu Gajah kini merangkumi tiga mukim, iaitu Mukim Sungai Raya, Mukim Sungai Terap dan Mukim Tanjung Tualang. Mukim Sungai Raya mempunyai keluasan 28,749 hektar dan lapan kampung, Mukim Sungai Terap

[27] P066 Batu Gajah: Statistik Subnasional PARLIMEN DAN DUN. (JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA), https://newss.statistics.gov.my/newss-portalx/ep/epFreeDownloadContentSearch.seam?cid=194128

[28] Department of Statistics Malaysia, "P.066 Batu Gajah Kawasanku | OpenDOSM," Dosm.gov.my (OpenDOSM, 2020), https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Kedah/parlimen/P.017%20Padang%20Serai

[29] https://ptg.perak.gov.my/portal/ms/web/batu-gajah/geografi-daerah

seluas 9,842 hektar dengan 11 kampung, manakala Mukim Tanjung Tualang mempunyai keluasan 13,986 hektar dengan lapan kampung[30].

Walau bagaimanapun, daripada sudut Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kawasan pentadbiran MDBG adalah lebih luas dan melibatkan lima mukim, iaitu Mukim Sungai Terap, Mukim Belanja, Mukim Tanjung Tualang serta sebahagian Mukim Sungai Raya dan sebahagian Mukim Hulu Kinta. MDBG bertanggungjawab melaksanakan perkhidmatan perbandaran serta fungsi perancangan dan kawalan pembangunan dalam kawasan pentadbirannya[31].

Daripada aspek sejarah dan ekonomi, perkembangan Batu Gajah sangat berkait dengan perlombongan bijih timah, sebelum berkembang sebagai pusat pentadbiran dan perdagangan di Kinta. Kedudukannya di sekitar Sungai Kinta serta hubungan dengan rangkaian pengangkutan darat turut menyumbang kepada perkembangan kawasan ini. Rencana rasmi Kerajaan Negeri Perak mengenai evolusi pembangunan Batu Gajah turut merekodkan bahawa kawasan pentadbiran MDBG mempunyai keluasan sekitar 67,470 hektar dan berperanan sebagai salah satu kawasan penting dalam perkembangan Daerah Kinta[32].

Daripada segi sosioekonomi, Batu Gajah merupakan sebahagian daripada kawasan Kinta yang mempunyai kegiatan ekonomi yang pelbagai, termasuk sektor perkhidmatan, pembuatan, pembinaan dan pertanian. Kedudukan Batu Gajah dalam kawasan Kinta yang sedang mengalami perkembangan bandar, perindustrian dan pembangunan perumahan menjadikan isu seperti infrastruktur, saliran dan banjir, keselamatan jalan raya, pengurusan alam sekitar, pembangunan ekonomi komuniti, perumahan serta kemudahan awam penting untuk diberi perhatian dalam proses pemetaan isu komuniti. Pada masa yang sama, kewujudan kawasan kampung, perumahan tersusun dan kawasan bandar dalam satu kawasan Parlimen menunjukkan keperluan terhadap pendekatan pembangunan yang mengambil kira perbezaan keperluan antara komuniti bandar dan luar bandar[33].

Selain aktiviti pertanian yang masih dijalankan di beberapa kawasan, sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama kepada ekonomi kawasan Parlimen Batu Gajah yang terletak di Daerah Kinta. Aktiviti ekonomi dalam sektor ini merangkumi perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman, pengangkutan serta pelbagai perkhidmatan berkaitan. Sektor pembuatan turut memainkan peranan penting,

[30] https://ptg.perak.gov.my/portal/ms/web/batu-gajah/geografi-daerah
[31] https://mdbg.gov.my/index.php/en/pelancongan/mural/sejarah-batu-gajah
[32] https://www.perak.gov.my/images/menu_utama/ms/kerajaan_negeri/data_UPEN/MyLocalStatsPerak/Daerah/Kinta/MLSKinta2021.pdf
[33] Pusat Khidmat Parlimen Batu Gajah

khususnya dengan kedudukan Kinta sebagai salah satu daerah utama dalam aktiviti ekonomi Perak. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun 2020, sektor perkhidmatan menyumbang 67.3 peratus (%) kepada KDNK Daerah Kinta, diikuti sektor pembuatan sebanyak 25.2 peratus (%), manakala sektor pertanian dan pembinaan masing-masing menyumbang 3. peratus (6%). Sektor perlombongan dan pengkuarian pula menyumbang 0.2 peratus (%). Secara keseluruhannya, Kinta merekodkan KDNK sebanyak RM33.75 bilion pada tahun 2020[34].

Majoriti etnik tempatan di kawasan Parlimen Batu Gajah ini terdiri daripada komuniti etnik Cina, diikuti Bumiputera dan etnik India.

1.2 Komposisi Penduduk

Berdasarkan data daripada Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020, komposisi penduduk di Parlimen Batu Gajah (P066) adalah seperti berikut:

Jadual 1. Komposisi Penduduk mengikut Kaum Parlimen Batu Gajah (P.066)

BIL.	KAUM	BILANGAN	PERATUSAN (%)
1.	Cina	75,069	54.7
2.	Bumiputera	34,591	25.2
3.	Cina	26,886	19.6
4.	Lain-lain	686	0.5
	Jumlah Keseluruhan	**137,227**	**100**

Parlimen Batu Gajah mempunyai jumlah penduduk seramai 137,227 orang dengan kepadatan 635 orang/km². Daripada segi komposisi penduduk mengikut etnik, masyarakat Cina merupakan kumpulan majoriti dengan 54.7 peratus (%), diikuti oleh Bumiputera sebanyak 25.2 peratus (%). Masyarakat India pula merangkumi 19.6 peratus (%) daripada keseluruhan penduduk, manakala etnik lain-lain sebanyak 0.5 peratus (%). Komposisi ini menunjukkan bahawa Batu Gajah merupakan kawasan yang mempunyai kepelbagaian etnik yang ketara, dengan masyarakat Cina membentuk kumpulan penduduk terbesar, diikuti Bumiputera dan India.

Kesimpulannya, Parlimen Batu Gajah merupakan kawasan yang mempunyai komuniti berbilang kaum, dengan masyarakat Cina sebagai kumpulan majoriti, diikuti Bumiputera dan India. Kepelbagaian komposisi penduduk ini mencerminkan kepelbagaian sosial dan budaya yang menjadi sebahagian daripada identiti masyarakat setempat.

[34] https://www.dosm.gov.my/uploads/release-content/file_20260611095648.pdf

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Parlimen Batu Gajah merupakan kawasan yang merangkumi penempatan bandar, pekan kecil dan kawasan luar bandar di Daerah Kinta. Struktur ekonomi kawasan ini dipengaruhi oleh aktiviti perkhidmatan, pembuatan, pertanian, perdagangan dan perusahaan kecil, di samping aktiviti pembinaan dan perniagaan setempat. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Daerah Kinta mencatatkan KDNK sebanyak RM33.75 bilion pada tahun 2020, dengan sektor perkhidmatan menjadi penyumbang terbesar sebanyak 67.3 peratus (%), diikuti sektor pembuatan sebanyak 25.2 peratus (%), manakala pertanian dan pembinaan masing-masing menyumbang 3.6 peratus (%). Sektor perlombongan dan pengkuarian pula menyumbang sebanyak 0.2 peratus (%) kepada KDNK daerah[35].

Perkhidmatan, Perdagangan dan Perniagaan

Sektor perkhidmatan merupakan tunjang utama ekonomi Daerah Kinta dan turut menyokong aktiviti ekonomi di kawasan Parlimen Batu Gajah. Pada tahun 2020, sektor ini menyumbang RM22.73 bilion atau 67.3 peratus (%) kepada KDNK Kinta, menjadikannya sektor ekonomi terbesar di daerah tersebut[36]. Aktiviti perkhidmatan merangkumi perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman, pengangkutan, perkhidmatan perniagaan serta pelbagai aktiviti yang memenuhi keperluan penduduk setempat.

Di kawasan pentadbiran MDBG, aktiviti perdagangan turut disokong oleh kewujudan pelbagai pasar awam, pasar sehari, pasar malam, restoran, premis perniagaan dan kemudahan membeli-belah di Batu Gajah, Tronoh, Tanjung Tualang, Pusing dan kawasan sekitarnya[37]. Aktiviti perniagaan berskala kecil ini penting sebagai sumber pendapatan masyarakat setempat dan melengkapkan aktiviti ekonomi formal di kawasan Batu Gajah.

Perindustrian dan Pembuatan

Sektor pembuatan merupakan sektor ekonomi kedua terbesar di Daerah Kinta. Pada tahun 2020, sektor ini menyumbang RM8.50 bilion atau 25.2 peratus (%) kepada KDNK daerah. Kedudukan Batu Gajah dalam kawasan perindustrian Kinta turut memberikan asas kepada perkembangan aktiviti pembuatan dan industri.

Menurut MDBG, terdapat beberapa kawasan perindustrian dalam kawasan pentadbirannya yang melibatkan industri berat, sederhana dan ringan. Antaranya ialah Kawasan Perindustrian Batu Gajah dan Batu Gajah Perdana, yang dikategorikan sebagai kawasan industri ringan. Selain itu, kawasan perindustrian seperti Bemban, Siputeh dan

[35] https://www.dosm.gov.my/uploads/release-content/file_20260611095648.pdf
[36] Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), *Snapshot of Socioeconomic Kinta, Perak, 2020*.
[37] https://www.mdbg.gov.my/index.php/en/pembangunan-ekonomi

kawasan perindustrian lain turut menyokong aktiviti industri di sekitar Batu Gajah. Perkembangan sektor ini berpotensi menyediakan peluang pekerjaan serta mewujudkan rantaian ekonomi kepada perusahaan kecil, pembekal dan perkhidmatan sokongan tempatan.

Pertanian dan Agro-makanan

Walaupun struktur ekonomi Kinta lebih didominasi oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan, sektor pertanian masih memainkan peranan penting, khususnya di kawasan luar bandar sekitar Batu Gajah, Tanjung Tualang, Pusing dan kawasan sekitarnya. Berdasarkan data DOSM, sektor pertanian menyumbang RM1.21 bilion atau 3.6 peratus (%) kepada KDNK Daerah Kinta pada tahun 2020[38].

Kepentingan sektor ini turut dapat dilihat melalui perkembangan pertanian di Daerah Kinta. Jabatan Pertanian Negeri Perak melaporkan bahawa Kinta merupakan antara pengeluar utama tanaman makanan di Perak, dengan sumbangan sekitar 21 peratus (%) hingga 24 peratus (%) daripada keseluruhan pengeluaran tanaman makanan negeri sejak tahun 2021. Daerah ini juga merupakan pengeluar utama sayur-sayuran daun dan tanaman kontan. Pada tahun 2024, Kinta menghasilkan 6,773 tan metrik jagung manis, bersamaan kira-kira 43 peratus (%) daripada jumlah pengeluaran negeri[39]. Keadaan ini menunjukkan bahawa pertanian bukan sahaja berperanan sebagai sumber pendapatan tradisional, tetapi mempunyai potensi untuk dikembangkan melalui pertanian komersial, agro-makanan dan rantaian nilai makanan.

Industri Asas Tani dan Keusahawanan Komuniti

Hubungan antara sektor pertanian, pemprosesan makanan dan keusahawanan turut menjadi sebahagian daripada potensi ekonomi Batu Gajah. Aktiviti pertanian boleh menghasilkan nilai tambah melalui pemprosesan, pembungkusan, pemasaran dan penjualan terus kepada pengguna. Perkembangan industri asas tani juga boleh menyediakan peluang kepada usahawan kecil dan komuniti luar bandar untuk mengurangkan kebergantungan kepada penjualan hasil mentah.

Usaha pembangunan pertanian di Daerah Kinta turut merangkumi industri asas tani dan pertanian bandar. Pada tahun 2025, Jabatan Pertanian Negeri Perak melaporkan bahawa sebanyak RM1.3 juta telah disalurkan bagi pembangunan pertanian di Daerah Kinta, meliputi industri tanaman, industri asas tani, projek tanaman bawang serta program pertanian bandar. Pendekatan ini berpotensi memperkukuh sumber pendapatan

[38] Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), *Snapshot of Socioeconomic Kinta, Perak, 2020*.

[39] https://pertanian.perak.gov.my/index.php/berita-aktiviti-terkini/580-lawatan-gabenor-wilayah-yala-thailand-ke-pusat-urban-farming-negeri-perak

komuniti dan menghubungkan pengeluaran pertanian dengan aktiviti pemprosesan serta pasaran tempatan[40].

Pembinaan dan Pembangunan Fizikal

Sektor pembinaan turut menyumbang kepada aktiviti ekonomi Daerah Kinta. Berdasarkan data DOSM, sektor pembinaan menyumbang RM1.22 bilion atau 3.6% kepada KDNK Kinta pada tahun 2020. Aktiviti pembinaan berkait rapat dengan pembangunan perumahan, kemudahan awam, infrastruktur, premis perniagaan dan pembangunan kawasan bandar serta luar bandar. Perkembangan ini turut memberi kesan kepada permintaan terhadap tenaga kerja, kontraktor tempatan, pembekal bahan binaan dan perkhidmatan sokongan[41].

Secara keseluruhannya, kegiatan ekonomi Parlimen Batu Gajah dipengaruhi oleh struktur ekonomi Daerah Kinta yang didominasi oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan, dengan sektor pertanian, pembinaan serta aktiviti perdagangan dan keusahawanan komuniti turut memainkan peranan penting[42]. Kedudukan Batu Gajah yang mempunyai kawasan bandar, pekan kecil, kawasan perindustrian dan kawasan pertanian memberikan kepelbagaian kepada struktur ekonominya. Potensi ekonomi kawasan ini boleh terus diperkukuh melalui pengembangan perusahaan kecil, nilai tambah produk pertanian, industri asas tani, keusahawanan komuniti, pengukuhan rantaian bekalan tempatan serta peluang pekerjaan yang lebih berkualiti.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Batu Gajah (P.066) terletak di Daerah Kinta, Perak, yang mempunyai struktur ekonomi yang pelbagai dan tidak hanya bergantung kepada satu sektor. Aktiviti ekonomi di kawasan ini merangkumi sektor perkhidmatan, perdagangan, pembuatan, pertanian, pembinaan serta aktiviti berkaitan perlombongan dan pengkuarian. Berdasarkan data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi tahun 2020, Daerah Kinta merekodkan KDNK sebanyak RM33.75 bilion, dengan sektor perkhidmatan menjadi penyumbang terbesar sebanyak RM22.7 bilion. Kinta juga merupakan antara daerah dengan nilai ditambah sektor perkhidmatan yang tertinggi di Malaysia[43]. Kepelbagaian aktiviti ekonomi ini mempunyai kaitan secara langsung dengan ***SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi***, khususnya dalam usaha meningkatkan produktiviti, memperkukuh keusahawanan dan mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih inklusif. Antara sasaran yang berkaitan adalah:

---

[40] https://pertanian.perak.gov.my/index.php/berita-aktiviti-terkini/580-lawatan-gabenor-wilayah-yala-thailand-ke-pusat-urban-farming-negeri-perak

[41] Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), *Snapshot of Socioeconomic Kinta, Perak, 2020*.

[42] Pusat Khidmat Parlimen Batu Gajah

[43] https://www.dosm.gov.my/portal-main/release-content/gross-domestic-product-by-administrative-district--2020

Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui pempelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan pada sektor nilai tambah tinggi dan sektor intensif buruh.

Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.

Pada masa yang sama, komuniti di kawasan Parlimen Batu Gajah terdiri daripada masyarakat yang pelbagai dari segi latar belakang sosial, ekonomi dan demografi. Kepelbagaian ini memerlukan perhatian terhadap akses yang saksama kepada peluang ekonomi, pekerjaan, pendidikan, kemudahan awam dan sokongan sosial, khususnya bagi golongan berpendapatan rendah, belia, pekerja, usahawan kecil dan kelompok rentan. Usaha memastikan manfaat pembangunan dapat dinikmati secara lebih menyeluruh adalah selari dengan ***SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan***, khususnya:

Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.

Sasaran 10.3: Memastikan peluang sama rata dan mengurangkan keputusan yang tidak adil, termasuk dengan menghapuskan undang-undang, dasar dan amalan bersifat diskriminasi serta mengetengahkan undang-undang, dasar dan tindakan yang bersesuaian dalam hal ini.

Daripada aspek pembangunan fizikal, kawasan Batu Gajah merangkumi penempatan bandar dan luar bandar serta kawasan yang mempunyai aktiviti perindustrian, perdagangan dan pertanian. Perkembangan kawasan penempatan dan aktiviti ekonomi memerlukan penyediaan serta penyelenggaraan kemudahan asas yang mencukupi, termasuk jalan raya, sistem saliran, pengurusan banjir, perumahan, kebersihan persekitaran, kemudahan awam dan ruang komuniti. Keperluan tersebut berkait rapat dengan ***SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan***, khususnya dalam memastikan pembangunan penempatan berlaku secara inklusif, selamat dan berdaya tahan. Antara sasaran yang berkaitan adalah:

> **Sasaran 11.1:** Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak.
>
> **Sasaran 11.3:** Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara.
>
> **Sasaran 11.5:** Mengurangkan jumlah kematian dan jumlah orang terjejas serta mengurangkan kerugian ekonomi secara langsung akibat bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan memberi tumpuan kepada golongan miskin dan rentan.

Selain aktiviti ekonomi, pelancongan dan warisan turut mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi Batu Gajah. Batu Gajah mempunyai sejarah yang berkait rapat dengan perkembangan industri perlombongan bijih timah[44] di Perak, di samping kewujudan bangunan dan lokasi bersejarah yang mencerminkan perkembangan pentadbiran, sosial dan ekonomi kawasan tersebut. Antaranya termasuk Kellie's Castle[45], kawasan warisan dan bangunan lama di sekitar Batu Gajah serta lokasi berkaitan sejarah perlombongan di Daerah Kinta. Warisan sejarah dan budaya ini berpotensi dikembangkan sebagai aset pelancongan yang bukan sahaja menarik pengunjung, malah dapat membuka peluang kepada perusahaan kecil, perkhidmatan makanan dan minuman, kraftangan, penginapan, pemandu pelancong serta aktiviti ekonomi komuniti. Pendekatan ini selari dengan ***SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi***, khususnya:

> **Sasaran 8.9**: iaitu menjelang 2030 menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan serta mempromosikan budaya dan produk tempatan.

Selain itu, hubungan antara komuniti, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, institusi pendidikan, sektor swasta dan pertubuhan masyarakat sivil merupakan elemen penting dalam menangani isu pembangunan Batu Gajah. Pendekatan rentas agensi amat diperlukan bagi isu yang bersifat kompleks seperti pengurusan banjir dan saliran, pembangunan infrastruktur, peningkatan pendapatan komuniti, pembangunan belia serta pengukuhan ekonomi setempat. Kerjasama tersebut selari dengan ***SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat***, khususnya:

[44] https://mdbg.gov.my/index.php/pelancongan/mural/revolosi-bijih-timah
[45] https://thesmartlocal.my/kellies-castle/

Sasaran 17.17: Menggalakkan dan mempromosikan perkongsian berkesan antara pihak awam, awam-swasta dan masyarakat sivil yang dibina berdasarkan pengalaman dan strategi bersumberkan perkongsian.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Kajian awalan telah dilakukan oleh penyelidik untuk memahami latar belakang kawasan Parlimen serta mengenal pasti isu awalan yang terdapat di Parlimen Batu Gajah. Kajian awalan ini dilakukan dengan merujuk kepada data sekunder seperti statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, kajian-kajian sedia ada, carian internet dan keratan akhbar.

Mesyuarat Awalan bersama YB Dr. Sivakumar a/l Varatharaju Naidu telah dijalankan pada 5 April 2026 di Pusat Khidmat Parlimen Batu Gajah untuk memberi penjelasan mengenai gerak kerja dan metodologi kajian APPGM-SDG. Pihak YB telah bersetuju untuk bekerjasama dengan APPGM-SDG dalam menjalankan kajian pemetaan isu di Parlimen Batu Gajah. Pada 5 April 2026, ketua penyelidik juga membincangkan profil Parlimen dan draf tentatif lawatan tapak bersama Pegawai Khas Ahli Parlimen En Pirakas Rao.

Selain itu, bagi tujuan mendapatkan kerjasama untuk mengadakan sesi dialog antara agensi, pihak penyelidik APPGM-SDG telah menghantar surat rasmi ke Pejabat Daerah dan Tanah Kinta. Pihak Pejabat Daerah dan Tanah Kinta telah bersetuju untuk mengadakan sesi dialog antara agensi dan program pembangunan kapasiti pada 2 Julai 2026.

Seterusnya, lawatan tapak ke Parlimen Batu Gajah telah diadakan pada 9 hingga 11 dan 17 Mei 2026. Pasukan kajian yang terlibat dalam menjalankan sesi FGD bersama komuniti dan lawatan tapak di Parlimen Batu Gajah adalah seperti berikut:

1. Dr Thanaraj Murudi:	Ketua Penyelidik
2. En. James Ryan Raj:	Timbalan Pengarah Eksekutif
3. Cik Rose Helen Ambrose:	Pegawai Pengurusan Projek
4. Pn Pathma Devi Pakrisamy:	Penyelaras Tempatan
5. Cik Farahanim Faizul Zamri:	Penyelaras Tempatan
6. Cik Sakirah Idris:	Penyelaras Tempatan
7. Cik Ann Thomas:	Pelajar Latihan Industri Antarabangsa (India)

Terdapat lapan FGD dan satu temubual, dan empat lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama empat hari di kawasan Parlimen Batu Gajah. Seterusnya, sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Weil Hotel Ipoh, Perak. Tentatif ringkas lawatan tapak dan sesi dialog bersama komuniti dan agensi kerajaan adalah seperti di Jadual 2.

Jadual 2. Program Kajian Lapangan Pemetaan Isu Parlimen Batu Gajah

TARIKH	SESI DIALOG/FGD
9 Mei 2026 (Sabtu)	• **Sesi Dialog 1**: Komuniti Kawasan Rukun Tetangga Jelapang • **Sesi Dialog 2:** Komuniti Desa Changkat (*Indian Settlement*) • **Lawatan Tapak:** Padang Desa Changkat • **Sesi Dialog 3**: Komuniti Kampung Gunung Hijau • **Lawatan Tapak**: Bangunan Warisan *Kellie Castle*
10 Mei 2026 (Ahad)	• **Sesi Dialog 4**: Komuniti Kampung Papan Baru & Papan Lama • **Lawatan Tapak**: Sekitar Pekan Papan • **Sesi Dialog 5**: Komuniti Kampung Baru Bali • **Temubual**: JPKK Kampung Baru Nalla
11 Mei 2026 (Isnin)	• **Sesi Dialog 6**: Pertubuhan Warisan India Malaysia • **Lawatan Tapak**: *Kuil Sree Maha Mariamman Kellie Castle* • **Sesi Dialog 7:** Persatuan Tarian & Rekreasi Menglembu
17 Mei 2026 (Ahad)	• **Sesi Dialog 8**: Komuniti Kawasan Rukun Tetangga Taman Rasi Jaya

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Batu Gajah, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Terdapat cabaran yang dihadapi oleh penyelidik sepanjang kajian dijalankan di Parlimen Batu Gajah. Antara cabaran yang dihadapi oleh penyelidik adalah seperti berikut:

Antara cabaran tersebut ialah kesukaran untuk mengumpulkan penyertaan komuniti bagi salah satu sesi FGD Komuniti Kampung Baru Nalla. Dalam sesi tersebut, hanya seorang wakil Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dapat hadir. Oleh itu, bagi memastikan maklumat dan pandangan berkaitan isu setempat masih dapat diperoleh, sesi FGD tersebut telah ditukar kepada kaedah temu bual bersama wakil JPKK yang hadir. Keadaan ini sedikit mengehadkan kepelbagaian pandangan komuniti yang dapat dikumpulkan bagi sesi berkenaan.

Perubahan jadual bagi salah satu sesi FGD bersama KRT Taman Rasi Jaya. Sesi FGD tersebut tidak dapat dijalankan mengikut tentatif asal kerana wakil penduduk mempunyai urusan yang tidak dapat dielakkan. Oleh itu, sesi berkenaan telah ditangguhkan dan dijadualkan semula pada tarikh yang dipersetujui bersama bagi memastikan penyertaan wakil penduduk dapat dilaksanakan dengan baik. Walaupun berlaku perubahan jadual, sesi FGD tersebut tetap dapat dijalankan dan maklumat yang diperlukan berjaya diperoleh bagi melengkapkan proses pemetaan isu di kawasan Parlimen Batu Gajah.

Terdapat beberapa isu yang diutarakan oleh komuniti tempatan di Batu Gajah, khususnya berkaitan infrastruktur dan keadaan jalan. Walau bagaimanapun, disebabkan tempoh kajian lapangan yang terhad, tidak semua lokasi yang dibangkitkan dapat dilawati dan diteliti secara langsung oleh pasukan penyelidik. Keadaan ini menyebabkan sebahagian isu hanya dapat direkodkan berdasarkan maklumat dan pandangan yang dikemukakan oleh komuniti semasa sesi perbincangan.

2.4 Keterbatasan Kajian

Keterbatasan kajian ini ialah penyertaan peserta yang agak terhad daripada beberapa komuniti dan pihak berkepentingan di Parlimen Batu Gajah. Walau bagaimanapun, maklumat yang diperoleh daripada peserta dan pihak berkepentingan yang terlibat masih memberikan gambaran yang jelas mengenai isu dan cabaran utama yang dihadapi oleh komuniti setempat.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1	Ketiadaan dan ketidakstabilan jadual perkhidmatan pengangkutan awam	Perkhidmatan bas telah dihentikan sejak tahun 1980-an di Desa Changkat, manakala perkhidmatan bas awam (Bus My) di Bemban tidak mempunyai jadual perjalanan yang jelas dan konsisten. Menyukarkan penduduk untuk bergerak mendapatkan rawatan kesihatan, bekerja, dan menguruskan keperluan harian.	Sosial, Tadbir Urus	Penduduk tempatan, warga emas, golongan B40, dan pengguna pengangkutan awam	KRT Jelapang, Kampung Baru Nalla, Indian Settlement Desa Changkat	**SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan** **Sasaran 11.2** Menjelang 2030, menyediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, berpatutan, boleh dicapai dan mampan kepada semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan memperluas kemudahan pengangkutan awam, dengan tumpuan khusus pada keperluan golongan berisiko, wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan **Sasaran 10.2** Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik untuk semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain.
2.	Penutupan operasi klinik desa	Klinik Kesihatan di Kampung Baru Bali telah tidak beroperasi sejak kira-kira dua tahun lalu tanpa sebarang penjelasan jelas. Penduduk terpaksa pergi ke Klinik Kesihatan Tronoh (5 km) atau Hospital Batu Gajah untuk mendapatkan rawatan.	Tadbir Urus	Penduduk tempatan, warga emas, golongan B40, pesakit	Kampung Baru Bali	**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** **Sasaran 3.8** Memperluas perkhidmatan kesihatan sejagat, termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang utama dan berkualiti serta akses kepada ubat dan vaksin penting yang selamat, berkesan, berkualiti dan berpatutan untuk semua.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
3.	Bangunan pasar awam terbiar dan usang	Bangunan pasar di Taman Bemban Permai yang siap dibina sejak 20 tahun lalu masih tidak beroperasi, manakala Pasar Awam Jelapang mengalami keadaan usang serta saliran tersumbat. Penduduk Bemban sukar mendapatkan barangan basah harian; keselesaan dan kebersihan peniaga/pengunjung di Pasar Jelapang terjejas.	Tadbir Urus	Komuniti Taman Bemban Permai dan peniaga/pengunjung Pasar Awam Jelapang	Taman Bemban Permai dan Pasar Awam Jelapang	**SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan** **Sasaran 11.3** Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara. **Sasaran 11.7** Menjelang 2030, menyediakan akses sejagat yang selamat, menyeluruh dan mudah dicapai kepada kawasan hijau dan tempat awam, khususnya untuk wanita dan kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						SDG 8: Pekerjaan yang Layak dan Pertumbuhan Ekonomi **Sasaran 8.3** Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.
4.	Kekurangan kemudahan sukan, rekreasi dan dewan komuniti	Desa Changkat berdepan kekangan kemudahan padang bola sepak yang lengkap serta ketiadaan dewan serbaguna. Menyukarkan program latihan bagi lebih 140 pemain bola sepak muda serta pelaksanaan aktiviti komuniti.	Sosial	Belia, kelab bola sepak tempatan, dan penduduk tempatan	Desa Changkat (Indian Settlement), Batu Gajah	**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** **Sasaran 3.8** Memperluas perkhidmatan kesihatan sejagat, termasuk perlindungan risiko kewangan, akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang utama dan berkualiti serta akses kepada ubat dan vaksin penting yang

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						selamat, berkesan, berkualiti dan berpatutan untuk semua. **SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan** **Sasaran 11.3** Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara.
5.	Sistem perpaipan usang dan tekanan air rendah	Masalah tekanan air rendah pada waktu puncak akibat sistem perpaipan air yang lama dan usang. Mengganggu bekalan air harian penduduk setempat.	Sosial	Komuniti Pekan Papan, Warga emas	Kampung Baru Papan Lama dan Kampung Papan Baru	**SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi** **Sasaran 6.1** Menjelang 2030, mencapai akses sejagat dan saksama kepada air minuman yang selamat dan berpatutan untuk semua. **Sasaran 6.2** Menjelang 2030, menjangkau akses kepada sanitasi dan kebersihan yang

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						mencukupi serta saksama untuk semua dan menghentikan penyahtinjaan secara terbuka, memberikan perhatian khusus terhadap keperluan seluruh golongan wanita dan golongan berisiko.
6.	Jalan raya berlubang dan ketidakcukupan lampu jalan	Jalan raya berlubang yang memerlukan penyelenggaraan di pelbagai lokasi, serta masalah lampu jalan yang kerap rosak atau kurang. Meningkatkan risiko kemalangan jalan raya, menjejaskan keselamatan kawasan perumahan pada waktu malam, dan pembaikan jalan bersifat sementara.	Sosial, Tadbir Urus	Penduduk perumahan, pemandu, penunggang motosikal, dan pengguna jalan raya	Jalan Simpang Jelapang, Taman Rishah, Bandar Baru Menglembu, Taman Menglembu Impiana Adril dan Jalan Lahat	**SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** **Sasaran 9.1** Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan **Sasaran 11.1** Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak. **Sasaran 11.3** Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara.
7.	Ketiadaan papan tanda keselamatan jalan raya sekolah	Ketiadaan papan tanda keselamatan, papan tanda had laju, dan garisan jalan di hadapan kawasan sekolah. Menimbulkan risiko	Sosial	Kanak-kanak sekolah, ibu bapa, dan pengguna jalan raya.	Hadapan SJK(C) Wan Hwa 2, Taman Rasi Jaya	**SDG 3: Kesihatan yang Baik dan Sejahtera** **Sasaran 3.6** Menjelang 2020, mengurangkan separuh angka kematian dan kecederaan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		keselamatan lalu lintas yang tinggi kepada pelajar dan ibu bapa.				global akibat kemalangan jalan raya. **SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan** **Sasaran 11.1** Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak. **Sasaran 11.3** Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara. **Sasaran 11.5** Menjelang 2030, mengurangkan jumlah

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						kematian dan bilangan orang yang terjejas secara signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding dengan keluaran dalam negara kasar global disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan untuk melindungi golongan miskin dan golongan berisiko.
8.	Kelemahan sistem perparitan dan saliran (Banjir Kilat)	Sistem perparitan dan saliran sungai tidak mampu menampung aliran air hujan lebat serta tebing terdedah kepada hakisan. Berlaku banjir kilat bertakung hingga paras lutut, air sungai melimpah ke kawasan perumahan, dan hakisan tanah.	Alam Sekitar	Penduduk kawasan rendah, pemilik rumah berhampiran sungai, dan pengguna jalan utama.	Bulatan Silibin, Desa Changkat, Sungai Selising (Kg Baru Nalla), Sek. Sultan Yusuf / Taman Mewah, & Roundabout Menglembu	**SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan** **Sasaran 11.1** Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak. **Sasaran 11.3** Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara. **Sasaran 11.5** Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan bilangan orang yang terjejas secara signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding dengan keluaran dalam negara kasar global disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan untuk melindungi golongan miskin dan golongan berisiko.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						SDG 13: Tindakan Terhadap Iklim **Sasaran 13.1** Memperkukuh daya tahan dan keupayaan untuk membuat penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara.
9.	Kerosakan infrastruktur utiliti (Tiang dan kabel elektrik)	Kerosakan kabel dan tiang utiliti akibat kenderaan/lori berat yang lalu di kawasan kampung. Menyebabkan gangguan bekalan elektrik serta mengancam keselamatan infrastruktur dan penduduk.	Sosial	Penduduk kampung	Kampung Gunung Hijau	**SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur** **Sasaran 9.1** Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua. **Sasaran 9.4** Menjelang 2030, menaik taraf infrastruktur dan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						merekayasa industri untuk menjadikannya mampan, dengan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber dan penggunaan teknologi serta proses perindustrian yang canggih, bersih dan mesra alam, dengan komitmen semua negara berdasarkan keupayaan masing-masing.
10.	Kekurangan tong sampah awam RORO dan tapak pelupusan sampah	Penarikan semula tong RORO oleh pihak majlis akibat pembakaran terbuka/vandalisme, serta jarak tapak pelupusan. Kesukaran pembuangan sampah pukal/domestik dan isu pencemaran bau busuk berpanjangan.	Alam Sekitar, Tadbir Urus	Penduduk setempat	Pekan Papan Lama & Baru & Kampung Gunung Hijau	**SDG 11: Bandar dan Komuniti yang LMampan** **Sasaran 11.1** Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak. **Sasaran 11.3** Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara. **Sasaran 11.5** Menjelang 2030, mengurangkan jumlah kematian dan bilangan orang yang terjejas secara signifikan dan mengurangkan dengan ketara kerugian ekonomi langsung berbanding dengan keluaran dalam negara kasar global disebabkan oleh bencana, termasuk bencana berkaitan air, dengan tumpuan untuk melindungi golongan miskin dan golongan berisiko.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab **Sasaran 12.4** Menjelang 2020, mencapai pengurusan bahan kimia dan semua sisa buangan mesra alam sepanjang kitaran hayatnya, sejajar dengan rangka kerja antarabangsa yang dipersetujui, dan mengurangkan secara signifikan pelepasannya ke udara, air dan tanah untuk meminimumkan kesan buruk terhadap kesihatan manusia dan alam sekitar. **Sasaran 12.7** Menggalakkan amalan pemerolehan awam yang mampan, selaras dengan dasar dan keutamaan negara.

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
11	Kurang promosi untuk tempat-tempat warisan dan bersejarah di Batu Gajah	Kampung Papan berdepan dengan kemerosotan penduduk, aset warisan yang kurang dimanfaatkan, kemerosotan bangunan bersejarah serta perbelanjaan pelancongan yang rendah. Walaupun mempunyai sejarah perlombongan dan warisan budaya yang bernilai, potensi pelancongan Papan masih belum diterokai secara optimum. Keadaan ini mengehadkan peluang penjanaan pendapatan dan pembangunan ekonomi setempat serta boleh menjejaskan kelestarian identiti sejarah dan budaya Papan.	Ekonomi	Parlimen Batu Gajah, Kampung Papan	Pekan Papan	**SDG 11: Bandar dan Komuniti yang Mampan** **Sasaran 11.4** Memperkukuh usaha melindungi serta memelihara warisan asli dan budaya dunia. **SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi** **Sasaran 8.9** Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan peluang pekerjaan serta mengetengahkan budaya dan produk tempatan. **SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab** **Sasaran 12.b** Membangunkan dan melaksanakan kaedah untuk memantau kesan

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						pembangunan mampan ke atas pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk tempatan.

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Kawasan Rukun Tetangga Jelapang **Tarikh:** 9 Mei 2026 **Bilangan peserta:** 13 orang **Kaedah:** Perbincangan dalam 3 kumpulan **Lokasi:** Ruang Rukun Tetangga Jelapang			• Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) • Polis Diraja Malaysia (PDRM) • Jabatan Kerja Raya (JKR)
1.	Risiko keselamatan pengguna jalan raya	Keadaan jalan raya di Jalan Simpang Jelapang, khususnya berhampiran Pasar Awam Jelapang, menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk setempat. Walau bagaimanapun, keadaan permukaan jalan yang rosak dan berlubang turut menjejaskan aspek keselamatan serta keselesaan pengguna jalan raya.	**MBI**: Pihak MBI telah melantik kontraktor untuk cadangan menaiktaraf pembahagi jalan di sebahagian Jalan Jelapang. Dengan perlaksanaan projek ini, terdapat persimpangan yang mana pengguna jalan tidak dapat melintas dan memerlukan pusingan U untuk ke lokasi yang dituju. Terdapat persimpangan di mana pengguna tidak mematuhi arahan jalan raya yang dikeluarkan.
		Laluan double line telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya sebagai salah satu susulan terhadap kejadian kemalangan yang berlaku di kawasan tersebut. Tetapi, masih terdapat pengguna jalan raya yang melakukan tindakan memotong dan melintas secara berbahaya, khususnya di kawasan persimpangan berbentuk T (T-junction). Keadaan ini menunjukkan bahawa pematuhan terhadap peraturan lalu lintas masih menjadi cabaran di lokasi berkenaan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Penduduk mencadangkan agar langkah kawalan lalu lintas tambahan dipertimbangkan, termasuk pemasangan lampu isyarat (traffic light) dan pembahagi jalan (road divider) di kawasan persimpangan tersebut. Langkah ini dicadangkan bagi mengawal pergerakan kenderaan, mengurangkan tindakan memotong secara berbahaya dan meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya. (Jalan Simpang Jelapang, berhampiran Pasar Awam Jelapang)	
2.	Keadaan fizikal dan kebersihan pasar awam jelapang	Pasar Awam Jelapang didapati berada dalam keadaan fizikal yang lama dan memerlukan kerja-kerja penyelenggaraan serta naik taraf. Antara masalah yang dikenal pasti ialah keadaan lantai yang rosak dan berlubang di beberapa bahagian kawasan pasar. Kerosakan tersebut turut menyebabkan air bertakung, khususnya ketika atau selepas hujan.	**MBI**: Pihak MBI sedang menyediakan dokumen untuk proses iklan sebut harga menaiktaraf semula Pasar Jelapang melalui peruntukan dibawah BP.1 KPKT. Pengiklanan akan dibuat pada bulan Julai 2026.
		Pengurusan kebersihan di sekitar Pasar Awam Jelapang didapati masih memerlukan penambahbaikan, khususnya dari aspek kekerapan kutipan sampah. Kutipan sampah yang tidak dilakukan secara harian menyebabkan berlaku lambakan sampah di kawasan pasar, terutama pada hujung minggu seperti Sabtu dan Ahad. Keadaan ini menyebabkan sampah melimpah daripada tempat pembuangan dan sebahagiannya	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		bertaburan di kawasan sekitar pasar. Situasi tersebut bukan sahaja menjejaskan kebersihan dan imej pasar, malah berpotensi menimbulkan masalah bau serta menarik kehadiran haiwan liar.	
		Sistem perparitan di sekitar Pasar Awam Jelapang didapati tidak diselenggara dan dibersihkan secara berkala. Keadaan longkang yang tidak dibersihkan dengan baik boleh menyebabkan aliran air menjadi tidak lancar, seterusnya menyumbang kepada kejadian air bertakung di beberapa kawasan pasar. Masalah ini lebih ketara ketika hujan dan boleh menjejaskan kebersihan serta keselesaan persekitaran pasar. Penyelenggaraan sistem perparitan secara berkala diperlukan bagi memastikan fungsi saliran dapat dikekalkan dengan baik.	
		Kehadiran anjing liar di sekitar Pasar Awam Jelapang turut dikenal pasti sebagai salah satu isu yang menjejaskan keselesaan pengguna. Keadaan ini boleh menimbulkan kebimbangan kepada peniaga dan pengunjung, khususnya sekiranya bilangan anjing liar bertambah akibat kewujudan sumber makanan daripada sisa dan lambakan sampah. Isu ini juga mempunyai kaitan dengan keperluan pengurusan sisa pepejal dan kebersihan persekitaran pasar yang lebih berkesan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
3.	Keselamatan kawasan perumahan	Kawasan RPT Tambahan Jelapang, khususnya kawasan perumahan yang berhampiran dengan Lebuhraya Lumut Expressway, didapati mengalami kekurangan kemudahan lampu jalan. Keadaan ini menyebabkan beberapa kawasan berada dalam keadaan gelap, terutama pada waktu malam.	**PDRM**: Bagi tahun 2025, sebanyak 13 kes telah dibuka yang majoritinya bertumpu di Puncak Jelapang dan Jelapang Square. Kes pencerobohan dan pecah premis (Seksyen 457 Kanun Keseksaan) mendominasi laporan, bermula dengan kes di Puncak Jelapang pada 8 Januari (JLPG Rpt: 145/25), 16 Januari (JLPG Rpt: 362/25), 2 Mac (JLPG Rpt: 1434/25), 28 April (JLPG Rpt: 2557/25), serta Puncak Jelapang Bayu pada 7 Oktober (JLPG Rpt: 6136/25). Selain itu, jenayah kecurian biasa turut berlaku di Puncak Jelapang pada 20 Mac (JLPG Rpt: 1712/25, Sek 379) dan 26 Mei (JLPG Rpt: 3310/25, Sek 380), serta di Jelapang Square pada 15 April (JLPG Rpt: 2245/25, Sek 379). Bagi kesalahan curi kenderaan (Seksyen 379A), ia direkodkan di Jelapang Square pada 17 Februari (JLPG Rpt: 1038/25) dan Puncak Jelapang pada 10 Julai (JLPG Rpt: 4247/25), manakala insiden di Jelapang Tambahan pada 31 Mei
		Penduduk turut membangkitkan isu keselamatan susulan kejadian jenayah dan percubaan pecah rumah yang dilaporkan berlaku di kawasan perumahan tersebut. Menurut maklumat yang dikongsikan oleh penduduk, kejadian dilaporkan kerap berlaku sepanjang tahun 2026. Walau bagaimanapun, tidak dapat dipastikan sama ada kesemua kejadian tersebut telah dilaporkan secara rasmi kepada pihak berkuasa. Menurut penduduk, terdapat kemungkinan bahawa pelaku menggunakan laluan dari arah Lebuhraya Lumut Expressway untuk memasuki kawasan perumahan. Keadaan ini, ditambah dengan pencahayaan yang terhad dan pemantauan keselamatan yang dirasakan tidak mencukupi, menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk. Sehubungan itu, penduduk memohon agar rondaan pihak polis dipertingkatkan, khususnya pada waktu malam.	
		Antara kejadian yang dikongsikan ialah percubaan memasuki sebuah rumah selepas individu terbabit memotong sambungan sistem CCTV ketika penghuni	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		dipercayai sedang tidur. Penghuni menyedari kehadiran individu tersebut dan meminta pertolongan dengan menjerit dari balkoni. Tindakan tersebut menyebabkan individu berkenaan melarikan diri sebelum berjaya memasuki rumah. (RPT Tambahan Jelapang, kawasan perumahan berhampiran Lebuhraya Lumut Expressway)	membabitkan gabungan kesalahan pecah rumah dan curi kenderaan (JLPG Rpt: 3451/25, Sek 457/379A). Daripada keseluruhan laporan 2025, dua kes berjaya diselesaikan iaitu rompakan di Puncak Jelapang pada 29 Mac (JLPG Rpt: 1896/25, Sek 392 melalui repot tangkapan Pusat: 3247/25) dan kecurian kenderaan di Jelapang Square pada 9 Oktober (JLPG Rpt: 6174/25, Sek 379A selepas kenderaan dijumpai semula menerusi Repot Aulong: 704/26). Bagi tahun 2026, sebanyak 8 kes direkodkan dengan corak jenayah yang masih tertumpu kepada kesalahan pecah premis serta kecurian kenderaan. Insiden bermula pada 2 Mac melalui kes pecah premis di Puncak Jelapang (Jelapang Rpt: 1434/25, Sek 457) serta pencerobohan di Pincer MBI Meru Raya (Jelapang Rpt: 1416/26, Sek 457) yang berjaya diselesaikan melalui laporan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			tangkapan Simpang Pulai: 1045/26. Seterusnya, satu kes kecurian lori dilaporkan di Jelapang Square pada 17 Mac (Jelapang Rpt: 1821/26, Sek 379A). Pada 5 April, kejadian pecah premis di Tenby School (Jelapang Rpt: 2215/26, Sek 457) berjaya diselesaikan menerusi laporan tangkapan Jelapang: 2232/26, diikuti kes pecah rumah di Puncak Jelapang pada 29 April (Jelapang Rpt: 2759/26, Sek 457). Menjelang pertengahan tahun, dua kes membabitkan gabungan pecah masuk dan kehilangan kenderaan (Seksyen 457/379A) berlaku di Kilang Puncak Jelapang pada 3 Mei (Jelapang Rpt: 2814/26) dan Jalan Pekaka KDAS pada 16 Jun (Jelapang Rpt: 3757/26), di samping satu lagi kes pecah premis di Meru Hight pada 5 Jun (Jelapang Rpt: 3481/26, Sek 457).
4.	Keadaan jalan raya berlubang dan kurang diselenggara	Keadaan jalan raya di beberapa kawasan sekitar Ipoh dan Jelapang, khususnya di Taman Rishah, DUN Jelapang, didapati mengalami kerosakan seperti permukaan jalan berlubang dan tidak rata. Keadaan ini menimbulkan	**MBI**: *Pihak MBI akan meneliti aduan ini.*

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kebimbangan dalam kalangan penduduk serta pengguna jalan raya, terutama dari aspek keselamatan dan keselesaan perjalanan.	
		Kerja-kerja tampalan dan pembaikan jalan raya telah dilaksanakan di beberapa lokasi, namun kerosakan dilaporkan berulang selepas tempoh tertentu. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk menilai semula kaedah, kualiti dan keberkesanan kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan agar pembaikan dapat bertahan dalam tempoh yang lebih panjang.	
		Penduduk turut mempersoalkan keutamaan pembangunan infrastruktur jalan raya apabila terdapat penambahbaikan seperti pemasangan lampu isyarat baharu di sesetengah lokasi, sedangkan masalah asas seperti jalan berlubang masih belum diselesaikan sepenuhnya. Walaupun penambahbaikan sistem kawalan lalu lintas penting, keadaan fizikal jalan yang tidak baik juga perlu diberi perhatian bagi memastikan keselamatan pengguna secara menyeluruh.	
		Penduduk turut mengaitkan kebimbangan terhadap keadaan jalan dengan kejadian kemalangan yang pernah berlaku di kawasan sekitar. Antaranya, penduduk merujuk kepada kejadian yang melibatkan seorang bapa dan anak perempuannya yang dilaporkan maut dalam kemalangan kira-kira tiga bulan sebelum sesi libat urus.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Isu ini dikenal pasti berlaku di beberapa kawasan sekitar Ipoh dan Jelapang, dengan perhatian khusus diberikan kepada Taman Rishah, DUN Jelapang. Kerosakan jalan juga dilaporkan menjadi kebimbangan penduduk di lokasi lain yang mengalami masalah penyelenggaraan jalan raya.	
5.	Banjir kilat disyaki berpunca daripada sistem perparitan tidak cekap	Banjir kilat dilaporkan berlaku di sepanjang Jalan Utama Jelapang, khususnya di sekitar kawasan roundabout Silibin, hadapan Kilang Yeos serta berhampiran Petronas dan Shell, apabila berlaku hujan lebat atau hujan berterusan. Limpahan air di permukaan jalan menyebabkan keadaan jalan menjadi bertakung dan menjejaskan pergerakan pengguna jalan raya.	**Jabatan Kerja Raya (JKR)**: Lokasi banjir yang dinyatakan adalah diluar kawasan seliaan pihak JKR. Lokasi berhampiran dengan Sg Tambun, namun tiada laporan diterima berkenaan limpahan Sg Tambun. Namun JPS akan terus semak dan siasat untuk situasi kejadian berikutnya. **MBI**: Pihak MBI telah merancang untuk menaik taraf sistem saliran dan peruntukan cadangan naik taraf fasa 1 telah dimohon sebanyak RM170,000.00 kepada pihak KPKT.
		Kejadian banjir kilat dipercayai berkait dengan kapasiti dan kecekapan sistem perparitan sedia ada yang tidak mencukupi untuk menampung aliran air ketika hujan lebat atau berterusan. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk menilai semula kapasiti saliran dan keberkesanan sistem perparitan di kawasan berkenaan.	
		Banjir kilat memberi kesan kepada penduduk setempat, pengguna jalan raya dan premis perniagaan di sekitar kawasan terjejas. Air bertakung di jalan utama boleh mengganggu kelancaran lalu lintas serta meningkatkan risiko keselamatan kepada pengguna jalan raya, khususnya semasa keadaan hujan lebat.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Cadangan menaik taraf dan menambah baik sistem perparitan telah dikemukakan bagi meningkatkan keupayaan saliran menampung aliran air hujan. Penambahbaikan tersebut diharapkan dapat mengurangkan kekerapan dan kesan kejadian banjir kilat di kawasan berkenaan. (Jalan Utama Jelapang, sekitar *roundabout* Silibin, Kilang Yeos, Petronas dan Shell)	
6.	Hakisan tanah dan kerosakan struktur jambatan	Terdapat kerosakan pada struktur berhampiran jambatan di Lorong Jelapang 6, Jelapang Tambahan Baru, yang berpotensi menjejaskan keselamatan pengguna laluan serta kestabilan tanah di kawasan sekitar. Berdasarkan maklum balas penduduk, lubang pada permukaan jambatan sebelum ini hanya ditutup atau dibaiki pada bahagian atas, sedangkan punca kerosakan pada bahagian bawah struktur masih belum ditangani secara menyeluruh.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Masalah ini dipercayai berpunca daripada kerja pembaikan yang lebih tertumpu kepada permukaan tanpa menangani kerosakan asas atau struktur di bahagian bawah jambatan. Sekiranya berterusan, keadaan ini boleh menjejaskan kestabilan struktur, meningkatkan risiko hakisan dan tanah runtuh, serta membahayakan penduduk dan pengguna laluan berhampiran.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
7.	Pencemaran sungai akibat pembuangan sampah	Sungai di kawasan Jelapang Tambahan Baru turut berdepan masalah pencemaran akibat pembuangan sampah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Keadaan ini menjejaskan kebersihan sungai dan kualiti persekitaran setempat, di samping berpotensi menyumbang kepada masalah saliran serta risiko banjir sekiranya aliran sungai terhalang oleh sisa pepejal. Penduduk berpandangan bahawa pembuangan sampah secara berterusan antara lain berkait dengan kekurangan penguatkuasaan dan pemantauan terhadap aktiviti pembuangan sampah ke dalam sungai.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
8.	Individu tanpa tempat tinggal tetap (Gelandangan)	Kehadiran warga emas yang tidak mempunyai tempat tinggal tetap dan sering berkeliaran di ruang awam mencetuskan krisis kebajikan serta perlindungan sosial di kawasan sekitar Jelapang dan Ipoh. Ketiadaan akses kepada keperluan asas, latar belakang keluarga yang tidak diketahui, serta ketiadaan pusat perlindungan sementara yang sesuai menyebabkan golongan rentan ini terus terabai dan hidup di jalanan tanpa sistem sokongan yang sewajarnya.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Terdapat keperluan mendesak terhadap intervensi psikiatri dan perubatan berikutan kemunculan warga emas yang dipercayai menghadapi masalah kesihatan mental di kawasan awam. Keadaan ini jelas dilihat melalui kelakuan tidak terkawal seperti berjalan tanpa pakaian	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		serta tabiat membawa bebanan beg berat sambil merayau berterusan, sekali gus membuktikan berlakunya pengabaian terhadap penjagaan kesihatan mental serta sokongan harian bagi warga emas berkenaan.	
		Tindakan warga emas berkenaan yang sering melintas jalan pada waktu siang dan malam tanpa pengawasan mengancam keselamatan fizikal mereka sendiri serta membahayakan pengguna jalan raya yang lain. Walaupun mereka dilaporkan tidak bertindak agresif atau mengganggu orang sekeliling, keberadaan individu dalam keadaan tidak sedar sepenuhnya di laluan lalu lintas meningkatkan risiko kemalangan maut yang memerlukan kawalan dan tindakan proaktif daripada pihak berkuasa.	
9.	Ketiadaan hentian bas di jalan utama Jelapang	Ketiadaan hentian bas di jalan utama Jelapang yang berlarutan sejak sekian lama membataskan akses penduduk terhadap pengangkutan awam yang sistematik. Ketiadaan kemudahan ini menyukarkan pergerakan harian penduduk untuk mendapatkan perkhidmatan bas secara teratur.	**MBI**: Pihak MBI memerlukan lokasi yang tepat agar dapat dibuat semakan silang dengan pihak pengendali bas iaitu MyBas. Lokasi naik/turun bas perlu sesuai dan mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).
		Isu ini memberi kesan ketara kepada warga emas yang tiada kenderaan sendiri dan sukar menggunakan aplikasi e-hailing. Ketiadaan hentian bas berdekatan mengehadkan mobiliti mereka untuk mendapatkan rawatan kesihatan, membeli keperluan harian, serta berurusan di luar kawasan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Ketiadaan hentian bas di lokasi yang strategik mencerminkan keperluan untuk menambah baik kemudahan masyarakat dan infrastruktur sosial di kawasan Jelapang. Penyediaan hentian bas yang bersesuaian di jalan utama bukan sahaja dapat meningkatkan akses kepada pengangkutan awam, malah dapat menyokong mobiliti penduduk dan keterangkuman sosial, khususnya bagi golongan yang tidak mempunyai akses kepada kenderaan persendirian.	
10.	Gangguan ketenteraman akibat aktiviti mat rempit	Aktiviti mat rempit dilaporkan berlaku di kawasan perumahan setempat di Jelapang, khususnya pada lewat malam sehingga awal pagi. Aktiviti ini lazimnya berlaku sekitar jam 1.00 pagi hingga awal pagi dan lebih kerap pada hujung minggu, khususnya pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk kerana aktiviti berkenaan boleh menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya serta ketenteraman komuniti setempat.	**PDRM**: Tindakan penguatkuasaan berkaitan penyalahgunaan dadah di kawasan Jelapang telah dilaksanakan secara berkala sepanjang tahun 2025 hingga Jun 2026 melalui beberapa siri operasi, termasuk Ops Tapis Khas, Ops Tapis dan Ops Gaurus. Bagi tahun 2025, operasi dan tangkapan berkaitan dadah direkodkan pada Januari, Februari, April dan September 2025. Secara keseluruhan, sebanyak 30 tangkapan direkodkan, melibatkan:
		Bunyi bising yang berpunca daripada aktiviti motosikal pada waktu lewat malam sehingga awal pagi turut menjadi gangguan kepada penduduk di kawasan perumahan Jelapang.	
		Aktiviti mat rempit yang berulang walaupun selepas pemantauan pihak berkuasa menunjukkan wujudnya cabaran dalam menangani tingkah laku antisosial dalam	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		komuniti. Berdasarkan maklum balas penduduk, kumpulan berkenaan didapati kembali menjalankan aktiviti selepas pihak polis beredar dari kawasan pemantauan. Situasi ini menimbulkan kebimbangan penduduk terhadap keberkesanan pemantauan sedia ada serta kelangsungan ketenteraman awam di kawasan perumahan.	• 23 orang di bawah Seksyen 12(3) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952; • 2 orang di bawah Seksyen 39B ADB 1952; dan • 5 orang di bawah Seksyen 15(1) ADB 1952. Bagi tahun 2026, tangkapan berkaitan dadah direkodkan pada Januari dan Jun 2026, dengan jumlah keseluruhan 16 orang di bawah Seksyen 12(3) ADB 1952. Pada Jun 2026, tindakan penguatkuasaan dilaksanakan melalui Ops Gaurus. Dari aspek status perundangan, kes-kes yang direkodkan bagi tahun 2025 dinyatakan telah dituduh dan selesai, manakala kes-kes tahun 2026 yang dinyatakan dalam maklum balas telah dituduh. Selain penguatkuasaan berkaitan dadah, PDRM turut melaksanakan Ops

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			Samseng Jalanan pada Mac, April dan Ogos 2025. Sebanyak 8 tangkapan direkodkan di bawah Seksyen 42(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987, dan kes-kes tersebut telah dituduh. Secara keseluruhannya, maklum balas PDRM menunjukkan bahawa tindakan penguatkuasaan di kawasan Jelapang telah dijalankan secara berkala dalam tempoh Januari 2025 hingga Jun 2026, meliputi penguatkuasaan berkaitan dadah dan keselamatan jalan raya.
11.	Kebersihan dan penyelenggaraan rumah terbiar	Terdapat beberapa rumah terbiar di kawasan Jelapang Tambahan Baru dan sekitar Jelapang yang telah ditinggalkan atau dikosongkan oleh pemilik atau penghuni. Rumah dan kawasan persekitaran yang terbiar didapati tidak diselenggara dan tidak menjalani kerja-kerja pembersihan secara berkala selepas ditinggalkan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Penduduk mencadangkan agar Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) meningkatkan pemantauan terhadap premis kediaman yang terbiar dan mengambil tindakan	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		sewajarnya bagi memastikan aspek kebersihan dan penyelenggaraan kawasan berkenaan diberi perhatian.	
12.	Kekurangan hebahan dan promosi bantuan serta program kerajaan	Komuniti menyuarakan bahawa maklumat berkaitan bantuan, program dan inisiatif yang disediakan oleh agensi kerajaan masih belum disampaikan secara meluas kepada masyarakat. Keadaan ini menyebabkan sebahagian penduduk kurang mengetahui tentang bentuk bantuan dan program yang boleh dimanfaatkan, termasuk inisiatif seperti Jualan Rahmah.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
13.	Keadaan garisan jalan dan papan tanda jalan yang tidak jelas	Garisan jalan berwarna putih di beberapa lokasi sekitar Jelapang didapati telah pudar dan kurang jelas. Keadaan ini boleh menyukarkan pengguna jalan raya mengenal pasti sempadan serta laluan yang ditetapkan, khususnya pada waktu malam atau ketika keadaan cuaca kurang baik. Penduduk mencadangkan agar garisan jalan dicat semula secara berkala bagi meningkatkan keterlihatan dan keselamatan pengguna jalan raya.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Terdapat beberapa lokasi di sekitar Jelapang yang dilaporkan tidak mempunyai papan tanda BERHENTI. Ketiadaan papan tanda tersebut boleh menimbulkan kekeliruan kepada pengguna jalan raya, khususnya di persimpangan yang memerlukan kenderaan berhenti sebelum meneruskan perjalanan. Penduduk mencadangkan agar papan tanda BERHENTI dipasang di lokasi yang dikenal pasti bersesuaian bagi memperjelas	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		keperluan berhenti dan meningkatkan aspek keselamatan jalan raya.	
14.	Kekangan akses dan kos penggunaan Dewan Orang Ramai Jelapang	Dewan Orang Ramai Jelapang mengenakan bayaran sewaan yang tinggi, iaitu sekitar RM1,000 bagi setiap penggunaan. Kadar sewaan tersebut menjadi beban kepada komuniti setempat, khususnya bagi penganjuran aktiviti kemasyarakatan yang tidak berorientasikan keuntungan.	**MBI:** Untuk makluman, Dewan Jelapang bukan berada di bawah seliaan Majlis Bandaraya Ipoh, sebaliknya diuruskan oleh komuniti penduduk setempat. Mohon rujuk pihak yang berkaitan.
		Penggunaan pintu jenis shutter menyebabkan sistem pendingin hawa kurang efektif kerana ruang dewan sukar dikekalkan pada suhu yang selesa. Keadaan ini menyebabkan ruang dewan menjadi panas, terutama ketika digunakan dalam tempoh yang panjang.	
		Gabungan kos sewaan yang tinggi dan ketidakcekapan sistem pendingin hawa meningkatkan beban kewangan serta menjejaskan keselesaan komuniti dalam menggunakan Dewan Orang Ramai Jelapang untuk aktiviti kemasyarakatan.	

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Desa Changkat (Indian Settlement) Batu Gajah **Tarikh:** 9 Mei 2026 **Bilangan peserta:** 12 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan **Lokasi:** Dewan Komuniti Desa Changkat			• Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) • Lembaga Air Perak (LAP) • Pejabat Daerah dan Tanah Kinta (PDT Kinta)
1.	Ketiadaan dan kekurangan akses pengangkutan awam di desa cangkat	Perkhidmatan bas awam pernah disediakan ke kawasan penempatan masyarakat India di Desa Cangkat pada sekitar tahun 1970an dan 1980an. Walau bagaimanapun, perkhidmatan tersebut telah dihentikan dan sehingga kini tiada laluan bas awam yang memasuki kawasan penempatan berkenaan. Perkhidmatan bas yang masih beroperasi lebih tertumpu di jalan-jalan utama sekitar Batu Gajah, menyebabkan kawasan penempatan penduduk tidak mendapat liputan pengangkutan awam secara langsung.	**MDBG:** Perkhidmatan bas awam tidak dapat beroperasi di kawasan ini berikutan spesifikasi infrastruktur jalan semasa yang sempit. Reka bentuk dan saiz jalan tidak menepati spesifikasi teknikal yang diperlukan untuk menampung pergerakan, radius pusingan, dan keselamatan kenderaan berat seperti bas.
		Ketiadaan pengangkutan awam secara langsung memberi kesan kepada penduduk yang tidak mempunyai kenderaan persendirian. Golongan yang paling terkesan ialah warga emas, golongan berpendapatan rendah (B40) dan penduduk yang bergantung kepada pengangkutan awam untuk menjalankan urusan harian. Keadaan ini mengehadkan mobiliti penduduk, khususnya bagi urusan	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		mendapatkan barangan keperluan, menghadiri urusan rasmi dan mendapatkan perkhidmatan asas.	
		Keterbatasan pengangkutan awam turut memberi kesan kepada akses penduduk terhadap perkhidmatan kesihatan. Walaupun jarak ke hospital tidak semestinya jauh, ketiadaan pengangkutan awam yang memasuki kawasan penempatan menyukarkan penduduk untuk mendapatkan rawatan. Terdapat warga emas yang dilaporkan terpaksa berjalan kaki ke hospital kerana tidak mempunyai akses kepada pengangkutan yang sesuai.	
		Penduduk yang tidak mempunyai kenderaan sendiri terpaksa bergantung kepada perkhidmatan e-hailing sebagai alternatif. Namun, kos perjalanan e-hailing seperti Grab dianggap tinggi dan tidak mampu ditanggung secara berterusan, khususnya oleh golongan B40. Keadaan ini menyebabkan pilihan mobiliti penduduk menjadi terhad dan boleh menjejaskan akses mereka kepada perkhidmatan asas.	
		Bagi meningkatkan aksesibiliti penduduk, terdapat cadangan supaya perkhidmatan bas, minibus atau van komuniti disediakan dengan beberapa perjalanan pada setiap hari. Perkhidmatan berskala kecil ini boleh berfungsi sebagai penghubung antara kawasan penempatan Desa Cangkat dengan pusat bandar Batu	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Gajah, kemudahan kesihatan dan lokasi transit pengangkutan awam sedia ada. Pada masa ini, Batu Gajah tidak mempunyai sebuah stesen bas utama. Walau bagaimanapun, terdapat kemudahan transit di Medan Arkib bagi laluan ke Tanjung Tualang serta beberapa hentian bas ekspres di Jalan Doping dan kawasan DF Batu Gajah. Namun demikian, kemudahan tersebut belum menyelesaikan masalah akses penduduk Desa Cangkat kerana perkhidmatan pengangkutan awam tidak memasuki kawasan penempatan secara langsung.	
2.	Keterbatasan akses kepada kedai runcit dan keperluan asas	Ketiadaan kemudahan kedai runcit atau pusat jualan barangan keperluan asas yang beroperasi secara tetap dalam kawasan Desa Changkat. Walaupun terdapat beberapa kedai kecil yang diusahakan dari rumah penduduk, kemudahan tersebut tidak menyediakan pilihan barangan yang lengkap dan pelbagai. Kedai seperti 99 Speedmart dan kedai runcit lain pula berada pada jarak kira-kira 3 kilometer atau lebih, manakala TF Batu Gajah berjarak sekitar 4.5 kilometer dari kawasan penempatan. Keadaan ini memberi kesan khusus kepada warga emas, golongan berpendapatan rendah (B40) serta penduduk yang tidak mempunyai kenderaan persendirian. Jarak perjalanan yang agak jauh menyebabkan mereka bergantung kepada ahli keluarga, pengangkutan awam	**MDBG:** MDBG mengambil maklum isu kesukaran penduduk Desa Changkat dalam mendapatkan bekalan harian. Walau bagaimanapun, semakan mendapati terdapat kemudahan deretan rumah kedai di kawasan perumahan Taman Saujana yang berjarak kurang daripada 1 kilometer dari Desa Changkat. Komuniti boleh memanfaatkan fasiliti komersial di kawasan terhampir ini sebagai alternatif yang lebih mudah tanpa

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		atau perkhidmatan e-hailing, sekali gus meningkatkan kos dan masa yang diperlukan untuk mendapatkan barangan keperluan harian.	perlu memandu sejauh 3–4 km ke pusat bandar.
		Keperluan terhadap kemudahan perdagangan di kawasan ini turut dapat dilihat melalui aktiviti jualan dari rumah yang dijalankan oleh penduduk secara berkala, iaitu sekitar setiap dua hingga tiga bulan. Aktiviti tersebut menunjukkan terdapat permintaan dalam kalangan penduduk terhadap akses yang lebih dekat kepada barangan dan perkhidmatan asas, di samping berpotensi menjadi ruang kepada aktiviti ekonomi berskala kecil dalam komuniti.	
		Satu cadangan yang dikemukakan ialah mewujudkan sebuah kedai runcit atau pusat jualan barangan keperluan asas di Desa Changkat. Kemudahan ini dapat mengurangkan kebergantungan penduduk kepada pekan bagi mendapatkan barangan harian, khususnya bagi golongan yang mempunyai keterbatasan dari segi mobiliti dan kemampuan menanggung kos pengangkutan. Pada masa yang sama, kewujudan kedai runcit berpotensi menyokong aktiviti ekonomi setempat dan meningkatkan akses komuniti terhadap keperluan asas.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
3.	Kekurangan kemudahan sukan dan beban kos latihan bola sepak belia	Komuniti di Desa Changkat (Indian Settlement) menghadapi kekangan dari segi kemudahan sukan yang sesuai untuk menyokong aktiviti pembangunan belia, khususnya latihan bola sepak. Sebuah Padang Bola Madani yang terletak kira-kira 200 meter dari kawasan Desa Changkat sedang dalam proses penyelenggaraan dan pembangunan. Kemudahan tersebut diluluskan dengan keluasan kira-kira dua hektar dan dirancang merangkumi padang bola sepak, trek joging serta kawasan permainan dan aktiviti rekreasi.	
		Pada masa ini, Kelab Bola Sepak Perkasa Bemban, bersama sebuah lagi kelab bola sepak yang beroperasi sebagai NGO, menjalankan aktiviti latihan bola sepak melibatkan kira-kira 140 pemain berumur antara 6 hingga 17 tahun. Majoriti peserta terdiri daripada pelajar sekolah. Aktiviti latihan turut melibatkan kira-kira 12 orang jurulatih yang bertanggungjawab membimbing pemain serta menyertai kejohanan yang dianjurkan oleh NGO dan akademi bola sepak.	
		Sementara menunggu Padang Bola Madani siap sepenuhnya, kelab terpaksa menggunakan kemudahan padang yang disewa daripada pihak majlis bagi menjalankan latihan. Kos penyertaan adalah sekitar RM30 bagi setiap peserta, yang menimbulkan kekangan kewangan kepada sebahagian peserta dan pihak	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		pengurusan kelab. Dalam keadaan tertentu, jurulatih terpaksa menanggung sebahagian kos menggunakan sumber kewangan sendiri atau mendapatkan sumbangan daripada pihak luar dan penaja.	
		Kekangan kemudahan dan kos sewaan yang berterusan boleh menjejaskan kelangsungan latihan serta penyertaan belia dalam aktiviti sukan. Golongan yang terjejas secara langsung ialah kanak-kanak dan remaja berumur enam hingga 17 tahun, selain jurulatih dan pihak pengurusan kelab. Keadaan ini berpotensi mengehadkan peluang golongan belia untuk mendapatkan latihan sukan yang konsisten serta menyertai kejohanan dan aktiviti pembangunan bakat.	
4.	Keperluan Dewan Serbaguna di Desa Changkat	Penduduk Desa Changkat, khususnya komuniti di kawasan penempatan India, memerlukan sebuah dewan serbaguna yang lebih sesuai dan berfungsi sebagai ruang bersama bagi menjalankan aktiviti kemasyarakatan. Kemudahan tersebut diperlukan untuk pelaksanaan program komuniti, mesyuarat, aktiviti kebajikan, program KRT/JPKK serta majlis sosial penduduk.	
		Tapak yang dicadangkan untuk pembinaan dewan serbaguna merupakan tanah milik Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, bagi membolehkan permohonan peruntukan pembinaan daripada Kerajaan Persekutuan dipertimbangkan, status tanah tersebut perlu ditukar	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		atau diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan. Keadaan ini menjadi salah satu kekangan utama kerana Kerajaan Negeri pada masa ini tidak mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi untuk membiayai pembinaan dewan berkenaan.	
		Pada masa ini, komuniti menggunakan bangunan KRT/JKKP yang pernah digunakan oleh pihak MCA dan kini dimanfaatkan oleh KRT kawasan penempatan India. Selain itu, terdapat sebuah bangunan berhampiran yang dibina melalui peruntukan YB Sivakumar dan kini digunakan sebagai tadika. Walaupun terdapat kemudahan sedia ada, ruang yang tersedia adalah terhad dan tidak dapat memenuhi sepenuhnya keperluan komuniti bagi pelbagai aktiviti berskala lebih besar. Dewan sedia ada, misalnya, pernah digunakan untuk majlis pertunangan dan aktiviti komuniti tertentu.	
5.	Sistem perparitan tidak mencukupi dan banjir kilat berulang	Masalah ini dipercayai berkait dengan kapasiti sistem perparitan yang tidak mencukupi serta keupayaan saliran sedia ada yang masih belum dapat menampung aliran air dengan berkesan. Walaupun kerja pembaikan dan pembesaran longkang telah dilaksanakan sebelum ini, penambahbaikan tersebut masih belum menyelesaikan masalah secara menyeluruh. Terdapat bahagian tertentu yang masih menjadi lokasi takungan air dan mengganggu kelancaran sistem saliran.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Golongan yang terjejas ialah penduduk kawasan perumahan serta pengguna jalan raya di kawasan berkenaan. Limpahan dan takungan air yang berlaku secara berulang boleh mengganggu pergerakan penduduk, menjejaskan akses jalan raya serta meningkatkan risiko kerosakan kepada kemudahan awam dan persekitaran setempat.	
		Menurut penduduk, aduan berkaitan masalah perparitan telah dikemukakan kepada pihak berkuasa berkaitan. Walau bagaimanapun, tindakan susulan secara menyeluruh daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) masih diperlukan bagi menangani punca masalah, khususnya di lokasi yang masih mengalami takungan dan limpahan air.	
		Penduduk mencadangkan supaya sistem perparitan sedia ada diperluaskan dan dinaik taraf, khususnya pada bahagian yang dikenal pasti sebagai lokasi takungan air. Penilaian menyeluruh terhadap kapasiti dan laluan saliran juga dicadangkan bagi memastikan aliran air dapat disalurkan dengan lebih berkesan. Selain itu, sumber pembiayaan tambahan, termasuk peruntukan kerajaan atau penajaan, boleh dipertimbangkan bagi menyokong pelaksanaan kerja pembesaran dan naik taraf sistem perparitan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
6.	Tekanan air rendah	Penduduk menghadapi masalah tekanan air yang rendah, khususnya pada waktu penggunaan puncak. Keadaan ini lebih ketara pada waktu pagi pada hari bekerja serta pada hujung minggu, apabila permintaan terhadap bekalan air meningkat. Tekanan penggunaan yang tinggi menyebabkan tekanan air di sesetengah kawasan menjadi rendah dan menjejaskan kelancaran penggunaan harian penduduk.	**Lembaga Air Perak (LAP):** Proses penggantian paip akan dilaksanakan tahun 2027
7.	Ketidakjelasan status dan pemilikan tanah	Status pemilikan dan permohonan tanah di kawasan Indian Settlement, Batu Gajah. Berdasarkan maklumat komuniti, sebuah dewan komuniti sedia ada pernah dibina dengan penglibatan MCA, namun pengurusan dan penyelenggaraannya tidak lagi diteruskan selepas perubahan politik setempat. Pada masa yang sama, status tanah berkenaan dikatakan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri, menyebabkan timbul ketidakjelasan berhubung pihak yang bertanggungjawab terhadap pengurusan dan penggunaan tanah tersebut.	**PDT Kinta (Tanah):** Mohon perincikan kawasan yang dimaksudkan
		Ketidakjelasan status tanah turut memberi implikasi terhadap perancangan pembangunan dan usaha menaik taraf kemudahan komuniti. Sebarang cadangan pembangunan atau pengubahsuaian dewan melalui Jabatan Perpaduan memerlukan kepastian mengenai status serta pemilikan tanah terlebih dahulu. Keadaan ini boleh melambatkan proses kelulusan dan pelaksanaan	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		pembangunan kemudahan yang diperlukan oleh komuniti setempat.	
		Isu ini turut melibatkan penyelarasan antara agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, khususnya dalam menentukan bidang kuasa, status tanah serta prosedur yang perlu dipatuhi bagi tujuan pembangunan kemudahan komuniti. Kekurangan kejelasan mengenai peranan dan bidang kuasa setiap pihak boleh menyebabkan proses permohonan, kelulusan dan tindakan susulan menjadi lebih kompleks.	

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Kampung Gunung Hijau **Tarikh:** 9 Mei 2026 **Bilangan peserta:** 9 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 3 kumpulan **Lokasi:** Dewan Orang Ramai Kampung Gunung Hijau			• Jabatan Alam Sekitar (JAS) • Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) • Pejabat Veterinar Kinta / Kampar • Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) • PERHILITAN • PDT Kinta, Batu Gajah (Bahagian Pengurusan Tanah) • Jabatan Pertanian
1.	Pencemaran bau daripada kawasan pelupusan sisa pepejal	Sebuah kawasan pelupusan sisa pepejal berhampiran Pusing telah beroperasi selama lebih 15 tahun dan menjadi lokasi pembuangan sisa pepejal yang dikutip dari kawasan sekitar. Kedudukannya berhampiran Lebuhraya Lumut dan kawasan penempatan menyebabkan operasi pelupusan mempunyai potensi untuk memberi kesan kepada komuniti setempat. Penduduk melaporkan berlakunya bau yang kurang menyenangkan daripada kawasan pelupusan, khususnya pada keadaan tertentu seperti ketika angin bertiup kuat atau selepas hujan. Bau tersebut boleh merebak ke kawasan penempatan di sekitarnya dan menjejaskan keselesaan penduduk.	**JAS:** JAS telah menerima tiga aduan pencemaran bau sepanjang tahun 2026 daripada pengadu yang sama di Medan Lahat Baru, Lahat, Ipoh, iaitu pada: • 19 Januari 2026 (AWAM-2026-00686) • 3 Februari 2026 (AWAM-2026-01271) • 2 Mac 2026 (AWAM-2026-02048) Susulan itu, JAS telah menjalankan siasatan penguatkuasaan di lapangan dan mendapati kesemua aduan adalah tidak berasas setelah pemeriksaan dibuat pada 22 Januari, 9 Februari, dan 12 Mac 2026. Pihak JAS turut

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Antara kawasan yang dilaporkan menerima kesan ialah Kampung Gunung Hijau, yang terletak kira-kira 4 kilometer dari kawasan pelupusan. Penduduk di kampung tersebut terdedah kepada bau yang merebak dari kawasan pelupusan, terutamanya apabila keadaan cuaca dan arah angin menyebabkan bau bergerak ke kawasan penempatan.	mengambil inisiatif turun padang untuk menemui keluarga pengadu di kediaman mereka. Walau bagaimanapun, arahan tetap dikeluarkan kepada pemaju projek untuk menjalankan pemantauan bau secara kendiri menggunakan 'Portable TVOC meter' di Medan Lahat Baru dengan rekod berikut: • 23, 27 & 29 Januari 2026: Tiada bau dikesan. Walau bagaimanapun, pemantauan oleh jururunding pada 30 Januari 2026 di lokasi aduan mendapati terdapat aktiviti pembuangan sampah secara haram di sekitar kawasan tersebut yang dipercayai menjadi punca sebenar bau berkenaan. • 10, 11 & 13 Februari 2026: Tiada bau dikesan. • 13 Mac 2026: Tiada bau dikesan. Berikutan isu pembuangan sampah haram yang dikenal pasti menjadi punca masalah bau tersebut, JAS telah memanjangkan aduan ini
		Penduduk telah mengemukakan aduan kepada pihak kontraktor berkaitan masalah bau. Walau bagaimanapun, tindakan yang diambil dilaporkan hanya memberikan pengurangan bau untuk tempoh tertentu sebelum masalah tersebut berulang. Keadaan ini menunjukkan bahawa langkah kawalan bau yang dilaksanakan masih belum dapat menangani punca masalah secara menyeluruh dan berterusan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			kepada Majlis Bandaraya Ipoh pada 2 Mac 2026 melalui surat rujukan JAS.AHQ.600-1/1/9 Jld 3(43) untuk tindakan lanjut. **MBI:** Pihak konsesi, Selekta Spektra Sdn. Bhd., telah melaksanakan beberapa langkah kawalan dan pemantauan bagi menangani isu aduan bau di Tapak Pelupusan Sanitari Sisa Pepejal Lahat. Tindakan mitigasi yang diambil merangkumi: • Pemantauan Kualiti Udara: Pengukuran bau dan bacaan TVOC secara berkala oleh perunding alam sekitar yang kompeten, di samping pelaksanaan pemantauan dalaman (in-house) di kawasan berhampiran. • Kawalan Bau di Tapak: Kekerapan semburan Effective Microbe (EM) ditingkatkan daripada sekali kepada dua kali sehari. • Pengurusan Sisa Harian: Penutupan sisa harian menggunakan lapisan tanah yang lebih tebal bagi meminimumkan pelepasan bau ke persekitaran.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			Pihak konsesi telah mengemukakan laporan pemantauan berkaitan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Perak dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Bagi pemantauan terkini bertarikh 29 Jun 2026, laporan analisa penuh sedang menunggu untuk dimuktamadkan. Pihak konsesi turut diarahkan untuk meneruskan pemantauan berkala dan sentiasa menyerahkan laporan status terkini kepada pihak Majlis.
2.	Gangguan lembu berkeliaran di kawasan kampung dan taman perumahan	Di Kampung Gunung Hijau dan Taman Pusing Baru, terdapat anggaran 20 hingga 30 ekor lembu yang dilaporkan berkeliaran secara bebas di kawasan kampung dan perumahan. Lembu berkenaan dipercayai mempunyai pemilik, namun dibiarkan keluar berkeliaran walaupun kemudahan kandang disediakan. Lembu yang berkeliaran telah menyebabkan kerosakan terhadap tanaman penduduk, termasuk tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran. Keadaan ini turut menimbulkan gangguan kepada ketenteraman persekitaran serta kebimbangan dalam kalangan penduduk, khususnya apabila haiwan ternakan berada berhampiran kawasan kediaman dan jalan raya.	**Pejabat Veterinar Kinta / Kampar:** Berkenaan isu dibangkitkan siasatan telah dijalankan oleh pihak veterinar daerah dimana mengetahui bahawa terdapat 3 keluarga memelihara anggaran 20 ekor lembu dan 30 ekor kerbau dikawasan itu dan mendapati bahawa 3 keluarga adalah penduduk kg baru tersebut dan tidak berdaftar premis/ternakan dengan veterinar daerah atau negeri dan tidak pernah menjalankan apa2 porgram kesihatan bersama. Pihak kami bersedia bekerjasama dengan PBT menjalankan apa2 tindakan bersepadu bagi menangani isu haiwan merayau ini.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Aduan berkaitan lembu berkeliaran telah dibuat kepada pihak berkuasa tempatan. Tindakan penguatkuasaan, termasuk tangkapan oleh pihak Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan proses lelongan, pernah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, isu ini masih berulang. Berdasarkan maklum balas penduduk, gangguan biasanya berkurangan hanya sekitar tiga hingga empat hari selepas aduan atau tindakan penguatkuasaan sebelum berlaku semula.	Telah diputuskan dalam mensyuarat terbaru Jawatankuasa Pengurusan Isu Haiwan Merayau Dan Haiwan Ternakan Daerah Kinta Bil 3/2026 – dibentangkan oleh MDBG bahawa operasi bersepadu bersama JPV dicadangkan 2 kali sebulan, lantikan syarikat veterinar swasta, tangkapan dan lelongan,pemetaan aduan menggunakan sistem QGIS dan lantikan terus kepada orang awam dan lantikan awam ini perlu mematuhi langkah-langkah yang dicadangkan. Bagi isu di Kampung Baru Gunung Hijau ini pihak veterinar mengesyorkan menjalankan tangkapan, kandang/binaan haram dan apa jua kuasa oleh PBT dan pihak kami bersedia bekerjasama dalam program yang dicadangkan oleh PBT. **MDBG:** Majlis Daerah Batu Gajah memandang serius isu ini dan akan melaksanakan prosedur "Standard Tangkapan Haiwan Merayau Oleh Komuniti" dalam masa terdekat susulan kelulusan rasmi daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK). Pendekatan holistik ini memperkasa entiti komuniti berdaftar yang
		Isu ini berpunca daripada pengurusan dan kawalan haiwan ternakan yang kurang berkesan, khususnya apabila pemilik membiarkan lembu berkeliaran walaupun mempunyai kandang. Penguatkuasaan yang bersifat sementara juga dilihat belum dapat menghalang isu daripada berulang.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			tertakluk kepada Perjanjian Akuan Integriti untuk menjalankan operasi tangkapan secara umpan pasif dan berkebajikan selaras dengan Akta Kebajikan Haiwan 2015 melalui latihan kompetensi JPV. Demi menjamin ketelusan operasi dan mengelakkan sebarang manipulasi, pelaksanaan ini mewajibkan penggunaan verifikasi digital (geotagging) berserta bukti gambar secara waktu nyata (*live*) sebelum tangkapan, manakala insentif operasi pula akan disalurkan 100% secara cash-less terus ke akaun rasmi persatuan bagi manfaat bersama komuniti.
3.	Gangguan anjing liar dan babi hutan	Masalah anjing liar di sekitar Pasar Awam Pusing telah berlaku dalam tempoh yang panjang dan masih berterusan sehingga kini. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk, peniaga dan pengunjung pasar, khususnya dari aspek keselamatan awam. Terdapat laporan mengenai individu yang pernah digigit anjing liar di kawasan tersebut. Pihak Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) sebelum ini telah melaksanakan operasi tangkapan anjing liar, namun langkah tersebut belum menyelesaikan masalah secara menyeluruh.	**PERHILITAN:** Pihak PERHILITAN belum pernah dapat aduan berkenaan isu Monyet & Babi Hutan di kawasan sekitar.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Anjing yang ditangkap dilaporkan dibawa ke kawasan berhampiran Lebuhraya Lumut, yang kemudiannya didakwa masih menerima makanan dan penjagaan daripada individu tertentu. Keadaan ini berpotensi menyebabkan haiwan berkenaan terus berkeliaran dan kembali menimbulkan gangguan kepada komuniti.	
		Selain masalah anjing liar, gangguan babi hutan turut dilaporkan di beberapa lokasi dalam Parlimen Batu Gajah, termasuk kawasan berhampiran St. John's Church dan Desa Changkat (Indian Settlement). Kehadiran babi hutan di kawasan penempatan dan ruang awam menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan penduduk, khususnya apabila haiwan tersebut memasuki kawasan yang mempunyai aktiviti manusia. Gangguan ini juga menunjukkan keperluan terhadap mekanisme pemantauan dan pengurusan hidupan liar yang lebih bersepadu, terutama di kawasan yang bersempadan dengan habitat semula jadi.	
		Gangguan haiwan ini dipercayai berkait dengan kawalan populasi dan pengurusan haiwan yang belum dilaksanakan secara menyeluruh dan berterusan. Bagi anjing liar, tindakan tangkapan	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		semata-mata mungkin tidak mencukupi sekiranya terdapat pelepasan semula, pemberian makanan atau pengumpulan haiwan di kawasan lain. Bagi babi hutan pula, pergerakan haiwan ke kawasan penempatan memerlukan pemantauan serta tindakan pengurusan hidupan liar yang bersesuaian. Golongan yang terkesan merangkumi penduduk setempat, peniaga, pengunjung pasar dan pengguna kawasan awam. Keadaan ini boleh meningkatkan risiko kecederaan, serangan haiwan serta menjejaskan rasa selamat komuniti.	
4.	Ketidakpastian status hak milik tanah pertanian	Sebahagian petani kecil di komuniti Kampung Baru Gunung Hijau mengusahakan tanah pertanian tanpa mempunyai hak milik rasmi atau Lesen Pendudukan Sementara (TOL) yang sah. Keadaan ini menimbulkan ketidakpastian dari segi status penguasaan dan penggunaan tanah.	**PDT Kinta, Batu Gajah (Bahagian Pengurusan Tanah):** Penempatan asal adalah penempatan setinggan Gunung Hijau, diluluskan kpd NCC Propeties Sdn. Bhd PTG.PK 278/5330 (E) MMK 1700/6.5/2012. **Pejabat Pertanian:** Jabatan Pertanian sentiasa menyokong aktiviti pertanian yang dilaksanakan demi menjamin sekuriti makanan di Daerah mahupun negeri. Semua projek di bawah bimbingan Jabatan
		Permohonan berkaitan status atau pengiktirafan penggunaan tanah dilaporkan sering mengalami kelewatan serta tidak mendapat maklum balas yang jelas daripada pihak berkaitan. Keadaan ini menyukarkan komuniti untuk mengetahui perkembangan dan status permohonan mereka.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Ketidakpastian status tanah turut menimbulkan risiko terhadap kelangsungan sumber pendapatan petani kecil. Sekiranya tanah berkenaan diperlukan untuk tujuan pembangunan atau diambil alih oleh pemaju, petani berpotensi kehilangan kawasan pertanian serta sumber pendapatan tanpa jaminan yang jelas terhadap kesinambungan aktiviti pertanian.	perlulah memiliki status tanah yang sah. Sekiranya status tanah tidak sah, pengusaha tidak layak menerima insentif Jabatan tetapi masih diberi khidmat nasihat.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Kampung Baru Papan dan Papan Lama **Tarikh**: 10 Mei 2026 **Bilangan peserta:** 10 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan **Lokasi:** Dewan Komuniti Kampung Baru Papan			• Lembaga Air Perak (LAP) • Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) • Majlis Belia Daerah Kinta
1.	Tekanan air rendah kerana sistem perpaipan lama	Penduduk Kampung Papan Baru, menghadapi masalah tekanan air yang rendah dan tidak mencukupi untuk keperluan harian. Menurut penduduk, aliran air daripada paip utama adalah perlahan, walaupun bekalan air daripada tangki dilaporkan berada dalam keadaan baik. Keadaan ini menyebabkan penduduk mengalami kesukaran mendapatkan bekalan air dengan tekanan yang memuaskan, khususnya bagi kegunaan harian. Masalah yang sama turut dilaporkan berlaku di Kampung Baru Bukit Merah.	**LAP**: Dalam proses panggilan sebutharga. Projek penggantian paip akan dilaksanakan pada suku ke 4 tahun 2026.
		Masalah tekanan air rendah dipercayai berkait dengan keadaan sistem perpaipan yang telah lama digunakan. Penduduk memaklumkan bahawa isu ini telah berlarutan sejak sekian lama. Sebagai contoh, seorang penduduk yang telah menetap di kawasan tersebut sejak	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		tahun 1977 menyatakan bahawa masalah tekanan air rendah telah berlaku sejak beliau mula menetap di kampung berkenaan dan masih belum diselesaikan sehingga kini.	
		Berdasarkan maklum balas penduduk, aduan rasmi berhubung masalah tekanan air ini difahamkan belum pernah dikemukakan kepada pihak berkaitan seperti Lembaga Air Perak (LAP) atau pejabat Parlimen. Keadaan ini menunjukkan keperluan untuk merekodkan aduan secara rasmi bagi membolehkan pemeriksaan teknikal terhadap sistem perpaipan dan tekanan bekalan air dijalankan serta tindakan penyelesaian yang bersesuaian dikenal pasti.	
2.	Ketidakjelasan dan kelewatan status pentadbiran Kampung Papan Baru di bawah MDBG	Penduduk Kampung Papan Baru telah mengemukakan cadangan agar kampung tersebut dimasukkan di bawah pentadbiran Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG). Walau bagaimanapun, permohonan tersebut masih belum diluluskan. Penduduk memaklumkan bahawa mereka tidak mengetahui alasan khusus permohonan berkenaan tidak diluluskan oleh pihak Yang Dipertua (YDP) MDBG. Penduduk juga masih berusaha	**MDBG:** Pentadbiran ini mengambil maklum mengenai isu status pentadbiran di Kg. Papan Baru. Pada masa ini, Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) sedang menjalankan semakan serta penilaian terperinci terhadap implikasi keseluruhan kos operasi. Sebarang pertimbangan bagi pengambilalihan kawasan ini ke dalam pentadbiran majlis akan dilaksanakan kelak, bergantung kepada

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		mengemukakan permohonan semula, namun sehingga kini status penyertaan Kampung Papan Baru di bawah pentadbiran MDBG masih belum diselesaikan.	kebolehlaksanaan operasi serta kemampuan kewangan organisasi.
		Kampung Papan Baru tidak berada di bawah pentadbiran MDBG, berbeza dengan Kampung Papan Lama dan Kampung Gunung Hijau yang telah lama berada dalam kawasan pentadbiran MDBG. Keadaan ini memberi implikasi terhadap pengurusan dan penyediaan perkhidmatan asas kepada penduduk Kampung Papan Baru, khususnya dari aspek lampu jalan, kutipan sampah, pemotongan rumput dan penyelenggaraan kawasan kampung.	
		Oleh sebab perkhidmatan penyelenggaraan tidak disediakan secara langsung melalui pentadbiran MDBG, penduduk Kampung Papan Baru perlu menanggung sebahagian kos penyelenggaraan secara bersama. Setiap isi rumah dilaporkan membayar kira-kira RM15 sebulan bagi menampung keperluan seperti penyelenggaraan kawasan, lampu jalan dan pengurusan sampah. Keadaan ini menimbulkan beban kewangan tambahan	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		kepada penduduk, khususnya apabila perkhidmatan asas yang sama lazimnya dikendalikan melalui pihak berkuasa tempatan bagi kawasan yang berada dalam pentadbiran MDBG.	
3.	Kekurangan peluang pekerjaan tempatan	Sebahagian besar penduduk di kawasan ini terlibat dalam pekerjaan sendiri, khususnya sebagai kontraktor kecil, pekerja teknikal dan pekerja bebas. Keadaan ini menunjukkan kebergantungan yang tinggi terhadap pekerjaan tidak formal dan pekerjaan berasaskan kontrak. Peluang pekerjaan tetap dan pekerjaan yang menawarkan kestabilan pendapatan adalah terhad di kawasan ini. Keadaan tersebut memberi kesan khususnya kepada golongan muda serta penduduk dalam lingkungan umur 30 hingga 50 tahun yang memerlukan peluang pekerjaan yang lebih stabil.	**Majlis Belia Daerah Kinta:** Rentetan Kurangnya Peluang Pekerjaan di Kawasan Papan Baru, Batu Gajah, Perak. Kawasan Papan Baru, Batu Gajah berdepan cabaran dari segi peluang pekerjaan yang berkualiti, khususnya bagi golongan belia dan individu berumur antara 30 hingga 50 tahun. Walaupun terdapat beberapa peluang pekerjaan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan perniagaan di sekitar Batu Gajah serta Ipoh, jumlah jawatan berkemahiran tinggi dan bergaji kompetitif masih terhad.
4.	Penghijrahan belia untuk mencari peluang pekerjaan	Keterbatasan peluang pekerjaan tempatan mendorong sebahagian penduduk, terutama golongan muda, berhijrah ke pusat ekonomi seperti Kuala Lumpur dan Singapura bagi mendapatkan peluang pekerjaan dan pendapatan yang lebih baik. Penghijrahan	**Majlis Belia Daerah Kinta** Keadaan ini menyebabkan ramai penduduk memilih untuk berhijrah ke Kuala Lumpur atau Singapura bagi mendapatkan pekerjaan yang menawarkan gaji lebih tinggi, peluang kenaikan pangkat yang lebih baik serta prospek kerjaya

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		keluar tenaga kerja secara berterusan berpotensi mengurangkan penyertaan golongan produktif dalam ekonomi dan aktiviti sosial setempat.	yang lebih luas. Faktor tanggungjawab terhadap keluarga, kos sara hidup yang semakin meningkat dan keinginan memperoleh pendapatan yang lebih stabil turut mendorong penghijrahan tenaga kerja dari kawasan ini. Penghijrahan golongan belia dan tenaga kerja berpengalaman memberi kesan kepada pembangunan komuniti setempat. Antaranya ialah kekurangan tenaga kerja mahir, pengurangan aktiviti ekonomi tempatan serta berkurangnya penyertaan golongan muda dalam aktiviti kemasyarakatan dan pembangunan kawasan. Bagi menangani isu ini, usaha bersepadu perlu dilaksanakan oleh kerajaan, pihak berkuasa tempatan dan sektor swasta. Langkah seperti menarik pelaburan baharu, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berpendapatan tinggi, memperkukuh latihan kemahiran serta menggalakkan pembangunan industri berteknologi dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mampu membantu mengekalkan tenaga kerja tempatan. Dengan adanya peluang

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			pekerjaan yang lebih baik di Papan Baru dan Batu Gajah, lebih ramai belia dapat membina kerjaya tanpa perlu berhijrah ke Kuala Lumpur atau Singapura. Berikut ialah beberapa sebab mengapa belia di kawasan Papan Baru, Batu Gajah kurang mendapat pekerjaan tetap: • Peluang pekerjaan yang terhad – Bilangan syarikat, kilang dan industri yang menawarkan pekerjaan tetap di sekitar kawasan Papan Baru adalah sedikit. • Tahap kelayakan dan kemahiran – Sebahagian belia hanya mempunyai kelayakan asas atau tidak memiliki kemahiran teknikal yang memenuhi kehendak majikan. • Ketidakpadanan kemahiran dengan keperluan industri – Kemahiran yang dimiliki oleh belia tidak selaras dengan kemahiran yang diperlukan oleh sektor pekerjaan semasa. • Persaingan yang tinggi – Peluang pekerjaan tetap yang terhad menyebabkan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			persaingan daripada pencari kerja di kawasan lain menjadi lebih sengit. • Kekurangan pengangkutan awam – Kemudahan pengangkutan yang terhad menyukarkan belia untuk berulang-alik ke kawasan perindustrian atau bandar yang menawarkan lebih banyak pekerjaan. • Kekurangan pendedahan kepada peluang pekerjaan – Ada belia yang kurang mendapat maklumat mengenai jawatan kosong, program latihan kemahiran atau peluang peningkatan kerjaya. • Majikan lebih cenderung menawarkan pekerjaan kontrak – Bagi mengurangkan kos operasi, sesetengah majikan memilih mengambil pekerja secara kontrak atau sambilan berbanding jawatan tetap. • Pengalaman kerja yang terhad – Belia yang baru tamat belajar sering menghadapi kesukaran mendapatkan pekerjaan tetap kerana kurang pengalaman bekerja. • Peluang ekonomi tempatan yang kurang berkembang – Aktiviti ekonomi di kawasan setempat masih terhad dan belum mampu

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			mewujudkan banyak peluang pekerjaan berkualiti. • Kurang minat terhadap latihan kemahiran – Sebahagian belia tidak mengikuti kursus TVET atau latihan kemahiran yang boleh meningkatkan kebolehpasaran mereka.
5.	Peningkatan populasi warga emas	Kampung Papan Baru menunjukkan kecenderungan ke arah penuaan populasi, apabila sebahagian besar penduduk terdiri daripada golongan warga emas dan pesara. Keadaan ini menunjukkan perubahan struktur demografi setempat yang memerlukan perancangan kemudahan dan perkhidmatan yang lebih responsif terhadap keperluan penduduk berusia.	*Tiada maklumbalas agensi*
		Penghijrahan golongan muda ke kawasan lain bagi mendapatkan peluang pekerjaan, pendidikan dan kehidupan yang lebih baik telah menyumbang kepada pengurangan penduduk usia produktif di Papan Baru. Keadaan ini menyebabkan komuniti setempat semakin didominasi oleh warga emas dan pesara.	

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Kampung Baru Bali **Tarikh:** 10 Mei 2026 **Bilangan peserta:** 9 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan **Lokasi:** Dewan Orang Ramai Kampung Baru Bali			• Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) • Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) • Polis Diraja Malaysia (PDRM)
1.	Klinik Kesihatan tidak beroperasi sejak dua tahun	Klinik Kesihatan di Kampung Bali dilaporkan tidak lagi beroperasi sejak kira-kira dua tahun lalu. Penduduk setempat juga dilaporkan tidak menerima maklumat yang jelas berhubung sebab atau faktor yang menyebabkan perkhidmatan klinik tersebut dihentikan. Ketiadaan perkhidmatan kesihatan di kampung menyebabkan penduduk, khususnya pesakit yang memerlukan rawatan berkala, perlu mendapatkan rawatan asas di Klinik Kesihatan Tronoh yang terletak kira-kira 5 kilometer dari Kampung Bali. Bagi kes yang memerlukan rawatan lanjut, penduduk perlu mendapatkan perkhidmatan di Hospital Batu Gajah. Keadaan ini meningkatkan jarak perjalanan dan boleh menyukarkan akses kepada perkhidmatan kesihatan, terutamanya bagi golongan warga emas, pesakit kronik dan penduduk yang mempunyai kekangan pengangkutan.	**PKD:** Klinik Desa (KD) yang terdekat ialah KD Kampung Bali, manakala klinik yang menyediakan perkhidmatan pesakit luar terdekat ialah Klinik Kesihatan (KK) Tronoh yang terletak dalam lingkungan 5 km. Untuk makluman, KD Kampung Bali hanya menyediakan perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak (KIA). Bagi mendapatkan perkhidmatan pesakit luar dan perkhidmatan kesihatan lain, penduduk perlu hadir ke KK Tronoh. Sebelum keputusan penutupan KD dibuat, beberapa faktor telah dipertimbangkan, antaranya purata

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			kehadiran pesakit yang rendah iaitu kurang daripada 15 orang sehari, jarak yang dekat ke KK Tronoh dan staf KD Kampung Bali telah ditempatkan bertugas di KK Tronoh untuk memberikan perkhidmatan kesihatan lebih menyeluruh termasuk perkhidmatan Pakar Perubatan Keluarga KK Tronoh kepada penduduk. Selain itu, sesi perbincangan turut diadakan bersama ketua komuniti, dan persetujuan telah dicapai sebelum pelaksanaan penutupan tersebut.
2.	Gangguan haiwan liar	Penduduk Kampung Baru Bali melaporkan kehadiran anjing liar yang memasuki kawasan penempatan. Keadaan ini berpotensi menimbulkan risiko keselamatan, khususnya apabila anjing liar berkeliaran berhampiran jalan raya dan mengganggu pengguna jalan raya, termasuk penunggang motosikal serta pejalan kaki. Gangguan tersebut boleh menyebabkan pengguna hilang kawalan atau bertindak secara mengejut, sekali gus meningkatkan risiko berlakunya kemalangan.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
		Kehadiran babi hutan turut dilaporkan di sekitar kawasan kampung. Walaupun setakat ini haiwan tersebut tidak	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		dilaporkan menimbulkan ancaman langsung kepada penduduk, kewujudannya menunjukkan terdapat keperluan untuk pemantauan terhadap pergerakan haiwan liar di kawasan penempatan bagi mengelakkan potensi gangguan pada masa hadapan.	
3.	Ternakan kerbau berkeliaran	Kerbau yang berkeliaran dan memasuki kawasan kampung. Pergerakan ternakan tanpa kawalan ini menimbulkan gangguan kepada penduduk serta pengguna kawasan awam. Keadaan menjadi lebih ketara apabila kerbau meninggalkan najis di sekitar kawasan kampung dan kawasan sawah padi, sekali gus menjejaskan kebersihan serta kualiti persekitaran setempat.	*Agensi mengambil maklum perkara tersebut dan akan memberikan penjelasan serta perincian lanjut secara lisan.*
4.	Rumah terbiar tidak diselenggara	Terdapat anggaran 50 hingga 100 buah rumah terbiar di Kampung Baru Bali yang tidak diselenggara secara berkala oleh pemilik. Walaupun pemilik bagi sebahagian rumah berkenaan diketahui, tindakan untuk membersihkan dan menyelenggara premis masih belum dilaksanakan secara berkesan. Rumah yang tidak diselenggara menyebabkan kawasan sekitarnya menjadi kotor, tidak terurus dan berpotensi menampung takungan air. Keadaan ini boleh mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk pembiakan nyamuk Aedes.	**PKD:** Buat masa ini, tiada kes aktif atau wabak dikesan di lokaliti tersebut meskipun mempunyai rekod sejarah kes denggi (3 kes pada 2025 dan 2 kes pada 2026). Sebagai langkah pencegahan, Unit Vektor PKD Kinta boleh melaksanakan tindakan aktiviti cari dan musnah (search and destroy) serta semburan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Keadaan rumah terbiar berpotensi meningkatkan risiko penularan penyakit denggi dalam kalangan penduduk setempat. Berdasarkan maklumat komuniti, kes denggi dilaporkan berlaku sehingga dua kali dalam sebulan, menunjukkan isu ini mempunyai implikasi terhadap kesihatan awam setempat.	kabus (fogging). Walau bagaimanapun, kawalan ini bersifat sementara, dan pihak PBT serta penduduk setempat perlu bekerjasama menjalankan aktiviti pembersihan atau gotong-royong secara berkala bagi menangani isu semak samun tersebut sepenuhnya.
		Golongan yang terkesan ialah penduduk Kampung Baru Bali, khususnya mereka yang tinggal berhampiran rumah-rumah terbiar. Risiko kepada komuniti meningkat apabila kawasan premis yang tidak diselenggara berterusan menjadi persekitaran yang berpotensi menyokong pembiakan nyamuk Aedes.	
5.	Ketiadaan balai polis di kawasan penempatan	Ketiadaan kemudahan balai polis di kawasan penempatan merupakan isu utama yang dikenal pasti. Berdasarkan maklumat komuniti, kawasan tersebut pernah mempunyai sebuah balai polis yang beroperasi kira-kira 20 tahun yang lalu. Namun, balai polis berkenaan kini tidak lagi beroperasi.	**PDRM:** Pondok Polis Kg. Bali mula diwartakan pada tahun 1952 dan dirasmikan pada 8 Oktober 1977, berada di bawah pentadbiran Balai Polis Tronoh dan pengurusan IPD Batu Gajah, Perak. Operasi Pondok Polis Kg. Bali telah ditamatkan operasinya pada 6 April 2009. Kawasan pentadbirannya meliputi beberapa penempatan dan kampung yang majoriti penduduknya terdiri daripada masyarakat berbangsa Cina.
		Pada masa kini, Balai Polis Tronoh merupakan balai polis terdekat yang menjadi rujukan penduduk bagi mendapatkan perkhidmatan kepolisan. Ketiadaan balai polis dalam kawasan penempatan menyebabkan akses penduduk kepada perkhidmatan keselamatan dan kepolisan secara langsung adalah lebih terhad.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			Secara keseluruhannya, kawasan ini berada dalam keadaan terkawal dan tidak mencatatkan kejadian jenayah serius yang kerap. Kebanyakan kes yang direkodkan adalah jenayah terpencil yang melibatkan penagih dadah tegar. Walau bagaimanapun, terdapat isu sosial yang membimbangkan melibatkan remaja seawal usia 12 tahun yang terlibat dalam aktiviti lumba haram atau rempit sehingga mengganggu ketenteraman penduduk setempat. Sehubungan itu, PDRM melalui Balai Polis Tronoh dan IPD Batu Gajah telah melaksanakan pelbagai langkah pencegahan dan penguatkuasaan secara bersepadu dengan penglibatan Bahagian Siasatan Jenayah, Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, serta Bahagian Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (BPJKK) melibatkan rondaan dari Unit Kereta Peronda (MPV) dan Unit Rondaan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
			Bermotosikal (URB). Pendekatan Omni Presence dan High Profile Policing (HPP) turut dipergiat bagi meningkatkan kehadiran polis dan membendung kegiatan yang menjejaskan ketenteraman awam. Selain itu, Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) di sekolah-sekolah sekitar Kg. Baru Bali dan Tronoh turut melaksanakan program advokasi dan penyampaian nasihat kepada pelajar mengenai bahaya serta implikasi aktiviti rempit, sekali gus memupuk kesedaran dan mencegah penglibatan golongan remaja dalam kegiatan tersebut.
6.	Kejadian banjir di Kampung Melayu Bali	Banjir pernah direkodkan berlaku di Kampung Melayu Bali pada April 2005, khususnya ketika hujan lebat berterusan. Walau bagaimanapun, punca sebenar kejadian banjir tersebut tidak dapat dikenal pasti dengan jelas berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada penduduk. Penduduk memaklumkan bahawa kejadian banjir di kawasan tersebut tidak berlaku secara kerap dan lebih merupakan kejadian yang berlaku pada masa lalu.	**JPS:** Kejadian banjir kilat di Kg Bali adalah disebabkan oleh culvert akses jalan pertanian sawit yang kecil (bottleneck) hingga menyebabkan aliran semula jadi terganggu. Pihak JPS sedang dalam pelaksanaan untuk kerja-kerja penyenggaraan saliran di kawasan

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Oleh itu, isu banjir di Kampung Melayu Bali pada masa kini tidak dilaporkan sebagai masalah yang berulang atau kritikal oleh komuniti setempat.	tersebut hasil daripada TURPA bersama YB Tronoh.
7.	Aktiviti merempit dan gangguan ketenteraman awam	Terdapat laporan bahawa kanak-kanak seawal usia 12 tahun terlibat dalam aktiviti merempit di kawasan berkenaan. Penglibatan golongan bawah umur dalam aktiviti tersebut menimbulkan kebimbangan dari aspek keselamatan, disiplin dan kesejahteraan sosial.	
		Aktiviti merempit dilaporkan berlaku terutamanya pada waktu malam dan, pada masa tertentu, turut berlaku pada waktu siang. Bunyi bising yang terhasil daripada deruman enjin dan pergerakan motosikal mengganggu ketenteraman serta keselesaan penduduk setempat, khususnya pada waktu malam.	
		Walaupun rondaan polis dilaksanakan di kawasan berkenaan, kumpulan yang terlibat dilaporkan masih dapat mengelakkan diri daripada dikesan oleh pihak berkuasa. Keadaan ini menunjukkan keperluan terhadap pemantauan dan pendekatan penguatkuasaan yang lebih berterusan serta bersesuaian dengan keadaan setempat.	

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Temubual Mendalam

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
Sesi Temubual Mendalam: JPKK Kampung Baru Nalla **Tarikh:** 10 Mei 2026 **Bilangan peserta:** 1 orang			• Jabatan Pengairan dan Saliran
1.	Banjir kilat di kawasan berdekatan Sungai Selising	Banjir kilat berlaku apabila hujan lebat berterusan selama beberapa hari, khususnya dalam tempoh sekitar tiga hingga empat hari. Keadaan ini menyebabkan peningkatan paras air Sungai Selising sehingga air melimpah ke kawasan perumahan yang berhampiran.	**JPS:** Kejadian banjir kilat di Kg Baru Nalla adalah disebabkan oleh pembetung (culvert) jalan Kg Baru Nalla yang kecil dan perlu dinaik taraf oleh agensi berkaitan. Pihak JPS telah selesai melaksanakan kerja-kerja penyenggaraan Sungai Selinsing untuk tahun 2026 dan akan menyenaraikan kerja penyelenggaraan kawasan tersebut secara tahunan mengikut peruntukan yang diterima.
		Kawasan yang terjejas terletak berhampiran Sungai Selising, Kampung Baru Nalla, khususnya kawasan perumahan yang berada di lokasi rendah. Dianggarkan sekitar 10 hingga 15 buah rumah terjejas pada setiap kali kejadian banjir berlaku.	
		Kejadian banjir ini bersifat berulang dan lazimnya berlaku apabila hujan lebat berpanjangan. Keadaan ini menunjukkan bahawa penduduk di kawasan berhampiran sungai terdedah kepada risiko banjir, terutama semasa episod hujan berterusan.	
2.	Rumah terbiar tidak diselenggara	Terdapat rumah yang tidak berpenghuni di Kampung Baru Nalla dan tidak diselenggara secara berkala oleh pemilik. Keadaan ini menyebabkan kawasan rumah dan persekitarannya menjadi semak, tidak terurus serta berpotensi menjejaskan persekitaran kejiranan.	*Tiada maklumbalas agensi*
		Antara masalah yang dikenal pasti ialah rumput dan tumbuhan liar di sekitar rumah tidak dipotong secara berkala sehingga	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		menjadi tinggi dan tidak terkawal. Walaupun kawasan perumahan ini dikenakan bayaran penyelenggaraan sekitar RM15 sebulan, terdapat pemilik rumah yang kurang memberikan kerjasama dalam memastikan rumah dan kawasan sekitarnya berada dalam keadaan baik. Keadaan rumah yang kosong dan tidak dipantau turut menyumbang kepada masalah penyelenggaraan.	
		Isu ini memberi kesan terutamanya kepada penduduk setempat serta pemilik rumah yang tinggal berdekatan dengan rumah terbiar. Mereka perlu berhadapan dengan persekitaran yang kurang terurus dan peningkatan kebimbangan terhadap aspek keselamatan kejiranan.	
		Rumah yang tidak berpenghuni dan tidak dipantau dilaporkan menjadi sasaran kecurian kabel dan wayar. Keadaan ini boleh meningkatkan risiko kehilangan harta benda serta menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk, khususnya apabila rumah terbiar terus dibiarkan tanpa pemantauan.	
		Kawasan rumah yang dipenuhi rumput dan tumbuhan liar boleh menjejaskan imej serta keselesaan persekitaran perumahan. Sekiranya tidak ditangani secara berterusan, keadaan ini berpotensi menyebabkan masalah penyelenggaraan menjadi semakin serius dan menjejaskan kualiti persekitaran komuniti.	

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 6: Dialog Bersama Pertubuhan Warisan India Malaysia **Tarikh:** 11 Mei 2026 **Bilangan peserta:** 8 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 2 kumpulan			• Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) • Majlis Daerah Batu Gajah (MDBG) • Pejabat Daerah Kinta (PDT Tanah)
1.	Ketidakpastian jadual dan kekerapan perkhidmatan pengangkutan awam	Perkhidmatan bas awam, termasuk perkhidmatan bas MyBus, disediakan di kawasan Taman Bemban Permai dan sekitarnya. Walau bagaimanapun, penduduk berhadapan dengan masalah ketidakpastian dari segi jadual perjalanan dan waktu ketibaan bas. Maklumat berkaitan jadual serta kekerapan perkhidmatan juga didapati tidak diketahui dengan jelas oleh sebahagian penduduk, termasuk mereka yang tinggal berhampiran hentian bas.	*Tiada maklumbalas agensi*
		Keadaan ini berpunca daripada jadual dan kekerapan perkhidmatan bas yang tidak konsisten serta kekurangan maklumat yang mudah diakses berkaitan waktu ketibaan dan pergerakan bas. Situasi tersebut menyukarkan penduduk untuk merancang perjalanan, khususnya apabila mereka bergantung sepenuhnya kepada perkhidmatan pengangkutan awam.	
		Isu ini memberi kesan khusus kepada warga emas, penduduk yang tidak mempunyai kenderaan persendirian serta individu	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		yang memerlukan pengangkutan untuk mendapatkan rawatan kesihatan. Keperluan terhadap perkhidmatan ini adalah lebih ketara bagi penduduk yang perlu mendapatkan rawatan atau membuat urusan di Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.	
		Ketidakpastian perkhidmatan menyebabkan penduduk terpaksa menunggu dalam tempoh yang panjang di hentian bas dan menghadapi kesukaran untuk merancang perjalanan harian. Sebagai contoh, berdasarkan maklum balas penduduk, seorang penduduk yang tinggal kira-kira 50 meter dari hentian bas terpaksa menunggu dari jam 1.00 petang hingga 4.00 petang untuk mendapatkan perkhidmatan bas.	
		Menurut maklum balas penduduk setempat, masalah ini telah berlaku sejak sekian lama dan masih berterusan sehingga kini, dengan keadaan tersebut dilaporkan berlaku secara berterusan dalam tempoh kira-kira dua tahun. Kawasan yang terlibat ialah Taman Bemban Permai dan kawasan sekitar Bemban. Terdapat sekurang-kurangnya dua laluan utama yang digunakan oleh penduduk, iaitu laluan Batu Gajah–Gopeng dan Batu Gajah–Ipoh.	
2.	Banjir kilat akibat sistem perparitan tidak mencukupi	Banjir kilat merupakan antara isu yang dikenal pasti di jalan utama berhampiran Sekolah Sultan Yusuf, Batu Gajah, yang turut menjejaskan kawasan Taman Mewah, Batu Gajah. Kejadian banjir dilaporkan berlaku apabila hujan berterusan selama kira-kira tiga hingga empat jam, menyebabkan paras	**JKR:** Pihak JKR telah menjalankan kerja-kerja membersihkan box culvert yang melintasi jalan tersebut. Terdapat dua box culvert yang

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		air meningkat sehingga mencapai paras lutut. Kejadian terbaharu dilaporkan berlaku kira-kira seminggu sebelum sesi perkongsian dilaksanakan.	melintasi jalan tersebut yang bersaiz 4 m × 1.5 m dan 3.5 m × 1.5 m.
		Kawasan yang terjejas dipercayai merupakan kawasan bertanah rendah, manakala sistem perparitan sedia ada dikatakan kurang sesuai dan tidak mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk menampung aliran air ketika hujan berterusan. Keadaan ini menyebabkan air bertakung dan melimpah ke jalan utama. Isu berkaitan banjir kilat di kawasan tersebut juga dilaporkan telah berlaku selama beberapa tahun dan masih belum diselesaikan secara menyeluruh.	
		Kejadian banjir kilat menjejaskan penduduk setempat, pengguna jalan raya, pelajar sekolah serta penunggang motosikal yang menggunakan laluan berkenaan. Apabila air meningkat sehingga paras lutut, pergerakan kenderaan dan aktiviti harian penduduk menjadi sukar. Keadaan ini turut menimbulkan risiko keselamatan kepada pengguna jalan raya, khususnya ketika dan selepas kejadian banjir.	
		Selepas air banjir surut, permukaan jalan dilaporkan menjadi berlumpur dan licin, sekali gus meningkatkan risiko kemalangan, khususnya kepada penunggang motosikal. Berdasarkan maklumat yang dikongsikan, pernah berlaku kejadian penunggang motosikal tergelincir dan mengalami kecederaan akibat keadaan jalan yang licin selepas banjir beberapa tahun lalu.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
3.	Keterbatasan akses kedai runcit dan barangan keperluan asas	Bangunan pasar di Taman Bemban Permai telah siap dibina kira-kira 20 tahun yang lalu, namun sehingga kini masih belum beroperasi sebagaimana tujuan asal pembinaannya. Keadaan ini menunjukkan bahawa kemudahan awam yang telah disediakan belum dimanfaatkan secara optimum bagi memenuhi keperluan penduduk setempat.	**MDBG:** Kampung Baru Bemban - Luar kawasan operasi MDBG
		Walaupun terdapat beberapa premis perniagaan seperti 99 Speedmart, kedai runcit dan sebuah pasar raya kecil, Save, yang baru beroperasi sekitar dua hingga tiga bulan, kemudahan tersebut masih tidak menyediakan pilihan barangan basah yang lengkap. Penduduk khususnya menghadapi kesukaran untuk mendapatkan keperluan harian seperti ikan, ayam dan sayur-sayuran dalam kawasan kediaman.	
		Isu ini berpunca daripada bangunan pasar yang telah siap dibina tetapi tidak diaktifkan atau dimanfaatkan untuk fungsi asalnya. Ketiadaan pengoperasian pasar menyebabkan kemudahan yang sepatutnya menjadi pusat jualan barangan keperluan harian tidak dapat memainkan peranannya kepada komuniti setempat.	
		Penduduk Taman Bemban Permai merupakan kumpulan utama yang terjejas, khususnya mereka yang bergantung kepada kemudahan perniagaan dalam kawasan kediaman untuk mendapatkan keperluan harian. Golongan yang mempunyai keterbatasan dari segi mobiliti, termasuk warga	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		emas dan penduduk tanpa kenderaan persendirian, berpotensi menghadapi kesukaran yang lebih besar untuk mendapatkan barangan basah.	
		Ketiadaan pasar yang beroperasi menyebabkan penduduk perlu bergerak ke kawasan lain untuk mendapatkan ikan, ayam, sayur-sayuran dan keperluan barangan basah yang lain. Keadaan ini meningkatkan kebergantungan kepada kemudahan di luar kawasan serta menambah kos dan masa perjalanan penduduk.	
4.	Status penempatan di tanah milik syarikat perladangan	Kawasan perumahan berhampiran Kuil Mariamman dan Kellie's Castle, yang dikenali sebagai Ladang Kinta Kelas, merupakan sebuah penempatan yang terletak di atas tanah milik syarikat perladangan SD Guthrie Berhad, yang dahulunya dikenali sebagai Sime Darby Plantation Berhad. Kawasan tersebut pada asalnya merupakan kawasan operasi perladangan dan turut digunakan bagi aktiviti penternakan lembu oleh penduduk setempat.	**PDT Kinta (Tanah):** Tanah milik persendirian dan luar bidang kuasa Pentadbir Tanah.
		Penempatan di kawasan ini telah wujud sejak kira-kira 70 tahun lalu. Generasi awal yang menetap di kawasan tersebut kini sebahagian besarnya telah meninggal dunia, namun generasi kedua dan ketiga masih meneruskan kehidupan di lokasi berkenaan. Pada kira-kira 70 keluarga yang menetap di kawasan tersebut tetapi telah berkurangan kepada sekitar 20 keluarga pada masa kini.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Isu utama yang dihadapi ialah ketidakpastian status penempatan akibat kedudukan rumah di tanah milik syarikat perladangan swasta. Meskipun penempatan tersebut telah wujud selama kira-kira tujuh dekad dan melibatkan beberapa generasi penduduk, penduduk tidak mempunyai hak milik tanah yang sah ke atas kawasan berkenaan. Keadaan ini menyebabkan penempatan tersebut dikategorikan sebagai penempatan setinggan dari sudut status pemilikan tanah.	
		Status tanah yang masih dimiliki oleh SD Guthrie Berhad menimbulkan ketidakpastian terhadap masa depan sekitar 20 keluarga yang masih menetap di Ladang Kinta Kelas. Sekiranya pemilik tanah mengambil semula tanah tersebut untuk tujuan pembangunan atau operasi lain, penduduk berkemungkinan berhadapan dengan keperluan untuk mengosongkan kawasan berkenaan. Keadaan ini memberi implikasi khusus kepada generasi kedua dan ketiga yang telah lama menjadikan kawasan tersebut sebagai tempat tinggal.	

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 7: Dialog Bersama Persatuan Tarian dan Rekreasi Menglembu **Tarikh**: 11 Mei 2026 **Bilangan peserta:** 16 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 3 kumpulan **Lokasi:** Ruang Tarian dan Rekreasi Menglembu			• Jabatan Kerja Raya (JKR)
1.	Kerosakan dan jalan raya berlubang	Beberapa lokasi di sekitar Menglembu dikenal pasti mengalami kerosakan jalan, khususnya di Bandar Baru Menglembu, Taman Menglembu Impiana Adril, Jalan Utama Menglembu dan Jalan Lahat. Keadaan ini melibatkan kewujudan lubang serta permukaan jalan yang tidak rata, sekali gus menjejaskan keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya.	**JKR:** Untuk lokasi Bandar Baru Menglembu, ia berada di luar kawasan seliaan JKR. Bagi Jalan Lahat (A002), pihak JKR sentiasa memastikan pihak konsesi menjalankan kerja patching pothole dari semasa ke semasa.
		Kerja-kerja tampalan jalan telah dilaksanakan di beberapa lokasi yang terjejas. Walau bagaimanapun, kerosakan kembali berlaku selepas tempoh tertentu. Keadaan ini menunjukkan bahawa penyelenggaraan yang dilaksanakan mungkin lebih bersifat sementara dan belum menyelesaikan kerosakan pada struktur asas jalan secara menyeluruh.	
		Kerosakan jalan memberi kesan kepada penduduk setempat serta pengguna jalan raya, khususnya penunggang motosikal dan pemandu kenderaan. Permukaan jalan yang berlubang dan tidak rata boleh	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		menyebabkan ketidakselesaan semasa perjalanan, kerosakan pada kenderaan serta meningkatkan risiko kemalangan, termasuk kemalangan kecil.	
		Isu kerosakan jalan ini merupakan masalah yang berulang dan berterusan walaupun kerja tampalan telah dilaksanakan sebelum ini. Lubang yang kembali muncul selepas ditampal menyebabkan pengguna perlu memperlahankan kenderaan dan meningkatkan tahap kewaspadaan ketika melalui kawasan berkenaan.	
2.	Banjir kilat akibat sistem saliran tidak sempurna	Banjir kilat merupakan isu berulang di Jalan Utama Menglembu, khususnya di sekitar Roundabout Menglembu, Eco Shop dan Petron. Kejadian lazimnya berlaku ketika hujan lebat atau hujan berterusan apabila sistem saliran sedia ada tidak dapat menampung jumlah air hujan yang tinggi. Keadaan ini menyebabkan paras air meningkat dan melimpah ke permukaan jalan serta kawasan sekitarnya.	**JKR:** Lokasi banjir yang dinyatakan adalah diluar kawasan seliaan pihak JKR.
		Walaupun kerja-kerja pembesaran atau penukaran saiz longkang telah dilaksanakan, kejadian banjir masih berulang dari semasa ke semasa. Limpahan air ke jalan utama mengganggu kelancaran lalu lintas dan boleh menyebabkan kenderaan rosak atau terpaksa berhenti ketika melalui kawasan yang dinaiki air. Pengguna jalan raya juga terpaksa menggunakan laluan alternatif yang	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		lebih jauh, termasuk Lebuhraya Ipoh–Lumut, bagi mengelakkan kawasan yang terjejas.	
3.	Gangguan burung merpati akibat aktiviti pemberian makanan	Aktiviti pemberian makanan kepada burung merpati berlaku secara berterusan di kawasan perumahan Taman Bukit Merah, khususnya di bahagian belakang rumah di Lorong 7, berhampiran rumah No. 49. Aktiviti ini dilaporkan berlaku hampir setiap hari, terutama pada waktu petang sekitar jam 5.00 hingga 7.00 malam.	
		Aktiviti pemberian makanan tersebut menyebabkan burung merpati berkumpul dalam jumlah yang banyak, iaitu dianggarkan berpuluh-puluh ekor pada satu-satu masa. Keadaan ini menyebabkan kawasan berkenaan menjadi tumpuan burung secara berulang dan berterusan.	
		Pengumpulan burung merpati dalam jumlah yang banyak menimbulkan gangguan kepada penduduk di rumah belakang Lorong 7 dan jiran-jiran di kawasan sekitar. Antara kesan yang dilaporkan ialah gangguan bunyi, ketidakselesaan serta kebimbangan terhadap aspek kebersihan persekitaran akibat kehadiran burung dalam jumlah yang besar.	
		Aduan berhubung isu tersebut telah dikemukakan kepada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) pada September 2025. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat penduduk, aktiviti	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		pemberian makanan kepada burung merpati masih berterusan dan isu tersebut belum diselesaikan sepenuhnya.	
		Isu ini berpunca daripada aktiviti pemberian makanan kepada burung merpati secara berterusan di kawasan perumahan tanpa kawalan yang sewajarnya. Golongan yang paling terjejas ialah penduduk rumah belakang Lorong 7 serta jiran-jiran di kawasan sekitar yang berhadapan dengan gangguan bunyi, kebersihan dan ketidakselesaan.	
4.	Pembuangan sampah secara haram di kawasan larangan	Pembuangan sampah secara haram dikenal pasti berlaku secara berulang di dua lokasi utama di Taman Menglembu Impiana Adril, iaitu di jalan utama masuk ke kawasan taman perumahan dan kawasan belakang taman yang berhampiran dengan kawasan perindustrian. Walaupun papan tanda larangan membuang sampah serta amaran denda telah disediakan, masih terdapat individu yang membuang sampah di lokasi berkenaan.	
		Sisa yang ditemui terdiri daripada sampah domestik, barangan rosak dan sisa perabot. Selain itu, aktiviti kutipan sampah yang tidak terurus pada sesetengah keadaan turut menyebabkan sampah berselerak di sekitar kawasan pembuangan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Antara faktor yang menyumbang kepada isu ini ialah kurangnya kesedaran sivik dalam kalangan sebahagian penduduk serta kekurangan kemudahan tong sampah di lokasi yang strategik. Ketiadaan kemudahan pelupusan yang mencukupi, khususnya di kawasan belakang berhampiran kawasan perindustrian, berpotensi mendorong pembuangan sisa secara tidak terkawal.	
		Isu ini memberi kesan secara langsung kepada penduduk Taman Menglembu Impiana Adril serta pengguna jalan yang melalui kawasan berkenaan. Timbunan sampah menyebabkan persekitaran menjadi kotor, berbau dan kurang terurus, selain menjejaskan imej kawasan perumahan. Keadaan tersebut juga berpotensi meningkatkan risiko pembiakan haiwan perosak dan menimbulkan gangguan kepada keselesaan penduduk.	
		Sebagai langkah penambahbaikan, dicadangkan agar tong sampah yang bersesuaian disediakan di kawasan belakang taman, khususnya di sebelah kiri kawasan perindustrian, bagi menyediakan kemudahan pelupusan yang lebih mudah dan terkawal.	

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti KRT Taman Rasi Jaya **Tarikh:** 17 Mei 2026 **Bilangan peserta:** 17 orang **Kaedah FGD:** Perbincangan dalam 1 kumpulan **Lokasi:** Ruang KRT Taman Rasi Jaya			• PERHILITAN • Polis Diraja Malaysia (PDRM) • Pejabat Pendidikan Daerah (PPD Kinta Utara)
1.	Gangguan monyet di kawasan perumahan dan sekolah	Gangguan monyet berlaku di sekitar Bukit Kledang, Taman Rasi Jaya dan kawasan SJK(C) Wan Hwa 2. Monyet dilaporkan memasuki kawasan rumah penduduk dan mengambil makanan serta buah-buahan yang diletakkan untuk tujuan sembahyang. Selain kawasan perumahan, monyet turut memasuki kawasan sekolah dan menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan warga sekolah. Aduan berkaitan gangguan monyet telah dikemukakan kepada YB ADUN. Walau bagaimanapun, isu ini masih berlaku dari semasa ke semasa. Keadaan ini dipercayai berkait dengan kedudukan habitat monyet yang berhampiran dengan kawasan perumahan dan kemudahan awam, selain faktor ketersediaan sumber makanan di kawasan tersebut.	**PERHILITAN:** Pihak PERHILITAN telah membuat siasatan aduan di kawasan sekitar dan memasang perangkap di dalam kawasan SJKC Wan Hwa serta Taman Rasi Jaya. Pihak PERHILITAN telah berjaya melupuskan kera yang masuk ke dalam perangkap dan menembak mati kera di kawasan Bukit Kledang serta Taman Rasi Jaya. Untuk makluman, masih ada segelintir pihak yang tidak bertanggungjawab memberi makan kepada kera walaupun papan tanda amaran "Dilarang Memberi Makan Hidupan Liar" telah dipasang di kawasan Taman Rasi Jaya, Bukit Kledang, dan kawasan sekitarnya.

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
2.	Gangguan dan risiko keselamatan akibat anjing liar	Masalah anjing liar dilaporkan berlaku terutama di kawasan rehat Bukit Kledang dan kawasan sekitar Taman Rasi Jaya. Anjing liar sering berkeliaran di kawasan rekreasi dan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk serta pengguna kawasan tersebut. Pernah berlaku kes gigitan anjing terhadap seorang penduduk sehingga mangsa memerlukan rawatan.	*Tiada maklumbalas agensi*
		Walaupun terdapat papan tanda larangan memberi makanan kepada anjing liar, masih terdapat segelintir individu, khususnya dari luar kawasan, yang memberikan makanan kepada haiwan tersebut. Keadaan ini berpotensi menyebabkan anjing terus berkumpul dan berkeliaran di kawasan berkenaan. Meskipun tindakan tangkapan pernah dilaksanakan, masalah tersebut masih berterusan.	
3.	Keperluan pemantauan dan penyelenggaraan pokok besar di tepi jalan	Terdapat sejumlah pokok di sekitar kawasan Tasik Taman Rasi Jaya. Pada minggu sebelumnya, sebanyak tiga batang pokok telah tumbang di kawasan tersebut. Kejadian ini memerlukan tindakan segera daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia serta Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pengalihan pokok yang tumbang.	*Tiada maklumbalas agensi*
		Kawasan sekitar tasik turut digunakan sebagai tempat meletakkan kenderaan oleh penduduk dan pengguna. Kejadian pokok tumbang berpotensi menimbulkan risiko	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		keselamatan kepada pengguna kawasan tersebut, selain boleh menyebabkan kerosakan terhadap kenderaan dan harta benda serta menghalang laluan.	
		Satu isu yang turut dikenal pasti ialah ketidakjelasan mengenai pihak yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan kawasan sekitar tasik, khususnya dari aspek pemeriksaan dan pemantauan keadaan pokok. Keadaan ini boleh menjejaskan tindakan pencegahan sekiranya tiada pihak yang jelas dipertanggungjawabkan untuk menjalankan pemeriksaan berkala.	
		Kejadian tersebut berkemungkinan berkait dengan usia pokok, keadaan fizikal pokok atau kekurangan penyelenggaraan berkala, namun faktor sebenar memerlukan pemeriksaan oleh pihak berkuasa atau agensi teknikal yang berkaitan. Sehubungan itu, pemeriksaan berkala terhadap pokok di sekitar tasik wajar dilaksanakan bagi mengenal pasti pokok yang berisiko tumbang dan mengambil tindakan awal.	
4.	Keselamatan penduduk dan kejadian kecurian berulang	Taman Rasi Jaya, yang merangkumi kawasan perumahan dan perniagaan, berhadapan dengan kejadian kecurian dan pecah rumah yang berlaku secara berulang. Kejadian dilaporkan berlaku kira-kira setiap dua minggu, termasuk kes kecurian di sebuah restoran pada awal pagi sekitar jam 6.00 pagi serta kes pecah rumah yang berlaku baru-baru ini.	**PDRM (IPD Batu Gajah):** Tindakan penguatkuasaan ini dilaksanakan secara berterusan sehingga kini. Selain itu, Operasi Bersepadu turut dijalankan dengan penglibatan semua balai polis di bawah pentadbiran IPD Batu Gajah

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Walaupun terdapat rondaan pihak polis di kawasan berkenaan serta usaha KRT menganjurkan ceramah keselamatan dengan kerjasama pihak polis, tahap keselamatan kawasan masih dilihat terdedah kepada kejadian jenayah. Selain itu, terdapat usaha KRT untuk menggalakkan penduduk memasang kamera litar tertutup (CCTV) di kediaman masing-masing sebagai langkah pencegahan dan pemantauan keselamatan. Golongan yang terkesan ialah penduduk Taman Rasi Jaya, khususnya warga emas dan penduduk yang tinggal bersendirian, selain pemilik premis perniagaan yang berisiko menjadi sasaran kecurian.	bagi mempertingkatkan keberkesanan tindakan pencegahan dan penguatkuasaan serta memperkukuh usaha membanteras jenayah. Di samping itu, pasukan petugas (Task Force) turut ditubuhkan dari semasa ke semasa secara berterusan bagi memantau, mengesan serta mengekang kegiatan jenayah sekali gus memastikan situasi keselamatan dan ketenteraman awam di daerah Batu Gajah sentiasa berada dalam keadaan terkawal. Statisitik Kes Jenayah Indek dari Tahun 2024-2026 bagi Tempoh Januari Hingga Disember bagi Tahun: • 2024 = 220 Kes • 2025 = 249 Kes • 2026 (Jun) = 82 Kes Jenayah Indek yang telah dilaporkan melibatkan Jenayah Kekerasan seperti kes bunuh, samun berkawan tanpa senjatapi, samun tanpa senjatapi,
		Kejadian jenayah yang berulang menimbulkan rasa tidak selamat dan kebimbangan dalam kalangan penduduk. Keadaan ini turut meningkatkan risiko kehilangan atau kerosakan harta benda serta menjejaskan keyakinan penduduk terhadap tahap keselamatan persekitaran kediaman dan perniagaan mereka.	
		Antara kejadian yang dilaporkan ialah kes pecah rumah pada sekitar jam 8.00 malam kira-kira dua minggu lalu. Pihak polis dilaporkan tiba kira-kira empat jam selepas laporan dibuat. Walau bagaimanapun, tiada kehilangan harta benda berlaku kerana suspek telah disedari oleh penghuni sebelum melarikan diri. Selain itu, terdapat dakwaan mengenai kewujudan dua kumpulan yang	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		dipercayai terlibat dalam kejadian kecurian, dengan salah satu kumpulan telah ditangkap manakala satu lagi masih belum ditahan.	rogol dan mendatangkan cedera manakala kes Jenayah Harta benda seperti pecah rumah, curi kenderaan, dan lain-lain curi. Daripada kadar statistik mengikut tahun 2025 kes jenayah indek naik sebanyak 29 kes berbanding tahun 2024, sehingga Jun 2026 kadar statistik kes jenayah menurun sebanyak 167 kes. Kerjasama PDRM dan Syarikat TM telah mengambil tindakan mengeluarkan kabel kabel tembaga (bawah tanah) dan bernilai telah digantikan dengan kabel fiber yang mana boleh mengurangkan risiko kecurian.
5.	Keselamatan jalan raya dan infrastruktur di kawasan sekolah perlu dipertingkatkan	Laluan di hadapan SJK(C) Wan Hwa 2, khususnya di Jalan Rasi Jaya 7, mempunyai keadaan fizikal jalan yang kurang memuaskan. Terdapat jalan berlubang dan air bertakung pada waktu hujan yang boleh menjejaskan kejelasan permukaan jalan serta menyukarkan pengguna jalan raya mengenal pasti keadaan sebenar laluan. Keadaan ini	**PPD Kinta Utara:** Lokasi yang dinyatakan berkemungkinan berada di luar kawasan SJK (C) Wan Hwa 2. Pihak PPD Kinta Utara/JPN/KPM tiada peruntukan untuk tindakan jika kawasan yang

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		berpotensi meningkatkan risiko kemalangan, khususnya kepada murid dan pengguna jalan raya.	dinyatakan adalah di luar kawasan sekolah. Bagi isu ketiadaan papan tanda "Kurangkan Laju" dan "Jalan Gelap", ia adalah di bawah bidang kuasa agensi berkaitan yang bertanggungjawab.
		Kawasan sekolah tidak dilengkapi dengan kemudahan keselamatan jalan raya yang mencukupi, termasuk papan tanda amaran seperti “Kurangkan Laju” dan tanda amaran kawasan sekolah. Selain itu, kemudahan lintasan pejalan kaki (zebra crossing) yang sesuai bagi kegunaan murid juga tidak disediakan di lokasi yang diperlukan. Keadaan ini menimbulkan risiko keselamatan kepada murid yang perlu melintas jalan ketika datang dan pulang dari sekolah.	
		Pencahayaan di sepanjang Jalan Rasi Jaya 7 masih tidak mencukupi pada waktu tertentu, khususnya di beberapa bahagian laluan yang gelap atau mempunyai jarak antara lampu jalan yang agak jauh. Keadaan ini boleh mengurangkan tahap penglihatan pengguna jalan raya dan pejalan kaki, terutamanya pada awal pagi, lewat petang atau ketika keadaan cuaca kurang baik.	
		Jalan Rasi Jaya 7 merupakan laluan yang baru dibangunkan, iaitu kira-kira empat bulan sebelum kajian dijalankan. Walau bagaimanapun, kerja penambahbaikan infrastruktur keselamatan jalan masih belum lengkap kerana masih menunggu peruntukan bagi fasa seterusnya daripada Jabatan Kerja Raya (JKR). Kekangan peruntukan ini menyebabkan beberapa komponen	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		keselamatan jalan raya belum dapat disediakan sepenuhnya.	
		Isu ini melibatkan kira-kira 360 orang murid dan kakitangan SJK(C) Wan Hwa 2, selain guru, ibu bapa serta pengguna jalan raya yang menggunakan Jalan Rasi Jaya 7 dan kawasan sekitar Taman Rasi Jaya. Murid merupakan antara kumpulan yang paling terdedah kerana mereka perlu melintas jalan dalam persekitaran yang masih mempunyai kekurangan dari aspek infrastruktur keselamatan.	
		Kekurangan kemudahan keselamatan jalan raya boleh meningkatkan risiko kemalangan dan kecederaan kepada murid, pejalan kaki serta pengguna kenderaan. Risiko tersebut menjadi lebih ketara apabila keadaan jalan berlubang atau ditakungi air, pencahayaan tidak mencukupi dan tiada papan tanda amaran kawasan sekolah yang jelas. Keadaan ini juga boleh menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pihak sekolah dan ibu bapa terhadap keselamatan murid.	
		Pihak sekolah telah mengambil tindakan dengan mengemukakan aduan kepada Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) melalui Guru Besar bagi mendapatkan perhatian dan tindakan terhadap aspek keselamatan serta keadaan infrastruktur di kawasan berkenaan.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
6.	Pembuangan sampah haram dan pembakaran terbuka	Pembuangan sampah secara haram masih berlaku di kawasan Tasik Taman Rasi Jaya walaupun papan tanda larangan telah disediakan. Antara jenis sisa yang sering ditemui termasuk sisa pembinaan, perabot rosak serta sisa buah-buahan dan bahan makanan daripada aktiviti keagamaan. Keadaan ini menunjukkan bahawa amalan pelupusan sampah yang tidak terkawal masih berlaku secara berulang di kawasan tersebut.	
		Antara faktor yang menyumbang kepada masalah pembuangan sampah ialah kekurangan kemudahan pelupusan yang bersesuaian, khususnya kemudahan RORO (Roll-On Roll-Off) untuk menempatkan perabot bersaiz besar, sisa binaan dan sisa berat. Kekangan kemudahan ini boleh menyebabkan sesetengah penduduk atau pihak tertentu mengambil jalan mudah dengan membuang sisa di kawasan lapang atau sekitar tasik.	
		Sebahagian sisa yang dibuang di kawasan tasik dipercayai berpunca daripada aktiviti kontraktor pembinaan serta individu dalam kalangan penduduk setempat. Pembuangan sisa pembinaan dan barangan besar secara tidak terkawal mencerminkan isu pematuhan terhadap kaedah pelupusan sisa yang ditetapkan serta tahap kebertanggungjawaban pihak yang terlibat.	

BIL.	ISU	PENERANGAN	MAKLUMBALAS AGENSI
		Selain pembuangan sampah, aktiviti pembakaran terbuka turut dilaporkan berlaku di kawasan tasik, khususnya melibatkan pembakaran daun dan sampah. Aktiviti tersebut berpotensi menjejaskan kualiti udara di kawasan sekitar serta memberikan ketidakselesaan kepada penduduk sekiranya asap tersebar ke kawasan perumahan.	
		Longgokan sampah yang mengandungi sisa makanan turut menarik kehadiran haiwan seperti monyet ke kawasan tasik. Kehadiran haiwan tersebut boleh mengganggu ketenteraman penduduk serta menimbulkan risiko keselamatan dan kebersihan, khususnya apabila haiwan mencari makanan di sekitar kawasan perumahan.	

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Banjir Kilat dan Sistem Perparitan tidak Cekap

Banjir kilat dan sistem perparitan yang tidak efisien merupakan antara isu infrastruktur dan alam sekitar yang berulang di beberapa kawasan dalam Parlimen Batu Gajah. Kejadian banjir bukan sahaja berpunca daripada kapasiti sistem perparitan yang tidak mencukupi, tetapi turut berkait dengan keadaan sungai, aliran air yang tidak lancar, kawasan penempatan yang rendah serta keperluan penyelenggaraan dan naik taraf infrastruktur saliran.

Pembuangan sampah secara haram yang berpotensi menyumbat atau mengganggu aliran air

Di kawasan Jelapang, khususnya di Jalan Utama Jelapang sekitar Bulatan Silibin, hadapan Kilang Yeos serta stesen minyak Petronas dan Shell, sistem perparitan sedia ada didapati tidak mampu menampung aliran air ketika hujan lebat berterusan. Keadaan ini menyebabkan air bertakung di jalan utama dan mengganggu kelancaran lalu lintas serta keselamatan pengguna jalan raya. Di Lorong Jelapang 6, Jelapang Tambahan Baru pula, terdapat kerosakan pada struktur jambatan yang hanya ditutup pada bahagian permukaan tanpa pembaikan menyeluruh pada bahagian bawah. Keadaan tersebut berpotensi menyebabkan hakisan tanah dan tanah runtuh. Sungai berhampiran turut berdepan masalah pencemaran akibat pembuangan sampah secara haram. Antara cadangan yang dikemukakan ialah menaik taraf sistem perparitan di sepanjang jalan utama, membina benteng atau landskap di sepanjang sungai dan memperkukuh penguatkuasaan terhadap pembuangan sampah.

Kapasiti dan saiz sistem perparitan tidak sepadan dengan jumlah aliran air hujan

Di Desa Changkat, yang merupakan kawasan penempatan masyarakat India, kapasiti sistem perparitan didapati tidak mencukupi untuk menampung aliran air ketika hujan lebat. Walaupun sebahagian longkang telah diperbesarkan, masalah air bertakung masih berlaku di beberapa lokasi. Aduan telah dikemukakan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), namun penyelesaian secara menyeluruh masih diperlukan. Komuniti mencadangkan peluasan sistem perparitan, penambahbaikan kawasan takungan air serta penyediaan peruntukan atau penajaan khusus bagi kerja-kerja pembaikan.

Aliran sungai yang tidak lancar serta risiko limpahan sungai

Di Kampung Baru Nalla, kawasan penempatan berhampiran Sungai Selising berisiko mengalami limpahan air apabila hujan lebat berterusan selama tiga hingga empat hari. Limpahan sungai boleh menjejaskan kira-kira 10 hingga 15 buah rumah yang terletak di kawasan rendah. Kejadian yang berulang ini bukan sahaja mengganggu aktiviti harian

penduduk, malah menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan dan keadaan harta benda.

Di Batu Gajah, khususnya di jalan utama berhampiran Sekolah Sultan Yusuf dan kawasan perumahan Taman Mewah, hujan berterusan selama tiga hingga empat jam boleh menyebabkan air bertakung sehingga paras lutut. Keadaan ini dikaitkan dengan kedudukan kawasan yang rendah serta sistem perparitan sedia ada yang tidak sepadan dengan keperluan aliran air. Selepas banjir surut, jalan menjadi berlumpur dan licin sehingga meningkatkan risiko kemalangan. Antara kejadian yang dilaporkan ialah penunggang motosikal tergelincir dan mengalami kecederaan.

Penyelenggaraan dan naik taraf sistem saliran yang belum menyeluruh

Di kawasan Menglembu, masalah banjir turut berlaku di sekitar Bulatan Menglembu, Eco Shop dan stesen Petron apabila sistem saliran serta aliran sungai tidak mampu menampung jumlah air hujan yang tinggi. Banjir di jalan utama menyebabkan kesesakan lalu lintas, risiko kerosakan kenderaan serta memaksa pengguna menggunakan laluan alternatif yang lebih jauh. Di Taman Menglembu Impiana Adril, khususnya Jalan Menglembu Impiana 14 dan 16, air boleh naik sehingga kira-kira satu kaki dan memasuki rumah penduduk serta kawasan jalan taman. Walaupun kerja pertukaran dan pembesaran longkang pernah dilaksanakan, masalah banjir masih berulang setiap kali hujan lebat.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kapasiti dan saiz sistem perparitan tidak sepadan dengan jumlah aliran air hujan. 2. Kawasan penempatan dan jalan tertentu berada di lokasi rendah. 3. Aliran sungai yang tidak lancar serta risiko limpahan sungai. 4. Penyelenggaraan dan naik taraf sistem saliran yang belum menyeluruh. 5. Pembuangan sampah secara haram yang berpotensi menyumbat atau mengganggu aliran air. 6. Infrastruktur jambatan dan tebing sungai yang memerlukan pembaikan serta pengukuhan.
Cadangan Penyelesaian	1. Melakukan pembersihan dan penyelenggaraan longkang serta sungai secara berkala,

	penguatkuasaan pembuangan sampah haram dan pemasangan papan tanda amaran di lokasi berisiko. 2. Audit kapasiti sistem perparitan di kawasan berulang banjir, pelebaran atau pendalaman longkang, penambahbaikan kawasan takungan serta pembaikan struktur jambatan dan tebing sungai. 3. Menyediakan pelan pengurusan saliran bersepadu bagi kawasan Batu Gajah, dengan kerjasama JPS, MBI, agensi teknikal dan komuniti setempat, supaya penyelesaian tidak hanya tertumpu kepada pembesaran longkang tetapi turut mengambil kira kapasiti sungai, kawasan tadahan, pembangunan baharu dan perubahan corak hujan.
Kumpulan Terjejas	Penduduk Jelapang, Kampung Baru Nalla, Desa Changkat, Menglembu dan penduduk Batu Gajah secara amnya.
Kawasan	Jelapang, Kampung Baru Nalla, Desa Changkat, Menglembu

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang Berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi	Sasaran 6.6: Melindungi dan memulihkan ekosistem berasaskan air seperti sungai, tasik, dan tanah lembap.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.6: Mengurangkan kesan negatif alam sekitar bandar, termasuk memberi tumpuan kepada kualiti udara dan pengurusan sisa.
SDG 13: Tindakan Iklim	Sasaran 13.3: Meningkatkan pendidikan, kesedaran dan kapasiti manusia terhadap mitigasi perubahan iklim, adaptasi dan amalan lestari.
SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat	Sasaran 17.14: Meningkatkan kesepaduan dasar untuk pembangunan mampan. Sasaran 17.15: Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Kerosakan Jalan Raya dan Risiko Keselamatan

Di Batu Gajah, kerosakan infrastruktur jalan raya dan aspek keselamatan pengguna merupakan antara isu yang kerap dibangkitkan oleh komuniti. Isu yang dikenal pasti meliputi keadaan permukaan jalan yang berlubang, kerja-kerja tampalan yang tidak bertahan lama, kekurangan pencahayaan, serta kemudahan keselamatan jalan raya yang masih tidak mencukupi. Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan keselesaan pengguna, malah berpotensi meningkatkan risiko kemalangan dan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk.

Keperluan penambahbaikan infrastruktur dan keselamatan jalan raya

Di kawasan Taman Rishah, penduduk melaporkan keadaan permukaan jalan yang rosak dan berlubang. Kerja pembaikan sebelum ini didapati lebih banyak melibatkan tampalan sementara yang tidak bertahan lama, menyebabkan kerosakan berulang. Keadaan ini berpotensi menyebabkan kerosakan kepada kenderaan serta meningkatkan risiko kemalangan. Penduduk turut mengaitkan keadaan jalan yang tidak baik dengan kejadian kemalangan serius yang berlaku sebelum sesi dialog. Di Jalan Simpang Jelapang, khususnya berhampiran Pasar Awam Jelapang, terdapat kebimbangan terhadap tindakan sesetengah pengguna jalan raya yang memotong atau melintas secara berbahaya di kawasan persimpangan T (T-junction). Walaupun garisan berkembar telah disediakan, pematuhan pengguna jalan raya masih menjadi isu. Selain itu, Jalan Pasar turut mempunyai beberapa kelemahan dari aspek infrastruktur keselamatan. Laluan pejalan kaki di hadapan rumah kedai didapati tidak rata dan kemasan turapan masih tidak sempurna. Kedudukan lampu isyarat yang mengelirukan, garisan jalan yang telah pudar serta ketiadaan papan tanda 'BERHENTI' turut dikenal pasti sebagai faktor yang boleh menjejaskan keselamatan pengguna. Di RPT Tambahan Jelapang, kekurangan lampu jalan menyebabkan beberapa kawasan perumahan menjadi gelap pada waktu malam. Penduduk menyatakan keadaan tersebut menimbulkan kebimbangan terhadap keselamatan komuniti, termasuk risiko kejadian pecah rumah.

Masalah jalan berlubang turut dikenal pasti di Bandar Baru Menglembu, Taman Menglembu Impiana Adril dan jalan utama Menglembu. Penduduk memaklumkan bahawa kerja-kerja tampalan telah dilakukan beberapa kali, namun kerosakan kembali berlaku selepas tempoh tertentu. Keadaan ini dipercayai berkait dengan keperluan membaiki struktur asas jalan dan bukan sekadar melakukan tampalan pada permukaan. Kerosakan jalan yang berulang boleh menyebabkan kerosakan pada tayar dan rim kenderaan serta meningkatkan risiko kemalangan, khususnya kepada penunggang motosikal. Di Jalan Lahat, isu utama yang dibangkitkan ialah kerosakan lampu jalan dan keadaan permukaan jalan. Lampu jalan dilaporkan kerap mengalami kerosakan dan tempoh pembaikan yang lama menyebabkan laluan menjadi gelap pada waktu malam. Keadaan ini meningkatkan risiko kepada pengguna jalan raya, khususnya pemandu dan

penunggang motosikal. Pada masa yang sama, beberapa bahagian Jalan Lahat turut mengalami kerosakan permukaan dan lubang yang memerlukan pembaikan lebih menyeluruh. Pendekatan tampalan yang tidak tahan lama dilihat kurang berkesan dalam menangani masalah secara berterusan. Selain itu, laluan menuju ke Taman Menglembu Bestari, berhampiran tokong Cina, dilaporkan mempunyai pencahayaan jalan yang tidak mencukupi. Keadaan yang gelap pada waktu malam menimbulkan risiko kepada pengguna jalan raya, khususnya penunggang motosikal dan pejalan kaki.

Risiko keselamatan murid

Kawasan berhampiran SJK(C) Wan Hwa 2 di Jalan Rasi Jaya 7 dikenal pasti mempunyai beberapa isu berkaitan keselamatan murid dan pengguna jalan raya. Permukaan jalan yang berlubang serta masalah takungan air hujan boleh menyebabkan keadaan jalan sukar dilihat oleh pemandu, terutama ketika hujan. Selain itu, kawasan sekolah masih kekurangan kemudahan keselamatan asas seperti papan tanda amaran "Kurangkan Laju" dan tanda kawasan sekolah. Kemudahan lintasan pejalan kaki (zebra crossing) yang lengkap juga belum disediakan walaupun kawasan tersebut digunakan oleh kira-kira 360 murid dan kakitangan sekolah. Aspek pencahayaan di sepanjang Jalan Rasi Jaya 7 juga masih kurang memuaskan pada waktu tertentu. Menurut maklum balas yang diterima, laluan tersebut merupakan jalan baharu yang dibina kira-kira empat bulan sebelum sesi dialog dan masih belum dilengkapkan sepenuhnya kerana menunggu kelulusan peruntukan bagi fasa seterusnya daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR).

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	1. Kerosakan jalan raya dan risiko keselamatan 2. Risiko keselamatan murid
Cadangan Penyelesaian	1. Menjalankan audit keselamatan jalan raya secara bersepadu di lokasi yang dikenal pasti, menentukan punca asas kerosakan sebelum kerja pembaikan dilakukan. 2. Mempercepatkan penyelenggaraan lampu jalan. 3. Melengkapkan kemudahan keselamatan seperti papan tanda, garisan jalan dan zebra crossing, khususnya di kawasan sekolah dan persimpangan berisiko tinggi.
Kumpulan Terjejas	Penduduk Taman Rishah, Jalan Simpang Jelapang dan RPT Tambahan Jelapang, Bandar Baru Menglembu,

	Taman Menglembu Impiana Adril, Jalan Lahat, Taman Rasi Jaya dan SJK(C) Wan Hwa 2
Kawasan	Parlimen Batu Gajah
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang Berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	9.1 Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	11.1 Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak. 11.3 Menjelang 2030, meningkatkan perbandaran yang menyeluruh dan mampan, serta keupayaan untuk perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang menggalakkan penyertaan, bersepadu dan mampan di semua negara.
SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat	Sasaran 17.14: Meningkatkan kesepaduan dasar untuk pembangunan mampan. Sasaran 17.15: Menghormati ruang dasar dan kepimpinan setiap negara untuk mewujudkan dan melaksanakan dasar pembasmian kemiskinan dan pembangunan mampan.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Ketiadaan dan Ketidakstabilan Jadual Perkhidmatan Pengangkutan Awam

Akses kepada pengangkutan awam merupakan salah satu cabaran yang dikenal pasti dalam kalangan penduduk di beberapa kawasan Parlimen Batu Gajah, khususnya di kawasan penempatan berpendapatan rendah dan komuniti yang mempunyai keterbatasan mobiliti. Di Desa Changkat (Indian Settlement), penduduk memaklumkan bahawa perkhidmatan bas awam yang pernah beroperasi pada sekitar tahun 1970an dan 1980an telah dihentikan. Pada masa kini, perkhidmatan bas lebih tertumpu kepada jalan-jalan utama di sekitar pekan Batu Gajah dan tidak memasuki kawasan penempatan penduduk. Keadaan ini menyebabkan penduduk yang tidak mempunyai kenderaan sendiri bergantung kepada perkhidmatan e-hailing yang dianggap mahal. Bagi sebahagian warga emas, keterbatasan ini turut menjejaskan akses kepada kemudahan kesihatan sehingga terdapat penduduk yang terpaksa berjalan kaki ke hospital bagi mendapatkan rawatan.

Di Taman Bemban Permai dan kawasan sekitar Bemban, perkhidmatan bas awam masih disediakan, namun penduduk berhadapan dengan masalah ketidakstabilan jadual dan kekurangan maklumat mengenai waktu ketibaan bas. Walaupun terdapat hentian bas berhampiran kediaman, masa menunggu boleh menjadi terlalu lama. Sebagai contoh, seorang penduduk dilaporkan terpaksa menunggu dari jam 1.00 petang hingga 4.00 petang untuk mendapatkan perkhidmatan bas walaupun jarak kediamannya dengan hentian bas hanya sekitar 50 meter. Keadaan ini menyukarkan penduduk merancang perjalanan, khususnya bagi mereka yang perlu mendapatkan rawatan susulan di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh. Laluan Batu Gajah–Gopeng dan Batu Gajah–Ipoh adalah penting kerana menghubungkan penduduk dengan pusat pekerjaan, perkhidmatan kesihatan dan kemudahan bandar.

Daripada aspek infrastruktur, Batu Gajah juga tidak mempunyai sebuah stesen bas utama yang berfungsi sebagai hab pengangkutan awam. Kemudahan sedia ada lebih tertumpu kepada beberapa zon transit dan perhentian bas di lokasi tertentu, termasuk Medan Arkib, Jalan Doping dan kawasan DF Batu Gajah. Keadaan ini menunjukkan bahawa isu pengangkutan awam bukan sahaja berkaitan dengan kekerapan bas, tetapi turut melibatkan liputan laluan, kebolehpercayaan jadual, penyediaan infrastruktur dan keterhubungan antara kawasan penempatan dengan kemudahan utama. Isu ini paling memberi kesan kepada warga emas, golongan B40, keluarga berpendapatan rendah serta penduduk yang tidak memiliki kenderaan persendirian. Keterbatasan pengangkutan boleh meningkatkan kos perjalanan, mengehadkan peluang pekerjaan dan menyukarkan urusan harian seperti mendapatkan barangan keperluan, mengakses perkhidmatan kerajaan serta menghadiri temu janji kesihatan. Dalam jangka panjang, keadaan ini berpotensi mewujudkan bentuk Ketidaksamarataan akses antara penduduk

yang mempunyai kenderaan sendiri dengan mereka yang bergantung sepenuhnya kepada pengangkutan awam.

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	Ketiadaan dan ketidakstabilan perkhidmatan pengangkutan awam
Cadangan	1. Menyediakan perkhidmatan pengangkutan perantara seperti minibus atau van komuniti yang memasuki kawasan penempatan dan beroperasi beberapa kali sehari mengikut jadual tetap. 2. Mengkaji semula laluan bas sedia ada supaya kawasan penempatan yang tidak diliputi perkhidmatan dapat dihubungkan dengan pekan Batu Gajah dan kemudahan utama. 3. Menambah baik ketepatan dan kekerapan perkhidmatan bas, khususnya pada waktu yang diperlukan oleh penduduk untuk bekerja dan mendapatkan rawatan. 4. Menilai keperluan sebuah hab atau terminal pengangkutan awam di Batu Gajah bagi meningkatkan keterhubungan antara perkhidmatan bas tempatan dan laluan ke Ipoh, Gopeng serta kawasan sekitar. 5. Memberi perhatian khusus kepada akses pengangkutan bagi warga emas dan golongan berpendapatan rendah, terutama bagi perjalanan ke hospital dan kemudahan kesihatan.
Kumpulan Terjejas	Penduduk Kampung Baru Desa Changkat, Bemban
Kawasan	Parlimen Batu Gajah
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang Berkaitan	**Sasaran SDG Berkaitan**
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.2 Menjelang 2030, menyediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, berpatutan, boleh dicapai dan mampan kepada semua,

	meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan memperluas kemudahan pengangkutan awam, dengan tumpuan khusus pada keperluan golongan berisiko, wanita, kanak-kanak, orang kurang upaya dan warga emas.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamarataan	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan keterangkuman sosial, ekonomi dan politik semua, tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Terdapat tiga projek utama telah dikenalpasti bagi Parlimen Batu Gajah bagi menyelesaikan beberapa isu yang berbangkit.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4
Tajuk Projek	*Easy Sway Menglembu*	Projek Jaya Diri Bola Sepak Perkasa Bemban	Pelancongan Bersejarah Papan	Program Polis Komuniti & Pencegahan Jenayah Taman Rasi Jaya
SDG Berkaitan	SDG 3, 5, 8	SDG 3, 4, 8	SDG 4, 8, 11	SDG 11, 16, 17
Objektif	Peserta akan mengikuti sesi senaman secara berkala, kelas tarian, bengkel asas solekan, latihan persembahan komuniti serta sesi Train-the-Trainer (Latihan Jurulatih). Program ini bertujuan meningkatkan kesejahteraan fizikal dan mental peserta, di samping membekalkan peserta terpilih dengan kemahiran solekan yang boleh menjana peluang pekerjaan serta meningkatkan keupayaan kepimpinan.	Bagi menangani kekurangan peluang pembangunan bola sepak yang tersusun untuk kanak-kanak dan golongan belia di Batu Gajah, walaupun terdapat minat dan potensi yang tinggi dalam sukan ini. Inisiatif ini bertujuan menyediakan laluan pembangunan yang sistematik bagi mengenal pasti, membimbing dan mengembangkan bakat muda dalam bola sepak, di samping memupuk	Bagi menangani kemerosotan populasi penduduk tempatan, aset warisan yang kurang dimanfaatkan, kemerosotan bangunan bersejarah serta perbelanjaan pelancongan yang masih terhad di Papan. Walaupun Papan mempunyai sejarah perlombongan dan warisan budaya yang kaya, potensi pelancongannya masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Projek ini bertujuan untuk	Projek ini dicadangkan sebagai respons terhadap peningkatan kebimbangan berkaitan aspek keselamatan di Taman Rasi Jaya, termasuk kes kecurian, pecah rumah dan aktiviti mencurigakan yang menimbulkan keresahan dalam kalangan penduduk. Keterbatasan penyelarasan komuniti serta inisiatif pencegahan keselamatan yang dilaksanakan secara berterusan menunjukkan keperluan untuk pendekatan yang lebih tersusun dalam usaha mencegah jenayah.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4
		disiplin, semangat kerja berpasukan serta nilai-nilai sosial yang positif.	menghidupkan semula ekonomi tempatan melalui pembangunan pelancongan warisan berasaskan komuniti, di samping memelihara identiti sejarah dan budaya pekan Papan.	Projek ini bertujuan memperkukuh keselamatan komuniti dengan meningkatkan kesedaran dan tahap kesiapsiagaan penduduk, di samping memperkukuh kerjasama antara komuniti dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui pelaksanaan inisiatif pencegahan jenayah yang diterajui oleh komuniti.
Hasil Jangkaan	• Meningkatkan kesejahteraan fizikal dan mental melalui aktiviti senaman dan tarian secara berkala, sekali gus menggalakkan gaya hidup yang lebih sihat dan aktif. • Membekalkan kemahiran solekan kepada peserta bagi membuka peluang	● Membangunkan bakat muda dalam sukan bola sepak melalui bimbingan berstruktur, latihan teknikal dan pendedahan kepada pertandingan. ● Menggalakkan gaya hidup sihat, disiplin, semangat berpasukan serta nilai-nilai sosial yang positif dalam	● Projek ini akan melaksanakan beberapa inisiatif berteraskan komuniti, termasuk pembangunan *Papan Heritage Trail*, penubuhan dua buah galeri, menaik taraf *Papan Book House* sebagai sebuah kafe, serta pengoperasian *Papan Craft Workshop*.	● Projek ini akan menubuhkan Pasukan Keselamatan Komuniti serta melaksanakan aktiviti berstruktur yang merangkumi rondaan komuniti, bengkel pertahanan diri, aktiviti kesedaran pencegahan jenayah, sokongan psikososial kepada keluarga, dialog keselamatan komuniti

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4
	menjana pendapatan tambahan serta meningkatkan daya tahan ekonomi. • Memperkukuh kelestarian organisasi melalui pembangunan tiga orang jurulatih tempatan dan penjanaan sumber pendapatan secara kendiri.	kalangan kanak-kanak dan golongan belia. • Memperkukuh kerjasama antara kelab bola sepak, ibu bapa, NGO dan komuniti setempat bagi memastikan pembangunan sukan belia dapat dilaksanakan secara berterusan dan mampan.	Inisiatif ini turut disokong melalui latihan pemandu pelancong tempatan kepada komuniti, pendokumentasian dan pameran warisan, serta aktiviti promosi pelancongan yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh tiga bulan pelaksanaan projek.	bersama PDRM, aktiviti kesedaran berkaitan jenayah dan penyalahgunaan dadah, serta program gotong-royong komuniti. Projek ini memberi penekanan kepada penglibatan aktif masyarakat secara praktikal, di samping meningkatkan pendidikan keselamatan dan kerjasama dengan pihak berkuasa serta agensi berkaitan. • Peralatan yang dibeli melalui projek ini akan didaftarkan sebagai aset KRT dan digunakan semula untuk pelaksanaan program keselamatan komuniti pada masa hadapan, termasuk latihan

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4
				sukarelawan, aktiviti kesedaran serta program pencegahan jenayah. Pendekatan ini diharapkan dapat memastikan manfaat projek terus dirasai oleh komuniti walaupun selepas tempoh pelaksanaan projek selesai.
Organisasi	Kelab Rekreasi Senaman dan Tarian Menglembu	Kelab Bola Sepak Perkasa Bemban	KRT Papan, Daerah Kinta	KRT Taman Rasi Jaya Daerah Kinta, Perak
Aktiviti	18 jenis aktiviti	10 jenis aktiviti	Projek ini akan melaksanakan beberapa inisiatif berasaskan komuniti, termasuk pembangunan Laluan Warisan Papan (Papan Heritage Trail), penubuhan dua buah galeri, menaik taraf Papan Book House sebagai sebuah kafe, serta pengoperasian Bengkel Kraf Papan. Inisiatif-	Selepas fasa pelaksanaan aktif projek berakhir, Pasukan Keselamatan Komuniti dijangka meneruskan rondaan secara sukarela dan berkala. Saluran komunikasi keselamatan komuniti juga akan dikekalkan bagi tujuan perkongsian maklumat dan penyampaian amaran awal berkaitan isu keselamatan. Pada masa yang sama, KRT

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3	PROJEK 4
			inisiatif ini akan disokong melalui latihan pemandu pelancong dalam kalangan komuniti setempat, pendokumentasian dan pameran warisan, serta aktiviti promosi pelancongan yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh tiga bulan pelaksanaan projek.	akan meneruskan kerjasama dengan PDRM, agensi berkaitan dan penduduk setempat dalam usaha memastikan keselamatan komuniti dapat diperkukuh secara berterusan.
Jumlah (RM)	RM30,000	RM20,000	RM40,000	RM30,000
Lokasi	Dewan Kelab Rekreasi Senaman Dan Tarian Menglembu, Perak	Padang Majlis Daerah Batu Gajah	Papan Heritage Village, Papan Book House, Craft Workshop, Galeri Timah	Menglembu Cultural Hub (Hab Kebudayaan Menglembu)
Tempoh	4 bulan	3 bulan	3 bulan	3 bulan

6.0 RUJUKAN

Department of Statistics Malaysia. P.066 Batu Gajah, Perak: Statistik Subnasional Parlimen dan DUN. Putrajaya: Department of Statistics Malaysia, 2022. https://www.dosm.gov.my/uploads/publications/20221019154937.pdf

Department of Statistics Malaysia. "P.066 Batu Gajah Kawasanku." OpenDOSM. 2020. Accessed September 15, 2026. https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Perak/parlimen/P.066%20Batu%20Gajah

Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah. "Geografi Daerah." Portal Rasmi Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, Batu Gajah. Diakses 15 September 2026. https://ptg.perak.gov.my/portal/ms/web/batu-gajah/geografi-daerah

Majlis Daerah Batu Gajah. "Sejarah Batu Gajah." Portal Rasmi Majlis Daerah Batu Gajah. Diakses 15 September 2026. https://mdbg.gov.my/index.php/en/pelancongan/mural/sejarah-batu-gajah

Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak. My Local Stats Perak 2021: Daerah Kinta. Ipoh: Kerajaan Negeri Perak, 2021. My Local Stats Perak 2021: Daerah Kinta

Pusat Khidmat Parlimen Batu Gajah. Data dan Maklumat Pemetaan Isu Parlimen Batu Gajah. Batu Gajah: Pusat Khidmat Parlimen Batu Gajah, 2026.

Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1-6) meneruskan usaha APPGM-SDG mendokumentasikan realiti, keperluan dan aspirasi masyarakat akar umbi melalui kajian lapangan yang tersusun. Pada tahun 2026, gerak kerja ini melibatkan 16 kawasan parlimen baru di seluruh Malaysia yang merangkumi Zon Utara, Zon Tengah, Zon Pantai Timur, Zon Selatan, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak.

Nilai utama kompilasi yang terdiri daripada 6 jilid ini terletak pada pendekatan berasaskan bukti dan penglibatan langsung bersama komuniti. Suara penduduk, pemimpin tempatan, agensi kerajaan, organisasi masyarakat dan pihak berkepentingan dihimpunkan untuk mengenal pasti keutamaan setempat, memahami punca dan kesan sesuatu isu, serta menyokong pembentukan cadangan intervensi yang lebih bersasar.

Kompilasi yang sedia ada merangkumi laporan-laporan kajian pemetaan isu yang menyusun dapatan kajian mengikut latar kawasan, metodologi, isu rentas Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), maklum balas daripada pihak berkepentingan serta pengenalpastian awal cadangan penyelesaian. Bahan visual dan catatan hasil libat urus turut digunakan untuk memberikan konteks yang lebih jelas serta mengekalkan suara komuniti dalam keseluruhan analisis.

Terbitan *Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2026 (Jilid 1-6)* ini diharapkan menjadi rujukan praktikal kepada pembuat dasar, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan, pertubuhan masyarakat sivil, institusi akademik dan pemimpin komuniti. Dengan berlandaskan realiti lapangan, hasil dapatan yang terdapat dalam *Kompilasi* ini dapat menyokong tindakan yang lebih responsif, terukur dan berimpak kepada masyarakat di parlimen-parlimen di seluruh Malaysia.

Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

A-1-10, Blok A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, Seksyen 8,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

secretariat@appgm-sdg.com

https://www.facebook.com/APPGMSDGMY

ISBN 978-629-7752-52-5

9 786297 752525